



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN  
MALAYSIA 2013-2025

# LAPORAN TAHUNAN 2017





KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

# Laporan Tahunan 2017

PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA 2013-2025



© Kementerian Pendidikan Malaysia 2018

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025

Laporan Tahunan 2017

Julai 2018

ISSN : 0128-0295

Diterbitkan oleh:

Kementerian Pendidikan Malaysia

Blok E8, Parcel E, Presint 1

Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604, Putrajaya, Malaysia

[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

# Memacu Peningkatan **Sistem**

**Gelombang 2  
(2017)**





# Kandungan

## PRAKATA

Menteri Pendidikan  
Malaysia

vi

Ketua Setiausaha

x

Ketua Pengarah Pelajaran  
Malaysia

xiv

## SEPINTAS LALU PENCAPAIAN 2017

BAB 1

## AKSES

**Meningkatkan Akses  
kepada Pendidikan  
Berkualiti dari Pendidikan  
Prasekolah hingga  
Menengah**

1-2

Meningkatkan Akses  
kepada Pendidikan  
Prasekolah Berkualiti

1-3

Memastikan Penyertaan  
dalam Pendidikan Rendah  
dan Menengah

1-16

Transformasi Pendidikan  
Vokasional

1-19

Menguatkan Pelbagai  
Laluan Pendidikan

1-27

Menyediakan Pendidikan  
bagi Kumpulan Khusus

1-43

Pendidikan Lepas  
Menengah

1-54

Rumusan

1-70

BAB 2

## KUALITI

**Mempertingkatkan  
Kualiti dalam  
Pendidikan**

Pengintegrasian  
Kemahiran Berfikir  
Aras Tinggi dalam  
Pembelajaran Abad ke-  
21

Penguatan  
Pelaksanaan Pendidikan  
Sains, Teknologi,  
Kejuruteraan dan  
Matematik (STEM)

Memperkukuh  
Kecekapan Dwibahasa  
dalam Kalangan Murid

Memartabatkan  
Bahasa Malaysia dan  
Memperkukuh Bahasa  
Inggeris

Memperkukuhkan Kualiti  
Guru

Memperkasakan Kualiti  
Pemimpin Sekolah

Meningkatkan Pelibatan  
Ibu Bapa dan Komuniti  
untuk Mewujudkan  
Ekosistem Pembelajaran

Memperluas Pelibatan  
Sektor Swasta sebagai  
Rakan Strategik dalam  
Pendidikan

Rumusan

BAB 3

## EKUITI

2-2 Memastikan Ekuiti  
dalam Pendidikan

3-2

Program Transformasi  
Daerah

3-3

2-4 Transformasi  
Pendidikan Orang Asli  
dan Pribumi

3-22

2-15 Program Pendidikan  
Inklusif Untuk Murid  
Berkeperluan Khas

3-35

Rumusan

3-50

BAB 4

## PERPADUAN

Memperkukuh  
Perpaduan melalui  
Pendidikan

4-2

Program Rintis Modul  
Penerapan Perpaduan  
untuk Pengetua dan  
Guru Besar

4-3

Program NBOS  
Perpaduan Dalam  
Pendidikan

4-5

Kem Perpaduan

4-11

2-82 Pembangunan Insaniah  
melalui Kokurikulum

4-17

2-90 Rumusan

4-28



**BAB 5****KECEKAPAN**

Meningkatkan Kecekapan Penyampaian Pendidikan

Mengoptimumkan Perbelanjaan untuk Memaksimumkan Keberhasilan Murid

Meningkatkan Kemahiran dan Keupayaan Kepimpinan dalam Kementerian

Menambah Baik Infrastruktur dan Penyelenggaraan Sekolah

Mengukuhkan Pangkalan Data Pendidikan bagi Menyokong Proses Membuat Keputusan

Meningkatkan Penggunaan Pembelajaran Secara Maya untuk Mengoptimumkan Keupayaan Pembelajaran

Mengukuhkan Ekosistem Teknologi Maklumat Dan Komunikasi

Meningkatkan Kecekapan Operasi Sekolah Berenrolmen Rendah

Membangunkan Prinsip Pembiayaan Saksama bagi Peruntukan Sokongan kepada Sekolah

Rumusan

5-2

5-3

5-6

5-9

5-13

5-15

5-21

5-28

5-34

5-38

**BAB 6****PADU**

Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan

Merancang, Memantau dan Menyemak Semula Pelaksanaan Inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

Memberi Sokongan melalui Pelaksanaan Program dan Aktiviti

Menginspirasi Perubahan Pendidikan

Menyokong Pihak Berkepentingan melalui Pelbagai Platform

Perkhidmatan Profesional

Memantapkan Proses Pengurusan Program Sedia Ada

Melangkah ke Hadapan

**RINGKASAN PENCAPAIAN**

Akses kepada Pendidikan

Kualiti dalam Pendidikan

Ekuiti dalam Pendidikan

Perpaduan melalui Pendidikan

Kecekapan dalam Pendidikan

6-2

6-3

6-5

6-6

6-8

6-10

6-11

6-14

7-2

7-3

7-5

7-7

7-9

7-10

**MELANGKAH KE HADAPAN**

8-2

Melangkah ke Hadapan

8-3

Akses

8-3

Kualiti

8-5

Ekuiti

8-9

Perpaduan

8-12

Kecekapan

8-13

Rumusan

8-14

**GLOSARI**

G-1



# PRAKATA: Menteri Pendidikan Malaysia

YB DR MASZLEE BIN MALIK

*Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh*  
dan Salam Sejahtera.

Perubahan tidak dapat dielakkan jika kita inginkan kemajuan. Takut kepada perubahan adalah sama maknanya dengan takut untuk bergerak ke hadapan dan membangun. Saya berharap apabila usia kita menginjak tua, kita menjadi semakin bijaksana. Sebagai insan yang dikurniakan dengan akal fikiran oleh Yang Maha Esa, kita perlu sentiasa muhasabah diri, belajar daripada kesilapan dan melakarkan hala tuju kehidupan kita seterusnya. Kita harus sedar bahawa apa yang kita lakukan dalam kehidupan ini akan memberi kesan terhadap pihak lain dalam cara yang mungkin kita sendiri tidak difahami. Oleh itu, kita perlu yakin dan tenang dengan segala tindakan yang kita lakukan. Sebagai sebahagian daripada perubahan yang berlaku dalam negara baru-baru ini, saya di sini untuk meraikan perubahan,

menggalakkan perubahan dan menerajui perubahan.

Leo Tolstoy telah menyatakan dengan tepat bahawa, "*Kehidupan sejati dihayati apabila perubahan-perubahan kecil berlaku*". Sebagai rakyat Malaysia, kita sedar bahawa pendidikan merupakan pemacu utama kepada pembangunan ekonomi dan tidak dapat disangkal bahawa ia memberikan kesan langsung dalam kualiti kehidupan individu.

Oleh itu, menjadi aspirasi setiap rakyat bahawa inisiatif pendidikan yang dilancarkan oleh Kerajaan Malaysia adalah konsisten, dilaksanakan dengan baik, dan mencapai hasil yang dijanjikan. Hal ini dibuktikan dengan jelas melalui maklum balas, komen dan cadangan yang saya terima daripada rakyat Malaysia pelbagai lapisan masyarakat sebaik sahaja saya diumumkan sebagai Menteri Pendidikan.



Dalam pentadbiran baharu ini, memastikan bahawa rakyat Malaysia daripada semua lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada agenda transformasi adalah penting kerana memberikan perkhidmatan terbaik menjadi teras kepada perkhidmatan kami. Saya berharap bahawa agenda transformasi dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 membawa makna yang besar kepada semua rakyat Malaysia. Tanpa mengira, jantina, etnik, atau status sosioekonomi, kita perlu bekerja bersama-sama untuk mencapai visi yang sama, iaitu setiap seorang daripada anak-anak kita memiliki enam kemahiran yang dihasratkan dalam Aspirasi Murid, iaitu Pengetahuan, Kemahiran Berfikir, Kemahiran Memimpin, Kemahiran Dwibahasa, Etika dan Kerohanian, dan Identiti Nasional yang utuh sebagai rakyat Malaysia. Apa yang lebih meyakinkan saya ialah kita sedang berusaha untuk memastikan tiada seorang pun daripada anak-anak kita ketinggalan, dan kita juga memberikan tumpuan kepada kumpulan khusus dalam masyarakat seperti murid Orang Asli dan Pribumi, murid berisiko dan murid berkeperluan khas. Kumpulan murid yang terakhir ini sangat dekat di hati saya, dan saya berbangga untuk menyatakan bahawa Kementerian telah berjaya mencapai sasarannya untuk memastikan lebih 30 peratus murid berkeperluan khas berada dalam Program Pendidikan Inklusif pada tahun 2017. Saya memberi jaminan bahawa kami di Kementerian akan berusaha keras untuk memastikan kesaksamaan sebenar dalam pendidikan dapat dicapai dalam tempoh kehidupan kita ini, *in shaa Allah*.

*“..... Kemudian apabila kamu telah membulatkan tekad, maka bertawakkallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertawakkal kepada-Nya”* (Surah Ali 'Imran: Ayat 159). Oleh yang demikian, saya dapat melihat bahawa PPPM adalah selari dengan Matlamat 4 Pembangunan Lestari yang dirangka oleh pihak UNESCO, iaitu memastikan pendidikan berkualiti yang saksama dan inklusif serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua. Untuk memastikan kita dapat mencapai matlamat yang ditetapkan, kita perlu bersikap berani dan jujur, kerana wujud keadaan dan realiti baharu yang memerlukan kita mencabar cara kita melakukan tugas sedia ada. Antara tuntutan Revolusi Industri 4.0 dalam pendidikan STEM dan TVET, hingga kepada permintaan sejagat oleh pihak awam terhadap kecekapan dan ketelusan, dan suara-suara daripada guru dan murid berkaitan potensi terjadinya keletihan dalam menghadapi perubahan, kita perlu mempertimbangkan keperluan untuk melakukan pengubahsuaian dalam cara kita melakukan tugas ataupun melakukan tindakan pembetulan kepada sebilangan inisiatif. Apatah lagi PPPM ini merupakan sebuah dokumen yang ‘hidup’ dan menjunjung usaha sebarang untuk yang mencetus transformasi. Kerajaan telah melakukan pelaburan yang besar dalam bidang pendidikan berbanding bidang lain dengan membelanjakan lebih daripada RM42.9 bilion pada tahun 2017, iaitu satu per lima daripada ekonomi negara. Pelaburan sebesar ini tidak boleh dipandang ringan

dan kita mempunyai tanggungjawab terhadap pihak awam untuk menunaikan janji yang telah dibuat pada tahun 2013 pada permulaan pelaksanaan PPPM.

Laporan Tahunan ini ialah satu daripada cara Kementerian menunjukkan ketelusannya. Sasaran yang tidak dapat dicapai ditunjukkan dengan jelas. Sebagai contoh, kadar lulus bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris SPM 2017 telah menurun sebanyak 0.3%, daripada 79.4% pada tahun 2016 kepada 79.1% pada tahun 2017, walaupun terdapat peningkatan sebanyak 0.6% bagi murid yang mendapat gred A dalam mata pelajaran tersebut bagi tahun yang sama, manakala enrolmen prasekolah bagi kanak-kanak berumur 4+ tahun menurun daripada 79.3% kepada 77.8%. Kita percaya bahawa memaklumkan kepada umum apa yang dapat dicapai dan juga kelemahan pencapaian menunjukkan kita memerlukan tindakan segera dan akauntabiliti untuk melakukan perubahan sebelum ia terlambat.


Sebagai seorang Menteri Pendidikan yang baharu dilantik, tugas saya bak mendaki gunung yang tinggi, bak berenang merentasi lautan yang bergelora. Sebarang proses transformasi memerlukan kepimpinan yang komited, dan kita sedang berada dalam suatu proses transformasi berimpak tinggi, iaitu transformasi sistem pendidikan negara. Saya bertekad untuk memberikan komitmen kepimpinan yang terbaik sepanjang tempoh

perkhidmatan saya di Kementerian ini. Pasukan dalam Kementerian dan Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU) sangat berdedikasi dalam memastikan kita berada di landasan yang betul dan dapat mencapai apa yang perlu dicapai.

*Alhamdulillah*, tugas ini bukan merupakan tugas yang digalas oleh Kementerian sahaja. Pendidikan memberi kesan kepada seluruh negara dan merupakan asas kepada pelbagai kisah kejayaan. Pencarian dan penataran ilmu bukan suatu bidang yang eksklusif. Kita semua adalah pendidik. Sebagai pihak berkepentingan dalam pendidikan, anda boleh membantu melakukan perubahan. Bantulah kami menghayati perubahan dan proses transformasi. Kita perlu bersatu padu sebagai satu komuniti kebangsaan merangkumi penggubal dasar, guru, ibu bapa, murid, institusi dan entiti perniagaan, serta bersama-sama menerajui perubahan demi untuk memastikan perubahan positif dalam kehidupan anak-anak kita.

**YB DR MASZLEE BIN MALIK**  
**MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**







# PRAKATA: Ketua Setiausaha

DATO' DR MOHD GAZALI BIN ABAS

*Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Illahi kerana memberi ruang kepada kita untuk memaklumkan pencapaian hasil daripada kerjasama dan iltizam seluruh warga Kementerian Pendidikan Malaysia terutama dalam melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan akan terus dihebatkan pada tahun mendatang. Saya diberi amanah untuk mentadbir Kementerian ini pada Jun 2018, terutamanya bagi penggabungan dua kementerian, iaitu Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk memberi manfaat maksimum kepada warga pendidikan, para pelajar dan negara. Pencapaian yang signifikan mesti diperolehi dan ditunjukkan bagi mendapatkan kepercayaan daripada kumpulan yang menerima perkhidmatan daripada Kementerian. Laporan Tahunan ini merupakan sebahagian daripada

aspek ketelusan pihak Kementerian dalam melaporkan pencapaian, status, dan juga cabaran yang perlu ditangani dalam melayari kembara transformasi pendidikan ini.

Kementerian memberi komitmen untuk meneruskan usaha giat dalam memastikan setiap perancangan dan aspirasi yang digariskan dalam PPPM dapat dicapai dengan mengambil kira aspirasi kerajaan baharu. Kini, PPPM telah memasuki tahun kelima serta berada dalam Gelombang 2 (2016-2020) pelaksanaannya. Pelbagai program telah direncanakan dan dilaksanakan untuk memastikan Aspirasi Sistem dan Aspirasi Murid dapat dicapai menjelang tahun 2025.

Biarpun pada tahun 2017 negara masih diuji dengan ketidakpastian pasaran global dan ekonomi yang turut memberi kesan langsung kepada belanjawan negara dan peruntukan yang diagihkan kepada Kementerian, namun disebabkan tanggungjawab, amanah serta

dedikasi tinggi warga Kementerian terhadap agenda pendidikan negara, maka setiap kekangan yang berlaku diatasi dengan penuh tekad. Tahun 2017 juga memperlihatkan usaha giat Kementerian melaksanakan penambahbaikan berdasarkan keperluan dalam memastikan PPPM dilaksanakan dengan cekap dan berkesan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Walaupun kadar peruntukan yang diberikan telah menurun, Kementerian masih dapat melaksanakan perancangan pendidikan melalui perbelanjaan berhemah dan pelaksanaan program secara berfokus. Pelaksanaan dilakukan dengan menjarak semula dan mengagihkan peruntukan mengikut susunan keutamaan dan program yang menyokong keberhasilan murid. Hasilnya, peruntukan yang diperolehi berjaya dioptimumkan tanpa menjejaskan objektif yang telah ditetapkan.

Selain menekankan keberhasilan murid, Kementerian juga menekankan aspek peningkatan keupayaan pegawai pendidikan. Penambahbaikan terhadap program pembangunan profesional diteruskan sama ada dalam skala kecil mahupun besar, daripada peringkat pusat sehingga ke peringkat sekolah bagi memastikan setiap pegawai pendidikan kekal relevan dengan pengetahuan, kemahiran dan teknologi yang terkini. Latihan kepada barisan kepimpinan utama dalam Kementerian juga telah dan sedang dijalankan secara bersiri agar setiap pemimpin meningkatkan kompetensi kepimpinan dan fungsi mereka dalam menerajui tampuk pengurusan dan pentadbiran dengan lebih dinamik dan efisien.

Kementerian turut menaik taraf dan membangunkan infrastruktur pendidikan berdasarkan kemampuan peruntukan pembangunan sedia ada. Usaha yang terjalin di bawah program-program Kerajaan sebelum ini terus dimanfaatkan pada tahun 2017, terutamanya, untuk pembangunan sekolah di luar bandar. Usaha ini dilakukan agar murid dapat menjalani sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lancar dalam suasana yang selesa.

Pemantapan pangkalan data pendidikan diteruskan dengan menyeragamkan struktur data yang pelbagai supaya proses analisis dan pelaporan menjadi mudah serta efisien. Langkah ini juga seiring dengan teknologi terkini yang menumpukan kepada kaedah analisis serta visualisasi data yang lebih komprehensif. Penambahbaikan ini akan membantu Kementerian untuk membuat keputusan mengenai hal-hal pendidikan dengan lebih tepat, cekap serta bermaklumat.

Kementerian kekal komited untuk merealisasikan hasrat yang terkandung di dalam PPPM. Dengan harapan dan nafas baharu, Kementerian akan mempertingkatkan rentak kerja untuk merealisasikan aspirasi yang terkandung dalam PPPM supaya kualiti penyampaian perkhidmatan pendidikan terus dipertingkatkan.

**DATO' DR MOHD GAZALI BIN ABAS**  
**KETUA SETIAUSAHA**  
**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**









# PRAKATA: Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

DATUK DR AMIN BIN SENIN

Pendidikan tekal menjadi satu daripada pelaburan yang sangat berfaedah yang dapat kita lakukan sebagai sebuah negara. Pihak UNICEF menganggarkan bahawa untuk setiap tahun yang dimanfaatkan dengan pendidikan, seseorang dapat meningkatkan pendapatan sebanyak 10% sepanjang kehidupannya, dan meningkatkan pendapatan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 18%. Kementerian Pendidikan Malaysia beriltizam untuk memastikan pelaburan seumpama ini dapat dilakukan dengan cara yang paling bijak dan cekap.

Pelaburan yang bijak dan cekap dalam pendidikan dicerminkan melalui cara Kementerian melaksanakan perubahan dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, terutamanya pada tahun 2017. Kita telah

belajar daripada pengalaman lalu dalam menguruskan transformasi sistem pendidikan. Inilah teras kepada apa yang ingin dicapai dalam Gelombang 2 pelaksanaan PPPM – Memacu Peningkatan Sistem. Amalan seperti meletakkan keutamaan, merintis program, dan menjalankan intervensi secara bersasaran telah menjadi amalan biasa dalam kita melaksanakan inisiatif-inisiatif di bawah PPPM, daripada inisiatif pengukuhan pendidikan STEM sehinggalah inisiatif mengoptimumkan perbelanjaan berdasarkan keberhasilan program.

Pihak Kementerian amat gembira dengan kesungguhan inisiatif untuk mengintegrasikan amalan terbaik dalam setiap tugas bagi menghasilkan lebih pencapaian dengan sumber yang terhad. Hal ini dapat dicapai dengan sentiasa menyenaraikan keutamaan



tugas dan sasaran kepada bidang tertentu atau pihak berkepentingan, berbanding pendekatan umum dalam transformasi terdahulu. Sebagai contoh, kita telah beranjak daripada amalan memberikan panduan secara umum kepada sekolah mengenai kaedah meningkatkan enrolmen kepada pendekatan melaksanakan projek rintis untuk mengenal pasti murid yang berisiko untuk cicir daripada sistem persekolahan bagi membolehkan sekolah mengoptimumkan bantuan dan intervensi kepada perkara yang amat penting. Kita juga telah beranjak daripada hanya memastikan wujudnya kompetensi umum dalam kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan murid kepada penilaian bersasaran untuk menentukan bidang khusus yang masih lagi belum dikuasai oleh murid dalam usaha menerapkan KBAT untuk menentukan keutamaan. Keadaan ini akhirnya membolehkan kita memastikan bahawa tiada anak-anak yang akan ketinggalan, dan murid yang paling memerlukan diberikan keutamaan dalam menerima bantuan. Hal ini adalah kunci untuk mencapai ekuiti dalam pendidikan yang merupakan salah satu daripada lima Aspirasi Sistem yang termaktub dalam PPPM, selain daripada akses, kualiti, perpaduan dan kecekapan.

Melangkah ke hadapan, menjadi satu kemestian bagi kita sebagai warga Kementerian Pendidikan untuk terus memperhalus cara kita mengurus dan melaksanakan transformasi pendidikan yang sedang kita usahakan. Kita telah menentukan satu pelan untuk maju ke hadapan yang merangkumi cara kita berfikir melalui

pendekatan sistemik, cara kita menghubungkan kait sesuatu perkara, cara kita melihat sesuatu hal dari sudut pandangan pihak berkepentingan apabila merancang pelbagai inisiatif, dan juga cara kita berkomunikasi secara ringkas namun menyeluruh.

Kesimpulannya, tahun 2017 merupakan tahun untuk kita melakukan refleksi diri sejauh mana kita merasa komited dan teruja untuk sentiasa memperbaiki proses kerja, semuanya untuk melaksanakan penyampaian perkhidmatan dalam cara yang berbeza demi mencapai visi yang telah ditetapkan dalam PPPM. Kementerian Pendidikan telah mengorak langkah yang jauh untuk menerajui perubahan seperti yang termaktub dalam PPPM, dan saya amat berbangga untuk terlibat dalam usaha melakar semula sistem pendidikan di Malaysia. Terima kasih saya ucapkan kepada seluruh warga pendidikan yang telah bersama-sama Kementerian menjayakan pelaksanaan inisiatif PPPM pada tahun 2017 untuk kecemerlangan pendidikan anak-anak Malaysia.

**DATUK DR AMIN BIN SENIN**  
**KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA**











KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

PELAN  
PEMBANGUNAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA  
2013-2025

# SEPINTAS LALU PENCAPAIAN 2017




# SEPINTAS LALU PENCAPAIAN

2017

MENINGKATKAN AKSES DALAM PENDIDIKAN



## ENROLMEN SEMUA PERINGKAT PENDIDIKAN



## PRASEKOLAH

### Enrolmen Prasekolah Kebangsaan

	Bilangan Murid	Peratus Enrolmen
2016	865,464	85.4%
<b>2017</b>	<b>884,983</b>	<b>84.3%</b>

### Bilangan Kelas Prasekolah Awam dan Swasta

	Awam	Swasta	Jumlah
2016	22,162	27,689	49,851
<b>2017</b>	<b>22,315</b>	<b>28,231</b>	<b>50,546</b>

### Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan

	Bilangan Sekolah Dinilai	Peratus Capai Standard Minimum
2016	23,171	97.3%
<b>2017</b>	<b>23,285</b>	<b>98.9%</b>



## TRANSFORMASI PENDIDIKAN VOKASIONAL

### Pendidikan Asas Vokasional (PAV)

2012

**15**

Sekolah

**2017**

**85**

Sekolah

### Program Vokasional Bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK)

**25**


Kursus SKM Ditawarkan

**4**

Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional

**1**

Kolej Vokasional Keningau



### Kebolehpasaran Graduan Diploma Vokasional

**2017**

**12,803** orang graduan



**85.2%**

Mendapat pekerjaan (dalam tempoh 6 bulan)

**1.9%**

Melanjutkan pelajaran

**4.5%**

Menjadi usahawan



## PELBAGAI LALUAN PENDIDIKAN

### Sekolah Agama Islam

	SMKA*	SABK**
Gelombang 1 (2013 - 2015)	57	216
Gelombang 2 (2016 - 2017)	<b>59</b>	<b>221</b>

\* SMKA: Sekolah Menengah Kebangsaan Agama

\*\*SABK: Sekolah Agama Bantuan Kerajaan

### Sekolah Seni Malaysia

Seni Muzik, Seni Tari, Teater dan Seni Visual

	Enrolmen
Gelombang 1 (2013 - 2015)	720
Gelombang 2 (2016 - 2017)	<b>1,114</b>





# SEPINTAS LALU PENCAPAIAN

2017

MENINGKATKAN AKSES DALAM PENDIDIKAN

## Enrolmen Sekolah Sukan Malaysia

2016	<b>2017</b>
1,423	<b>1,561</b>

**KUALA  
LUMPUR  
2017**

SUKAN SEA KE-29  
SUKAN PARA ASEAN KE-9

### SUKAN SEA KE-29

### SUKAN PARA ASEAN KE-9 (MURID BERKEPERLUAN KHAS)

85  
atlet murid  
4  
atlet guru  
**Menang  
Pingat**



## PENCAPAIAN CEMERLANG KEJOHANAN SUKAN ANTARABANGSA

### LITTLE ATHLETICS WESTERN AUSTRALIA 2017

### 25TH MSSM-LAWA-SSSC INTERNATIONAL LITTLE ATHLETICS CHAMPIONSHIP

### 9TH ASEAN SCHOOL GAMES 2017



### 45TH ASIAN SCHOOL FOOTBALL UNDER 18 CHAMPIONSHIP 2017

### 5TH ASIAN SCHOOL HOCKEY CHAMPIONSHIP 2017

### 5TH ASIAN SCHOOL TENNIS CHAMPIONSHIP



# SEPINTAS LALU PENCAPAIAN

2017

MEMPERTINGKATKAN **KUALITI** DALAM PENDIDIKAN

## KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT)




**4,243**  
pemimpin  
sekolah

telah mengikuti 3 mod latihan *i-Think* :

- Bersemuka
- Latihan Dalam Talian (KiDT)
- Latihan Luar Talian (KiLT)



**207,388**  
guru



## PENDIDIKAN SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM)

### Meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru

- Kolokium Pendidikan STEM
- Persidangan Antarabangsa Pendidikan STEM (ICSTEM)

### Meningkatkan minat murid

- Program Rintis Pentaksiran Kemahiran Saintifik
- Penubuhan Kelab STEM+
- Pertandingan *School Lab*
- Gamifikasi Pendidikan STEM
- Rancangan TV Realiti - Adiwira STEM
- Pembangunan Bahan Sumber Pendidikan STEM
- Penggunaan *Multimedia* dalam Mata Pelajaran STEM
- Penyediaan Prasarana yang kondusif



### Meningkatkan kesedaran pemimpin sekolah, guru, murid, ibu bapa dan orang awam

- Jerayawara Pendidikan STEM

# SEPINTAS LALU PENCAPAIAN

2017

MEMPERTINGKATKAN **KUALITI** DALAM PENDIDIKAN

## MEMARTABATKAN BAHASA MELAYU (BM)

Pada 2017, pelbagai dokumen dan bahan telah dihasilkan berdasarkan perancangan tahun 2016:

- Pelan Hala Tuju Pendidikan BM 2016-2025
- Draf Awal Kerangka Standard BM
- Draf Awal Kerangka Holistik Pembangunan Profesionalisme Guru BM
- Penghasilan Bahan Sokongan dan Modul BM
- Modul bagi Program Pembangunan Profesionalisme Guru BM



## PELUASAN PROGRAM SARINGAN LITERASI DAN NUMERASI (LINUS2.0)

Pencapaian Kohort Murid yang Sama

	Tahun 1 (2015)	Tahun 2 (2016)	Tahun 3 (2017)
Literasi Bahasa Melayu	94.4%	91.5%	<b>98.3%</b>
Literasi Bahasa Inggeris	89.3%	85.3%	<b>95.7%</b>
Numerasi	95.7%	94.9%	<b>98.9%</b>

## MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS (BI)

Pencapaian bagi Kertas Bahasa Inggeris UPSR  
(Peratus Lulus Bahasa Inggeris)

2016 **2017**



Pemahaman 82.6% **85.6%**



Penulisan 77.1% **73.6%**

Pencapaian bagi Kertas Bahasa Inggeris SPM  
(Peratus Lulus Bahasa Inggeris)

Peratus Lulus GPMP

2016 79.4% 5.99

**2017 79.1% 5.96**

Program Peningkatan Bahasa Inggeris

Bilangan Sekolah

2016 **2017**



Dual Language Programme (DLP) 379 **1,215**



Highly Immersive Programme (HIP) 1,200 **5,500**





### PENAWARAN BAHASA ANTARABANGSA DI SEKOLAH

Cina Jepun Jerman Perancis Arab Korea

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Harian  
141 sekolah



Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)  
11 sekolah



Sekolah Berasrama Penuh (SBP)  
69 sekolah



Proses Pengambilan Pensyarah IPG yang baharu telah diselaraskan secara konsisten



Pusat Jaminan Kualiti dan Pematuhan Polisi telah berjaya ditubuhkan



**2,781**  
orang pensyarah  
dan **437** orang  
ketua jabatan  
telah menjalankan  
Kajian Rintis  
*Talent Review 2017*

**5** Inisiatif Transformasi IPG Telah Berjaya Dilaksanakan



Pemantapan Spesifikasi Tugas Pensyarah IPG Berdasarkan Gred dan Jawatan



Proses Tapisan Kemasukan Pelajar Calon Siswa Guru telah diperkemas

## PENILAIAN BERSEPADU PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN (PBPP)



# 441,329

Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) telah dinilai menggunakan instrumen PBPPP

## LALUAN PAKAR BIDANG KHUSUS PENDIDIKAN

### 4 Bidang Utama Kepakaran Khusus Untuk Pendidikan

#### Pembangunan Dasar dan Kurikulum Pendidikan

- Pembangunan Kurikulum
- Pembangunan Dasar
- Teknologi Pendidikan

#### Pentaksiran

- Pembangunan Pentaksiran
- Penaziran
- Psikometrik

#### Kaunseling dan Psikologi

- Kaunseling Psikologi
- Psikologi Klinikal

#### Kejurulatihan Utama Pendidikan

- Master Trainer*
- Jurulatih Sukan
- Jurulatih Seni
- Pendidikan Berkeperluan Khas

## MEMPERKASAKAN KUALITI PEMIMPIN SEKOLAH



### NPQEL

**1,572** orang peserta telah menjalani latihan NPQEL

**79%** telah mencapai tahap cemerlang (**PNKG 3.75 hingga 4.00**)



### PRime

**1,440** orang pemimpin sekolah telah mengikuti kursus PRime

NPQEL = Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan  
PRime = Program *Residency* dan *Imersion*




# SEPINTAS LALU PENCAPAIAN

2017

MEMPERTINGKATKAN **KUALITI** DALAM PENDIDIKAN

## PELIBATAN IBU BAPA

Peratusan Kehadiran Ibu Bapa dalam Enam Aktiviti Utama Sekolah



### Aktiviti Utama

- Hari Pelaporan
- Hari Anugerah Kecemerlangan
- Hari Sukan
- Hari Penetapan Sasaran
- Hari Pendaftaran
- Hari Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG)

### Peratusan Ibu Bapa Sebagai Sukarelawan di Sekolah



## PERKONGSIAN AWAM SWASTA

Program One-Off	2016	2017
Sumbangan		
Bahan	34%	34%
Bukan Bahan	62%	62%
Infrastruktur	4%	4%
Program Sekolah Angkat	604 sekolah	701 sekolah

**Program Sekolah Amanah**  
Tempat Ke-3, Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM 2017)

# SEPINTAS LALU PENCAPAIAN

2017

MEMASTIKAN **EKUITI** DALAM PENDIDIKAN

## PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH (DTP)

### Penarafan Kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah 2017

**5** ★

2 PPD  
1.4%

**4** ★

52 PPD  
36.6%

**3** ★

73 PPD  
51.4%

**2** ★


15 PPD  
10.6%

**1** ★


0 PPD  
0.0%

### Jurang Pencapaian Antara Sekolah Bandar Dan Luar Bandar

#### UPSR




#### SPM




### Jurang Pencapaian Antara Jantina

#### UPSR



#### SPM





### PENDIDIKAN ORANG ASLI DAN PRIBUMI

Peratus Kehadiran di Sekolah Orang Asli,  
2015 - 2017

2015	2016	<b>2017</b>
79.1%	86.3%	<b>87.3%</b>




### PENDIDIKAN INKLUSIF



Peratus Murid Berkeperluan Khas dalam  
Program Pendidikan Inklusif

2015	2016	<b>2017</b>
23.24%	30.26%	<b>40.88%</b>
16,899	23,050	<b>32,148</b>

### Pencapaian KPI Program Pendidikan Inklusif Mengikut Negeri



# SEPINTAS LALU PENCAPAIAN

2017

MEMUPUK **PERPADUAN** DALAM PENDIDIKAN

## PROGRAM NBOS PERPADUAN DALAM PENDIDIKAN KPM - JPNIN

(Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional)

**5** siri latihan + Guru Penasihat Kelab Rukun Negara

**220** buah sekolah rendah dan menengah melaksanakan program Silang Budaya



**Kem Perpaduan dilaksanakan di :**



**Penyertaan Murid**



Melayu  
**62%**



India  
**10%**




Cina  
**22%**



Lain-Lain  
**4%**

## PEMBANGUNAN INSANIAH MELALUI KOKURIKULUM



**Antara Penyertaan Murid Dalam Aktiviti Kokurikulum Pada Peringkat Antarabangsa**



*85th International Mathematics Olympiad (IMO), Brazil*



*F1 World Final, Malaysia*



*Student On Ice (ISO) - Artic Educational Expedition 2017, Artik*



# SEPINTAS LALU PENCAPAIAN

2017

MENINGKATKAN **KECEKAPAN** PENYAMPAIAN PENDIDIKAN

## BAJET OPERASI BUKAN EMOLUMEN

RM 7,816,169,600  
Pengurangan 11%

2016

▶ RM 6,985,387,000

**2017**

1

2

### PENJAJARAN SEMULA BAJET OPERASI BUKAN EMOLUMEN

Sasaran 30%  
RM 10,478,080

▶ Pencapaian 308%  
RM 32,312,400

### ANTARA AKTIVITI YANG MENDAPAT FAEDAH

3

Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan  
Bantuan Sukan Sekolah  
Bantuan Pakaian Seragam dan Badan Beruniform  
Aktiviti Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI)

Bantuan Makanan Asrama  
Perjalanan dan Pengangkutan Murid Asrama  
Kontrak Makanan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK)

# SEPINTAS LALU PENCAPAIAN

2017

MENINGKATKAN **KECEKAPAN** PENYAMPAIAN PENDIDIKAN

## MENINGKATKAN KEMAHIRAN DAN KEUPAYAAN KEPIMPINAN DALAM KEMENTERIAN

**Program Barisan  
Kepimpinan Utama:**  
Siri Kepimpinan Eksekutif  
Peserta : 52 orang Pegawai  
Kanan Kementerian



(Almarhumah)  
**Datuk Wira Dr.  
Maznah binti Hamid**  
Pengerusi Eksekutif  
Kumpulan Securiforce

*Managing and Leading  
Organisational Change*



**Tan Sri Jamaludin  
bin Ibrahim**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Celcom Axiata Berhad

*Managing Change and  
Preparing Future Leaders  
for Industrial Revolution  
4.0 Organisational Change*

**Professor Emeritus Dato' Dr.  
Ibrahim bin Ahmad Bajunid**

Pengerusi Malaysian Society for  
Education Administration and  
Management (MSEAM)

*Engaging Various General  
Workforce for Creating  
Culture of High Performance  
Organisational Change*



**Tan Sri Abdul Wahid bin Omar**  
Pengerusi Kumpulan PNB

*Leadership Insights*



## MENAMBAH BAIK INFRASTRUKTUR DAN PENYELENGGARAAN SEKOLAH



**1,097** projek  
pembinaan dan naik  
taraf infrastruktur  
selesai



**RM1.096** bilion  
untuk infrastruktur  
Pembangunan Sekolah



**RM460.3** juta  
penyelenggaraan  
sekolah dan bangunan





# SEPINTAS LALU PENCAPAIAN

2017

MENINGKATKAN **KECEKAPAN** PENYAMPAIAN PENDIDIKAN

## PENYEDIAAN JALUR LEBAR UNTUK MENOPTIMUMKAN KUALITI PEMBELAJARAN



	2016	2017
Sekolah dihubungkan dengan 1BestariNet	8,604 sekolah	<b>9,459 sekolah</b>
Kemudahan Jalur Lebar 4G	8,185 sekolah	<b>7,696 sekolah</b>
Kemudahan ADSL atau VSAT	1,547 sekolah	<b>1,763 sekolah</b>

## SEKOLAH BERENROLMEN RENDAH

(Sekolah dengan jumlah murid 150 dan ke bawah)

Penggabungan fasa pertama telah berjaya dilaksanakan

SK Jalan Pasar 1  
(42 orang murid)

+

SK Jalan Pasar 2  
(84 orang murid)

+

SK (L) Jalan Pasar 2  
(18 orang murid)

= **SK Jalan Pasar 1 (Induk)**



SK Dato Abu Bakar  
(46 orang murid)

+

SK (L) Jalan Pasar 1  
(56 orang murid)

= **SK Dato Abu Bakar (Induk)**










# Meningkatkan Akses Kepada Pendidikan Berkualiti Dari Pendidikan Prasekolah Hingga Menengah

“ *Setiap kanak-kanak warganegara Malaysia berhak mendapat kesamarataan peluang Pendidikan bagi membolehkan mereka mencapai potensi masing-masing...* ”

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,  
muka surat E-9*



Akses kepada pendidikan sentiasa menjadi keutamaan pihak kerajaan dan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan semua kanak-kanak warganegara Malaysia mendapat pendidikan yang sejajar dengan pertumbuhan diri mereka. Pada tahun 2017, jumlah keseluruhan sekolah di bawah kawal selia Kementerian adalah sebanyak 10,192 buah iaitu 7,776 buah sekolah rendah dan 2,416 buah sekolah menengah. Akses kepada pendidikan telah diberikan kepada 5,016,057 orang murid di bandar dan luar bandar daripada peringkat prasekolah hingga lepas menengah.

Dalam Gelombang 2 (2016-2020) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian terus menyediakan sistem pendidikan yang membolehkan murid mendapatkan akses kepada peluang pendidikan daripada peringkat awal pendidikan hingga tamat pengajian. Cabaran untuk mencapai enrolmen sejagat pada peringkat prasekolah sehingga menengah atas masih ketara dan usaha bagi mencapai hasrat tersebut akan dilipatgandakan menjelang 2020.

Kementerian amat komited untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan komuniti tentang kepentingan pendidikan dan tanggung jawab memastikan kanak-kanak mendapat akses kepada pendidikan berkualiti bermula pada peringkat sekolah rendah hingga ke sekolah menengah. Pada tahun 2017, pelbagai bentuk program dan aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian telah menyediakan banyak peluang untuk kanak-kanak membangunkan potensi menjadi tenaga kerja global yang cekap. Usaha Kementerian bagi meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti pada tahun 2017 merangkumi:

- Meningkatkan akses kepada pendidikan prasekolah berkualiti
- Memastikan penyertaan murid dalam pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah
- Mentransformasikan pendidikan vokasional
- Memperluaskan pelbagai laluan pendidikan
- Menyediakan pendidikan bagi kumpulan khusus
- Menyediakan pendidikan lepasan menengah

## **MENINGKATKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN PRASEKOLAH BERKUALITI**

Pendidikan prasekolah adalah penting dalam pembentukan asas kemahiran literasi dan numerasi dalam kalangan murid. Pendidikan prasekolah juga diperluaskan kepada pembangunan psikologi murid dan melalui interaksi sosial dapat merangsang aspek mental, emosi, sosial dan kerohanian kanak-kanak. Persekitaran prasekolah yang kondusif adalah penting untuk pembangunan sahsiah, psikologi dan

intelektual kanak-kanak. Di Malaysia, pendidikan prasekolah disediakan oleh sektor awam dan swasta, dan sektor swasta diharapkan dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam meningkatkan akses kepada kualiti pendidikan prasekolah.




## Enrolmen Prasekolah Kebangsaan

Pada tahun 2017, enrolmen atau bilangan murid yang menyertai prasekolah menunjukkan peningkatan daripada 865,464 pada tahun 2016 kepada 884,983 (Ekshibit 1-1), iaitu pertambahan sebanyak 19,519. Peningkatan enrolmen prasekolah ini berlaku disebabkan oleh dua faktor, iaitu peningkatan bilangan kelahiran pada tahun 2011 dan 2012, dan pertambahan bilangan prasekolah swasta yang baharu.

Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, kadar enrolmen bagi kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ tahun, iaitu peratus mereka yang mengikuti prasekolah telah menurun daripada 85.6% pada tahun 2016 kepada 84.3% pada tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 1.6% seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 1-2. Kadar enrolmen bagi kohort murid


berumur 5+ dan 4+ telah dicatatkan masing-masing pada 90.9% dan 77.8% (Ekshibit 1-3). Kadar enrolmen bagi kedua-dua kohort umur adalah lebih rendah berbanding tahun 2016 dengan kadar masing-masing pada 1.2% dan 1.6%. Namun begitu, kadar enrolmen bagi murid yang berumur 5+ adalah lebih tinggi berbanding dengan murid yang berumur 4+ seperti dalam Ekshibit 1-2. Hal ini menunjukkan ibu bapa lebih cenderung untuk memberikan pendidikan awal kanak-kepada anak pada usia 5+ tahun. Lebih usaha perlu dilakukan untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa terhadap kepentingan mengembangkan minda dan fizikal anak-anak mereka serta kemahiran komunikasi dan sosialisasi lebih awal sebagai persediaan ke alam persekolahan.

**Ekshibit 1-1: Enrolmen Prasekolah Kebangsaan bagi Umur 5+ dan 4+, 2010 - 2017**




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Ekshibit 1-2: Kadar Enrolmen Prasekolah Kebangsaan, 2010-2017



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Ekshibit 1-3: Kadar Enrolmen Prasekolah Kebangsaan Umur 5+ dan 4+, 2010-2017



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Kementerian berhasrat untuk mencapai 60% enrolmen pada peringkat kebangsaan daripada prasekolah swasta. Pada tahun 2017, kadar enrolmen kebangsaan prasekolah swasta ialah 46.2% (464,004). Kadar ini lebih rendah berbanding enrolmen pada tahun 2016 iaitu 51.9% (448,885). Usaha yang lebih gigih perlu dilaksanakan pada tahun 2018 untuk meningkatkan kadar enrolmen di prasekolah swasta.

• **Meningkatkan Bilangan Kelas Prasekolah**

Sejak tahun 2010, bilangan kelas prasekolah terus meningkat di seluruh negara. Pada tahun 2017, bilangan kelas prasekolah berdaftar ialah sebanyak 50,546 berbanding 49,851 pada tahun 2016 seperti dalam Ekshibit 1-4.



Ekshibit 1-4: Bilangan Kelas Prasekolah Awam dan Swasta, 2012-2017


TAHUN	AWAM	SWASTA	JUMLAH
2012	• 21,368	• 22,965	• 44,333
2013	• 21,729	• 25,153	• 47,282
2014	• 21,980	• 26,523	• 48,503
2015	• 22,066	• 25,928	• 47,994
2016	• 22,162	• 27,689	• 49,851
2017	• <b>22,315</b>	• <b>28,231</b>	• <b>50,546</b>



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Kelas prasekolah swasta mewakili 56% daripada keseluruhan peratus kelas prasekolah kebangsaan, manakala kelas prasekolah awam ialah sebanyak 44% seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 1-5. Bilangan kelas

prasekolah yang baharu dibuka pada tahun 2017 adalah sebanyak 1,387 buah merangkumi 1,181 buah kelas prasekolah swasta dan 206 buah kelas prasekolah awam.

**Ekshibit 1-5: Peratus Kelas Prasekolah yang Ditawarkan Mengikut Agensi, 2017**

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

- **Meningkatkan Bilangan Prasekolah Swasta yang Berdaftar**

Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) menyatakan bahawa tidak ada sekolah yang boleh diwujudkan, ditadbir atau diuruskan sekiranya prasekolah berkenaan tidak berdaftar di bawah Akta tersebut. Oleh itu, ibu bapa perlu memasukkan anak mereka ke prasekolah yang telah berdaftar dengan Kementerian bagi memastikan keselamatan dan kualiti pendidikan yang terjamin. Ibu bapa boleh mengenal pasti prasekolah yang berdaftar secara rasmi dengan menyemak status di laman sesawang berikut: <http://eprasekolah.moe.gov.my>. Pada tahun 2017, jumlah prasekolah swasta berdaftar ialah sebanyak 7,591, iaitu pertambahan sebanyak 231 buah prasekolah sejak tahun 2016. Bahagian Pendidikan Swasta dengan sokongan agensi lain, akan meneruskan usaha untuk mengenal pasti prasekolah yang belum berdaftar.

## MENYEDIAKAN BANTUAN YURAN PRASEKOLAH

Bantuan yuran disediakan untuk murid prasekolah daripada keluarga sosioekonomi rendah dengan pendapatan per kapita isi rumah kurang daripada RM500. Pada tahun 2017, sejumlah 32,378 orang murid menerima bantuan yuran sebanyak RM555.90 setiap seorang, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM18 juta. Sejak tahun 2013, seramai 175,752 orang murid telah menerima bantuan yuran dengan jumlah besar sebanyak RM132 juta.

## MENINGKATKAN KUALITI PRASEKOLAH

Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan (SKPK) ialah satu instrumen penilaian sendiri untuk menilai kualiti prasekolah supaya selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Melalui penggunaan SKPK, kekuatan dan kelemahan prasekolah dapat dikenal pasti bagi membolehkan bantuan sewajarnya disalurkan. SKPK menilai lima dimensi kualiti, iaitu Tadbir Urus, Guru dan Pembantu



Guru/Pengurusan Pembantu Guru, Kurikulum, Pelibatan Ibu Bapa dan Penjaga, serta Kesihatan, Nutrisi dan Keselamatan. SKPK mula dilaksanakan pada tahun 2015, manakala standard minimum mula ditetapkan pada tahun 2016, iaitu pada 50.2 mata untuk prasekolah awam dan swasta. Standard minimum ini akan dikaji setiap dua tahun bagi memastikan kualiti pendidikan prasekolah mencapai standard kualiti antarabangsa. SKPK dan standard minimum telah digunakan dan/ atau dijadikan rujukan oleh pelbagai agensi untuk meningkatkan kualiti

pendidikan prasekolah di Malaysia. Pada tahun 2017, sejumlah 23,285 buah prasekolah awam dan swasta yang beroperasi lebih daripada satu tahun telah melengkapkan penilaian sendiri dan 98.9% telah mencapai kualiti standard minimum. Peratus prasekolah kerajaan yang mencapai standard kualiti minimum ialah sebanyak 1.6%. Prasekolah swasta telah menunjukkan peningkatan yang amat baik, iaitu daripada 91.3% pada tahun 2016 kepada 96.3% pada tahun 2017. Ekshibit 1-6 menunjukkan standard kualiti minimum yang dicapai oleh pelbagai agensi.



**Ekshibit 1-6: Bilangan Prasekolah dengan Standard Kualiti Minimum Berdasarkan Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan Mengikut Pelbagai Agensi, 2017**


Agensi	KPM	KEMAS	JPNIN	SWASTA	JUMLAH
Bilangan Prasekolah	6,044	8,554	1,781	6,906	23,285
Bilangan Prasekolah yang Mencapai Standard Minimum	6,043	8,550	1,781	6,646	23,020
Peratus Prasekolah yang mencapai Standard Minimum	99.98%	99.95%	100%	96.24%	98.86%

Sumber: Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Peningkatan peratus prasekolah yang mencapai standard minimum pada tahun 2017 adalah disebabkan oleh usaha bersepadu Kementerian, JPN dan PPD serta agensi lain seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Majlis Pendidikan Awal dan Asuhan Kanak-Kanak (ECCE) Malaysia. Prasekolah yang tidak memenuhi standard minimum sejak tahun 2015 dan 2016 diberikan bantuan berterusan dan bimbingan sewajarnya oleh agensi berkaitan untuk meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah.

Cabaran utama yang dihadapi oleh pengusaha prasekolah swasta dalam mencapai standard minimum adalah untuk mendapatkan guru dan pembantu guru yang mempunyai kelayakan. Di bawah dimensi kualiti SKPM, calon dinilai berdasarkan kelayakan akademik, kelayakan profesional dan pelibatan dalam ceramah/kursus/bengkel sama ada sebagai peserta atau penceramah. Dimensi kualiti yang lain, khususnya Tadbir Urus, Kurikulum dan Pelibatan Ibu Bapa, telah menunjukkan peningkatan berterusan. Ekshibit 1-7 menunjukkan skor purata bagi dimensi kualiti.

**Ekshibit 1-7: Peratus Pencapaian Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan Mengikut Dimensi Kualiti**



### MENINGKATKAN KELAYAKAN GURU PRASEKOLAH

Kelayakan akademik minimum untuk jawatan guru prasekolah ialah Diploma dalam Pendidikan Awal dan Asuhan Kanak-kanak. Cadangan ini telah diluluskan oleh Kabinet pada 1 April 2016. Matlamatnya adalah untuk menyediakan personel yang







berkelayakan dan prihatin serta cekap dalam mengaplikasikan kaedah dan pendekatan yang bersesuaian untuk merangsang minda kanak-kanak. Agensi kerajaan dan awam telah mematuhi arahan yang ditetapkan dan seterusnya menggalakkan guru prasekolah untuk meningkatkan tahap kelayakan mereka. Langkah ini adalah bertepatan dengan hasrat



Kerajaan untuk melaksanakan peraturan kelayakan minimum pada tahun 2020. Pada tahun 2017, sebanyak 44.4% (22,971) daripada 51,725 orang guru prasekolah memiliki

kelayakan diploma atau yang lebih tinggi dalam ECCE. Bilangan guru prasekolah mengikut kelayakan dan agensi ditunjukkan dalam Ekshibit 1-8.

**Ekshibit 1-8: Bilangan Guru Prasekolah Mengikut Kelayakan dan Agensi, 2017**

					
KEDOKTORAN (PhD)	SARJANA	SARJANA MUDA	DIPLOMA	SIJIL	STPM/STAM/SPM /PMR & LAIN-LAIN
KPM	KPM	KPM	KPM	KPM	KPM
-	<b>310</b>	<b>6,970</b>	<b>1,803</b>	<b>190</b>	<b>3</b>
KEMAS	KEMAS	KEMAS	KEMAS	KEMAS	KEMAS
-	<b>3</b>	<b>694</b>	<b>880</b>	<b>63</b>	<b>4319</b>
JPNIN	JPNIN	JPNIN	JPNIN	JPNIN	JPNIN
-	-	<b>66</b>	<b>832</b>	<b>13</b>	<b>939</b>
SWASTA	SWASTA	SWASTA	SWASTA	SWASTA	SWASTA
<b>25</b>	<b>355</b>	<b>4,173</b>	<b>6,860</b>	<b>928</b>	<b>22,399</b>

Sumber: KPM, KEMAS dan JPNIN 2017







## INTAN TERPILIH DALAM KALANGAN PERMATA DI MALAYSIA

**Puan Noorjahan binti Sultan** memulakan kerjaya sebagai seorang guru prasekolah di **Sekolah Kebangsaan Indera Mahkota Utama, Kuantan, Pahang**.

Anak kelahiran Galing, Kuantan ini tidak pernah menyangka bahawa modul yang dihasilkan oleh beliau untuk memudahkan pembelajaran Bahasa Inggeris (BI) anak-anak muridnya diterima pakai bukan sahaja di dalam negara malah sehingga ke peringkat dunia.


Noorjahan telah mereka bentuk **Modul *Let's Rhyme*** pada tahun 2007. Kesukaran yang dihadapi oleh murid-murid di prasekolah untuk memahami dan menguasai Bahasa Inggeris dengan

mudah ketika itu telah mencabar beliau untuk mengatasinya. Pencarian terhadap kaedah penyelesaian masalah secara mudah sentiasa berlegar dalam kotak pemikiran Noorjahan agar penguasaan murid dalam BI dapat ditingkatkan. Hasrat beliau adalah untuk memudahkan transisi murid ini ke Tahun 1. Hasilnya, beliau telah menggabungkan jalin seni muzik dengan bahan pembelajaran yang ada dan kaedah ini diuji di kelas prasekolah beliau.

Noorjahan yakin bahawa pendekatan didik hibur berjaya memudahkan pembelajaran BI berdasarkan riak kegembiraan yang ditunjukkan oleh murid-murid. Kefahaman turut diserlahkan melalui sesi soal jawab di dalam kelas. Beliau berjaya menghasilkan kaedah bacaan berirama yang membolehkan murid prasekolah ini mempelajari dan menghafal seni kata dalam BI dengan lebih mudah serta mengekalkan minat mereka untuk terus menguasai BI.

Yakin bahawa modul ini dapat membantu murid prasekolah, Noorjahan telah melakukan perkongsian pintar dengan rakan guru di daerah beliau. Pemantapan modul sedia ada dilakukan sehingga terhasilnya modul *Let's Rhyme* yang lengkap pada tahun 2009. Modul ini bukan sahaja mendapat maklum balas positif daripada guru prasekolah, malahan daripada guru sekolah rendah di seluruh negara. Bahkan terdapat juga dalam kalangan guru yang berpendapat bahawa modul ini sesuai digunakan untuk pengajaran BI sekolah menengah di beberapa buah kawasan pedalaman di Malaysia.

### MODUL *LET'S RHYME*: PENGAJARAN BAHASA INGGERIS DI PRASEKOLAH



- Modul pengajaran Bahasa Inggeris (BI) yang menggunakan pendekatan didik hibur untuk memupuk minat dan meningkatkan penguasaan BI.
- Modul ini menggabungkan muzik dengan kandungan mata pelajaran BI.
- Modul ini merupakan kaedah bacaan berirama yang mudah

dan mesra kanak-kanak bagi memastikan proses pembelajaran berlangsung dalam suasana yang ceria dan menarik.

- Modul ini menggunakan bahasa yang mudah difahami dan jelas yang meliputi semua kemahiran bahasa
- Modul disasarkan khusus kepada murid prasekolah.
- Modul ini merupakan modul pembelajaran BI yang holistik. Modul ini mengintegrasikan perkembangan jasmani, emosi, rohani dan intelek di samping menitikberatkan penerapan nilai-nilai murni, semangat cinta akan negara dan menghargai kepelbagaian budaya.



Modul *Let's Rhyme* berjaya menempa nama Noorjahan binti Sultan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa sejak tahun 2009. Sehingga tahun 2017, beliau telah menerima lebih 40 penghargaan dari dalam dan luar negara. Antara kejayaan yang diraih oleh beliau melalui modul ini ialah:

- i. Anugerah Perak, "Creative Teacher Showcase", Persidangan Antarabangsa Persatuan Pengajaran Bahasa Inggeris Malaysia (MELTA) 2010
- ii. Anugerah Perak, Amalan Terbaik, Persidangan Antarabangsa Asia TEFL (2014)
- iii. Finalis 50, Anugerah Guru Global 2016, Yayasan Varkey
- iv. Ikon Pendidikan Awal Kanak-kanak 2017, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Kini Noorjahan, bertugas sebagai **Pegawai Teknologi Pendidikan di Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Pahang**.

Beliau kini aktif memberi ceramah dalam pelbagai program dan juga merupakan penyokong kepada Program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM). Noorjahan menjelaskan, "Saya bersyukur kerana diberi ruang, peluang dan kepercayaan oleh pelbagai individu dan agensi untuk berkongsi pengalaman, pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pendidikan. Kesempatan ini membolehkan saya meluaskan jaringan dalam pendidikan melalui pelbagai program perkongsian pintar yang akan saya gunakan untuk menyumbang kepada kemajuan dan transformasi pendidikan negara."

*Berbekalkan prinsip sentiasa positif menerima ilmu, kemahiran dan nilai baharu, Noorjahan yakin setiap insan di muka bumi ini mempunyai peranan yang perlu dimainkan untuk melakukan perubahan. Guru merupakan suri teladan daripada segi penguasaan ilmu, kemahiran dan penghayatan nilai.*

*"Inovasi dalam pendidikan; di mana ada cabaran, di situ ada ruang untuk melakukan perubahan."*

**Noorjahan Sultan**

Puan Noorjahan binti Sultan merupakan intan terpilih antara permata guru yang gigih berusaha untuk melonjakkan kecemerlangan sistem pendidikan di Malaysia. Tahniah Puan Noorjahan binti Sultan! Namamu bukan hanya tersemat dalam hati anak didikmu tetapi juga telah terpahat dan tersohor seantero dunia sebagai guru Malaysia bertaraf dunia.



## PELUASAN *FLIPPED CLASSROOM* DI PRASEKOLAH

*Flipped Classroom (FC)* merupakan satu projek di bawah Kementerian untuk mereka bentuk dan menjenamakan semula penyampaian dan susun atur bilik darjah prasekolah yang tradisional. Projek ini bermatlamat untuk menambah baik dan memantapkan penyampaian pendidikan awal kanak-kanak di prasekolah awam dengan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan dapat memupuk pendekatan pembelajaran berpusatkan murid. Tumpuannya adalah untuk melakukan perubahan pada strategi pengajaran dan pembelajaran, susun atur bilik darjah, dan meningkatkan pelibatan ibu bapa dalam proses pembelajaran supaya pengalaman pembelajaran abad ke-21 dapat dilengkapkan. Murid prasekolah didedahkan kepada aktiviti bermain secara kreatif dan berpeluang untuk mengeksplorasi pelbagai medium, manakala guru

berperanan sebagai pemudah cara pembelajaran. Pembelajaran murid adalah berdasarkan kebolehan sendiri dan guru melaksanakan kaedah eksplorasi melalui aktiviti yang dilakukan sendiri oleh murid. Guru-guru ini telah dilatih semula dan didedahkan dengan pendekatan kemajuan pedagogi prasekolah terkini.

Sejak projek ini dirintis pada tahun 2015, sebanyak 229 buah bilik darjah prasekolah di bawah Kementerian telah menggunakan pendekatan FC. Melalui pendekatan ini, terdapat kemajuan yang diperoleh dalam perkara berikut:

- disiplin
- keyakinan dan berani untuk berkongsi pemikiran
- pertuturan dan penaakulan
- kesediaan untuk belajar dan bertanggung jawab untuk melengkapkan tugas yang diberikan
- peningkatan dalam kadar kehadiran (lebih dari 80%)





## PROGRAM *FLIPPED CLASSROOM*: PRASEKOLAH CERIA, MURID GEMBIRA, IBU BAPA TERUJA



### Sekolah Kebangsaan (SK) Sayong

**Pinang** terletak di perkampungan Orang Asli di Sayong Pinang, **Kota Tinggi, Johor Darul Takzim**. Kebanyakan murid sekolah ini datangnya daripada tiga buah perkampungan Orang Asli, iaitu Kampung

Sayong Pinang, Kampung Pasir Intan dan Kampung Kempas Menang. Pada tahun 2016, Jabatan Pendidikan Negeri Johor telah menamakan prasekolah Az-Zahrah di SK Sayong Pinang sebagai salah satu kelas rintis *Flipped Classroom* di negeri Johor.


SK Sayong Pinang telah berjaya memperluaskan pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan anak-anak mereka di prasekolah Az-Zahrah. Pelibatan ibu bapa tidak hanya tertumpu pada aktiviti gotong-royong, malahan turut memberi bimbingan kepada anak dalam proses pembelajaran. Cadangan sekolah supaya diwujudkan pusat pembelajaran di rumah telah diterima dengan hati yang terbuka oleh ibu bapa. Pihak sekolah juga telah menganjurkan pertandingan pusat pembelajaran terbaik dalam usaha memastikan ruang pembelajaran di rumah disediakan secara kondusif. Kesannya, ibu bapa lebih aktif membimbing anak-anak dalam menyiapkan tugas prasekolah dan mengeratkan hubungan kekeluargaan.

*“Perubahan kepada susun atur perabot dalam kelas prasekolah Az-Zahrah ialah perkara pertama yang saya lakukan untuk melaksanakan *Flipped Classroom*. Perubahan ini telah menyediakan ruang*

*pembelajaran yang kondusif kepada murid. Saya juga dapati murid menjadi gembira, sangat aktif serta menunjukkan perubahan sikap yang positif terhadap aktiviti pembelajaran apabila saya menggunakan konsep ‘belajar sambil bermain’ dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Paling penting, anak didik saya sangat teruja untuk terus hadir ke sekolah di sepanjang tahun.”* jelas Cikgu Alfian Mansor.

### Cikgu Alfian Mansor

Guru Prasekolah Az-Zahrah,  
SK Sayong Pinang




*“Nama saya Afifa Maisara binti Mislan. Saya belajar di Prasekolah Az-Zahrah pada tahun 2017. Semasa di prasekolah saya dapat bermain, memasak, menyanyi, menanam pokok, membuat lawatan dan mencuci kereta. Saya juga berasa sangat seronok dan gembira kerana dapat membuat robot dan bekas pensel bersama-sama keluarga di rumah. Emak dan bapa saya juga menyediakan tempat belajar yang selesa.”*

*“Semasa mula saya masuk ke sekolah, saya berasa sangat takut dan selalu menangis sebab tidak mahu ke sekolah. Tetapi saya mula suka, sayang dan tidak sabar ke sekolah sebab banyak perkara baharu yang saya belajar. Sekarang saya di Tahun 1. Waktu rehat, saya akan berlari untuk melihat adik saya yang belajar di prasekolah. Kenangan saya di prasekolah akan saya ingat selalu.”*

### Afifah Maisara binti Mislan

Murid Prasekolah 2017  
Prasekolah Az-Zahrah, SK Sayong Pinang  
Kulai, Johor



*“Nama saya Erry Rahamie bin Rahmat. Saya pernah belajar di Prasekolah Az-Zahrah pada tahun 2017. Saya seronok belajar di sekolah ini kerana saya dapat belajar banyak perkara baharu. Saya akan membuat kerja bersungguh-sungguh supaya saya dapat pergi ke stesen berikutnya.”*

*“Saya seronok membuat banyak aktiviti bersama-sama keluarga di rumah seperti membuat kotak pensel, robot dan mengadakan sudut bacaan. Saya juga menggunakan apa yang saya belajar di sekolah untuk menolong keluarga di rumah seperti mencuci kereta dan membuat kuih. Saya akan ingat segala ilmu yang diajar di prasekolah.”*

**Erry Rahamie bin Rahmat**

*Murid Prasekolah 2017  
Prasekolah Az-Zahrah, SK Sayong  
Pinang, Kulai, Johor*



*“Saya Anita. Sebagai suri rumah sepenuh masa, saya banyak meluangkan masa dengan anak saya Erry Rahamie. Erry seorang anak yang sangat aktif dan agak nakal. Setelah Erry belajar di prasekolah Az-Zahrah, saya dapat lihat perubahan besar pada dirinya. Balik dari sekolah, Erry akan terus memberitahu saya tentang aktiviti yang dilakukan di sekolah. Ada kalanya dia keletihan, tetapi Erry akan segera menyiapkan tugas yang diberikan oleh Cikgu Alfian. Erry sangat bersemangat ke sekolah dan akan berasa sangat sedih kalau tidak dapat hadir ke sekolah. Saya terharu mendengar Erry sentiasa menyebut betapa seronoknya mengikuti prasekolah dan kerap kali memberitahu saya yang beliau ingin ke prasekolah semula!”*

*“Saya dan keluarga berasa seronok dapat membantu Erry menyiapkan tugas yang diberikan oleh Cikgu Alfian kerana pada masa yang sama saya dapat melihat perkembangan*

*pembelajarannya. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Cikgu Alfian, Puan Suhaila dan pihak sekolah kerana sentiasa berusaha mendidik anak-anak kami dengan cemerlang. Saya berharap agar program ini dapat dikembangkan ke semua prasekolah di seluruh Malaysia.”*

**Puan Anita binti Muda**

*Ibu*



*“Prasekolah Az-Zahrah telah memperkenalkan program Flipped Classroom (FC). Program ini sangat bagus kerana saya melihat banyak perubahan yang baik pada anak saya, Adreena Cathrisya. Anak saya seorang yang sangat pendiam dan pemalu. Dia sukar untuk berinteraksi walaupun di rumah. Setelah mengikuti program FC ini, Adreena menunjukkan minat dan semangat yang tinggi untuk berkongsi tugas yang diberikan. Saya dapat melihat perkembangan sosial anak saya secara ansur maju. Adreena mula menunjukkan keyakinan untuk berkomunikasi dalam kumpulan dan juga berani untuk berkongsi aktiviti di hadapan rakan yang lain.”*

*“Walaupun saya sibuk bekerja, saya masih dapat meluangkan masa untuk membimbing dan membantu anak saya menyiapkan aktiviti yang diberikan oleh guru. Program FC memberi ruang dan peluang kepada saya untuk lebih rapat dan berinteraksi dengan lebih mesra dengan anak saya. Program ini tidak membebankan atau menyusahkan malah membantu pihak sekolah mencungkil bakat dan potensi murid.”*

*“Harapan saya agar FC diperluaskan ke semua prasekolah. Saya merakamkan penghargaan kepada Cikgu Alfian dan Puan Suhaila kerana mereka memberi peluang kepada anak saya untuk belajar dalam suasana yang ceria dan menyenangkan.”*

**Encik Antonio Carlson Anak Berita**

*Bapa*

## MEMASTIKAN PENYERTAAN DALAM PENDIDIKAN RENDAH DAN MENENGAH

Penyediaan peluang kepada semua kanak-kanak di Malaysia untuk mendapatkan akses kepada pendidikan merupakan satu daripada objektif sistem pendidikan negara. Terdapat dua fokus utama dalam menyediakan akses kepada pendidikan, iaitu:

- memastikan semua kanak-kanak yang mencapai umur persekolahan mengikut pendidikan di sekolah
- memastikan murid terus kekal bersekolah dalam tempoh enam tahun di pendidikan rendah yang telah diwajibkan dan lima tahun di pendidikan menengah.

Kementerian bermatlamat untuk memastikan enrolmen sejagat bagi pendidikan rendah dan menengah menjelang tahun 2020 di Malaysia tercapai.

Pelaksanaan pendidikan wajib enam tahun bagi pendidikan rendah sejak tahun 2003 telah berjaya mengekalkan kadar enrolmen sejagat sebanyak 97.9% pada tahun 2017, berbanding 97.2% yang dicatatkan


pada tahun 2016. Kadar enrolmen bagi pendidikan menengah rendah menunjukkan peningkatan daripada 95% pada tahun 2016 kepada 96.6% pada tahun 2017. Kadar enrolmen bagi pendidikan menengah atas juga telah menunjukkan peningkatan daripada 85.8% pada tahun 2016 kepada 86.6% pada tahun 2017.

Ketika ini, sasaran yang diletakkan untuk mencapai enrolmen sejagat bagi pendidikan menengah atas merupakan satu cabaran besar kerana pendidikan pada peringkat ini tidak diwajibkan. Masih wujud kelompok ibu bapa daripada sosioekonomi rendah yang kurang memberi penekanan kepada pendidikan menengah kerana tekanan ekonomi keluarga. Sesetengah murid memilih untuk tidak menyambung pengajian sebaliknya menjadi sebahagian daripada tenaga kerja untuk membantu keluarga. Ekshibit 1-9 menunjukkan kadar enrolmen dari tahun 2013 hingga 2017 mengikut peringkat pendidikan di institusi awam dan swasta.





**Ekshibit 1-9: Kadar Enrolmen Pendidikan Prasekolah, Rendah, Menengah Rendah dan Menengah Atas, 2013-2017**



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPDP)

Salah satu strategi untuk mencapai enrolmen sejagat adalah mengekalkan kadar enrolmen yang tinggi pada keseluruhan peringkat pendidikan. Sekiranya kadar enrolmen yang tinggi pada peringkat pendidikan rendah dapat diteruskan sehingga ke peringkat pendidikan menengah rendah dan menengah atas, Kementerian akan berjaya mencapai enrolmen sejagat pada peringkat pendidikan menengah. Mendepani cabaran ini, Kementerian akan meneruskan usaha untuk mengurangkan kadar keciciran, khususnya pada peringkat menengah atas. Bilangan murid cicir pada peringkat menengah pada tahun 2017 telah menunjukkan pengurangan, iaitu 1.36% berbanding 1.40% pada tahun 2016.

Pada tahun 2017, Kementerian telah memperkenalkan satu garis

panduan untuk mengenal pasti dan menguruskan murid berisiko cicir, iaitu Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir (GPMBC). Garis panduan ini menjadi sumber rujukan kerana ia menjelaskan secara terperinci langkah untuk menangani murid berisiko untuk cicir daripada peringkat awal. Kementerian juga telah membangunkan satu modul dikenali sebagai Modul Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI) yang mengandungi aktiviti intervensi yang boleh digunakan oleh pentadbir sekolah, guru dan kaunselor untuk menangani murid berisiko untuk cicir. GPMBC dan SUDI telah dirintis di beberapa buah sekolah terpilih di sekitar Kuala Lumpur, Putrajaya dan Kedah pada tahun 2017. Bilangan sekolah rendah dan menengah yang terlibat dalam projek rintis ditunjukkan dalam Ekshibit 1-10.

**Ekshibit 1-10: Bilangan Sekolah Rendah dan Menengah dalam Kajian Rintis Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir dan Modul Serlahkan Keunggulan Diri**



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)

Dapatan kajian rintis adalah seperti berikut:

- Pada keseluruhannya, murid lelaki berisiko tinggi untuk cicir berbanding murid perempuan di sekolah rendah dan menengah.
- Pada peringkat rendah, peratus murid lelaki berisiko untuk cicir di sekolah rendah ialah sebanyak 2.4% berbanding 1.9% murid perempuan.
- Pada peringkat menengah, peratus murid lelaki berisiko untuk cicir ialah sebanyak 7.5% berbanding 3.7% dalam kalangan murid perempuan.
- Kadar murid cicir adalah lebih tinggi di sekolah menengah

berbanding di sekolah rendah.

- Faktor yang menyumbang kepada kadar keciciran yang tinggi ialah kurang pelibatan ibu bapa, kemiskinan, motivasi rendah dan pencapaian akademik yang rendah.
- Modul SUDI mendapat maklum balas positif dalam membantu murid untuk membina keyakinan dan minat untuk hadir ke sekolah.

Berdasarkan dapatan positif daripada kajian rintis, GPMBC dan SUDI akan dilaksanakan di semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di seluruh Malaysia pada tahun 2018.



## TRANSFORMASI PENDIDIKAN VOKASIONAL

### MENINGKATKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN VOKASIONAL

Permintaan untuk mengikuti pelbagai program pendidikan vokasional di bawah kawal selia Kementerian kekal tinggi, iaitu sebanyak 86,527 permohonan daripada murid menengah atas. Namun begitu, penawaran tempat untuk mengikuti pendidikan vokasional adalah terhad, iaitu hanya 69% di 80 buah kolej vokasional di seluruh negara. Pada tahun 2017, kadar enrolmen terus meningkat daripada 6.3% (25,947 orang) pada tahun 2016 kepada 7.2% (27,886 orang murid). Sebanyak 83% (23,035 orang murid) enrolmen adalah daripada 80 buah kolej vokasional, manakala 17% adalah daripada 269 buah sekolah menengah di seluruh negara. Program dengan enrolmen tinggi ialah Teknologi Automatif, Seni Kulinari, Teknologi Elektrik, Bakeri dan Pastry serta Teknologi Kimpalan. Pada bulan Jun 2017, Kolej Vokasional Pasir Puteh telah dibuka secara rasmi dan menawarkan program Sijil Operasi Pengeluaran Pertanian kepada 25 orang murid ambilan pertama.

### PENDIDIKAN ASAS VOKASIONAL

Pendidikan Asas Vokasional (PAV) telah dilancarkan pada tahun 2012 di 15 buah sekolah di seluruh negara. Kini terdapat 85 buah sekolah menengah yang menawarkan 12 kursus PAV. Setelah tamat pengajian, murid akan dianugerahkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM)

Tahap 2 oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia. Murid boleh menyambung pengajian di kolej vokasional, pusat latihan kemahiran awam dan swasta atau di sekolah menengah. Pada tahun 2017, jumlah enrolmen PAV daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 ialah 3,763 orang berbanding 4,544 orang pada tahun 2016. Sebanyak 65% murid (867) memperoleh SKM Tahap 2.

Pada tahun 2017, Kementerian telah menjalankan projek rintis Kursus Lanjutan PAV untuk murid memperoleh SKM Tahap 3 di dua buah sekolah dengan enrolmen 21 orang murid. Peluasan kursus ini di sekolah lain adalah mencabar kerana kos yang tinggi diperlukan untuk meningkatkan kapasiti bengkel, peralatan, bilangan guru, dan bahan pengajaran dan penilaian.

### PENDIDIKAN VOKASIONAL MENENGAH ATAS

Enrolmen untuk Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA) telah menurun daripada 5,933 orang murid pada tahun 2016 kepada 5,337 orang murid pada tahun 2017 disebabkan ruang untuk bengkel adalah terhad dan kekurangan peralatan dan kelengkapan. Walau bagaimanapun, PVMA yang sedang ditawarkan di 269 buah sekolah menengah masih menyumbang secara signifikan kepada kadar enrolmen. Jumlah graduan PVMA untuk tahun 2017 ialah seramai 5,328 orang murid.



## PROGRAM VOKASIONAL BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS

Pendidikan kemahiran vokasional juga ditawarkan kepada murid berkeperluan khas (MBK) di empat buah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional (SMPKV) yang terletak di Shah Alam, Selangor; Kuantan, Pahang; Indahpura, Johor dan Merbok, Kedah. Sebanyak 25 kursus SKM ditawarkan, iaitu dari Tahap 1 hingga Tahap 3.

Pada tahun 2017, seramai 785 orang murid menengah atas telah mengikuti kursus dalam pendidikan vokasional seperti pastri dan bakeri, komputer dan elektrik. Seramai 218 orang murid telah menduduki penilaian akhir SKM untuk ditauliahkan sijil oleh JPK. Daripada jumlah ini, sebanyak 67 orang murid telah memperoleh SKM Tahap 1, 95 orang murid memperoleh SKM Tahap 2 dan 49 orang murid memperoleh SKM Tahap 3.

Pendidikan kemahiran vokasional bagi MBK juga ditawarkan di Kolej Vokasional Keningau. Sebanyak 74 orang murid menengah atas telah mengikuti kursus kemahiran Pembuatan Perabot dan Jahitan Pakaian Wanita pada tahun 2017.

## KEBOLEHPASARAN GRADUAN DIPLOMA VOKASIONAL















Kementerian telah berjaya melahirkan sebanyak 12,803 orang graduan Diploma Vokasional daripada 80 buah kolej vokasional pada tahun 2017. Dalam tempoh enam bulan selepas penganugerahan diploma, sebanyak 85.2% (10,904 orang graduan) telah berjaya mendapat pekerjaan, termasuk 1.9% (248 orang graduan) yang melanjutkan pelajaran untuk mendapatkan kelayakan vokasional yang lebih tinggi, manakala 4.5% (580 orang graduan) telah menjadi usahawan.



Bilangan murid yang menjadi usahawan adalah menggalakkan kerana Malaysia memerlukan lebih ramai usahawan yang boleh mencipta peluang pekerjaan. Pada tahun 2017, Kementerian berhasrat untuk melahirkan 10% daripada graduan

kolej vokasional menjadi usahawan. Bilangan graduan kolej vokasional yang memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas penganugerahan Diploma di seluruh negara ditunjukkan dalam Ekshibit 1-11.

**Ekshibit 1-11: Kebolehpasaran Graduan Kolej Vokasional Selepas Enam Bulan Selepas Penganugerahan Diploma, 2017**

	 Bilangan Graduan	 Bekerja	 Usahawan	 Melanjutkan Pengajian	Jumlah	Peratus Kebolehpasaran
 SELANGOR + WILAYAH PERSEKUTUAN	1,457	1,163	66	41	1,270	87.2%
 PERAK	1,644	1,370	40	39	1,449	88.1%
 TERENGGANU	546	390	14	1	405	74.2%
 PAHANG	1,070	769	127	15	911	85.1%
 PULAU PINANG	560	481	19	12	512	91.4%
 KELANTAN	729	635	30	7	672	92.2%
 SABAH	1,590	1,083	106	59	1,248	78.5%
 SARAWAK	983	771	24	25	820	83.4%
 NEGERI SEMBILAN + MELAKA	1,462	1,251	42	27	1,320	90.3%
 PERLIS + KEDAH	1,368	928	12	7	947	69.2%
 JOHOR	1,394	1,235	100	15	1,350	96.8%
<b>Jumlah</b>	<b>12,803</b>	<b>10,076</b>	<b>580</b>	<b>248</b>	<b>10,904</b>	<b>85.2%</b>

Sumber: Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV)

## PENYAMPAIAN PENDIDIKAN VOKASIONAL BERKUALITI

Pada tahun 2012, Kementerian telah memulakan transformasi pendidikan vokasional. Pelaburan yang tinggi serta penyediaan sumber ditumpukan kepada usaha untuk memastikan pendidikan vokasional adalah berkualiti. Bidang utama yang diberikan tumpuan khusus termasuk kurikulum, penyampaian, pentaksiran, tenaga pengajar, infrastruktur dan hubungan dengan industri. Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) telah digubal dan penyampaiannya adalah berasaskan Pendidikan Berdasarkan Keberhasilan serta mematuhi standard program dan industri yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysia Qualifications Agency*, MQA) dan JPK. Kaedah pentaksiran dan penilaian yang disediakan berpandukan prosedur standard operasi yang memastikan pembangunan kompetensi murid dapat dicapai. Tenaga pengajar telah melalui banyak siri latihan, pentaksiran dan menyertai program sangkut supaya dapat meningkatkan lagi kelayakan serta kompetensi. Penyediaan infrastruktur seperti bengkel dan peralatan juga setanding dengan standard industri dan keperluan program. Hubungan dengan industri telah diwujudkan melalui Memorandum Persefahaman.

- **Pengukuhan Kurikulum bagi Mencapai Standard Industri**

Kini terdapat sebanyak 36 program diploma vokasional yang ditawarkan di semua kolej vokasional dalam pelbagai bidang seperti Teknologi Kejuruteraan Awam, Teknologi Elektrik dan Elektronik, Teknologi Pembuatan dan Mekanikal, Seni dan

Reka Cipta, Perkhidmatan Sosial, Pertanian dan Pentadbiran Niaga. Kedua-dua kurikulum Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) diteliti dan tambah baik mengikut Standard Kemahiran Pekerja Kebangsaan (*National Occupational Skills Standards*, NOSS) yang terkini oleh JPK dan keperluan yang ditetapkan oleh MQA dan Lembaga Peperiksaan. Komponen akademik SVM diberi tumpuan semasa semakan semula kurikulum supaya kredit yang setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dapat diberikan pada tahap SVM.

- **Pentauliahan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**

Kementerian mempunyai komitmen jangka panjang untuk memastikan pendidikan vokasional yang berkualiti ditawarkan pada tahap Diploma. Semua program Diploma yang ditawarkan di kolej vokasional dijangka mendapat pentauliahan sepenuhnya oleh MQA. Usaha ini akan membolehkan murid melanjutkan pelajaran di universiti tempatan atau luar negara, dan seterusnya meningkatkan keyakinan pihak awam terhadap kualiti pendidikan vokasional yang ditawarkan di Malaysia. Proses pentauliahan program vokasional telah bermula sejak tahun 2015 khusus bagi kumpulan pertama 66 program yang ditawarkan di 15 buah kolej vokasional.

- **Pusat Bertauliah Cawangan**

Institusi yang bercadang untuk memberi pentauliahan SKM kepada murid mesti memperoleh pengiktirafan dari JPK. Institusi ini kemudiannya akan dikenali sebagai Pusat Bertauliah Cawangan. Murid



yang memilih untuk mengikuti PAV dan PVMA akan ditauliahkan dengan SKM Tahap 2, PAV Lanjutan akan ditauliahkan dengan SKM Tahap 3 dan DVM akan ditauliahkan dengan tahap tertinggi iaitu SKM Tahap 4 berdasarkan tahap kompetensi murid. Pada tahun 2017, terdapat 52 buah kolej vokasional dengan status Pusat Bertauliah Cawangan.

- **Pentauliahkan SKM Tahap 1, 2 dan 3 kepada Guru**

Setiap sekolah yang menawarkan PVMA dikehendaki mempunyai tiga orang guru yang berkelayakan. Guru yang dilatih di bawah program PVMA perlu mendapatkan pentauliahkan yang telah ditetapkan oleh JPK. Cabaran yang dihadapi oleh Kementerian dalam menguruskan PVMA ialah kebanyakan guru masih dalam proses mendapat pentauliahkan sijil kecuali guru terlatih yang ditukarkan daripada sekolah yang lain. Guru yang mengikuti program yang telah mendapat pengiktirafan akan ditauliahkan dengan SKM Tahap 1 hingga 3. Garis Panduan yang disediakan adalah berdasarkan kerangka kerja yang ditetapkan oleh NOSS.

Kriteria bagi guru berkelayakan di bawah PVMA adalah seperti berikut:

- Memperoleh SKM pada tahap yang lebih tinggi daripada murid. Sekiranya berada pada tahap yang sama, pengalaman mengajar selama dua tahun diperlukan
- Hadir dan berjaya menamatkan Kursus Induksi Pentauliahkan Persijilan Kemahiran Malaysia
- Hadir dan lulus Operasi Latihan Vokasional.

Pada tahun 2017, sejumlah 307 orang guru PVMA telah berjaya memperoleh SKM Tahap 2, 3 dan 4. Bagi guru DVM, sebanyak 89 orang memperoleh SKM Tahap 4, manakala 415 orang guru memperoleh SKM Tahap 5. Sehingga kini, sebanyak 656 orang guru DVM telah mempunyai SKM Tahap 5, 353 orang mempunyai SKM Tahap 4 dan 2,321 orang guru mendapat SKM Tahap 3. Kini, sejumlah 1,075 orang guru DVM sedang mendapatkan SKM Tahap 4 dan Tahap 5.

- **Diploma dalam Pendidikan untuk Tenaga Pengajar *Interim***

Guru *interim* merupakan tenaga pengajar yang diambil untuk mengajar daripada pasaran terbuka dan pernah bekerja di industri sekurang-kurangnya dua tahun. Tujuannya adalah untuk memastikan



kumpulan pengajar adalah seimbang, iaitu mempunyai guru yang berpengalaman dengan industri dan guru yang dilahirkan secara terus daripada institusi latihan pendidikan. Kehadiran mereka dalam sistem pendidikan bukan hanya bertujuan untuk mengajar tetapi melibatkan perkongsian amalan terbaik dalam kurikulum dan sistem penyampaian. Tenaga pengajar *interim* diwajibkan Program Peningkatan Profesionalisme Keguruan seperti yang ditetapkan oleh Pekeliling Perkhidmatan Penggabungan Skim Perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah dan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Lيسان Diploma.

Pada tahun 2017, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah memperkenalkan program Diploma Pendidikan khusus kepada guru interim. Kursus ini dikenali sebagai Kursus Dalam Cuti kerana dijalankan semasa cuti sekolah. Objektif utama program ini adalah untuk memastikan guru interim mempunyai diploma yang diiktiraf dalam bidang kejuruteraan, teknikal dan hospitaliti. Kursus ini dijalankan di dua buah kampus, iaitu Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik (IPGKPT) di Bandar Enstek Nilai dan Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim (IPGTI) di Johor Bahru.

Sejumlah 413 orang guru *interim* berjaya menamatkan semester pertama Diploma Pendidikan Lيسان Ijazah. Mereka akan meneruskan semester kedua latihan bagi Kursus Dalam Cuti pada Mac 2018 sehingga penghujung semester ketiga pada Disember 2018.

### • Hubungan dengan Industri

Sokongan daripada pihak industri adalah penting dalam membantu Kementerian melahirkan tenaga kerja dan profesional berkemahiran yang bersedia untuk bekerja melalui latihan dalam perkhidmatan secara intensif dan menyeluruh. Belajar sambil bekerja dalam industri, memberikan murid pengalaman sebenar menggunakan peralatan terkini serta proses kerja dalam industri. Pembelajaran melalui pengalaman juga membantu murid meningkatkan kemahiran komunikasi, penyampaian dan pelibatan dengan rakan sekerja. Hal ini dapat mewujudkan situasi menang-menang bagi kedua-dua belah pihak, iaitu sektor awam dan swasta dan ini menjadi fungsi utama semua kolej vokasional dengan sokongan daripada Kementerian.

Pada tahun 2017, sebanyak sepuluh pemain industri yang terkenal telah bekerjasama dengan Kementerian untuk menyediakan murid dengan latihan dalam perkhidmatan. Sepuluh pemain industri tersebut ialah Synergy Distribution Centre, Usaha Bangi Enterprise, Feruni Tiling Academy Sdn Bhd, TM Tours & Travel Sdn Bhd, Royal Selangor International Sdn Bhd, Top Glove Sdn Bhd, Gethi Engineering Sdn Bhd, Fire Fighter Industry Sdn Bhd, YKGI Holdings Berhad dan SNS Network (M) Sdn.Bhd. Kesemua syarikat ini dan 510 buah syarikat yang sedia ada bergabung tenaga untuk membantu murid dan guru dalam latihan industri. Hampir 80% daripada syarikat ini merupakan syarikat perusahaan kecil dan sederhana.

# PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL MENJANA PEKERJA BERKEMAHIRAN MALAYSIA



**Nazirah binti Ibrahim** merupakan bekas pelajar kursus Bakeri dan Pastrri di **Kolej Vokasional Tanah Merah, Kelantan** ambilan tahun 2013. Beliau memilih bidang bakeri dan pastrri untuk memulakan kerjaya sebagai seorang usahawan setelah tamat pengajian pada Ogos 2017. Nazirah memulakan perniagaan dengan bermodalkan wang simpanan sejumlah RM200.



Bermula dengan perniagaan dari rumah, beliau kemudiannya mendaftarkan perniagaan kedai

bakerinya pada November 2017 dengan nama “Anak Bongsu Bakery” di Pasir Tumbuh, Kelantan dengan bilangan pekerja seramai enam orang. Semenjak itu, beliau meraih pendapatan sebanyak RM20,000.00 hingga RM30,000.00 sebulan.

Nazirah sedang merancang untuk meluaskan perniagaan dengan mempelbagaikan produk bakeri dan pastrri selain berhasrat untuk menyediakan perkhidmatan penghantaran pada masa hadapan. Beliau juga merancang membuat kelas bakeri dan pastrri kepada komuniti setempat untuk berkongsi kemahiran yang diperoleh sewaktu di kolej vokasional.

Selepas menamatkan pengajian di **Kolej Vokasional Kota Tinggi** pada tahun **2017, Mohd Farhan Nurhakeim Bin Yusri** mengambil keputusan untuk terus bekerja. Nasib menyebelahi Farhan apabila beliau telah dipanggil untuk sesi temu duga di beberapa buah syarikat.

“Alhamdulillah, saya telah dipilih untuk menjawat jawatan sebagai *Penyelia Keselamatan (Safety Supervisor)* di *Malaysia Marine & Heavy Engineering Sdn. Bhd, Rapid Pengerang, Kota Tinggi, Johor* dengan gaji sebanyak *RM5,000.*”, Farhan


menyatakan kesyukuran beliau.



Farhan telah mendapat pengalaman baharu dalam dunia pekerjaan dan dapat menempuhi cabaran yang datang

dalam kerjanya. Farhan menjelaskan, “*Berbekalkan ilmu pengetahuan yang saya timba di Kolej Vokasional Kota Tinggi, banyak bidang tugas yang berjaya saya sempurnakan. Kerja dalam bidang ini berupaya memberikan pendapatan sehingga RM20.00 untuk satu jam. Terima kasih kepada ibu bapa dan guru-guru yang banyak membantu dan memberi semangat kepada saya. Terima kasih banyak-banyak.*”

**Sila imbas kod QR** untuk menyaksikan video kejayaan pelajar KV:



Gadis Cilik  
Ceburi Bidang  
Ruminan



## PELAJAR WANITA KOLEJ VOKASIONAL MEMECAH TEMBOK BIDANG KIMPALAN DALAM AIR

**Nurizzati Athira Mohamad Yusoff**, anak kelahiran Selama, Perak telah berjaya menjadi juru kimpal dalam air wanita pertama di Malaysia. Nurizzati memilih bidang kimpalan atas minat beliau dan menjadi pelajar wanita tunggal apabila mengikuti kursus kimpalan di **Kolej Vokasional Taiping** pada tahun 2013.

Walaupun agak kekok untuk berinteraksi dengan rakan lelaki dan hampir berputus asa untuk meneruskan pengajian, Nurizzati tetap bertahan untuk mencapai cita-citanya. Pernah diperkecil keupayaannya untuk bertahan dalam bidang kimpalan, Nurizzati telah berusaha gigih sehingga berjaya mendapat keputusan cemerlang dan terpilih sebagai seorang pelajar terbaik bagi kursus kimpalan. Kejayaan beliau telah membuka mata banyak pihak sehingga beliau diberi jolokan 'Wanita Besi'.

Kejayaan Nurizzati telah menarik minat *Weldzone Training Centre Sdn Bhd* untuk membiayai kos pengajiannya dalam bidang kimpalan dalam air. Dalam tempoh enam bulan, Nurizzati telah diiktiraf penyelam profesional bagi tahap Juru Latih (Pakar) Kimpalan Dalam Air setelah memenuhi standard yang ditetapkan oleh badan standard kimpalan dunia (*International Technical Diving Agency, ITDA*).


Nurizzati telah menerima pelbagai tawaran kerja dari dalam dan luar negara. Kini, beliau menjadi pembantu pengajar bidang kimpalan dalam air di *Weldzone Training Centre Sdn Bhd* di Kawasan

Perindustrian Seri Manjung. Kadar bayaran standard gaji bagi seorang juru kimpal amat lumayan, iaitu antara RM300 hingga RM500 sejam tertakluk kepada tahap kemahiran dan pengalaman. Nurizzati menggalakkan golongan belia wanita menceburi bidang kimpalan dalam air. Jelas beliau, "*Kita (wanita) perlu berani mengambil bidang kemahiran mencabar seperti kimpalan dalam air. Pelajar perlu berfikir di luar kotak pemikiran sedia ada dan mengambil peluang untuk menceburi bidang kemahiran kerana potensi kerja sangat luas dengan pendapatan lumayan.*"

Percaya apa kau lakukan!



Profesion 'Talista'  
Revolusi Industri  
Pembinaan



Wanita Besi  
Jurukimpal  
Berjaya



## MENGUKUHKAN PELBAGAI LALUAN PENDIDIKAN

Kementerian menyedari bahawa murid di Malaysia mempunyai pelbagai minat dan bakat. Bagi menggilap bakat dan mencungkil potensi murid, Kementerian menyediakan pelbagai laluan pendidikan sebagai pilihan.

### SEKOLAH SUKAN

#### SEKOLAH SUKAN MALAYSIA

Sekolah Sukan Malaysia (SSM) ditubuhkan selaras dengan Dasar Sukan Negara ke arah pembentukan budaya sukan dan pementapan integrasi nasional. SSM merupakan sokongan kepada agenda negara untuk mewujudkan masyarakat yang sihat, cergas, bersatu padu, berdisiplin serta produktif. Agenda ini memerlukan sokongan masyarakat secara menyeluruh untuk meningkatkan pencapaian cemerlang sukan di arena antarabangsa.



SSM ditubuhkan untuk melahirkan ahli sukan negara bertaraf dunia

yang berwibawa serta memiliki latar belakang pendidikan yang kukuh. Pemilihan murid bagi kemasukan ke sekolah ini dilakukan melalui proses pemilihan yang terperinci. SSM pertama yang ditubuhkan pada tahun 1996 ialah Sekolah Sukan Bukit Jalil bertempat di dalam Kompleks Sukan Negara. Pengurusan dan pentadbiran SSM adalah mirip kepada Sekolah Berasrama Penuh. Enrolmen SSM ditunjukkan dalam Ekshibit 1-12.

Sehingga kini terdapat lima buah SSM di Malaysia, iaitu:

- Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) Kuala Lumpur
- Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail (SSTMI), Johor
- Sekolah Sukan Malaysia Pahang (SSMP)
- Sekolah Sukan Malaysia Sabah (SSMS)
- Sekolah Sukan Malaysia Terengganu (SSMT)

#### Ekshibit 1-12: Enrolmen Sekolah Sukan Malaysia Mengikut Jantina, 2013-2017



TAHUN	 LELAKI	 PEREMPUAN	JUMLAH
	2013	751	
2014	819	388	1,207
2015	889	494	1,383
2016	939	484	1,423
2017	1,023	538	1,561

Sumber: Bahagian Sukan (BSukan)

Pada tahun 2017, peratus atlet murid SSM yang menyertai pertandingan sukan peringkat kebangsaan ialah 89.94%, manakala peratus penyertaan

dalam pertandingan peringkat antarabangsa ialah 54.62%. Kedua-dua pencapaian ini melebihi sasaran yang telah ditetapkan (Ekshibit 1-13)

### Ekshibit 1-13: Penyertaan Atlet Murid dalam Kejohanan Kebangsaan dan Antarabangsa Mengikut Sekolah Sukan, 2017

Petunjuk Prestasi Utama (KPI)	Sasaran	Sekolah	Bilangan Atlet dalam Kejohanan Kebangsaan	Peratus Kebangsaan	Bilangan Atlet dalam Kejohanan Antarabangsa	Peratus Antarabangsa
 <p><b>85%</b> Kebangsaan</p> <p>Pelibatan Keseluruhan Atlet Murid</p>		SSBJ	397/427	92.97%	189/268	70.52%
		SSTMI	450/493	91.27%	164/320	51.25%
		SSMP	314/333	94.29%	37/95	38.95%
 <p><b>50%</b> Antarabangsa</p> <p>Pelibatan Atlet Murid Tingkatan 4 Hingga Pra U</p>		SSMS	168/213	78.87%	29/84	34.52%
		SSMT	75/95	78.94%	Tiada Murid Tingkatan 4	

**1,404/1,561 89.94% 419/767 54.62%**

Sumber: Bahagian Sukan (BSukan)

*Nota:*  
Pencapaian pada peringkat Kebangsaan sebanyak 89.9% (melebihi sasaran 85.00%)  
Pencapaian pada peringkat Antarabangsa sebanyak 54.6% (melebihi sasaran 50.00%)

#### • Penyertaan Murid dalam Sukan SEA Ke-29 dan Sukan Para ASEAN Ke-9

Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi Sukan SEA Ke-29 yang telah berlangsung pada 19 - 30 Ogos 2017. Kedua-dua kejohanan ini telah berlangsung di Kuala Lumpur. Semasa temasya tersebut, seramai 145 orang atlet yang terdiri daripada 140 orang atlet murid dan 5 orang atlet guru telah terpilih untuk menggalas cabaran negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 85 orang atlet murid dan 4 orang atlet guru telah berjaya merangkul 38 pingat emas, 15 pingat perak dan 20 pingat gangsa.

Kontinjen Malaysia dalam Sukan Para ASEAN Ke-9 telah memenangi 90 pingat emas, 85 pingat perak dan 83 pingat gangsa. Kontinjen ini turut disertai oleh beberapa murid berkeperluan khas yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam acara sukan.

Kumpulan atlet murid dan guru ini telah mempamerkan prestasi yang cemerlang, dan mereka juga turut menempa nama sebagai pemecah rekod kejohanan dalam beberapa acara.



## ATLET MURID MALAYSIA CEMERLANG DALAM SUKAN SEA KE-29 DAN SUKAN PARA ASEAN KE-9

### Kejohanan Sukan SEA Ke-29

**Grace Wong Xiu Mei** telah memecahkan rekod acara baling tukul besi dengan catatan 59.24 meter untuk meraih pingat emas.



sumber: [www.stadiumastro.com](http://www.stadiumastro.com)

**Welson Sim Wee Sheng** pula mengungguli acara renang dengan merangkul dua pingat emas dan memecahkan dua rekod kejohanan dalam acara 400 meter gaya bebas dengan rekod 3:50:26 saat. Bagi acara 200 meter gaya bebas pula, beliau telah mencatatkan rekod baharu iaitu 1:47:49 saat.



sumber: [www.thesundaily.my](http://www.thesundaily.my)

**Koi Sie Yan** pula merupakan atlet gimrama yang sedang mengikuti Program Prauniversiti di Sekolah Sukan Bukit Jalil. Beliau telah menyumbangkan empat pingat emas dan dua pingat perak dalam Temasya Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur serta mempertahankan pingat emas yang

dimenangnya dalam Temasya Sukan SEA 2015, Singapura. Beliau juga telah mengharumkan nama negara dengan memenangi satu pingat emas, satu pingat perak dan dua pingat gangsa dalam kejohanan *Garcia Fair Cup* di Budapest, Hungary.



sumber: [www.thesundaily.my](http://www.thesundaily.my)

### Sukan Para ASEAN Ke-9

**Eddy Bernard** ialah seorang atlet murid Tingkatan 4 dari SMK Beluran, Sandakan Sabah. Beliau telah menyertai acara T37 (*celebral palsy*) 100 meter dan T22 lompat jauh. Penyertaan Eddy dalam kejohanan ini adalah berdasarkan pencapaiannya dalam *the East Malaysia Para Athletics Championships* di Kuching, Sarawak. Penyertaan julung kali beliau dalam kejohanan ini telah berjaya mencipta kecemerlangan apabila Eddy meraih pingat emas dalam acara 100 meter (12.65 saat) dan pingat perak dalam acara lompat jauh (5.71 meter).



sumber: [www.nst.com.my](http://www.nst.com.my)

Atlet murid Malaysia juga menunjukkan pencapaian cemerlang dalam kejohanan sukan peringkat

antarabangsa yang lain. Antara kejohanan antarabangsa yang disertai adalah seperti berikut:

Bil	Pertandingan	Kejayaan
1.	<p><b>Little Athletics Western Australia 2017</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kejohanan diadakan di Perth, Australia pada bulan Mac 2017.</li> <li>Penyertaan oleh 5 orang atlet murid lelaki dan 5 orang atlet murid perempuan dalam kategori Bawah 14 tahun dan Bawah 15 tahun dengan dipimpin oleh 2 orang jurulatih Sekolah Sukan Malaysia.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kontinjen Malaysia memenangi 4 pingat emas, 6 pingat perak dan 5 pingat gangsa</li> </ul>
2.	<p><b>5<sup>th</sup> Asian School Hockey Championship 2017</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kejohanan diadakan di Bhopal, India pada bulan April 2017.</li> <li>Enam buah negara terlibat, iaitu India, Malaysia, Singapura, China, Sri Lanka dan Thailand.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kontinjen Malaysia berada pada kedudukan ke-4 daripada sepuluh buah negara peserta melalui pungutan pingat sebanyak 72.</li> </ul>
3.	<p><b>9<sup>th</sup> ASEAN Schools Games 2017</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kejohanan diadakan di Singapura pada bulan Julai 2017.</li> <li>Kontinjen Malaysia diwakili oleh 195 orang atlet dan 64 orang pegawai.</li> <li>Malaysia menyertai kesemua 11 jenis sukan - badminton, balapan dan padang, bola keranjang, bola tampar.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kontinjen Malaysia berada pada kedudukan ke-4 daripada sepuluh buah negara peserta melalui pungutan pingat sebanyak 72.</li> </ul>
4.	<p><b>25<sup>th</sup> MSSM-LAWA-SSSC International Little Athletics Championship</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kejohanan dikelola oleh Sekolah Sukan Malaysia Pahang pada bulan Julai 2017.</li> <li>Kejohanan disertai oleh <i>Singapore Schools Sports Council</i> dan <i>Little Athletics Western Australia</i>.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kontinjen Malaysia memenangi 40 pingat emas, 26 pingat perak dan 19 pingat gangsa dan menjuarai kejohanan ini.</li> </ul>



## Bil Pertandingan

### 5. *5<sup>th</sup> Asian School Tennis Championship*

- Kejohanan diadakan di Solo, Indonesia pada bulan Ogos 2017.
- Enam buah negara terlibat, iaitu Thailand, Indonesia, India, China, Singapura dan Malaysia


## Kejayaan

- Acara Berpasukan Lelaki – Malaysia menduduki tempat ke-4 dari 6 pasukan yang bertanding
- Acara Berpasukan Perempuan – Malaysia menduduki tempat ke-5 dari 5 pasukan yang bertanding.

### 6. *45<sup>th</sup> Asian Schools Football Under 18 Championship 2017*

- Kejohanan diadakan di Shiraz City, Iran pada bulan September 2017
- Sembilan pasukan terlibat, iaitu Iran, Indonesia, Korea Selatan, Malaysia, Fars Iran, China, Thailand, Sri Lanka dan India.

- Pasukan Malaysia mampu bersaing dengan pasukan yang lebih senior pada peringkat Asia.
- Pasukan Malaysia telah mendapat tempat ke-4.





## Sekolah Sukan Negeri

Sekolah Sukan Negeri (SSN) ialah sekolah harian di setiap negeri yang mempunyai kemudahan sukan untuk menampung permintaan tinggi dalam kalangan murid yang mempunyai bakat dan minat dalam bidang sukan. SSN menjadi pusat kecemerlangan sukan yang utama pada peringkat negeri. Atlet murid terbaik di sekolah ini akan ditempatkan ke Sekolah

Sukan Malaysia untuk meneruskan persekolahan sekiranya berjaya mengekalkan prestasi cemerlang dalam bidang sukan. Pada tahun 2017, jumlah atlet murid adalah seramai 4,549 orang berbanding enrolmen keseluruhan 8,521 orang murid. Program latihan sukan di SSN adalah di bawah kendalian 68 orang jurulatih sukan sepenuh masa dan 155 orang jurulatih sambilan dalam kalangan guru yang berkemahiran dan berkelayakan (Ekshibit 1-14)

**Ekshibit 1-14: Senarai Sekolah Sukan Negeri dan Jumlah Atlet Murid Mengikut Negeri, 2017**

BIL NEGERI	SEKOLAH	ATLET MURID		JUMLAH ATLET	JUMLAH JURULATIH	
		P	L			
1	Perlis	SMK Syed Hassan	113	172	285	5
2	Kedah	SMK Tunku Anum				
		Tunku Abdul Rahman	95	92	187	5
3	Pulau Pinang	SMK Mutiara Impian	214	330	544	5
4	Perak	SMK Gunung Rapat	107	148	255	5
5	WP Kuala Lumpur	SMK Seri Titawangsa	142	170	312	5
6	Selangor	SMK Seksyen Sebelas	155	158	313	5
7	Negeri Sembilan	SMK Za'ba	127	215	342	4
8	Melaka	SMK Seri Kota	112	241	353	4
9	Johor	SMK Tun Hussein Onn	107	247	354	5
10	Pahang	SMK Seberang Temerloh	75	222	297	5
11	Kelantan	SMK Putera	127	267	394	5
12	Terengganu	SMK Bukit Nenas	112	169	281	4
13	Sabah	SMK Peter Mojuntin	34	57	91	3
14	Sarawak	SMK Tabuan Jaya	113	280	393	3
15	WP Labuan	SMK Mutiara	58	90	148	4
JUMLAH KESELURUHAN				<b>4,549</b>	<b>68</b>	

Sumber: Bahagian Sukan (BSukan)

### • SSN Sports Challenge

Kementerian melalui Bahagian Sukan menganjurkan program SSN Sports Challenge (SSNSC) untuk atlet murid yang berumur 14 tahun dan ke bawah. Program ini dilaksanakan untuk menguji keberkesanan program pembangunan sukan di SSN dan menyediakan pelapis atlet negara pada masa akan datang.

Keberhasilan murid yang diharapkan ialah atlet murid yang mewakili negara berdaya saing serta mampu mencapai kecemerlangan pada peringkat antarabangsa. Pada tahun 2017, acara sukan yang diberikan tumpuan di bawah SSN Sports Challenge ialah padang dan balapan, sepak takraw dan bola jaring.

## Program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah

Program Sukan Prestasi Tinggi Sekolah (SPTS) dilaksanakan di sekolah aliran perdana untuk memberi peluang kepada murid yang berminat untuk mengikuti program sukan dan meneruskan persekolahan dalam laluan akademik. Program SPTS bertujuan untuk melatih atlet muda yang berbakat di peringkat sekolah sejak berumur 6 hingga 18 tahun. Program ini juga bertujuan untuk melahirkan jurulatih yang bertauliah dalam kalangan guru. SPTS dilaksanakan di Pusat Kecemerlangan Sukan dan Pusat Latihan Daerah (PLD) di setiap negeri.

Lapan jenis sukan telah dipilih sebagai sukan prestasi tinggi iaitu bola sepak, sepak takraw, hoki, memamah, badminton, olahraga, gimnastik artistik dan gimrama. Mulai tahun 2016, sukan skuasy telah diperkenalkan sebagai sukan prestasi tinggi di sekolah-sekolah terpilih. PLD di setiap negeri diberi tanggungjawab untuk melaksanakan satu jenis sukan di bawah program ini yang dikendalikan oleh jurulatih berkelayakan dalam kalangan guru. Pada tahun 2017, sejumlah 883 buah PLD melaksanakan program SPTS yang melibatkan 144 daerah dan 712 buah sekolah di seluruh negara.

### Kejohanan Sukan Sekolah Pedalaman

Kementerian juga menjalankan beberapa acara sukan khusus untuk murid di Sekolah Orang Asli dan pedalaman Sabah dan Sarawak. Tujuan kejohanan ini diadakan adalah untuk memberi peluang kepada murid di pedalaman yang berbakat untuk bertanding dalam pertandingan yang berstruktur. Kejohanan ini juga dapat

memupuk budaya bersukan dan menjalinkan ikatan perpaduan serta menggalakkan interaksi antara pelbagai etnik Orang Asli di Semenanjung, dan pribumi di Sabah dan Sarawak. Kejohanan sukan ini juga membolehkan pihak Kementerian mencungkil bakat sukan dalam kalangan murid di kawasan pedalaman.

#### • Kejohanan Sukan Sekolah Murid Orang Asli

Kejohanan ini telah dijalankan buat pertama kalinya pada tahun 2007 dengan penyertaan daripada tiga buah negeri, iaitu Pahang, Perak dan Kelantan. Pada tahun 2008, empat buah negeri, iaitu Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Terengganu telah menyertai kejohanan ini menjadikan tujuh pasukan yang bertanding.

Pada tahun 2017, seramai 476 orang murid telah bertanding dalam empat acara sukan, iaitu padang dan balapan, bola sepak, sepak takraw dan bola baling. Johan keseluruhan bagi kejohanan ini ialah negeri Kelantan, diikuti dengan Perak sebagai Naib Johan, manakala Pahang di tempat ketiga.

#### • Kejohanan Sukan Sekolah Pedalaman Sabah 2017

Kejohanan Sukan Sekolah Pedalaman Sabah julung kali diadakan pada tahun 2013 di Keningau. Kejohanan ini melibatkan sekolah-sekolah pedalaman di 24 buah daerah di Sabah. Tiga jenis sukan telah dipertandingkan iaitu padang dan balapan, bola jaring dan sepak takraw. Pada tahun 2017, Sandakan telah menjadi tuan rumah kejohanan ini yang melibatkan penyertaan seramai 528 orang murid dan 208 orang pegawai. Daerah Keningau telah muncul sebagai juara.

• **Kejohanan Sukan Sekolah Pribumi Sarawak 2017**

Kejohanan ini dahulunya dikenali sebagai Kejohanan Sukan Sekolah Murid Penan. Kejohanan yang diperkenalkan pada tahun 2008 ini melibatkan penyertaan tujuh buah sekolah Penan iaitu SK Long Sait, SK Long Pelutan, SK Long Kevok, SK Long Jekitan, SK Long Luteng, SK Long Lamei dan SK Lusong Laku. Pada tahun 2013, kejohanan ini ditukar nama kepada Kejohanan Sukan Sekolah Pedalaman Sarawak. Atas cadangan JPN Sarawak, nama kejohanan ini kemudiannya ditukar kepada Kejohanan Sukan Sekolah Pribumi Sarawak pada tahun 2014 khusus untuk sekolah-sekolah rendah pedalaman Kategori Pedalaman III di Sarawak.

Pada tahun 2017, Sibu telah dipilih sebagai tuan rumah kejohanan ini tetapi hanya acara padang dan balapan sahaja dipertandingkan dengan melibatkan seramai 528 orang murid dan 110 orang pegawai. Johan keseluruhan kejohanan ini ialah daerah Song, manakala naib johan ialah daerah Tatau dan tempat ketiga ialah daerah Lubuk Antu. Murid yang menjadi johan dalam acara masing-masing ditawarkan untuk meneruskan persekolahan ke SMK Tabuan Jaya, iaitu Sekolah Sukan Negeri Sarawak.

**Skim Biasiswa Sukan**

Skim Biasiswa Sukan merupakan satu bentuk ganjaran daripada Kementerian kepada murid yang sentiasa bersedia mewakili negara dalam pertandingan sukan pada peringkat antarabangsa. Tujuan biasiswa ini ialah untuk menarik lebih ramai murid berkecimpung dalam sukan dan mencapai prestasi tinggi dalam acara yang diwakili. Biasiswa ini dapat menampung pembiayaan murid dalam program latihan dan pembelian kelengkapan sukan serta makanan tambahan. Pada tahun 2017, sebanyak 1,951 orang murid di seluruh negara mendapat manfaat daripada biasiswa ini (Ekshibit 1-15).

**Ekshibit 1-15: Kadar Skim Biasiswa Sukan**

Tingkatan / Tahun	Kadar Biasiswa ( RM Sebulan )	Kadar Biasiswa ( RM Setahun)
Tingkatan 1 hingga 4 Tahun 1 (Kolej Vokasional)	70.00 x 12	840.00
Tingkatan 5 Tahun 1 (Kolej Vokasional)	70.00 x 11	770.00





## SEKOLAH SENI

Sekolah Seni ditubuhkan untuk memberi laluan pendidikan kepada murid yang berminat dan berbakat dalam bidang seni untuk mengasah potensi diri melalui pendidikan formal yang disediakan. Graduan sekolah seni akan berupaya mempromosi dan memelihara warisan seni budaya serta menjadi sumber manusia yang kreatif dan juga menyumbang kepada bidang pelancongan negara. Sekolah seni yang pertama ditubuhkan ialah Sekolah Seni Malaysia Johor dan Sekolah Seni Malaysia Sarawak pada tahun 2007.

Sehingga kini terdapat tiga buah sekolah seni di Malaysia yang menawarkan pengkhususan dalam bidang seni muzik, tarian, teater dan seni visual:

- Sekolah Seni Malaysia Sarawak (SSeMS)
- Sekolah Seni Malaysia Kuala Lumpur (SSeMKL)
- Sekolah Menengah Kebangsaan Muhibbah, Sungai Siput (U), Perak
- Sekolah Menengah Kebangsaan Elopura, Sandakan, Sabah
- Sekolah Seni Malaysia Johor (SSeMJ)

Untuk menampung permintaan terhadap laluan dalam pendidikan seni, Kementerian telah memperkenalkan Program Pendidikan Seni di dua buah sekolah menengah kebangsaan harian pada tahun 2016. Sekolah tersebut adalah seperti berikut:

Enrolmen kemasukan ke sekolah seni dari Tingkatan 1 hingga 5 telah meningkat sekali ganda kepada 1,114 orang murid, iaitu peningkatan sebanyak 105% berbanding tahun 2013 (Ekshibit 1-16).

**Ekshibit 1-16: Enrolmen Program Pendidikan Seni Mengikut Jantina, 2013 - 2017**



TAHUN	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
2013	250	323	573
2014	298	363	661
2015	317	403	720
2016*	496	679	1,175
2017*	466	648	1,114

\*termasuk enrolmen dalam Program Pendidikan Seni

Sumber: Bahagian KoKurikulum dan Seni (BKK)

Lepasan SPM daripada Sekolah Seni Malaysia melanjutkan pengajian pada peringkat tertiar dalam bidang berkaitan seni di universiti awam, iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Malaysia Sarawak

(UNIMAS), dan Akademi Seni Budaya Warisan dan Kebangsaan (ASWARA). Mereka yang ingin meneruskan kerjaya sebagai guru Pendidikan Seni mengambil jurusan berkaitan yang ditawarkan oleh Institut Pendidikan Guru (IPG).

### PERMOHONAN KE TINGKATAN 1 SEKOLAH SENI MALAYSIA

1. Warganegara Malaysia
2. Berbakat dan berpotensi dalam bidang kesenian (seni Visual/Tari/Teater/Muzik)
3. Sihat tubuh badan; Bukan dalam kalangan murid OKU
4. Hanya permohonan secara dalam talian akan diproses. (rujuk laman sesawang <https://essem.moe.gov.my>)

### SYARAT KEMASUKAN KE SEKOLAH SENI MALAYSIA

1. Lulus semua mata pelajaran dengan mendapat sekurang-kurangnya 3B dalam UPSR.
2. Lulus dalam Sesi Serlahan Seni / Uji Bakat.
3. Bersetuju menerima kemasukan ke Sekolah Seni Malaysia yang ditawarkan mengikut bidang yang ditetapkan.
4. Murid yang berjaya wajib tinggal di asrama dan tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan.
5. Mengemukakan rekod kesihatan murid.
6. Mengemukakan semua dokumen asal semasa temuduga.
7. Permohonan akan ditolak sekiranya calon memalsukan sebarang dokumen semasa temuduga





## LALUAN PENDIDIKAN YANG PELBAGAI MENGASAH BAKAT DAN MEMPERKEMBAVNG MINAT MURID KE ARAH KEJAYAAN

Kementerian Pendidikan Malaysia menawarkan pelbagai laluan pendidikan kepada murid berdasarkan keupayaan, minat dan bakat untuk memastikan potensi diri dapat diserlahkan selain daripada pencapaian akademik yang cemerlang. Antara laluan pendidikan yang disediakan ialah pendidikan dalam bidang seni dan sukan.

### **Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Muhibbah, Sungai Siput (U), Perak**

dibuka secara rasmi pada bulan Januari 2001. Pada bulan Ogos 2004, sekolah ini telah dilengkapi dengan kemudahan asrama harian yang dapat menampung seramai 300 orang murid. Penyediaan asrama di sekolah ini dapat memberikan akses kepada pendidikan yang lebih baik kepada anak-anak berbilang bangsa di luar bandar dalam daerah Sungai Siput.

Bagi menampung permintaan terhadap laluan pendidikan seni, dan berdasarkan keupayaan dan kemampuan sekolah,

pada tahun 2016, Program Pendidikan Seni telah diperkenalkan di SMK Muhibbah. Sekolah ini menerima kemasukan kumpulan murid sulung seramai 51 orang dalam empat bidang seni, iaitu Seni Visual, Seni Muzik, Seni Tari dan Seni Teater. Permintaan tinggi dalam bidang seni dibuktikan apabila bilangan permohonan kemasukan ke sekolah melebihi 1,000 daripada bilangan tempat yang ditawarkan, iaitu 300 berdasarkan kapasiti asrama.

Dalam umur setahun jagung, darah setampuk pinang, SMK Muhibbah telah berjaya mendapat pengiktirafan yang membanggakan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara pencapaian terbaiknya ialah menjadi Johan dalam *the Malaysian Floor Pattern Sport Dance Competition* di Istana Budaya pada bulan April 2017, Johan Keseluruhan, *the International Monolift Festival* di Costa Brava, Spain, dan *World Champion* dalam *the Singapore International Cingey Parade*.





**Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ), Kompleks Sukan Negara, Kuala Lumpur** merupakan sekolah sukan pertama di Malaysia. Sekolah ini ialah sekolah elit khas untuk melatih murid mengembangkan bakat sebagai atlet negara berpotensi tinggi untuk mengharumkan nama negara di persada dunia.

SSBJ menawarkan 24 jenis sukan kepada murid dengan disokong oleh guru dan jurulatih sukan yang bertauliah. Setiap atlet murid perlu mengikuti jadual latihan yang ditetapkan untuk meningkatkan penguasaan dalam bidang sukan masing-masing di samping mengikuti sesi pembelajaran berasaskan akademik. Sesi latihan sukan yang padat menjadikan murid bijak mengurus masa dan berdisiplin untuk menyeimbangkan pencapaian dalam bidang akademik dan sukan. SSBJ juga memastikan setiap murid tidak ketinggalan dalam pelajaran walaupun menyertai pertandingan di seluruh pelosok negara dan serata dunia

kerana sesi ulang kaji khusus diadakan bagi atlet murid.

Atlet murid daripada SSBJ telah menempa nama dalam pelbagai pertandingan pada peringkat antarabangsa, contohnya Kejohanan Sukan SEA ke-29 di Kuala Lumpur. Pelibatan murid dalam bidang sukan secara khusus bukan sahaja menyumbang kepada kecemerlangan sukan negara tetapi juga bermanfaat kepada pembentukan diri murid untuk menjadi insan yang berdisiplin, bersemangat juang yang tinggi serta produktif.

**Untuk melihat kejayaan kedua-dua sekolah dengan lebih lanjut ini, sila imbas kod ini untuk menonton video.**




## SEKOLAH AGAMA ISLAM

Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) ialah sekolah agama kelolaan Kementerian yang menawarkan mata pelajaran akademik dan mata pelajaran dalam bidang pendidikan Islam. SMKA mula diwujudkan pada tahun 1977 dengan pengambilalihan 11 buah Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR). SABK bermula pada tahun 2005 dengan pendaftaran SAN dan SAR sebagai Sekolah Bantuan Kerajaan di bawah Kementerian.

Peningkatan bilangan SMKA adalah mengikut unjuran yang ditentukan oleh pihak Kementerian, manakala peningkatan bilangan SABK pula adalah berdasarkan permohonan Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) masing-masing untuk berdaftar di bawah Kementerian. Setelah berdaftar sebagai sekolah di bawah Kementerian, SABK diurus berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pendidikan 1996 dan peraturan-peraturan di bawahnya serta menerima bantuan seperti sekolah-sekolah lain di bawah Kementerian (Ekshibit 1-17).

### Ekshibit 1-17: Bilangan Sekolah Agama di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mengikut Peringkat Pendidikan, 2017



Sekolah	Bilangan Sekolah	Jumlah Murid
PraSekolah	17	757
SABK Rendah	41	17,111
SABK Menengah	180	68,788
SMK Agama	59	39,229

Sumber: Bahagian Pendidikan Islam (BPI)

Pencapaian murid sekolah agama di bawah Kementerian pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa ditunjukkan dalam Ekshibit 1-18.

### Ekshibit 1-18: Pencapaian Murid Sekolah Agama pada Peringkat Antarabangsa, 2017

Bil	Pertandingan	Kejayaan
1.	<p><b><i>Bangkok International, Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition (IPITEX) 2017</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempat: Bangkok International Trade &amp; Exhibition Centre (BITEC) Thailand</li> <li>• 1-7 Februari 2017</li> </ul>	<p>SMA Daeratul Ma'arifil Wataniah 2, Pulau Pinang</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 pingat emas</li> </ul>
2.	<p><b><i>Bangkok International, Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition (IPITEX) 2017</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempat: Bangkok International Trade &amp; Exhibition Centre (BITEC) Thailand</li> <li>• 1-7 Februari 2017</li> <li>• Dianjurkan oleh the Korea University Invention Association (KUIA)</li> <li>• Kerjasama dengan the National Research Council of Thailand (NRCT)</li> <li>• 58 Penyertaan</li> <li>• Melibatkan lebih 150 orang penyelidik muda dan pensyarah.</li> <li>• Disertai oleh lebih daripada 19 buah negara</li> </ul>	<p>SMA Al Madrasah Alalawiyah Addiniah, Perlis</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 pingat emas</li> <li>• <i>Rubber Culen Starter</i></li> <li>• <i>The Sweet Dream</i></li> <li>• <i>Heal Mask</i></li> <li>• 1 pingat gangsa</li> </ul>
3.	<p><b><i>Malaysian International Young Inventors Olympiad</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Maidin Mall, Pulau Pinang</li> <li>• 5 April 2017</li> </ul>	<p>SAMT Tengku Ampuan Jemaah, Shah Alam, Selangor</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempat ketiga</li> </ul>
4.	<p><b><i>Continental Taekwondo Championship</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Sakai, Jepun</li> <li>• 23 April 2017</li> </ul>	<p>SMKA Maahad Hamidiah, Selangor</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tempat ketiga (<i>Junior 45 Kg</i>)</li> </ul>
5.	<p><b><i>The International Invention &amp; Technology Exhibition (ITEX) 2017</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• KL Convention Centre</li> <li>• 10-13 Mei 2017</li> </ul>	<p>SMA Al Madrasah Alalawiyah Addiniah, Perlis</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 1 anugerah terbaik (<i>Best Award</i>)</li> <li>• 1 pingat emas</li> <li>• 3 pingat perak</li> </ul>
6.	<p><b><i>10<sup>th</sup> Annual International Quranic Competition Honoring Ceremony 2017</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Gombak Selangor Darul Ehsan</li> <li>• 13 Mei 2017</li> </ul>	<p>SM Integrasi Sains Tahfiz (SMISTA) Kuala Lumpur</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Naib johan hafazan Kategori 1 - 10 Juzuk (Umairah Syafiyah Binti Abdul Malik Al-Ahmadi, 15)</li> </ul>



Bil	Pertandingan	Kejayaan
7.	<b><i>The 9<sup>th</sup> Euroinvent: Email European Exhibition Of Creativity An Innovation</i></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Palace of Culture Lasi, Romania</i></li> <li>• 25-27 Mei 2017</li> </ul>	SMA Daeratul Ma'arifil Wataniah 1 Pulau Pinang <ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 anugerah khas (<i>Special Award</i>)</li> <li>• 1 pingat emas (<i>Go-Chack</i>)</li> <li>• 1 pingat perak (<i>Open Wall</i>)</li> </ul>
8.	<b><i>International Students Science Fair (ISSF) 2017</i></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Korea Science Academy of KAIST Busan, Korea Selatan</i></li> <li>• 19-23 Jun 2017</li> </ul>	Sekolah Menengah Agama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (SMAWIP) Kuala Lumpur <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Most Creative Research</i></li> <li>• <i>The Mathematical Underpinnings Of Islamic Geometric Art (Group)</i></li> <li>• <i>Drone Design ( 1<sup>st</sup> Place)</i></li> <li>• <i>Drone Aviation (3<sup>rd</sup> Place)</i></li> <li>• <i>Science Competition (3<sup>rd</sup> Place)</i></li> </ul>
9.	<b><i>Singapore International Math Olympiad Challenge</i></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>National University of Singapore</i></li> <li>• 14-17 Julai 2017</li> </ul>	SAMT Tengku Ampuan Jemaah <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pingat emas</li> </ul>
10.	<b><i>World Invention Creativity Contest (WICC) Korea</i></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Seoul Trade Exhibition And Convention Centre (SETEC), Seoul, Korea</i></li> <li>• 26-31 Julai 2017</li> </ul>	SMA Al Madrasah Al-Alawiyah Addiniah, Perlis <p><b>Anugerah Terbaik</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>The Sweet Dream</i></li> </ul> <p><b>2 Pingat Emas</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Heal Mask</i></li> <li>• <i>The Sweet Dream</i></li> </ul> <p><b>2 Pingat Perak</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Rubber Coal</i></li> <li>• <i>Herbal Rodents Dispel (HRD)</i></li> </ul>
11.	<b><i>Southern International Scout Fiesta 2017</i></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>SMK Dato' Penggawa Barat Pontin, Johor</i></li> <li>• 27-30 Julai 2017</li> </ul>	SMA Lughatul Quran, Tangkak, Johor <ul style="list-style-type: none"> <li>• 25 ahli pengakap layak sijil antarabangsa (<i>Activity Based</i>)</li> </ul>
12.	<b><i>Southern International Scout Fiesta 2017</i></b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>SMK Dato' Penggawa Barat Pontin, Johor</i></li> <li>• 27-30 Julai 2017</li> </ul>	SMA Al Khairiah Segamat, Johor <ul style="list-style-type: none"> <li>• 3 orang guru dan 4 ahli Pengakap layak menerima sijil antarabangsa (<i>Activity Based</i>)</li> </ul>

**Bil** **Pertandingan****Kejayaan**

- |   |   |
|---|---|
| <p>13. <b>2017 Kaohsiung International And Design Expo</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaohsiung Taiwan</li> <li>• 8-10 Disember 2017</li> <li>• Kontinjen diketuai oleh penyelidik, Prof. Madya Dr. Mohd Mustafa A Bakri Abdullah</li> <li>• Produk hasil kerjasama penyelidikan dengan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan, Universiti Malaysia Perlis</li> <li>• Penyertaan dari 19 buah negara</li> <li>• 360 produk dipertandingkan</li> </ul> | <p>SMA Al Madrasah Alalawiyah Addiniah, Perlis</p> <p><b>2 Pingat Emas</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Herbal Rodents Dispel</i> (HRD)</li> <li>• <i>Smart Organic Fertilizer Technology</i> (Soft)</li> </ul> <p><b>Anugerah Khas (Best Award)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Herbal Rodents Dispel</i> (HRD)</li> </ul> <p><b>1 Pingat Perak</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Herbal Treatment Gel</i> (HTG)</li> </ul>  |
| <p>14. <b>2017 Kaohsiung International And Design Expo</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kaohsiung Taiwan</li> <li>• 8-10 Disember 2017</li> </ul>   | <p>Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (P) Alawiyah, Kangar</p> <p>1 pingat emas</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Produk <i>Greenie</i></li> </ul>   |
| <p>15. <b>Innovation Design Research International Symposium (IDRIS) 2017</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuala Lumpur, Malaysia</li> <li>• 23-25 April 2017</li> </ul>  | <p>SMKA (P) Alawiyah, Arau, Perlis</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pingat emas</li> </ul>  |

## MENYEDIAKAN PENDIDIKAN BAGI KUMPULAN KHUSUS

Kementerian terus menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti untuk anak-anak Malaysia yang kurang bernasib baik untuk memastikan mereka menjadi warganegara yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan diri, keluarga dan negara. Penyediaan pendidikan yang khusus mengikut keperluan anak-anak dengan latar belakang dan sosioekonomi khusus akan memastikan mereka tidak terpinggir daripada pendidikan yang disediakan dalam arus perdana.

### SEKOLAH DALAM HOSPITAL

Sekolah Dalam Hospital (SDH) merupakan pusat pembelajaran yang khusus dan berstruktur untuk mengatasi isu murid yang ketinggalan dalam sesi persekolahan apabila menerima rawatan untuk


tempoh yang lama atau berulang di hospital. SDH merupakan kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pembelajaran di SDH berorientasikan didik hibur, mudah lentur dan guru berfungsi sebagai pemudah cara. Kementerian membekalkan guru terlatih dan pembantu pengurusan murid kepada setiap sekolah, selain bahan bantu mengajar yang bersesuaian.

Pada tahun 2017, terdapat 15 buah SDH di seluruh negara (Ekshibit 1-19) yang memberi peluang kepada 13,267 orang murid berdaftar untuk meneruskan pendidikan dengan pelibatan 112 orang guru dan 16 orang pembantu pengurusan murid (Ekshibit 1-20). Enrolmen di SDH mengikut peringkat pendidikan ditunjukkan dalam Ekshibit 1-21.





Ekshibit 1-19: Lokasi Sekolah Dalam Hospital di Seluruh Negara, 2017



Ekshibit 1-20: Bilangan Murid Yang Berdaftar, Guru dan Pembantu Pengurusan Murid di Sekolah Dalam Hospital, 2017

Bil	Sekolah	Murid	Guru	Pembantu Pengurusan Murid
1	SDH Hospital Kuala Lumpur	779	11	2
2	SDH Hospital Serdang, Selangor	2,116	8	1
3	SDH Hospital Ampang, Selangor	876	7	1
4	SDH Hospital Sultanah Aminah, Johor	892	6	1
5	SDH Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang	644	4	1
6	SDH Hospital Universiti Sains Malaysia, Kelantan	765	10	1
7	SDH Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Kuala Lumpur	359	7	1
8	SDH Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Johor	1,756	9	1
9	SDH Pusat Perubatan Universiti Malaya, Kuala Lumpur	329	8	1
10	SDH Hospital Selayang, Selangor	1,090	8	1
11	SDH Tuanku Ja'afar, Negeri Sembilan	1,417	6	1
12	SDH Hospital Umum Sarawak	909	8	1
13	SDH Hospital Wanita dan Kanak-kanak Likas, Sabah	502	9	0
14	SDH Hospital Tawau, Sabah	550	6	2
15	SDH Hospital Sultanah Nur Zahirah, Terengganu	283	5	1
<b>JUMLAH</b>		<b>13,267</b>	<b>112</b>	<b>16</b>

Sumber: Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas)  
Nota :Data sehingga 31 Oktober 2017

**Ekshibit 1-21: Enrolmen di Sekolah Dalam Hospital Mengikut Peringkat Pendidikan, 2017**

Prasekolah	1,385	+	1,046	=	2,431	18.3%
Sekolah Rendah	3,955	+	2,986	=	6,941	52.3%
Sekolah Menengah	2,214	+	1,329	=	3,543	26.7%
SPK/ PPKI/ PPI	221	+	131	=	352	2.7%
	7,775	+	5,492	=	13,267	100%

Sumber: Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas)

Nota: SPK - Sekolah Pendidikan Khas; PPKI - Program Pendidikan Khas Inklusif; PPI - Program Pendidikan Inklusif

Pelaksanaan SDH sentiasa mendapat perhatian dan kerjasama daripada pelbagai agensi luar seperti badan bukan kerajaan dan syarikat korporat melalui bantuan yang diberikan bagi memenuhi tanggungjawab sosial mereka. Sumbangan yang diterima

amat membantu pihak Kementerian merealisasikan pelbagai aktiviti dalam program SDH. Keberkesanan dan manfaat SDH kepada murid bermasalah kesihatan telah terbukti melalui maklum balas positif daripada semua pihak.





## SEKOLAH DALAM HOSPITAL MEMBEKALKAN PENDIDIKAN BERTERUSAN

### Narwida binti Najil

merupakan seorang murid yang telah mendapat pendidikan di **Sekolah Dalam Hospital di Hospital Wanita dan Kanak-kanak Likas, Kota Kinabalu Sabah (SDH HWKKL)**

semenjak tahun 2014 apabila beliau disahkan mengidap penyakit

kanser tulang (osteosarcoma). Beliau tetap membuat persediaan menghadapi peperiksaan SPM dan pada masa yang sama menjalani rawatan penyakitnya. Berkat kesungguhan dan kecekalannya, Narwida mendapat keputusan yang agak membanggakan dalam SPM, iaitu 2A, 4B, 1C, dan 3D.

Beliau bertekad untuk meneruskan pengajian dan telah menduduki

peperiksaan STPM pada tahun 2016. Dengan keputusan STPM beliau, Narwida berjaya diterima masuk ke kursus Ijazah Sarjana Muda Perniagaan dengan

Kepujian dalam jurusan Keusahawanan di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Narwida menjadi inspirasi dan suri teladan kepada pesakit murid yang lain apabila menerima Anugerah Khas dalam Majlis Apresiasi SDH HWKKL pada tahun 2017.

*“Narwida selesai menjalani kemoterapi pada tahun 2015. Dua bulan sebelum menduduki peperiksaan STPM pada tahun 2016, dia menjalani pembedahan paru-paru. Namun, semasa menjalani pemeriksaan susulan pada awal tahun 2017, Narwida dimaklumkan sel kansernya kembali aktif dan merebak. Pada mulanya dia enggan menjalani semula rawatan kemoterapi kerana tidak sanggup lagi menghadapi*

*implikasi kemo. Tambahan pula, dia baru kehilangan dua orang kawan rapat yang sama-sama menjalani rawatan di HWKKS kerana penyakit kanser yang sama.”*

*“Namun berbekalkan sokongan, motivasi dan dorongan keluarga, doktor, jururawat, guru dan rakan-rakan, dia tetap menduduki peperiksaan. Semasa menjalani pusingan kemo yang seterusnya, dia memperoleh khabar gembira apabila diterima ke UMS. Kini, Narwida sedang menyambung pengajiannya di UMS dan pada masa yang sama menjalani rawatan kemo yang dijadualkan selesai tahun ini”.*

**Puan Debbie Clement**

Guru

*“Saya sangat bersyukur dan berterima kasih kepada guru-guru Sekolah Dalam Hospital kerana mengajar anak saya dengan sangat baik. Anak saya mendapat keputusan SPM yang cemerlang dalam subjek yang pernah diajar oleh guru-guru. Saya harap Narwida sentiasa bersemangat mengejar cita-cita dan sentiasa tabah melawan penyakitnya.”*

**Puan Norazila Abdullah**

Ibu

*“Guru-guru Sekolah Dalam Hospital sangat memahami keadaan saya yang ketika itu sedang dirawat. Mereka mengajar saya betul-betul sehingga saya faham apa yang diajar. Cara mereka mengajar dapat meningkatkan minat saya untuk meneruskan pembelajaran.”*

*“Cara guru mengajar yang menyeronokkan menyebabkan kami lupa bahawa kami sedang menjalani rawatan. Belajar bersama-sama rakan murid pesakit yang lain menyebabkan saya berfikir bahawa saya tidak keseorangan. Selain itu, semangat saya meningkat untuk belajar bersama-sama mereka.”*

**Narwida binti Najil**

Murid





## SEKOLAH BIMBINGAN JALINAN KASIH

Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK) merupakan satu inisiatif Kementerian bagi menyediakan pendidikan formal dalam persekitaran yang selamat untuk kanak-kanak jalanan di sekitar Kuala Lumpur. Penubuhan sekolah ini adalah selari dengan piagam *United Nations Convention on the Rights of the Child* dan konsep *Education for All* oleh UNESCO.

SBJK mula beroperasi pada 19 Ogos 2013 berdasarkan pelaksanaan pendidikan alternatif. Objektif penubuhan SBJK adalah seperti berikut :

- i. Menyediakan akses pendidikan formal dalam persekitaran yang kondusif untuk kanak-kanak jalanan dan terpinggir.
  - ii. Mengurangkan kadar keciciran dalam kalangan rakyat Malaysia.
  - iii. Memberi peluang laluan kerjaya kepada kanak-kanak jalanan dan terpinggir.
  - iv. Membina insan yang berilmu, berkemahiran dan berdikari.
- Pada tahun 2017, kerajaan telah memberikan peruntukan bagi penambahan bangunan baharu dan asrama untuk menampung peningkatan lebih ramai murid di SBJK. Peruntukan ini memberi akses kepada pendidikan yang lebih baik dan suasana pembelajaran yang lebih selesa. Untuk memberikan semangat dan motivasi kepada kanak-kanak jalanan meneruskan persekolahan, personaliti popular Dato' Aznil Haji Nawawi, telah dilantik menjadi Ikon SBJK secara rasmi pada 26 Januari 2017.

### SBJK SEPINTAS LALU 2017

Enrolmen	= 152
Guru	= 16
Staf Sokongan	= 5
Calon UPSR 2017	= 8
Calon PT3 2017	= 7
Calon SPM 2017	= 11





Aktiviti 'Shopping Raya' 2017 anjuran TESCO bersama Ikon SBJK, Datuk Aznil Hj Nawawi

Sumber: <http://www.kedahnews.com>

Kementerian amat menghargai dan berbangga dengan sumbangan dan sokongan yang diberikan oleh pelbagai pihak, iaitu agensi awam dan swasta, badan bukan kerajaan dan orang perseorangan bagi menjaga kebajikan dan



Persembahan Buskers dan Tarian SBJK sempena *The 6th Asia Pro Bono Conference*

Sumber: <http://www.kedahnews.com>

meningkatkan kejayaan murid SBJK dan warganya secara berkala (Ekshibit 1-22). Sumbangan ini memperlihatkan keprihatinan dan tanggungjawab sosial mereka terhadap kebajikan murid bagi memastikan kejayaan SBJK.



**Ekshibit 1-22: Jenis Sokongan kepada Murid Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih, 2017**

<b>Bidang</b>	<b>Agensi</b>	<b>Aktiviti</b>
<b>Kerohanian</b>	Pertubuhan Kebajikan Pelajar Qari & Qariah Malaysia (PERQAM)	• Kelas Feqah, Tauhid dan Al-Quran
	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)	• Kelas KAFA
	Institut Pengajian Al-Quran (IPAQ)	• Kelas Mengaji AL-Quran
<b>Kemahiran</b>	Kembara Kitchen	• Kelas Memasak • Program Jamuan Raya Aidilfitri
	Orang Perseorangan	• Kelas Jahitan
<b>Kesenian</b>	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN)	• Kelas Tarian • Kelas Band • Kelas Gamelan • Senam Seni
<b>Akademik</b>	Yayasan Sukarelawan Siswa	• Kelas Tambahan Bahasa Melayu dan Sejarah
	Orang Perseorangan	• Kelas Tuisyen SPM
<b>Sukarelawan</b>	Institut Onn Jaafar	• Menyediakan Sarapan Berkhasiat • Mengadakan kerjasama dengan Universiti Awam dan Swasta dalam pelbagai aktiviti
<b>Kerjaya</b>	DRB-HICOM	• Taklimat Kerjaya • Kursus Automotif SKM 2
	Kolej Komuniti	• Taklimat dan Lawatan • Kerjasama ke arah latihan kemahiran
	7 Eleven Malaysia Holdings Berhad	• Taklimat Kerjaya • Mendapatkan pekerjaan di syarikat
	TESCO Stores Malaysia Sdn Bhd	• SBJK sebagai Sekolah Angkat • Memberi peluang kerjaya • Program <i>Shopping Raya</i> 2017
	Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya	• Aktiviti kesedaran berkaitan kesalahan ringan dan berat • Meningkatkan semangat anak-anak untuk ke menara gading

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)



Pada tahun 2017, murid di SBJK telah menggunakan pengetahuan, kemahiran dan bakat yang digilap melalui pelibatan dalam pelbagai acara (Ekshibit 1-23). Secara tidak langsung, pelibatan murid SBJK dalam aktiviti yang disertai telah meningkatkan keyakinan dan jati diri mereka serta membentuk sikap positif terhadap masyarakat dan

masa depan. Keberhasilan murid SBJK hasil didikan para guru dan sokongan daripada komuniti dan pihak swasta menunjukkan bahawa Kementerian berada pada landasan yang betul dalam membantu memenuhi keperluan kanak-kanak jalanan dan terpinggir meneruskan pendidikan secara terancang.

### Ekshibit 1-23: Kejayaan Murid SBJK dalam Pelbagai Aktviti, 2017

#### Kumpulan Buskers SBJK (Bandana Buskers)

- Tujuh orang murid telah menerima pelbagai jemputan pada peringkat sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Pejabat Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pelbagai Kementerian, hotel, karnival dan juga peringkat Antarabangsa (*6th Asia Pro Bono Conference*).

#### Kumpulan Tarian SBJK

- Lima orang murid telah menerima jemputan pada peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia dan antarabangsa (*6th Asia Pro Bono Conference*) melalui latihan dari Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

#### Kemahiran Menjahit

- Projek Menjahit Sampai Pandai yang disertai oleh 19 orang murid peringkat rendah dan menengah membolehkan mereka menghasilkan pakaian seperti seluar, skirt, baju kurung dan jubah.

#### Kemahiran Memasak dan Keusahawanan

- Penyertaan murid dalam kelas memasak anjuran Kembara Kitchen membolehkan mereka membantu sekolah dalam penyediaan minum petang kepada rakan-rakan di SBJK.
- Projek jualan Roti John dan kuih raya di Bazar Ramadhan meningkatkan kemahiran insaniah iaitu kemahiran komunikasi dan keusahawanan dalam kalangan murid.

#### Tawaran ke Sekolah Sukan Negeri WP Kuala Lumpur

- Seorang murid berjaya masuk ke Sekolah Sukan Negeri WP Kuala Lumpur dengan keputusan UPSR yang baik dan melepasi Ujian Saringan Sukan Olahraga.

#### Kerjaya Murid

- Murid lepasan SPM tahun 2017 kebanyakannya telah bekerja sementara menunggu keputusan SPM sebagai pembantu jualan di pusat membeli belah, pembantu di kedai cetakan, belajar bidang masakan, dan penggunting rambut.



## SEKOLAH INTEGRITI DAN SEKOLAH HENRY GURNEY

Penubuhan Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney ialah hasil usaha sama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Jabatan Penjara Malaysia. Tujuan penubuhan sekolah-sekolah ini adalah untuk menyediakan pendidikan secara formal di institusi penjara kepada pelajar juvana dan banduan muda yang berumur antara 14 hingga 21 tahun. Pelajar banduan muda ditempatkan di Sekolah Integriti, manakala pelajar juvana meneruskan

persekolahan di Sekolah Henry Gurney. Remaja di kedua-dua sekolah ini turut berpeluang menduduki peperiksaan awam (Ekshibit 1-24). Pendidikan di sekolah ini memberi peluang kedua kepada juvana dan banduan muda untuk berubah dan meningkatkan sahsiah diri, aspek akademik dan kokurikulum. Sehingga tahun 2017, terdapat lapan buah Sekolah Integriti dan empat buah Sekolah Henry Gurney di seluruh negara. Pencapaian murid di Sekolah Henry Gurney dalam SPM 2017 ditunjukkan dalam Ekshibit 1-25.

### Ekshibit 1-24: Bilangan Calon SPM 2017 Sekolah Integriti (SI) dan Sekolah Henry Gurney (SHG)



SEKOLAH

SI Kajang, Selangor	10
SI Kluang, Johor	9
SI Marang, Terengganu	6
SI Sungai Petani, Kedah	8
SI Kota Kinabalu, Sabah	8
SI Kuching, Sarawak	3
SI Bentong, Pahang	2
SI Muar, Johor	9
SHG Telok Mas, Melaka	65
SHG Keningau, Sabah	8
SHG(W) K. Kinabalu, Sabah	-
SHG Puncak Borneo	8



Bilangan Calon SPM

Sumber : Jabatan Penjara Malaysia, Disember 2017

### Ekshibit 1-25: Pencapaian Terbaik Murid Sekolah Henry Gurney dalam Peperiksaan SPM, 2017



SEKOLAH

SHG Telok Mas Melaka	9 A
SHG Telok Mas Melaka	8A 2B
SHG Telok Mas Melaka	7A 1B
SHG Telok Mas Melaka	6A 1B 2D
SHG Telok Mas Melaka	6A 2B 1C
SHG Telok Mas Melaka	5A 2B 1E



Keputusan SPM 2017

Sumber : Sektor Pendidikan, Jabatan Penjara Malaysia



## PROGRAM KHIDMAT BANTU SUKARELAWAN DI SEKOLAH INTEGRITI

Program rintis ini dilaksanakan secara perkongsian pintar antara Bahagian dalam Kementerian Pendidikan Malaysia bertujuan untuk menambah baik proses pendidikan di Sekolah Integriti. Program ini melibatkan sekumpulan sukarelawan yang membantu guru mengaplikasikan teknologi terkini untuk menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran. Program ini mengguna pakai ujian *Dermatoglyphics Multiple Intelligence*. Pendekatan “*Dermatoglyphic*” (perkataan Greek, derma = kulit, glif = ukiran), iaitu kajian saintifik tentang cap jari, garisan, timbulan dan bentuk tangan digunakan untuk mengesan potensi dan jenis personaliti individu. Ujian ini memberi analisis yang tepat mengenai kecerdasan pelbagai dan potensi semula jadi manusia. Hasil analisis membantu guru melaksanakan pedagogi yang sesuai melalui proses mengenal pasti personaliti dan kecenderungan murid. Program ini melibatkan 20 orang murid dan lima orang guru di Sekolah Integriti Kajang.

Sukarelawan bagi program ini memberi khidmat bantu kepada guru untuk merancang strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai serta mendokumentasikan kaedah pengajaran dalam Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan buku log. Sukarelawan juga berperanan untuk membimbing guru menyediakan laporan pencapaian murid. Sukarelawan program ini terdiri daripada pegawai Bahagian Teknologi Pendidikan, Bahagian Pendidikan Khas, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, Bahagian Sukan dan Bahagian Psikologi dan Kaunseling.

Kementerian berharap Program Khidmat Bantu Sukarelawan di Sekolah Integriti Kajang dapat diteruskan di Sekolah Integriti dan Sekolah Henry Gurney yang lain, khususnya bagi murid Sekolah Henry Gurney yang mempunyai tempoh pembelajaran selama tiga tahun.

Sumber: Bahagian Teknologi Pendidikan





## PEMBANGUNAN PROGRAM PENDIDIKAN PINTAR DAN BERBAKAT

Kementerian mendapati bahawa terdapat segelintir murid yang mempunyai kemahiran kognitif yang tinggi melangkaui perkembangan murid lain. Kumpulan murid ini perlu diberikan didikan dan tumpuan khusus serta laluan yang sesuai dengan kebolehan dan keupayaan mereka. Hal ini membolehkan murid kumpulan pintar dan berbakat ini mencapai potensi diri secara optimum, seterusnya menyumbang kepada kemajuan negara pada usia muda.

tinggi dalam bidang masing-masing pada usia yang muda. Kementerian berhasrat melalui inisiatif ini, murid dalam kumpulan ini mendapat manfaat seperti berikut:

- peluang untuk mengembangkan potensi dan bakat supaya dapat memberikan sumbangan kepada kemajuan negara;
- laluan pendidikan khusus berdasarkan minat dan kecenderungan masing-masing; dan
- pendidikan holistik yang dapat membentuk murid menjadi warganegara Malaysia yang terbilang dan bangga dengan jati diri mereka.

## PEMBANGUNAN LALUAN PEMBELAJARAN PINTAS

Inisiatif Pembangunan Laluan Pembelajaran Pintas dilaksanakan mulai tahun 2017 bertujuan untuk mengenal pasti murid yang mempunyai pertumbuhan kognitif tinggi. Inisiatif ini juga mencadangkan penyediaan program pendidikan yang bersesuaian supaya murid pintar dan berbakat dapat menamatkan persekolahan dan melanjutkan pengajian ke peringkat

Pada tahun 2017, Kementerian telah mengadakan kempen mengenal pasti bilangan murid pintar dan berbakat di seluruh negara. Beberapa sesi taklimat pengoperasian dijalankan pada bulan Mac kepada semua JPN. Susulan daripada aktiviti tersebut, ujian saringan telah dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 1-26.

**Ekshibit 1-26: Keputusan Ujian Saringan dan Penempatan Murid Pintar Cerdas, 2017**

Tahun	Ujian Saringan UKM1	Ujian Saringan UKM2	Program Perkhemahan Cuti Sekolah (PPCS)	Bil Murid terpilih ke Kolej PERMATA Pintar Negara UKM	Bil Murid terpilih ke Kolej PERMATA Insan USIM
2014	362,116	11,156	692	83	92
2015	343,595	11,953	712	96	39
2016	321,657	11,178	700	166	64
2017	292,210	9,104	660	116	50

Sumber: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2017



Bagi menginstitusikan laluan pembelajaran pantas, penyediaan kertas konsep berkaitan juga telah diluluskan oleh Kementerian. Input penyediaan kertas konsep diperoleh daripada beberapa siri bengkel yang dijalankan pada tahun 2017.

Selain itu, idea dan maklum balas daripada pelbagai pihak seperti pakar daripada universiti awam dan swasta, pihak NGO dan pihak-pihak berkepentingan yang lain juga telah diperoleh melalui Makmal Pendidikan Pintar.



Bengkel Penyediaan Kertas Konsep Pintar Cerdas

## PENDIDIKAN LEPAS MENENGAH

Kementerian menyediakan pelbagai pilihan untuk pendidikan lepas menengah bagi memastikan murid mempunyai asas yang kukuh sebagai persediaan pada peringkat tertiar. Laluan pendidikan lepas menengah yang disediakan:


- Tingkatan Enam
- Sijil Tinggi Agama Malaysia
- Program Matrikulasi
- Program Asas dan Sarjana Muda Pendidikan

## TINGKATAN ENAM

Murid yang telah menamatkan pengajian menengah atas dan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), layak ditawarkan untuk meneruskan pendidikan lepas menengah, iaitu ke Tingkatan Enam. Kerangka konseptual Pendidikan Tingkatan Enam (Ekshibit 1-27) menunjukkan permulaan sehingga tamat pengajian.



**Ekshibit 1-27: Kerangka Konsep Pendidikan Tingkatan Enam**



Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia di [www.moe.gov.my/index.php/my/tingkatan-enam](http://www.moe.gov.my/index.php/my/tingkatan-enam)

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

**SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA**

**PENGIKTIRAFAN**

- JPA untuk bekerja dalam perkhidmatan awam
- Kerajaan Malaysia untuk sambung ijazah di IPTA dan IPTS.
- Cambridge Assessment, UK untuk sambung ijazah di IPT luar negara (negara Komanwel dan bukan Komanwel)

**SISTEM PENTAKSIRAN**

- Peperiksaan penggal (bertulis)
- Kerja kursus
- Peperiksaan ulangan
- Keputusan STPM, pilih keputusan terbaik antara peperiksaan penggal dan peperiksaan ulangan, dan dijumlahkan bersama kerja kursus

**YURAN**

- Yuran asas : RM120.00
- Yuran setiap mata pelajaran : RM 90.00
- 4 mata pelajaran : RM 480.00
- 5 mata pelajaran : RM 570.00
- Caj ulang : RM 50.00 per kertas

**LATAR BELAKANG**

- STPM Sistem Terminal mula dilaksanakan taun 1982
- Sistem Penggal mulai 2012 bagi kohort 2013



**TARAF**

Setaraf A-level Cambridge

**SISTEM GRED**

- Gred A, A-, B+, B, B-, C+, C (lulus penuh)
- Gred C-, D+, D (lulus sebahagian)
- Gred F (gagal)

**SISTEM PENGAJIAN**

- Tiga penggal
- Sebanyak 22 mata pelajaran ditawarkan
- Pilih minimum 4 mata pelajaran, maksimum 5 mata pelajaran
- Tempoh pengajian setahun setengah



Kini pengajian Tingkatan Enam dilaksanakan dalam tiga mod:

- **Mod 1 (Kolej Tingkatan Enam):** Sekolah yang menempatkan hanya murid Tingkatan Enam sahaja. Murid diajar oleh kumpulan guru yang telah dilantik sebagai guru Tingkatan Enam.
- **Mod 2 (Pusat Tingkatan Enam):** Sekolah yang beroperasi di sekolah arus perdana tetapi mempunyai blok atau bangunan yang berasingan untuk Tingkatan Enam. Sekolah ditadbir oleh Pengetua dan dibantu oleh Penolong Kanan Tingkatan Enam.

- **Mod 3 (Pusat Tingkatan Enam):** Sekolah yang jauh dari bandar, tiada kemudahan asrama atau pengangkutan awam, dan beroperasi di sekolah arus perdana.

Pada tahun 2017, enrolmen calon STPM di sekolah kerajaan ialah 50,656 orang murid berbanding tahun 2016, iaitu 46,540 orang murid. Peratus enrolmen calon STPM di sekolah kerajaan juga telah meningkat sebanyak 8.8% (Ekshibit 1-28).

### Ekshibit 1-28: Enrolmen Tingkatan Enam Mengikut Jantina, 2013 - 2017



Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2014	32,434	62,350	94,784
2015	29,585	62,987	92,572
2016	30,958	66,524	97,482
<b>2017</b>	<b>31,645</b>	<b>66,428</b>	<b>98,073</b>

Sumber: Perangkaan Pendidikan Malaysia 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia  
 Nota: Enrolmen meliputi Tingkatan Enam (Semester Satu dan Semester Tiga)

Kini, sebanyak 15 buah Pusat Tingkatan Enam Mod 2 baharu telah beroperasi (Ekshibit 1-29). Hal ini menjadikan jumlah Pusat Tingkatan Enam di Malaysia adalah sebanyak 630 buah (14 buah Kolej Tingkatan Enam, 78 buah Pusat Tingkatan Enam Mod 2 dan 538 buah Pusat Tingkatan Enam Mod 3) (Ekshibit 1-30).

### Ekshibit 1-29: Senarai Pusat Tingkatan Enam Mod 2 yang Beroperasi, 2017



**PERAK**

SMK St. Anthony, Teluk Intan  
 SMK Jalan Tasek, Ipoh  
 SMK Anderson, Ipoh  
 SMK St. Michael, Ipoh  
 SMK Methodist (ACS), Ipoh  
 SMK Sam Tet, Ipoh



**PULAU PINANG**

SMK Seberang Jaya  
 SMK Tinggi Bukit Mertajam  
 SMK Penanti  
 SMK Sungai Ara  
 SMK Datuk Onn  
 SMK Telok Air Tawar



**WILAYAH PERSEKUTUAN**  
 SMK Seri Sentosa



**JOHOR**

SMK Tinggi Segamat  
 SMK Ledang, Muar

Tarikh Beroperasi Jan 2017

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

**Ekshibit 1-30: Bilangan Pusat Tingkatan Enam Berdasarkan Mod Mengikut Negeri, 2017**

Negeri	Mod 1	Mod 2	Mod 3	Jumlah
Johor	1	12	61	74
Kedah	1	3	52	56
Kelantan	-	1	55	56
Melaka	-	3	20	23
Negeri Sembilan	-	7	11	18
Pahang	-	-	46	46
Perak	2	14	42	58
Perlis	-	2	7	9
Pulau Pinang	1	7	16	24
Sabah	2	4	86	92
Sarawak	1	13	62	76
Selangor	4	4	35	43
Terengganu	1	1	39	41
WP Kuala Lumpur	1	6	5	12
WP Labuan	-	1	-	1
WP Putrajaya	-	-	1	1
<b>Jumlah</b>	<b>14</b>	<b>78</b>	<b>538</b>	<b>630</b>


Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

• **Kolej Tingkatan Enam Baharu**

Pada tahun 2017, pembukaan empat buah Kolej Tingkatan Enam baharu, iaitu Kolej Tingkatan Enam Sri Istana Klang, Selangor, Kolej Tingkatan

Enam Shah Alam, Selangor, Kolej Tingkatan Enam Tawau, Sabah dan Kolej Tingkatan Enam Hj Zainul Abidin, Pulau Pinang telah menjadikan jumlah kolej ini sebanyak 14 buah. Senarai kolej tersebut ditunjukkan dalam Ekshibit 1-31 .

Kolej Tingkatan Enam Sri Istana, Klang, Selangor



Kolej Tingkatan Enam Shah Alam, Selangor



Kolej Tingkatan Enam Tawau, Sabah



Kolej Tingkatan Enam Haji Zainul Abidin

**Ekshibit 1-31: Senarai Kolej Tingkatan Enam, 2017**



**WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Kolej Tingkatan Enam  
Desa Mahkota



**KEDAH**  
Kolej Tingkatan Enam  
Kulim



**JOHOR**  
Kolej Tingkatan Enam  
Pontian



**SARAWAK**  
Kolej Tingkatan Enam  
Saratok




**SABAH**  
Kolej Tingkatan Enam  
Tawau  
Kolej Tingkatan Enam  
Kota Kinabalu



**SELANGOR**  
Kolej Tingkatan Enam  
Sri Istana  
Kolej Tingkatan Enam  
Shah Alam  
Kolej Tingkatan Enam  
Tunku Abdul Rahman  
Putra  
Kolej Tingkatan Enam  
Petaling Jaya



**PERAK**  
Kolej Tingkatan Enam  
Seri Putera



**TERENGGANU**  
Kolej Tingkatan Enam  
Hulu Terengganu



**PULAU PINANG**  
Koleh Tingkatan Enam  
Haji Zainul Abidin

Sumber: Sistem Pengurusan Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia






Pada tahun 2017, bilangan murid yang memenuhi syarat kemasukan ke Tingkatan Enam ialah sebanyak 182,031. Semua calon telah ditawarkan ke Tingkatan Enam secara dalam


talian. Sehingga Oktober 2017, bilangan calon yang mendaftar ialah 46,702 (Ekshibit 1-32).

**Ekshibit 1-32: Bilangan Murid Tingkatan Enam Mengikut Jurusan Pengajian, 2017**

Murid Tingkatan Enam Semester 3 = 40,870



Murid Tingkatan Enam Semester 1 = 46,702



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Untuk memantapkan pendidikan Tingkatan Enam, Kementerian telah melaksanakan pelbagai aktiviti seperti berikut:

- **Minggu Orientasi Tingkatan Enam**

Aktiviti ini diadakan pada bulan Mei 2017 di semua Pusat Tingkatan Enam seluruh negara.

- **Garis Panduan dan Prosedur**

Operasi Standard Pemusatan Tingkatan Enam: Dokumen ini disediakan untuk memberi panduan berkaitan prosedur yang perlu dipatuhi untuk pelaksanaan pemusatan di semua sekolah Tingkatan Enam di seluruh Malaysia. Prosedur ini melibatkan guru, ibu bapa, murid, kelas dan sekolah Tingkatan Enam yang dikawal selia oleh Kementerian. Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7 Tahun 2017, Garis Panduan dan Prosedur Operasi Standard Tingkatan Enam telah dimuat naik di laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia pada bulan September 2017 untuk rujukan semua Bahagian, JPN, PPD dan sekolah.

**Peningkatan Pengajaran dan Pembelajaran Guru Tingkatan Enam**

- **Kolokium Pendidikan Tingkatan Enam Peringkat Kebangsaan 2017**

Kolokium ini dilaksanakan pada bulan September 2017 bertempat di University Sunway, Petaling Jaya. Kolokium yang julung kali diadakan ini dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian dengan kerjasama JPN Selangor. Kolokium ini bertujuan untuk menyediakan platform kepada guru Tingkatan Enam membincangkan pelbagai pendekatan, amalan dan kreativiti yang diperlukan bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di samping mengukuhkan kemahiran guru Tingkatan Enam dalam penulisan dan pelaksanaan kajian. Pengukuhan kemahiran guru akan memantapkan bimbingan kepada murid bagi memenuhi salah satu syarat wajib dalam persijilan STPM. Kolokium ini juga diharapkan dapat menggalakkan guru untuk membuat pembentangan pada peringkat antarabangsa dan penerbitan artikel dalam jurnal berwasit di dalam dan luar negara.

Sebanyak 30 amalan terbaik dan kajian telah dibentangkan dan dinilai oleh panel penilai yang terdiri daripada pegawai pendidikan dan pensyarah kanan dari Universiti Putra Malaysia. Enam orang pembentang telah dipilih sebagai pembentang terbaik dalam kolokium ini.

#### • **Jurnal Pendidikan Tingkatan Enam 2017**

Jurnal ini diterbitkan susulan daripada kolokium yang diadakan. Sebanyak 12 penulisan kajian terbaik telah diterbitkan dalam jurnal ini. Kementerian berharap melalui penerbitan jurnal tersebut guru Tingkatan Enam dapat berkongsi idea untuk memantapkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

#### **Buku Panduan Guru untuk Malaysian University English Test**

*The Malaysian University English Test (MUET)* ialah ujian penguasaan bahasa Inggeris. MUET merupakan salah satu syarat untuk kemasukan ke semua institusi pengajian tinggi awam di Malaysia bagi mengikuti program ijazah pertama. Ujian ini ditadbir oleh Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), iaitu badan yang menjalankan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia. Satu buku panduan telah diterbitkan untuk mengukuhkan kompetensi pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Inggeris Tingkatan Enam dan seterusnya meningkatkan penguasaan murid Tingkatan Enam dalam mata pelajaran tersebut.

#### **Program Jerayawara Jom ❤️ STPM**

Program ini dilaksanakan sejak tahun 2015 dan diteruskan oleh MPM pada tahun 2017 sebagai usaha mempromosikan STPM ke negeri

Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, dan negeri Perak. Program ini dianjurkan secara perkongsian pintar antara MPM dengan JPN dan PPD. Program yang berkonsepkan taklimat dan dialog ini turut disertai oleh pertubuhan bukan kerajaan dan beberapa orang bekas murid Tingkatan Enam yang sedang menuntut di universiti sebagai testimoni dan galakan serta motivasi kepada murid lain. Kumpulan sasaran program ini ialah murid Tingkatan 4 dan 5, pengetua, guru, kaunselor, dan PIBG.

#### **Pemurnian Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM**

Sesi pemurnian sukatan pelajaran peperiksaan STPM dijalankan oleh MPM bagi memantapkan pengajian akademik Tingkatan Enam.

Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM yang dilantik terdiri daripada pakar dalam kalangan profesor universiti, guru, wakil Bahagian di Kementerian, dan wakil industri. Dokumen yang sedang dimurnikan daripada aspek akademik dan keperluan pasaran kerja ini dijangka akan dilancarkan pada tahun 2019.

#### **Pemurnian Sukatan dan Spesifikasi Ujian MUET dan Projek Penjajaran MUET dengan Common European Framework of Reference for Languages**

Kedua-dua projek ini dijalankan untuk memperkasakan standard MUET agar mengikut piawai antarabangsa dengan kerjasama antara MPM dan *Cambridge English Language Assessment* (CE), England. Pelajar asing yang melanjutkan pelajaran di Malaysia diwajibkan menduduki MUET selepas

MUET disejajarkan dengan *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR). Kedua-dua projek ini dijangka akan siap dilancarkan pada pertengahan tahun 2018.

### **MUET On Demand (MoD)**


Program ini merupakan Ujian Berasaskan Komputer yang telah diluluskan oleh YB Menteri Pendidikan Malaysia pada 9 Ogos 2017. Ujian ini merupakan satu lagi mod pelaksanaan MUET selain kaedah konvensional dan akan dilaksanakan pada bulan April 2018. Sebagai permulaan, MoD akan dijalankan di MPM *Test Center* yang bertempat di EcoSky, Jalan Ipoh,

Kuala Lumpur. Usaha memasarkan MUET ke peringkat antarabangsa juga diteruskan melalui pelaksanaan MUET sedia ada.

### **Pencapaian Membanggakan Berkaitan Tingkatan Enam**

Peningkatan Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) Nasional STPM Sasaran PNGK STPM menunjukkan peningkatan yang membanggakan secara berterusan seperti yang dinyatakan dalam Ekshibit 1-33. PNGK STPM semakin meningkat dengan pelaksanaan pendekatan peperiksaan yang dilaksanakan secara modular berbanding secara terminal sebelum ini.

#### **Ekshibit 1-33: Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) Nasional STPM, 2013-2017**



Tahun	PNGK
2011	2.29
2012	2.33
2013	2.55
2014	2.62
2015	2.65
2016	2.72
2017	2.76

Sumber: Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM)





## PELIBATAN MURID TINGKATAN ENAM PADA PERINGKAT ANTARABANGSA



Murid Tingkatan Enam dari **Pusat Tingkatan Enam SMK Taman Johor Jaya 1, Johor** telah mencapai kejayaan yang membanggakan apabila kajian bagi mata pelajaran Kimia bertajuk *Allium cepa L. Act as Natural Acid - base Indicators* telah terpilih untuk dibentangkan dalam **the 2<sup>nd</sup> European Organic Chemistry Congress** di **Amsterdam, Netherlands** pada 2-3 Mac 2017. Penyertaan murid dalam acara ini, bertujuan untuk memupuk semangat saintifik dan mencungkil kebolehan kreatif serta inovatif, menggalakkan murid memperoleh manfaat daripada pertukaran ilmu dan budaya dengan penyelidik daripada pelbagai universiti di seluruh dunia, dan meningkatkan keyakinan diri untuk bersaing pada peringkat global. Pasukan murid tersebut terdiri daripada Siti Norsyuhada Bt Mat Husin, Gan Lui Nam, Aisah Bt Azhar, Khoo Chun An dan Soh Ann Ching.

Empat orang murid **Pusat Tingkatan Enam SMK Limbanak, Sabah** juga telah mewakili Malaysia ke **Persidangan Sweden Model United Nations** yang diadakan di **Falu Frigynasium, Sweden** pada 21-23 Mac 2017. Kerajaan Negeri Sabah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru telah membiayai penyertaan mereka dalam persidangan ini. Tujuan menyertai persidangan ini adalah untuk mendedahkan murid dengan pengalaman dalam kemahiran berunding, pidato umum, penyelesaian masalah, resolusi konflik, penyelidikan dan komunikasi selain meningkatkan keyakinan diri melalui pertukaran ilmu dan budaya dengan para delegasi dari seluruh dunia.



Murid daripada Pusat Tingkatan Enam SMK Johor Jaya (1) di *The 2<sup>nd</sup> European Organic Chemistry Congress*



General Assembly Semasa Majlis Persidangan *Sweden Model United Nations 2017*



Persembahan Murid Semasa Malam Kebudayaan



Delegasi Pusat Tingkatan Enam SMK Limbanak, Sabah ke *Sweden Model United Nations 2017*

## SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA

Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) mula diperkenalkan pada tahun 2000 hasil kerjasama antara Kementerian Pendidikan Malaysia dengan Universiti Al-Azhar, Mesir. Kurikulum STAM diambil daripada Maahad Bu'uth Al-Islamiyy Al-Azhar, Mesir dan menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. STAM bertujuan untuk menggantikan beberapa peperiksaan persendirian yang telah wujud sebelum itu. Contohnya Sijil Tinggi Kolej dan Sijil Tinggi Ugama.

STAM dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia. STAM diiktiraf untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi awam di Malaysia dan antarabangsa, khususnya ke Universiti Al-Azhar dan universiti di negara-negara Arab. Pada tahun 2009, STAM telah diiktiraf setaraf dengan STPM oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk kemasukan ke perjawatan dalam perkhidmatan kerajaan (Ekshibit 1-34).

### Ekshibit 1-34: Bilangan Sekolah yang Menawarkan STAM, 2017



Jumlah 54

Sumber: Bahagian Pendidikan Islam (BPI)


Sepuluh mata pelajaran ditawarkan pada peringkat STAM, iaitu *Hifz Al-Quran dan Tajwid, Fiqh, Tauhid dan Mantiq, Tafsir dan Ulumuhu, Hadith dan Mustolah, Nahu dan Sarf, Insha' dan Mutala'ah, Adab dan Nusus, Arudh dan Qafiyah dan Balaghah*. Murid layak dianugerahkan STAM apabila memperoleh sekurang-kurangnya gred Maqbul (Lulus) dalam sepuluh mata pelajaran yang diambil dan mendapat markah purata yang dipersetujui oleh kedua-

dua pihak seperti yang ditetapkan dalam perjanjian persefahaman antara Universiti al-Azhar dan Kementerian.

Pada tahun 2017, seramai 9,534 orang murid telah mendaftar untuk peperiksaan STAM berbanding 8,784 orang calon pada tahun 2016. Calon yang memperoleh Gred Mumtaz (Cemerlang) dalam STAM 2017 telah meningkat sebanyak 0.4%, iaitu sebanyak 600 orang calon

berbanding 537 orang calon pada tahun 2016. Jumlah calon yang berjaya memperoleh Gred Mumtaz bagi sepuluh mata pelajaran yang diduduki menurun kepada 1% (67 calon) pada tahun 2017 berbanding 1.3% (80 calon) pada tahun 2016. Secara keseluruhan, keputusan

peperiksaan STAM 2017 lebih baik berbanding STAM 2016 dengan bilangan calon yang mendapat Gred Rasib (Gagal) bagi semua mata pelajaran menurun daripada 2.0% pada tahun 2016 kepada 1.5% pada tahun 2017



**KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

# SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA STAM

**Pengantarabangsa**  
Peperiksaan STAM diperkenalkan di Kemboja mulai 2016

**Pangkat Sijil**  
1. Mumtaz (cemerlang)  
2. Jayyid Jiddan (sangat baik)  
3. Jayyid (baik)  
4. Maqbul (lulus)  
5. Rasib (Gagal)

**Syarat Persijilan**  
Sekurang-kurangnya gred Maqbul (lulus) dalam kesemua 10 mata pelajaran

**Pengiktirafan**  
1. STAM setaraf dengan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)  
2. Pemegang sijil STAM layak memohon ke IPTA dengan sijil ini

**Bahasa Penghantar**  
Bahasa Arab sebagai bahasa penghantar dalam PdP dan peperiksaan

**Latar Belakang**  
1. Sijil STAM sebagai syarat kelayakan memasuki Universiti Al-Azhar, Mesir  
2. Menggantikan 26 sijil yang dikeluarkan oleh negeri-negeri secara berasingan

**Usaha sama**  
Termeterai Perjanjian Persefahaman Akademik dan Kebudayaan yang ditandatangani pada 18 November 1999 antara KPM dan Al-Azhar AL-Syarif

**Tarikh Mula**  
Peperiksaan STAM diserba luas dan dilaksanakan mulai tahun 2000

**Kurikulum dan Buku Teks**  
Diambil daripada Maahad Bu'uth Al-Islamiah Al-Azhar, Republik Arab Mesir

**Tiga Bidang**  
Merangkumi 10 mata pelajaran dalam tiga bidang; Bahasa Arab, Syariah dan Usuluddin

**10 Fakta STAM**





## PROGRAM MATRIKULASI

Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) diwujudkan pada tahun 1999 sebagai program persediaan bagi murid lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melayakkan mereka mengikuti kursus peringkat ijazah pertama di universiti tempatan dan luar negara. Program Matrikulasi KPM menawarkan dua jurusan pengajian, iaitu sains dan perakaunan serta satu aliran teknikal. Program ini menawarkan:

- Program Matrikulasi Satu Tahun (PST) bagi Jurusan Sains dan Perakaunan serta Aliran Teknikal
  - Program Matrikulasi Dua Tahun (PDT) bagi Jurusan Sains sahaja.
- Kini, program ini dijalankan di 15 buah kolej matrikulasi (KM) serta dua buah kolej MARA di seluruh negara (Ekshibit 1-35).

**Ekshibit 1-35: Bilangan Kolej Matrikulasi dan Enrolmen Mengikut Jantina, 2013 - 2017**

Tahun	Bilangan Kolej	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2013	15	8,025	19,463	27,488
2014	15	7,560	18,702	26,262
2015	15	6,202	16,050	22,252
2016	15	6,238	14,779	21,017
2017	15	7,310	16,086	23,396


Sumber: Bahagian Matrikulasi (BMatrikulasi)

**Penganugerahan dan Pengiktirafan Sijil Matrikulasi KPM Sebagai Syarat Kelayakan untuk Dilantik ke Perkhidmatan Awam**  
 Mulai Sesi 2016/2017, Kementerian telah menganugerahkan Sijil Matrikulasi KPM kepada semua lulusan Program Matrikulasi KPM yang menamatkan pengajian sejak

Sesi 1999/2000 dengan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Sijil Matrikulasi KPM ini diiktiraf oleh JPA sebagai kelayakan untuk dilantik ke Perkhidmatan Awam melalui Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2016 bertarikh 14 Disember 2016 yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2017.



Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 3/2016



Contoh Sijil Matrikulasi KPM

**Pengiktirafan Program Matrikulasi** KPM oleh Universiti di Korea Selatan Pada bulan November 2017, Kementerian melalui Bahagian Matrikulasi telah mengadakan Program Penarafan dan Pengiktirafan Kelayakan Program Matrikulasi KPM dengan beberapa buah universiti terkemuka di Korea Selatan iaitu *Korea Advanced Institute of Science & Technology (KAIST)*, Universiti Korea, Universiti Yonsei dan Universiti Sungkyunkwan.

Objektif program ini adalah untuk mendapat pengiktirafan JPA dalam bidang pengajian yang ditawarkan oleh universiti berprestij di Korea Selatan dan membuka peluang yang lebih luas kepada lulusan matrikulasi untuk menyambung pengajian ke universiti tersebut. Selain itu, program ini juga mewujudkan perkongsian pintar dan jaringan strategik dengan universiti yang dikunjungi.



Surat Pengiktirafan Program Matrikulasi daripada Universiti Sungkyunkwan, Korea Selatan

### Kerjasama Pintar dengan Universiti Luar Negara

Sejak tahun 2006, Kementerian telah mewujudkan kerjasama pintar dengan universiti berprestij di United Kingdom, Australia dan New Zealand melalui inisiatif Pengantarabangsa Program Matrikulasi KPM. Sepanjang tahun 2017, beberapa wakil daripada tujuh universiti dari United Kingdom dan New Zealand telah melakukan kunjungan hormat ke Bahagian Matrikulasi seperti yang berikut:

- New Zealand: University of Canterbury, University of Auckland, Lincoln University,

- Waikato University, dan Auckland University of Technology
- United Kingdom: University of Bristol dan St. Mary's University

Bahagian Matrikulasi juga telah mengadakan kerjasama pintar dengan University of Bristol, United Kingdom melalui lawatan rasmi ke universiti berkenaan untuk mempelajari pelbagai amalan terbaik menjalankan kelas amali dan cara pengurusan makmal yang efektif.

Lawatan ke University of Bristol



Kunjungan University of Bristol



### Konvensyen Penyelidikan Pendidikan Program Matrikulasi

Untuk meningkatkan kualiti pensyarah kolej matrikulasi, satu konvensyen bertemakan 'Penyelidikan Pendidikan Ke Arah Mentransformasikan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran' telah

dianjurkan pada bulan Oktober 2017 bertempat di Institut Aminuddin Baki, Bandar Enstek. Konvensyen yang telah disertai oleh 238 orang peserta diadakan bertujuan untuk mengiktiraf hasil kajian dan menjadikan penyelidikan sebagai sebahagian daripada budaya profesional.







## KEJAYAAN KOLEJ MATRIKULASI PADA PERINGKAT ANTARABANGSA

Pensyarah daripada Program Matrikulasi telah berjaya menunjukkan kecemerlangan pada peringkat antarabangsa melalui penyertaan dalam **International Convention On Quality Control Circles (ICQCC) 2017**, di Manila, Filipina. ICQCC merupakan acara tahunan yang diadakan untuk mempromosi pembangunan profesional, kerja sepasukan, dan kemahiran penyelesaian masalah melalui pembentangan projek. Kumpulan Revival daripada Kolej **Matrikulasi Selangor** telah berjaya memikat hati juri pertandingan melalui pembentangan yang menarik dan mantap apabila mereka telah mendapat Anugerah Emas dalam ICQCC 2017.

Pelajar **Kolej Matrikulasi Selangor** (Kumpulan ECOTERA) dan **Kolej Matrikulasi Labuan** (Kumpulan MAKERS) juga telah menunjukkan kecemerlangan apabila memenangi Anugerah Emas dalam satu lagi persidangan antarabangsa iaitu **Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2017 di Pusat Konvesyen Antarabangsa Genting** bagi kategori Kreativiti dan Inovasi. APIC 2017 merupakan acara utama anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (*Malaysia Productivity Corporation, MPC*). Tema persidangan, iaitu *“From Ideas to Reality”* membolehkan para peserta berkongsi idea dan amalan terbaik; mempelajari pelbagai kaedah untuk penambahbaikan berterusan; dan membudayakan perkongsian pengetahuan dan pembelajaran sepanjang hayat.



KUMPULAN REVIVAL (KOLEJ MATRIKULASI SELANGOR)

Anugerah Emas  
*International Convention  
on Quality Control Circles 2017*  
24-26 Oktober 2017  
Okada Manila,  
Paranaque Metro Manila, Filipina




### PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN

Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dilaksanakan secara khusus untuk melatih bakal guru dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi memenuhi keperluan pendidikan peringkat rendah. Calon yang ingin mengikuti PISMP perlu terlebih dahulu diterima masuk ke dalam Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda

Perguruan (PPISMP) selama dua semester. Semua bakal guru dilatih di Institut Pendidikan Guru (IPG) di seluruh negara. Enrolmen di 27 buah IPG Kampus ditunjukkan dalam Ekshibit 1-36. Calon yang lulus PPISMP diberikan Sijil Tamat PPISMP dan ditawarkan untuk mengikuti pengajian PISMP selama empat tahun atau lapan semester di IPG yang ditetapkan. Kedua-dua program dilaksanakan secara mod sepenuh masa.

**Exhibit 1-36: Enrolmen di 27 IPG Kampus Mengikut Gender, 2013 - 2017**

Tahun	Bil. IPGK	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2013	27	12,293	30,049	42,342
2014	27	11,382	22,300	33,682
2015	27	10,677	25,230	21,002
2016	27	4,168	11,565	15,733
2017	27	3,869	9,465	13,334



Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)





## RUMUSAN

Kementerian berusaha untuk meningkatkan kesedaran ibu bapa mengenai kepentingan menghantar anak-anak berumur 4+ dan 5+ tahun ke prasekolah. Hal ini akan memastikan kesediaan anak-anak dari segi psikologi dan kemahiran sosial untuk meneruskan persekolahan pada peringkat rendah. Pelbagai program dirangka untuk mengekalkan murid bersekolah hingga peringkat menengah atas. Peningkatan enrolmen dalam aliran vokasional menunjukkan Kementerian berada pada landasan yang betul untuk membekalkan sumber tenaga manusia dalam bidang kemahiran ke

arah kemajuan negara. Kementerian juga menyediakan pelbagai laluan pendidikan bagi memastikan potensi dan bakat murid dalam pelbagai bidang terus diasah berdasarkan minat dan kemahiran. Semua murid dipastikan mendapat akses kepada pendidikan berkualiti termasuk kumpulan murid dengan keperluan khusus. Kementerian juga menyediakan pelbagai program lepas menengah dengan kos yang kompetitif bagi memastikan anak-anak Malaysia dapat meneruskan pengajian pada peringkat yang lebih tinggi.





# Mempertingkatkan Kualiti Dalam Pendidikan

“ Semua kanak-kanak akan berpeluang  
mendapat pendidikan cemerlang  
berdasarkan keunikan sistem  
pendidikan di Malaysia, dan setanding  
dengan sistem terbaik antarabangsa ”

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,  
muka surat E-10*





Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menetapkan 11 Anjakan untuk mencapai wawasan meningkatkan taraf sistem pendidikan dalam abad ke-21. Anjakan 1 menuntut agar Kementerian menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti yang setanding dengan kualiti pendidikan antarabangsa kepada semua murid.

Daripada aspek kualiti, Anjakan 1 menjurus kepada keperluan untuk penambahbaikan tahap pembelajaran Sains dan Matematik, dan penguasaan bahasa selaras dengan piawaian antarabangsa serta meningkatkan kualiti pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM). Untuk mencapai matlamat ini, Kementerian perlu menyediakan guru yang mempunyai keupayaan untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif dengan memberi tumpuan kepada pembelajaran abad ke-21 (PAK21). Kaedah pengajaran konvensional guru perlu diubah agar pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang lebih kreatif dan dinamik berasaskan kandungan mata pelajaran dapat disesuaikan dengan perkembangan minda murid.

Anjakan daripada kaedah pengajaran berpusatkan guru kepada kaedah pembelajaran berpusatkan murid dalam PAK21 memberikan cabaran baharu kepada guru dan pemimpin sekolah. Antaranya, menyediakan pembelajaran yang menjurus ke arah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), mengurus ruang pembelajaran yang lebih dinamik, dan menggunakan pelbagai sumber sokongan wujud dan berasaskan teknologi bagi melaksanakan proses

pengajaran dan pembelajaran yang berkesan, relevan dengan keperluan murid masa kini. Oleh yang demikian, guru perlu sentiasa meningkatkan profesionalisme dari segi pengetahuan dan pedagogi secara berterusan agar relevan dengan keperluan semasa dan akan datang. Latihan berterusan juga dibekalkan kepada kepimpinan sekolah untuk memastikan pengurusan dan pentadbiran sekolah yang mantap bagi menyokong keperluan guru dan murid. Kementerian juga terus menggalakkan ibu bapa dan komuniti untuk terlibat secara langsung dalam menyokong sekolah menyediakan pendidikan berkualiti kepada anak-anak mereka.

Kementerian perlu melaksanakan perubahan besar dalam menjadikan sistem pendidikan negara antara yang terbaik di dunia. Bagi meneruskan usaha mengukuhkan kualiti pendidikan negara, antara inisiatif yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

- Pengintegrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran Abad Ke-21
- Penguatan Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
- Peluasan Program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS2.0)
- Pelaksanaan Program Bahasa Inggeris
- Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu
- Penguatan Kualiti Guru
- Pemerksaan Kualiti Kepimpinan Sekolah
- Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti bagi Mewujudkan Ekosistem Pembelajaran
- Peluasan Pelibatan Sektor Swasta sebagai Rakan Strategik dalam Pendidikan



## PENGINTEGRASIAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Kementerian meneruskan agenda transformasi pendidikan negara dengan memastikan kurikulum bersepadu yang dibangunkan selaras dengan tanda aras antarabangsa. Kurikulum ini dilaksanakan dengan berkesan untuk meningkatkan kualiti keberhasilan murid bagi membolehkan mereka bersaing pada peringkat global. Hal ini amat penting dalam menyediakan tenaga kerja negara yang bersedia menghadapi masa hadapan yang penuh dengan ketidakpastian, ketidakpastian, kompleksiti dan penuh ambiguiti (*VUCA - volatility, uncertainty, complexity, ambiguity*). Pada masa hadapan, murid bukan hanya perlu bersaing sesama rakan mereka, malahan juga dengan teknologi kecerdasan buatan.

Ke arah ini, Kementerian telah memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah Semakan (KSSR Semakan) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) bermula dengan Tahun 1 dan Tingkatan 1 pada tahun 2017.

Kurikulum yang ditambah baik ini menggabungkan amalan terbaik antarabangsa yang menitikberatkan KBAT dan pencapaian standard asas PAK21 yang berpusatkan murid (komunikasi, kolaboratif, kreativiti, pemikiran kritis dan penerapan nilai murni dan etika).

### PEMBUDAYAAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI

Bagi menghadapi persaingan global yang semakin sengit dalam persekitaran ekonomi yang dipacu oleh inovasi, Kementerian telah memberi penekanan terhadap pembudayaan KBAT dalam sistem persekolahan. Pelaksanaan KBAT di bilik darjah telah diperkukuhkan lagi melalui pelbagai inisiatif seperti program *i-THINK* dan pendekatan *Middle Years Programme International Baccalaureate* (MYPIB). Program ini dapat membantu pihak sekolah memupuk kemahiran berfikir, menyemai budaya pembelajaran sepanjang hayat, mahir menyelesaikan masalah dan berupaya meningkatkan potensi dan kreativiti dalam kalangan murid.

Kemahiran Berfikir Aras Tinggi bermaksud keupayaan untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai dalam membuat penaaakulan dan refleksi bagi menyelesaikan masalah, membuat keputusan, berinovasi dan berupaya mencipta sesuatu.



*...Kementerian telah mengenal pasti kemahiran dan kompetensi yang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang membolehkan murid Malaysia bersaing pada peringkat antarabangsa. Bagi mencapai hasrat tersebut, kurikulum kebangsaan digubal untuk melahirkan murid Malaysia yang seimbang, berdaya tahan, bersemangat ingin tahu, berprinsip, bermaklumat, penyayang, patriotik, serta mempunyai kemahiran berfikir, berkomunikasi, dan bekerja dalam pasukan dengan berkesan.*

*muka surat 4-2*



## Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Pelaksanaan KBAT menggunakan pendekatan yang menyeluruh dan sistemik merangkumi elemen berikut:

- Kurikulum
- Pedagogi
- Pentaksiran
- Kokurikulum
- Sokongan komuniti dan swasta
- Bina upaya
- Sumber

KBAT diterapkan dalam sistem persekolahan supaya murid tidak hanya menghafal tetapi juga dapat memahami serta menghayati perkara yang dipelajari melalui penguasaan kemahiran mengaplikasikan, menganalisis, menilai dan mencipta.

Tuntutan terhadap KBAT dinyatakan secara jelas dalam Standard Pembelajaran (SP) bagi KSSR (Semakan) 2017 dan KSSM. Peruntukan masa yang dicadangkan dalam Dokumen Standard

Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) membolehkan KBAT diterapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, lebih 70% daripada pelaksanaan kurikulum di bilik darjah adalah berunsurkan KBAT. Pelaksanaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran seperti berasaskan projek, pembelajaran inkuiri, pembelajaran berasaskan masalah, pendekatan STEM yang menjadi asas dan fokus dalam KSSR dan KSSM, membolehkan KBAT membudaya dalam kalangan murid.

### • Program i-THINK

Program ini merupakan satu bentuk platform untuk meningkatkan bina upaya guru dan pentadbir sekolah ke arah menerapkan KBAT dalam kalangan murid. Melalui program i-THINK, guru dan pentadbir dilatih untuk mengaplikasikan teknik penyediaan yang berkesan dan menggunakan peta pemikiran untuk membantu murid meningkatkan kemahiran berfikir mereka.

Guru dan pentadbir sekolah telah dilatih untuk menerajui perubahan dalam penataran KBAT di sekolah melalui modul khusus yang memberikan penekanan kepada enam titik permulaan. Enam titik permulaan seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah, dapat membangunkan dan memupuk budaya berfikir dalam kalangan murid. Enam titik permulaan tersebut adalah seperti berikut:

- Penyoalan reflektif
- Kemahiran berfikir
- Pemetaan visual
- Rangkaian kolaboratif
- Membangunkan kecenderungan peribadi
- Penstrukturan persekitaran



Pelaksanaan latihan secara bersemuka dapat memberi peluang kepada guru berkongsi pengetahuan dan pengalaman untuk mengukuhkan proses PdP

Sehingga Disember 2017, sebanyak 211,631 orang guru dan pemimpin sekolah telah mendapat latihan melalui tiga kaedah; iaitu bersemuka, latihan secara dalam talian dan luar talian. Bilangan guru dan pentadbir sekolah yang telah mengikuti program i-THINK ditunjukkan dalam Ekshibit 2-1.

### Enam Titik Permulaan untuk Pembangunan Budaya Berfikir




Ekshibit 2-1: Bilangan Guru dan Pentadbir Sekolah yang Mengikuti Program i-THINK, 2017

Mod Latihan i-THINK	Guru	Pemimpin Sekolah	Jumlah
Bersemuka (KiSB)	47,439	1,410	48,849
Latihan Dalam Talian (KiDT)	115,847	202	116,049
Latihan Luar Talian (KiLT)	44,102	2,631	46,733
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>207,388</b>	<b>4,243</b>	<b>211,631</b>

Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)



(A) `include <stdio.h>`





## PANDANGAN PESERTA KURSUS I-THINK SECARA BERSEMUKA (KISB)

*“KiSB ini sangat membantu saya untuk lebih memahami tentang i-THINK serta penggunaan peta i-THINK dalam pengajaran dan pembelajaran. Bagi saya KiSB lebih memberi kesan positif kepada guru berbanding KiDT kerana semasa KiSB, kita*

*boleh berbincang dengan rakan-rakan guru yang lain dan adanya bimbingan daripada jurulatih yang mahir dan berpengalaman.”*

**Wai Hau Kit,**  
SJK(C) Chen Moh, Petaling Jaya, Selangor

*“Saya cadangkan KiSB ini diteruskan lagi pada masa-masa akan datang, kerana kandungan dan cara penyampaian kursus ini memberi kesan yang sangat positif kepada peserta. Walau bagaimanapun, saya cadangkan tempoh masa KiSB dapat dilanjutkan dari 2 hari kepada 3 atau 4 hari. Saya juga cadangkan bagi peserta*

*guru di Sabah, tempat kursus juga boleh diadakan mengikut PPD masing-masing untuk mengelakkan jarak perjalanan yang sangat jauh. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada KPM kerana menganjurkan KiSB.”*

**Aida Binti Dumi**  
SK Paginatan, Sabah

*“Bagi saya, KiSB merupakan satu kursus yang sangat bermanfaat kepada guru. Input berkaitan i-THINK, peta pemikiran serta kemahiran penyoalan sangat bermakna bagi saya. Jurulatih yang berpengalaman, serta sesi perbincangan dan kerja kumpulan sangat memberi kesan kepada peserta. Dengan adanya komunikasi dua hala bersama jurulatih*

*dan peserta-peserta kumpulan lain, kami tidak berasa bosan dan sentiasa teruja untuk menjalankan aktiviti berkumpulan. Saya sangat berharap KiSB dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang.”*

**Ahmad Nizar Bin Rafie**  
SMK Bandar Damai Perdana, Hulu Langat, Selangor

Kajian tinjauan telah dijalankan ke atas guru yang mengikuti latihan secara bersemuka oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Kajian ini memberikan tumpuan kepada lima aspek dalam Program i-THINK, iaitu:

- Pengenalan dan konsep i-THINK
- Pemahaman dan penggunaan peta pemikiran i-THINK
- Teknik menyoal dalam pengajaran dan pembelajaran
- Pembinaan dan pengurusan

- Rancangan Pengajaran Harian
- Kebolehan sendiri guru

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru memahami konsep i-THINK dan yakin untuk mengaplikasikan peta pemikiran sebagai alat berfikir dan teknik menyoal dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pemantauan berterusan akan dilaksanakan secara rawak pada tahun 2018 untuk guru yang tamat latihan secara bersemuka.

Kajian Keberkesanan Modul Kepimpinan Program i-THINK telah dijalankan oleh Institut Aminuddin Baki sepanjang tahun 2017. Sampel kajian ini terdiri daripada pemimpin sekolah yang telah mengikuti kursus pada tahun 2012 dan 2013 melibatkan 477 orang responden. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti amalan pemimpin sekolah dalam merancang, mengurus, memimpin, dan memantau pelaksanaan KBAT di sekolah.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan pengetua dan guru besar telah memainkan peranan mereka dalam pelaksanaan KBAT di sekolah. Hal ini dapat dibuktikan melalui contoh amalan yang dilaksanakan berdasarkan empat bidang iaitu amalan

pengajaran dan pembelajaran, kurikulum, hal ehwal murid dan persekitaran. Kumpulan pemimpin sekolah ini telah berjaya mengaplikasikan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh melalui latihan kepimpinan KBAT sebagai wadah dalam pembudayaan KBAT di sekolah.

### **Pelaksanaan *Middle Years Programme International Baccalaureate* 2017**

Kementerian sentiasa meneroka pendekatan pedagogi terkini bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. MYPIB merupakan program bertaraf antarabangsa. Program ini diperkenalkan bertujuan untuk meningkatkan dan membudayakan KBAT ke arah membangunkan potensi murid agar berfikir kreatif dan kritis serta inovatif. Murid juga dilatih untuk mempunyai sifat bersefahaman global dan menghormati perbezaan antara satu sama lain yang dapat menyumbang kepada keamanan dunia. Kejayaan SMKA Sheikh Abdul Malek, Terengganu (17 Mei 2017) dan SMK Dato' Sheikh Ahmad, Perlis (31 Oktober 2017) telah melengkapkan senarai 10 buah sekolah kerajaan yang memperoleh pengiktirafan sebagai *IB World School* di Malaysia.

Kini, Kementerian sedang melaksanakan program kelestarian sekolah MYPIB bagi tempoh lima tahun untuk memastikan semua sekolah dapat mematuhi standard dan keperluan MYPIB. Antara aktiviti yang dilaksanakan termasuk pemantauan berkala serta pemantapan bina upaya pemimpin



#### ***MIDDLE YEARS PROGRAMME INTERNATIONAL BACCALAUREATE (MYPIB)***

Skop pelaksanaan di Malaysia yang dipersetujui oleh pihak *International Baccalaureate Organization (IBO)* adalah seperti yang berikut:

1. Menggunakan Kurikulum Kebangsaan;
2. Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah;
3. Murid menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan tidak mengambil *e-Assessment* MYPIB; dan
4. Pengecualian kepada program pendidikan khas, Pendidikan Asas Vokasional (PAV) dan kelas peralihan.



sekolah dan guru. Bengkel MYPIB Kategori 3: *Creating Inclusive Classroom and MYP Personal Project* telah dilaksanakan oleh pihak *International Baccalaureate Organization* pada 21 - 24 September 2017 bagi memenuhi keperluan spesifik sekolah dalam meningkatkan profesionalisme guru. Sebagai langkah awal peluasan amalan terbaik MYPIB, Kementerian telah berkongsi amalan pembelajaran terbeza (*differentiated learning*) dan

pelaksanaan *Personal Project* dengan sepuluh buah sekolah menengah di WP Putrajaya.

Pada tahun 2019, setiap orang murid MYPIB di Tingkatan 5 perlu menyiapkan *MYP Personal Project*. Dalam melaksanakan *Personal Project* ini setiap orang murid akan menggunakan pengetahuan dan kemahiran (penyelidikan, berfikir dan komunikasi) yang telah dipelajari dan dipraktikkan sejak dari Tingkatan 1.



Wakil kumpulan membentangkan hasil projek, manakala peserta lain menilai *output* projek tersebut.



Bengkel perkongsian amalan terbaik MYPIB telah diadakan melibatkan semua sekolah menengah di Putrajaya.

## TRANSFORMASI PUSAT SUMBER SEKOLAH SEBAGAI AGEN PENERAJU INOVASI BAGI MYPIB



Pusat Sumber Sekolah di **SMK Sultanah Bahiyah, Kedah** dianggap sebagai nadi kepada pelaksanaan MYPIB. Program pembangunan PSS

ini dibuat secara holistik dengan memberi tumpuan kepada pembangunan kognitif, sosial, emosi dan fizikal murid. Konsep **Let's Read Wonderland** telah dirancang oleh sekolah bagi memberi pendedahan literasi maklumat kepada murid agar dapat menyelesaikan tugas secara kreatif dan kritis dalam bentuk pembelajaran yang menyeronokkan.

Menerusi aktiviti *Let's Read Wonderland*, sekolah telah dapat menerapkan 10 Profil Pelajar (*10 Learner Profile*) dalam kalangan murid untuk membangunkan mereka sebagai pelajar yang aktif, mempunyai belas kasihan

dan belajar sepanjang hayat. Pelibatan murid dalam program ini dilihat sebagai satu proses pembelajaran ke arah minda bertaraf antarabangsa dan melatih murid untuk bersikap ingin tahu, berpengetahuan luas, pemikir, bijak berkomunikasi, berprinsip, berfikiran terbuka, penyayang, mengambil risiko, seimbang dan membuat refleksi. Kesemua kualiti ini akan menyediakan murid untuk memberi sumbangan yang bermakna kepada diri, sekolah dan masyarakat.

Murid juga diajar untuk membangunkan pelbagai kemahiran *Approach to Learning* secara berperingkat menerusi kurikulum IB, iaitu kemahiran membuat penyelidikan, berkomunikasi, sosial, pengurusan diri dan berfikir yang akan membantu mereka untuk "belajar cara untuk belajar".

## Pengukuhan Kaedah Pembelajaran Abad Ke-21


Dalam era global yang bergerak pantas pada abad ke-21, generasi kini bukan hanya perlu mempunyai ilmu pengetahuan dan kompetensi yang pelbagai tetapi juga berperwatakan dinamik bagi memenuhi keperluan kehidupan yang mencabar dan penuh dengan tidak kepastian. Dalam konteks Malaysia, murid yang dilahirkan dalam masyarakat majmuk perlu mempunyai nilai dan etika, bersikap prihatin, berdaya tahan dan patriotik bagi memenuhi keperluan pasaran kerja. Keperluan tersebut adalah berteraskan keilmuan yang berkualiti, berdaya saing, berpandangan jauh, kreatif dan inovatif, serta memiliki citra diri yang tinggi.

Kementerian amat serius dalam penggunaan pendekatan PAK21 yang memerlukan guru menguasai kurikulum,

pedagogi, dan pentaksiran dan menterjemahkannya dalam penyampaian Pengajaran dan Pembelajaran yang berkesan. Proses pembelajaran dilaksanakan melalui pendekatan berpusatkan murid berteraskan empat kemahiran merangkumi komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis dan kreativiti serta nilai murni dan etika (4K1N). Penekanan kepada aspek nilai dan etika ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Aspirasi Murid. Gambaran yang menyeluruh tentang konsep PAK21 ditunjukkan dalam Ekshibit 2-2.

Guru perlu membina Rancangan Pengajaran Tahunan dan Rancangan Pengajaran Harian berdasarkan DSKP yang bersesuaian dengan tahap kecerdasan murid bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan secara berkesan.

Ekshibit 2-2: Kerangka Konsep Pembelajaran Abad Ke-21, 2017




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)



Menjelang tahun **2020** semua sekolah telah membudayakan Pembelajaran Abad ke -21

Pada tahun 2017, Kementerian telah menghasilkan Kit Penerangan PAK21 dengan memberi fokus kepada cara pelaksanaannya dan pengaplikasian 4K1N. Taklimat telah diberikan kepada Jurulatih Utama yang terdiri daripada pegawai Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang bertanggungjawab memberi latihan kepada Rakan Peningkatan Sekolah (SIPartners+), Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) serta para guru bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam pelaksanaan PAK21. Bilangan pegawai JPN, PPD, SIPartner+ dan SISC+ yang menghadiri taklimat ditunjukkan dalam Ekshibit 2-3:

Ekshibit 2-3: Bilangan Pegawai JPN, PPD, SIPartners+ dan SISC+ yang menghadiri Taklimat PAK21, 2017



TARIKH	NEGERI
26-28 SEPT 2017	JOHOR
26-28 SEPT 2017	KEDAH
26-28 SEPT 2017	TERENGGANU
2-4 OKT 2017	JOHOR
3-5 OKT 2017	KOTA KINABALU, SABAH
3-5 OKT 2017	MELAKA
23-25 OKT 2017	PERAK
23-25 OKT 2017	KELANTAN
24-26 OKT 2017	KOTA KINABALU, SABAH & LABUAN
25-27 OKT 2017	PAHANG

TARIKH	NEGERI
30 OKT - 1 NOV 2017	NEGERI SEMBILAN
1-3 NOV 2017	PULAU PINANG & PERLIS
2-3 NOV 2017	MIRI, SARAWAK
6-8 NOV 2017	KELANTAN
7-9 NOV 2017	SIBU, SARAWAK
8-10 NOV 2017	SELANGOR
13-15 NOV 2017	KUCHING, SARAWAK
13-15 NOV 2017	KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA
20-22 NOV 2017	TAWAU DAN SANDAKAN, SABAH

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)



### Pentaksiran Kompetensi Literasi Sains, Matematik dan Bacaan 2017

Pentaksiran Kompetensi Literasi Sains, Matematik dan Bacaan (PKLSMB) mula dilaksanakan pada tahun 2013. Tujuan pentaksiran ini adalah untuk mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai tahap kompetensi dan literasi murid dalam Sains, Matematik dan Bacaan dalam perspektif KBAT. Kementerian telah menghasilkan instrumen PKLSMB sejajar dengan kerangka pentaksiran pada peringkat antarabangsa. Dapatan yang diperoleh dari PKLSMB memberi petunjuk kepada


Kementerian mengenai intervensi yang diperlukan bagi meningkatkan tahap kompetensi dan literasi murid.

Pada tahun 2017, PKLSMB siri 1 dilaksanakan untuk mendapatkan data asas (*baseline data*) bagi kohort murid Tingkatan 2 dan 3 dalam Sains, Matematik dan Bacaan. Sebanyak 407,509 orang murid daripada 2,046 buah sekolah telah ditaksir. Skor min bagi Literasi Saintifik ialah 354.63, Matematik ialah 359.1, Bahasa Melayu ialah 479.75 dan Bahasa Inggeris pada 416.40. Perincian keputusan PKLSMB siri 1 ditunjukkan dalam Ekshibit 2-4.

**Ekshibit 2-4: Dapatan Pentaksiran Kompetensi Literasi Saintifik, Matematik dan Bacaan (PKLSMB) Siri 1, 2017**

Literasi	Pencapaian Murid			Bilangan Murid
	Tinggi $x \geq 500$	Sederhana $400 \leq x < 500$	Rendah $x < 400$	
Saintifik	41,109 (10.9%)	142,898 (35.2%)	222,155 (54.7%)	406,162
Matematik	94,901 (23.5%)	9,197 (15.7%)	246,202 (60.9%)	404,444
Bahasa Melayu	163,050 (40.1%)	159,496 (39.2%)	84,338 (20.7%)	406,884
Bahasa Inggeris	78,517 (19.3%)	179,043 (44.1%)	148,751 (36.6%)	406,311

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)



Data asas tahap literasi murid Tingkatan 2 dan 3 menunjukkan bahawa kebanyakan murid berada pada tahap pencapaian rendah dalam Literasi Sainifik (54.70%), Matematik (60.9%) Bahasa Melayu (20.7%) dan Bahasa Inggeris (36.6%). Keadaan ini amat membimbangkan kerana pelbagai usaha untuk membudayakan KBAT dalam bilik darjah telah giat dilaksanakan sejak tahun 2013.

PKLSMB siri 2 memberi fokus kepada kompetensi Sains dan Matematik. Sebanyak 324,477 orang murid Tingkatan 1 daripada 2,265 buah sekolah telah terlibat dalam pentaksiran ini. Skor min bagi kompetensi Sains ialah 365.40 dan kompetensi Matematik ialah 381.31. Perincian dapatan PKLSMB siri 2 ditunjukkan dalam Ekshibit 2-5.

**Ekshibit 2-5: Dapatan Pentaksiran Kompetensi Literasi Sains, Matematik dan Bacaan (PKLSMB) Siri 2, 2017**

Literasi	Pencapaian Murid			Bilangan Murid
	Tinggi x ≥ 500	Sederhana 400 ≤ x < 500	Rendah x < 400	
Saintifik	48,679 (15%)	100,398 (30.9%)	175,400 (54.1%)	324,477
Matematik	46,615 (14.4%)	82,816 (25.5%)	195,046 (60.1%)	324,477

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)

Dapatan data asas PKLSMB menunjukkan tahap kompetensi murid adalah lemah dan membimbangkan bagi Sains (54.1%) dan Matematik (60.1%).

Walau bagaimanapun, terdapat 23 buah sekolah menengah di seluruh negara yang berjaya menunjukkan pencapaian yang baik iaitu melepasi skor purata antarabangsa seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 2-6:

**Ekshibit 2-6: Senarai Sekolah Dengan Pencapaian Literasi Tahap 'Tinggi' - Skor ≥ 500**

		SAINS	MATEMATIK	BI	BM
BFT4001	SAM HULU LANGAT	524	658	591.2	542.6
BEA5073	SMK BUKIT SENTOSA 2	508	334	541.2	525.5
BEA8643	SMK BANDAR UTAMA DAMANSARA 3	508	654	674.2	498.0
DEE3244	SMK RANTAU PANJANG	507	557	476.4	524.8
AEB2053	SMJK SAM TET	505	614	597.8	510.6
TFT0001	SM IMTIYAZ YT BESUT	493	559	495.9	525.7
BEB8655	SMK (P) SRI AMAN	479	627	696.0	516.3
PEB0042	SMK TINGGI BUKIT MERTAJAM	479	535	605.6	526.9
BEA3077	SMK RAJA MUDA MUSA	478	668	549.6	542.4
BEA3084	SMK SAUJANA UTAMA	475	472	550.5	504.7
JEB1005	SMK (P) SULTAN IBRAHIM	472	508	549.5	526.7
BEA8649	SMK PUSAT BANDAR PUCHONG(1)	463	541	525.9	485.2
WEA2003	SMK PUTRAJAYA PRESINT 16(1)	460	503	576.5	537.5
BEA8670	SMK BANDAR PUNCAK JALIL	457	453	504.0	520.4
XEA5327	SMK NARINANG	456	467	486.2	484.4
WEA0196	SMK AMINUDDIN BAKI	456	548	645.1	533.4
AEA5083	SEKOLAH MENENGAH SAINS BAGAN DATOH	452	565	542.1	538.6
WEB0256	SMK BANGSAR (INTEG)	445	514	452.8	503.6
BEA0103	SMK TELOK GADONG	442	476	488.0	489.5
XRA3301	SMKA TUN SAKARAN	434	317	432.1	473.0
BEA4622	SMK BANDAR BARU AMPANG	433	434	436.7	507.1
BEA8637	SMK TTDI JAYA	432	456	500.3	524.9
CEE0018	SMK SULAIMAN	432	472	505.1	514.3

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)

Berdasarkan keputusan PKLSMB siri 1 dan 2, Kementerian perlu melipatgandakan usaha meningkatkan penguasaan murid bagi kesemua kompetensi dan literasi tersebut. Pelaksanaan PAK21 perlu diperkukuh dengan memberi tumpuan kepada penerapan KBAT dalam kalangan murid melalui penggemblerangan sokongan daripada ibu bapa, komuniti dan pihak berkepentingan. Kementerian

berharap melalui peningkatan kompetensi dan literasi murid dalam Sains, Matematik dan Bacaan, Malaysia akan dapat mencapai sasaran menjadi salah sebuah sistem pendidikan yang berada dalam kelompok sepertiga teratas bagi *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Students Assessment* (PISA).

## PENGUKUHAN PELAKSANAAN PENDIDIKAN SAINS, TEKNOLOGI, KEJURUTERAAN DAN MATEMATIK (STEM)

Kajian telah membuktikan bahawa pengintegrasian mata pelajaran STEM sangat berkesan untuk meningkatkan minat murid mempelajari mata-mata pelajaran Sains dan Matematik, dan kemudiannya berjaya dalam bidang pekerjaan berkaitan STEM.

Melalui pendekatan pembelajaran yang lebih menarik, bermakna dan mencabar dalam pendidikan STEM, murid berpeluang untuk mengaplikasikan dan mengintegrasikan konsep Sains dan Matematik dengan bidang Teknologi dan Kejuruteraan bagi menyelesaikan masalah sebenar dalam kehidupan.



### STEM

STEM merupakan satu falsafah atau cara berfikir apabila mata pelajaran Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi diintegrasikan menjadi satu bidang pendidikan yang lebih sesuai dan relevan untuk diajarkan di sekolah kerana penekanan aspek praktikal dan realiti. Melalui kaedah ini, murid mempelajari Sains dan Matematik dalam konteks dunia sebenar, bermakna dan realistik melalui aplikasi teknologi. Pembelajaran sebegini dilihat lebih menyeronokkan, melibatkan aktiviti amali dan pengalaman secara langsung yang merangsang murid berfikir dan menyelesaikan masalah.

**Sneideman, JM (2013),**  
*Engaging Children in STEM Education EARLY! Feature Story. Natural Start Alliance and NAAEE*

Pada tahun 2017, Kementerian melalui BPPDP telah melaksanakan pelbagai aktiviti bagi meningkatkan kesedaran warga pendidikan dan masyarakat tentang peri pentingnya pendidikan STEM untuk menyediakan tenaga kerja yang kreatif dan inovatif. Tiga strategi penting yang digunakan oleh Kementerian untuk meningkatkan penyertaan sekolah dalam pendidikan STEM adalah:

- Meningkatkan kemahiran dan kebolehan guru
- Meningkatkan minat murid
- Meningkatkan kesedaran pemimpin sekolah, guru, murid, ibu bapa dan orang awam.



## Strategi Meningkatkan Kemahiran dan Keupayaan Guru dalam STEM

### • Kolokium Pendidikan STEM

Kolokium ini merupakan kerjasama strategik antara Kementerian dengan institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan dan pihak industri. Matlamat kolokium ini adalah untuk meningkatkan kefahaman peserta secara menyeluruh tentang pendidikan STEM dan kerjaya dalam bidang STEM. Kolokium ini juga dijadikan platform untuk mewujudkan rangkaian kerjasama antara guru, agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta pihak industri untuk menjayakan agenda pendidikan STEM dengan lebih menyeluruh dan bersepadu.



Pada tahun 2017, tema kolokium yang dipilih ialah “Pendidikan Menerusi Penerokaan”. Kolokium ini dilaksanakan oleh Kementerian dengan kerjasama pihak universiti mengikut zon, iaitu Universiti Sains Islam Malaysia di Zon Tengah, Universiti Malaysia Terengganu di Zon Timur, Universiti Sains Malaysia di Zon Utara dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di Zon Selatan. Kolokium ini padat dengan pelbagai aktiviti termasuk forum

bersama-sama ahli akademik dan wakil industri, pembentangan oleh pihak Kementerian, sesi amali serta pameran oleh agensi kerajaan dan swasta.

### • Persidangan Antarabangsa Pendidikan STEM (ICSTEM) 2017

Persidangan ini berlangsung secara kolaboratif dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk memberi peluang kepada guru berkongsi idea kreatif dan inovatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Persidangan ini memberi peluang kepada guru dan penyelidik untuk berkongsi hasil kajian berkaitan pendidikan STEM. Ia juga menjadi medan perbincangan tentang kaedah untuk meningkatkan tahap kesedaran murid, guru dan orang awam melalui amalan pengajaran dan pembelajaran.

Persidangan pada bulan Oktober 2017 melibatkan penyertaan hampir 500 orang guru dan wakil Kementerian. Pada julung kalinya, Anugerah Pendidik Cemerlang STEM telah diadakan untuk memotivasikan pendidik di sekolah menghasilkan inovasi baharu dalam pendidikan STEM.



Peserta berkongsi hasil kajian berkaitan pendidikan STEM



Anugerah bagi tiga kategori iaitu pentadbir, guru kanan dan guru muda.

## Strategi Meningkatkan Minat Murid dalam STEM

Pelbagai program telah dilaksanakan untuk menarik minat murid mengikuti bidang STEM yang meliputi pendidikan formal, bukan formal dan tidak formal. Aktiviti STEM melalui pendidikan formal dilaksanakan dalam bilik darjah dengan memberi penekanan kepada pengaplikasian mata pelajaran STEM dalam dunia sebenar dan secara amali dalam pengajaran dan pembelajaran. Kegiatan kokurikulum berkaitan pendidikan STEM pula terangkum dalam kategori pendidikan bukan formal.

### • Program Rintis Pentaksiran Kemahiran Saintifik

Lembaga Peperiksaan telah menjalankan pemantauan terhadap pelaksanaan Pentaksiran Kemahiran Amali (PEKA) bagi semua jenis mata pelajaran sains sejak diperkenalkan pada tahun 2004. Hasil pemantauan menunjukkan bahawa kemahiran manipulatif dalam kalangan murid pada tahap yang rendah. Pada peringkat universiti, pelajar tidak dapat melaksanakan eksperimen di makmal walaupun mempunyai keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM. Perkara ini merupakan suatu keadaan yang membimbangkan terutama bagi

memenuhi keperluan tenaga kerja industri dan pakar dalam bidang STEM.

Projek Rintis Pentaksiran Kemahiran Saintifik telah dilaksanakan di 33 buah sekolah di seluruh Malaysia dan melibatkan 87 orang guru dan 1,098 orang murid. Dapatan rintis menunjukkan perkara berikut:

- 92% orang guru menyatakan bahawa Pentaksiran Kemahiran Saintifik (PKS) berjaya meningkatkan minat dan kefahaman murid dalam mata pelajaran yang diajar di sekolah.
- 50% orang guru memohon agar jadual waktu bagi mata pelajaran Sains Tulen ditambah bagi membolehkan murid menjalankan amali sains dengan baik.



- Buku Panduan PKS yang dibekalkan mengikut mata pelajaran Fizik, Kimia, Biologi dan Sains Tambahan dapat digunakan dengan baik oleh guru.
- Guru dan pembantu makmal menunjukkan sikap yang positif terhadap pelaksanaan PKS dan berharap sekolah dapat mengatasi masalah kesediaan makmal, dan kekurangan bahan dan radas.
- Murid seronok melaksanakan eksperimen semasa pengajaran dan pembelajaran. Kefahaman dan minat murid terhadap topik berkaitan PKS meningkat sepanjang program rintis dijalankan.





Cabaran utama dalam pelaksanaan PKS ialah penyediaan bahan dan radas Sains yang mencukupi. Masalah ini akan dapat diatasi sekiranya cadangan meningkatkan kadar Geran Per Kapita untuk mata pelajaran Sains diterima dan dilaksanakan.

Secara keseluruhan, guru dan murid menyatakan pelaksanaan PKS meningkatkan kefahaman dan minat dalam mata pelajaran Kimia, Biologi, Fizik dan Sains Tambahan. PKS akan diperluaskan kepada semua sekolah menengah bermula tahun 2018 hingga 2019.

- **Penubuhan Kelab STEM+**

Kementerian dengan kerjasama *Malaysia Industry Government Group for High Technology (MIGHT)* dan *British Council* yang diwakili oleh *Newton-Ungku Omar Fund* telah melaksanakan projek rintis Kelab STEM+ di 30 buah sekolah di seluruh Malaysia. Kelab ini ditubuhkan bagi memupuk minat, kreativiti dan inovasi murid dalam bidang STEM melalui pelibatan dalam pelbagai aktiviti secara amali. Seorang guru daripada setiap sekolah yang terpilih telah diberi latihan dengan menggunakan modul yang dibangunkan oleh pihak perunding yang dibawa khas dari United Kingdom oleh *British Council*. Guru juga telah dibekalkan dengan Modul Bahan Sumber Inovatif untuk melaksanakan aktiviti Kelab STEM+ di sekolah masing-masing.



Aktiviti Kelab STEM+



- **Pertandingan School Lab**

Kementerian telah menganjurkan Pertandingan *School Lab* secara kolaboratif dengan *British Council* dan *MIGHT*. Pertandingan ini terbuka kepada semua murid menengah rendah. Murid perlu menghasilkan satu video penerangan konsep STEM secara kreatif dan inovatif melalui lakonan, nyanyian dan sebagainya. Pertandingan akhir *School Lab* peringkat negeri telah diadakan pada bulan Mac 2017, manakala pertandingan akhir peringkat kebangsaan telah berlangsung di *Gardens Theater Mid Valley* pada bulan Mei 2017.





Pertandingan ini mendapat sambutan hangat melalui penyertaan lebih 6,000 orang murid di seluruh Malaysia. Pertandingan ini berjaya menarik minat murid untuk mempelajari satu topik mata pelajaran STEM dengan mendalam untuk membolehkan mereka menghasilkan video berkaitan STEM. Pihak Kementerian telah bersetuju untuk menggunakan video yang terpilih dalam aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran bagi menarik minat murid kepada mata pelajaran STEM.

• **Gamifikasi Pendidikan STEM**


Gamifikasi STEM merupakan satu daripada aktiviti yang dilaksanakan bagi meningkatkan minat murid melalui pendidikan tidak formal. Melalui kaedah ini, Kementerian telah membangunkan satu permainan digital berasaskan STEM, bertajuk 'MySTEMville'. Permainan ini memerlukan murid menguasai kemahiran STEM untuk menyelesaikan masalah secara berperingkat untuk maju ke peringkat seterusnya. Permainan digital ini terbuka kepada murid sekolah rendah dan menengah serta berjaya menarik minat murid untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang pendidikan STEM.

• **Rancangan TV Realiti - 'Adiwira STEM'**


Rancangan ini diterbitkan untuk menarik minat dan memberi kesedaran kepada murid serta orang awam terhadap bidang STEM. Rancangan sebanyak 12 episod ini telah berjaya dihasilkan dengan kerjasama KRU Studios. Peserta program diminta menyelesaikan pelbagai cabaran berkaitan STEM



**Bagaimana MyStemVille berkaitan STEM?**



Paparan permainan MySTEMville





dengan menggunakan sumber terhad yang disediakan. Antara cabarannya termasuk membina jambatan, menyelesaikan kes jenayah, membuat reka bentuk kereta solar dan menggunakan aplikasi kod untuk menggerakkan robot. Pasukan yang dapat menghasilkan penyelesaian terbaik akan kekal dalam program ini hingga ke episod terakhir.


Untuk memastikan pengisian rancangan ini berkualiti, pihak Kementerian telah bekerjasama dengan Majlis Profesor Negara dan *Young Scientist*



Sesi Penggambaran Rancangan Realiti TV Adiwira STEM

- **Pembangunan Bahan Sumber Pendidikan STEM**

Sebanyak 17 Bahan Sumber Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (BSTEM) telah dihasilkan pada tahun 2017 untuk membantu guru melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran STEM dengan berkesan. Bahan sumber ini dibangunkan dalam bentuk modul dan video yang akan dimuat naik ke laman sesawang Bahagian Pembangunan Kurikulum pada bulan April 2018.



BSTEM 2016 - 2017

*Network*, di bawah Akademi Sains Malaysia. Sebanyak 16 pasukan yang dianggotai oleh murid Tingkatan 3 mewakili setiap negeri telah terpilih menyertai rancangan ini. Sesi penggambaran telah dilaksanakan pada bulan Disember 2017 di Pusat Sains Negara, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia dan Putrajaya. Rancangan ini akan ditayangkan pada tahun 2018.

- **Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran STEM**

Pembangunan video interaktif pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran STEM dihasilkan berasaskan program *Blended Learning Open Source Science or Math Studies* (BLOSSOMS) bersama-sama *Massachusetts Institute of Technology*. Sebanyak 23 buah video telah dihasilkan pada tahun 2017 meliputi beberapa tajuk dalam mata pelajaran Sains dan Matematik. Kesemua video boleh diakses menerusi laman sesawang [www.eduwebtv.my](http://www.eduwebtv.my).

Seminar Penggunaan Video STEM 2017 telah diadakan di enam buah zon di seluruh negara. Objektif seminar ini adalah untuk memberi pengetahuan kepada guru cara menghasilkan dan menggunakan video STEM serta menilai keberkesanan kandungannya.





Hampir 800 orang guru telah mengambil bahagian dalam seminar yang diadakan di beberapa buah sekolah. Sebanyak 53 konsep video STEM berjaya dihasilkan untuk penerbitan video interaktif bagi memudah cara pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran STEM.

- **Penyediaan Prasarana yang Kondusif**

Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM240juta dalam Bajet 2017 untuk menyelenggarakan dan membaik pulih makmal sains yang rosak selain membekalkan peralatan dan bahan berkaitan yang mencukupi untuk memastikan peperiksaan amali sains dapat dilaksanakan mulai tahun 2018. Audit telah dilaksanakan untuk mendapatkan data sebenar status bilangan dan keadaan peralatan serta bahan di semua makmal sains sekolah. Data ini akan menentukan pembekalan peralatan dan bahan makmal sains pada tahun 2018 dan tahun-tahun seterusnya.

## Strategi Meningkatkan Kesedaran Pemimpin Sekolah, Guru, Murid, Ibu Bapa dan Pihak Awam Mengenai Pendidikan STEM

- **Jerayawara Pendidikan STEM**

Jerayawara ini telah dilaksanakan pada bulan Januari dan Februari 2017 untuk meningkatkan pengetahuan semua pemimpin sekolah menengah mengenai kepentingan STEM dan pelaksanaannya pada peringkat pusat hingga sekolah. Pameran berkaitan produk inovasi yang dihasilkan oleh sekolah turut diadakan untuk menggalakkan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih berinovasi.

Kementerian juga telah melaksanakan Kajian Kesedaran Tentang Kepentingan STEM dalam Kalangan Murid, Guru, Pentadbir Sekolah dan Ibu bapa. Kajian ini mendapati kesedaran terhadap kepentingan STEM dalam kalangan kumpulan berkenaan berada pada tahap sederhana. Berdasarkan dapatan tersebut, Kementerian akan merancang beberapa aktiviti bagi tahun 2018 untuk meningkatkan tahap kesedaran mengenai STEM.



## MEMPERKUKUH KECEKAPAN DWIBAHASA DALAM KALANGAN MURID

Kementerian meletakkan pemerolehan dan penguasaan murid dalam bahasa Melayu (BM) dan bahasa Inggeris (BI) sebagai keutamaan ke arah perpaduan antara kaum dalam masyarakat majmuk Malaysia, selain daripada meningkatkan kebolehpasaran dalam pelbagai bidang kerja. Penguasaan bahasa antarabangsa yang lain akan menjadikan rakyat Malaysia lebih berdaya saing dan berdiri megah di pentas pasaran kerja global.

### Peluasan Program Saringan Literasi Dan Numerasi (Linus2.0)

Program Literasi dan Numerasi (LINUS) mula dilaksanakan pada tahun 2010 untuk memantapkan

penguasaan asas murid sekolah rendah Tahap 1 (Tahun 1, 2 dan 3) dalam literasi BM dan numerasi. Pada tahun 2013, Program LINUS2.0 telah diperkenalkan. Objektif utama program ini adalah untuk memastikan murid Tahap 1 menguasai kemahiran asas literasi BM, literasi BI, dan numerasi selepas mengikuti tiga tahun pertama persekolahan rendah murid aliran perdana. Penguasaan literasi dan numerasi murid berkeperluan khas akan diukur berdasarkan konstruk yang telah ditetapkan. Penguasaan asas literasi BM, BI dan numerasi pada Tahap 1 akan membantu murid meneruskan persekolahan pada Tahap 2 (Tahun 4, 5 dan 6) dengan yakin dan meningkatkan keupayaan murid




menguasai pengetahuan dalam pelbagai mata pelajaran dengan lebih baik. Program ini diterajui oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dengan kerjasama Bahagian lain di Kementerian.

Pada tahun 2017, pencapaian murid Tahun 3 dalam saringan Program LINUS2.0 bagi literasi BM ialah 98.3%, literasi BI ialah 95.7%, manakala pencapaian numerasi ialah 98.8% seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 2-7.


Secara keseluruhan, murid daripada kohort yang sama (2015-2017) menunjukkan penguasaan yang baik dalam literasi BM dan BI serta numerasi (Ekshibit 2-8). Murid yang masih tidak dapat menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi akan dibantu dengan aktiviti intervensi pada Tahun 4 bagi memastikan mereka dapat mengikuti pembelajaran bersama-sama rakan mereka yang lain.

**Ekshibit 2-7: Peratus Pencapaian Saringan Murid Tahun 3 dalam Program LINUS2.0, 2017**



Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)

**Ekshibit 2-8: Pencapaian Kohort Murid yang sama dalam Program LINUS2.0, 2015-2017 :**



Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK)



Kementerian telah memberikan pelbagai sokongan secara berterusan kepada murid dan guru pada tahun 2017 untuk mencapai tahap literasi dan numerasi seperti yang disasarkan. Antara sokongan tersebut adalah seperti berikut:

- **Pelaksanaan, Pengesanan dan Pemantauan Proses Saringan LINUS2.0**

Sebanyak 1.35 juta orang murid Tahap I telah dikenal pasti tahap literasi dan numerasi melalui dua saringan. Saringan 1 dilaksanakan pada bulan Mac hingga April 2017 manakala Saringan 2 dilaksanakan pada bulan Ogos hingga Oktober 2017. Aktiviti pengesanan dan pemantauan dilaksanakan selari dengan aktiviti Saringan 1 dan 2 untuk memastikan pentadbirannya dilakukan mengikut prosedur operasi standard yang ditetapkan. Aktiviti ini telah dijalankan secara kolaboratif antara BPK dengan beberapa Bahagian di Kementerian di Zon Tengah, Selatan, Sarawak dan Utara.

- **Pelaksanaan Program Intervensi LINUS2.0**

Murid yang kurang menguasai literasi BM dan BI serta numerasi pada Tahap I telah diberikan intervensi khusus ke arah peningkatan kemahiran membaca, menulis dan mengira. Semua PPD telah berjaya memberikan sokongan kepada sekolah yang paling memerlukan dari bulan Februari hingga November 2017.

- **Penyediaan Modul LINUS2.0**

Modul ini disediakan sebagai bahan bantu mengajar kepada murid yang tidak menguasai literasi BM, BI dan numerasi. Proses cetakan dan agihan modul ini akan selesai dilaksanakan pada tahun 2018.

- **Program Outreach LINUS2.0: Program Pemulihan Khas**

Program ini dilaksanakan untuk mengesahkan status murid sama ada dalam kategori murid berkeperluan khas (MBK) atau murid pemulihan khas. Program ini telah disertai oleh 6,271 orang murid Tahun 3 yang tidak menguasai Konstruk 1 dan Konstruk 2 dalam saringan 2 tahun 2016. Hasilnya, sebanyak 1,955 orang murid telah disahkan sebagai murid MBK manakala 4,067 orang murid telah dikenal pasti untuk program pemulihan khas. Program ini diterajui oleh Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas).

Hasil daripada program intervensi yang dijalankan, sebanyak 246 orang MBK telah dapat menguasai keseluruhan konstruk dalam Literasi BM Tahun 3 menerusi Saringan 1 dan berjaya meneruskan pembelajaran di aliran perdana. Program ini dijadikan rujukan utama untuk mengenal pasti dan mengesahkan status keperluan pendidikan MBK dan penyediaan perkhidmatan pendidikan terbaik.

- **Pemantapan Kompetensi Pegawai FasiLINUS, PPD dan JPN**

Pelbagai kursus telah dijalankan untuk memantapkan kompetensi guru dan pegawai bagi memastikan Program LINUS2.0 mencapai matlamatnya. Antara kursus utama yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Kursus Pengukuhan dan Pemantapan Jati Diri FasiLINUS2.0, 2017 telah dihadiri oleh 838 orang FasiLINUS.
- Kursus Pedagogi Pemulihan Bahasa Inggeris kepada

FasiLINUS Bahasa Inggeris dan Guru Bahasa Inggeris telah dihadiri oleh 327 orang FasiLINUS Bahasa Inggeris dan 3,500 orang guru Bahasa Inggeris.

- iii. Kursus Kelestarian Guru Pemulihan LINUS2.0 telah dihadiri oleh 865 orang guru pemulihan LINUS2.0 bagi memastikan tahap pengetahuan dan kemahiran guru pemulihan kekal relevan untuk meningkatkan kemahiran literasi

dan numerasi murid. Kursus ini juga melibatkan pegawai dan Penyelia Pemulihan dari JPN dan PPD.

- **Latihan Pengurusan dan Intervensi LINUS2.0**

Sebanyak 120 orang guru besar baharu telah menjalani latihan pengurusan dan intervensi LINUS2.0 di IAB bagi memastikan program LINUS2.0 ditadbir urus dengan lancar dan berkesan di sekolah.



## MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA DAN MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS

PPPM 2013-2025 beriltizam untuk melahirkan murid dengan kemahiran dwibahasa. Penguasaan dalam BM dan BI akan membolehkan anak-anak Malaysia yang dilahirkan dalam masyarakat majmuk lebih memahami antara satu sama lain dan meningkatkan daya saing mereka dalam pasaran pekerjaan sama ada di dalam mahupun luar negara.

### PEMARTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

Usaha untuk memartabatkan BM sebagai bahasa kebangsaan, bahasa ilmu dan bahasa perpaduan telah dilaksanakan sejak sekian lama. Perkembangan sejarah pendidikan BM dizahirkan melalui sistem pendidikan negara seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 2-9. Pada tahun 2016, Kementerian

telah mengorak langkah yang lebih tersusun dengan merangka dan merancang strategi peningkatan penguasaan BM dalam kalangan murid.

Pada tahun 2017, Kementerian terus memperhebat usaha untuk meningkatkan penggunaan dan penguasaan BM supaya kedudukannya terus dimartabatkan sebagai bahasa rasmi negara. Di samping itu, usaha untuk memartabatkan BM pada peringkat global turut diberi perhatian bagi meletakkan BM setanding dengan bahasa antarabangsa utama yang lain. Pelbagai program telah dirancang melalui pelaksanaan inisiatif Pemartabatan Pendidikan Bahasa Melayu. Di bawah inisiatif ini, Kementerian telah berjaya menghasilkan perkara berikut:

- Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025

### Ekshibit 2-9: Sejarah Pendidikan Bahasa Melayu



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP), 2017



- Draf Awal Kerangka Standard Bahasa Melayu
- Draf Awal Kerangka Holistik Pembangunan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu
- Bahan Sokongan dan Modul Bahasa Melayu
- Program Pembangunan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu.

tiga bidang utama seperti berikut:

- Pengukuhan pendidikan BM menjurus kepada peningkatan penguasaan dan penggunaan bahasa dalam kalangan murid
- Profesionalisme keguruan guru BM
- Penyelidikan dan inovasi serta hubungan luar



### Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025

Pelan hala tuju ini telah diterbitkan sebagai panduan yang jelas dan terperinci kepada semua pihak berkepentingan supaya dapat menyumbang secara bersepadu untuk memartabatkan pendidikan BM. Dokumen ini juga menjadi rujukan kepada warga pendidik khususnya dan orang awam amnya bagi menyokong pelan tindakan memartabatkan pendidikan BM bagi tempoh 2016-2025.

Kerangka konsep pelan hala tuju ini dibangunkan berdasarkan sembilan strategi dan dikelompokkan kepada

Pada akhir tahun 2025, Kementerian berharap murid yang dilahirkan melalui sistem pendidikan negara mempunyai penguasaan yang baik dalam penggunaan BM. Kerangka pelan ini ditunjukkan dalam Ekshibit 2-10.

Sila imbas QR code ini untuk mengetahui lebih lanjut



## Ekshibit 2-10 : Kerangka Pelan Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu

### Bahasa Jiwa Bangsa Bahasa Melayu Standard

### MURID KETERAMPILAN BERBAHASA MELAYU



### KERANGKA STANDARD BAHASA MELAYU

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)

## Draf Awal Kerangka Standard Bahasa Melayu

Kerangka Standard Bahasa Melayu (KSBM) merupakan satu piawaian untuk menentukan tahap kemahiran berbahasa Melayu dalam kalangan penutur daripada warga Malaysia dan warga asing yang bekerja dan belajar di Malaysia. Penulisan draf awal KSBM diketuai oleh Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu yang diusahakan oleh 18 orang panel dari universiti awam, Institut Pendidikan Guru Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Bahagian Pembangunan Kurikulum dan Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU). Ekshibit 2-11 menunjukkan tahap bagi pemerolehan dan penguasaan BM mengikut KSBM.

KSBM akan dijadikan dokumen rujukan untuk menentukan standard

kompetensi berbahasa pengguna BM dalam pelbagai bidang seperti pengurusan, perkhidmatan, pendidikan, kejuruteraan, sains dan teknologi. KSBM juga digunakan sebagai rujukan untuk pembinaan instrumen tahap penguasaan penutur dalam bidang masing-masing dan pembinaan kurikulum serta kursus yang bersesuaian untuk meningkatkan penguasaan BM dalam kalangan pekerja. Sepanjang tahun 2017, beberapa aktiviti utama telah dilaksanakan bagi membangunkan KSBM seperti berikut:

- Penulisan Dokumen KSBM
- Penulisan Buku Panduan KSBM
- Pembinaan Instrumen Kompetensi Bahasa Melayu

Selain aktiviti utama, terdapat beberapa aktiviti sokongan telah

Ekshibit 2-11: Tahap Pemerolehan dan Penguasaan Bahasa Melayu Berdasarkan Kerangka Standard Bahasa Melayu, 2017



Sumber: Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu (IPGKBM)

dilaksanakan iaitu Permuafakatan Awam KSBM di empat zon, iaitu Tengah, Utara, Timur dan Sabah. Seminar KSBM telah diadakan di tiga zon, iaitu Selatan, Sarawak dan Tengah. Kementerian juga telah menganjurkan Kongres KSBM. Aktiviti sokongan tersebut bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan cadangan daripada pelbagai pihak bagi memantapkan pembangunan KSBM. Antara pihak

berkepentingan yang dilibatkan ialah para ahli akademik, tokoh bahasa, ahli politik, pihak berkuasa tempatan, pihak imigresen dan Polis Diraja Malaysia. Penganjuran Kongres KSBM juga merupakan langkah permulaan untuk mendapatkan resolusi terhadap kebolehan menggunakan KSBM dan ketekalan deskriptor yang terkandung di dalamnya.

## KONGRES KERANGKA STANDARD BAHASA MELAYU

Kongres ini berlangsung pada 31 Oktober hingga 1 November 2017. Perasmian Kongres KSBM telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Malaysia. Dokumen Hala Tuju Pendidikan Bahasa Melayu turut dilancarkan semasa Kongres ini. Hasil daripada ucapan utama, pembentangan kertas dasar dan kertas kerja, Kongres KSBM telah berjaya menghasilkan resolusi ke arah pembangunan hala tuju KSBM. Resolusi Kongres KSBM adalah seperti berikut:

### **Resolusi 1: Mengangkat KSBM ke Peringkat yang Lebih Tinggi**

- Menubuhkan Jawatankuasa Kabinet KSBM yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri
- Menubuhkan Majlis BM sebagai badan yang mempunyai kuasa untuk mengawal dan bertanggung jawab dalam pelaksanaan KSBM

### **Resolusi 2: Mendapatkan Komitmen Kerajaan dalam Penggunaan KSBM**

- Mewajibkan penggunaan BM sepenuhnya oleh semua pemimpin negara dan penguasaan bahasa mereka disetarakan dengan KSBM
- Menguatkuasakan penggunaan BM di semua sektor awam dan swasta berdasarkan piawaian yang ditetapkan dalam KSBM
- Mewajibkan penggunaan dan meningkatkan penguasaan BM sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi berdasarkan piawaian KSBM oleh semua warga Malaysia

### **Resolusi 3: Memartabatkan BM sebagai Bahasa Kebangsaan**

- Memastikan peranan KSBM dalam menyatukan rakyat dan melonjakkan kemajuan negara
- Menguatkuasakan penguasaan BM asas dalam kalangan pemimpin negara
- Menggunakan KSBM sebagai satu piawai bagi menggalakkan penggunaan BM dalam masyarakat Malaysia

### **Resolusi 4: Mengantarabangsakan KSBM**

- Membentuk kerjasama dengan negara luar yang mempunyai penutur BM untuk mendapatkan kesepakatan dan persetujuan bagi menjadikan KSBM sebagai piawaian dalam menentukan tahap penguasaan dalam BM
- Menjadikan KSBM sebagai piawaian dalam penganjuran sebarang program BM oleh semua institusi luar negara
- Menjadikan KSBM sebagai asas kepada pembentukan bahasa *lingua franca* dalam kalangan negara ASEAN
- Mewujudkan jawatan Atase di setiap kedutaan Malaysia yang berperanan menyebarkan pengetahuan dan penggunaan BM






## Draf Awal Kerangka Holistik Pembangunan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu

Kerangka ini akan dijadikan satu garis panduan yang menyeluruh bagi merancang pembangunan kerjaya guru BM untuk melahirkan guru yang kompeten dan mampu mengajar mata pelajaran BM dengan berkesan. Draf awal kerangka ini telah dibangunkan selari dengan dokumen pembangunan profesionalisme

berterusan dan dibahagikan kepada tiga fasa, iaitu praperkhidmatan, perkhidmatan dan pemantapan kerjaya seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 2-12.

Matlamat pembangunan profesionalisme guru BM adalah untuk mencapai tiga keberhasilan utama, iaitu peningkatan kepakaran guru BM, peningkatan kepimpinan guru, pemantapan pengajaran dan pembelajaran yang mampu meningkatkan penguasaan BM serta keberhasilan murid.

**Ekshibit 2-12: Kerangka Holistik Pembangunan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu**



Sumber: Bahagian Pendidikan Guru (BPG)



### Bahan Sokongan dan Modul untuk Bahasa Melayu

Kementerian juga telah menghasilkan pelbagai kit aktiviti sokongan dan modul bagi membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran supaya penguasaan dan pencapaian murid sekolah rendah dan menengah dalam BM dapat ditingkatkan. Bahan yang telah dihasilkan adalah seperti berikut:

- Kit Sokongan Bahasa Melayu Menengah Atas
- Kit Sokongan Bahasa Melayu Sekolah Rendah
- Kit Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM) Sekolah Rendah dan Menengah
- Modul Pedagogi Kesusasteraan Melayu Alternatif (KMA)



#### • Kit Sokongan Bahasa Melayu Menengah Atas

Kit ini disediakan untuk membantu guru membimbing murid melonjakkan tahap penguasaan dan meningkatkan pencapaian dalam mata pelajaran BM pada peringkat SPM. Kit ini mengandungi bahan-bahan utama iaitu Kit Karangan, Kit Pemahaman, Kit Sistem Bahasa, Kit Komponen Sastera (KOMSAS) dan Kit Rumusan. Konsep pembinaan kit sokongan ini berasaskan aktiviti PAK21 yang berfokuskan murid dan pelibatan guru yang minimum dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Penggunaan kit ini disasarkan kepada guru yang mengajar di sekolah berprestasi rendah (sekolah Band 5, 6 dan 7). Pada tahun 2017, sebanyak 210 buah sekolah menengah telah menyertai projek rintis dan melibatkan murid Tingkatan 5. Dapatan rintis menunjukkan bahawa bahan yang terkandung di dalam kit dapat meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran BM. Guru dapat menggunakan pelbagai bahan sokongan dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah menjadi lebih aktif dan menyeronokkan.

- **Kit Sokongan Kurikulum Bahasa Melayu Sekolah Rendah**

Kit ini merupakan bahan sokongan alternatif untuk guru mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran. Program bimbingan penggunaan kit ini telah dijalankan dalam dua fasa, iaitu:

- Fasa 1: 600 orang guru di enam buah zon menyertai program ini pada bulan Julai 2017
- Fasa 2: 180 orang Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) daripada enam buah zon

mengikuti program ini pada bulan September dan Oktober 2017

Penggunaan kit ini telah mendapat sokongan daripada semua sekolah dan PPD yang terlibat. Beberapa buah sekolah telah melaksanakan latihan dalam perkhidmatan di sekolah masing-masing tentang penggunaan kit. Beberapa PPD juga telah melaksanakan program sekolah rintis bagi penggunaan kit di daerah masing-masing, contohnya, SK Batu Arang dijadikan sebagai sekolah rintis di PPD Gombak.

Bagi memastikan keberkesanan program bimbingan dan kesesuaian kit dengan tahap penguasaan murid, program pemantauan telah dijalankan terhadap 60 buah sekolah rintis. Dapatan pemantauan menunjukkan bahawa guru berjaya mencapai objektif pengajaran dengan mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran melalui penggunaan kit ini. Kit ini juga membantu meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran guru bukan opsyen yang mengajar BM sama ada di sekolah kebangsaan mahupun di sekolah jenis kebangsaan.



Murid menggunakan teknik dan bahan Kit Bahasa Melayu Sekolah Rendah







## PANDANGAN MENGENAI KIT SOKONGAN KURIKULUM BAHASA MELAYU SEKOLAH RENDAH

*...pada pendapat saya, kit ini membantu saya untuk mengajar murid di sekolah saya...Sebab teknik yang ada dalam kit ni menarik minat murid untuk belajar...teknik dalam kit juga mudah untuk dilaksanakan dalam kelas dan panduan yang diberi jelas.*

**Alhaadi Ismail**  
Guru Akademik  
SJKC Chung Hwa Telok Kemang, Negeri Sembilan

*...penggunaan teknik yang dicadangkan dalam Kit BM SR ini bukan saja dapat menarik minat murid untuk lebih faham tetapi dapat juga menjana keseronokan sewaktu aktiviti dijalankan... apa yang saya lihat dan amati, murid-murid sederhana pencapaian mereka dapat dibantu untuk meningkatkan kefahaman dan penguasaan penulisan dan tatabahasa...*

**Sarimah Onong**  
Guru Akademik  
SK Tanjung Aru II, Kota Kinabalu, Sabah

*...Kit ini dapat membantu pembelajaran murid secara aktif...Murid berasa seronok... aktiviti tersebut memberi nilai tambah pada teknik pengajaran dan guru berkeyakinan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berpandukan bahan yang diberi...*

**Mohamad Zamri Yusof**  
Penolong Pengarah Bahasa Melayu  
Sektor Pengurusan Akademik, JPN Terengganu

- **Kit Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu (PIKeBM) Sekolah Rendah dan Menengah**

Kit PIKeBM ini dihasilkan untuk membantu guru melaksanakan aktiviti kokurikulum bagi meningkatkan penggunaan BM dalam kalangan murid sekolah rendah dan menengah. Tiga objektif utama kit ini adalah untuk menerapkan nilai-nilai murni dan pembudayaan BM, membina sikap yang positif dan bertanggungjawab dalam memartabatkan BM serta melahirkan modal insan yang berkualiti dan sentiasa prihatin terhadap isu BM.

Pada tahun 2017, projek rintis PIKeBM telah dijalankan di 200 buah sekolah. Dapatan rintis menunjukkan bahawa aktiviti yang terkandung dalam Kit PIKeBM mudah dan efektif untuk

dilaksanakan. Guru dan murid berupaya untuk meningkatkan penggunaan BM di luar bilik darjah terutama di sekolah jenis kebangsaan. Pelbagai aktiviti menarik dijalankan oleh guru dan aktiviti penggunaan BM selama sepuluh minit dilaksanakan setiap kali murid menghadiri aktiviti kokurikulum. Aktiviti bahasa ini dilanjutkan penggunaannya oleh murid di sekolah walaupun selepas waktu kokurikulum.

- **Modul Pedagogi Alternatif Kesusasteraan Melayu**

Modul ini merupakan satu pendekatan baharu dalam pengajaran dan pembelajaran untuk menghidupkan semula pembelajaran Kesusasteraan Melayu dengan membolehkan murid memanipulasi bahan pembelajaran. Modul ini memberi peluang kepada guru dan murid untuk mengubah teks yang

ditentukan kepada satu bentuk eksplorasi pembelajaran yang menarik. Murid seterusnya dapat meningkatkan kemahiran yang perlu dikuasai berdasarkan Sukatan Pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Dapatan pemerhatian ke atas penggunaan modul ini oleh pensyarah IPG serta pegawai JPN dan PPD pada tahun 2017 menunjukkan bahawa:

- guru, tanpa mengira lokasi sekolah, lebih kreatif mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran



Kesusasteraan Melayu, dan lebih bersedia dengan bahan bantu mengajar yang terkini.

- murid lebih berminat untuk mengikuti pembelajaran dan mudah menguasai kemahiran berbahasa serta mencapai objektif pembelajaran; saling bekerjasama dan lebih yakin dalam melontarkan idea; serta lebih teruja melaksanakan pelbagai aktiviti terutamanya yang melibatkan penggunaan alat berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi dan pembelajaran secara amali.

### Program Pembangunan Profesionalisme Guru Bahasa Melayu

Penyediaan latihan untuk guru BM telah dilaksanakan oleh BPG, IPGKBM dan BPSH. Matlamat utama latihan adalah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengajaran BM. Pada tahun 2017, Kementerian telah menyediakan dua program latihan utama untuk guru yang mengajar BM seperti berikut:

- Kursus Pemantapan Penguasaan BM
- Program Kecemerlangan Pedagogi Bahasa Melayu


#### Kursus Pemantapan Penguasaan BM

Kursus Pemantapan Penguasaan BM (KPPBM) dilaksanakan untuk

meningkatkan dan memantapkan penguasaan BM dalam kalangan guru BM bukan opsyen yang tidak mencapai tahap minimum dalam Ujian Kecekapan Bahasa Melayu (UKBM) yang diduduki pada tahun 2015. KPPBM dijalankan di lima buah zon di seluruh negara dengan kerjasama Jurulatih Utama pada peringkat kebangsaan dan negeri.

Modul KPPBM dibina berdasarkan tujuh subtopik - Kandungan Kurikulum, Strategi PdP, KBAT, Didik Hibur, Tatabahasa, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), dan Pentaksiran. Modul KPPBM juga berfokuskan kepada lima kemahiran berbahasa, iaitu Kemahiran Mendengar, Kemahiran Bertutur, Kemahiran Membaca, Kemahiran Menulis dan Sistem Bahasa. Kerangka modul ditunjukkan dalam Ekshibit 2-13.

Ekshibit 2-13: Kerangka Modul Kursus Pemantapan Penguasaan Bahasa Melayu



Sumber: Bahagian Pendidikan Guru (BPG), 2017

Pelaksanaan KPPBM 2017 melibatkan tiga fasa, iaitu pendaftaran dan ujian pra secara dalam talian, pembelajaran sendiri menerusi modul dalam talian, dan kursus bersemuka serta ujian pasca. Keseluruhan kursus ini dilaksanakan

melalui platform *Schoology*, iaitu satu sistem pengurusan pembelajaran. Jumlah keseluruhan peserta kursus ialah 1,468 iaitu 1,216 orang (82.8 %) dari Sekolah Jenis Kebangsaan, dan 252 orang (17.2%) dari Sekolah Kebangsaan. Agihan peserta kursus di seluruh negara

Ekshibit 2-14: Bilangan Peserta yang Mendaftar untuk Kursus Pemantapan Penguasaan BM Mengikut Negeri, 2017

Bil	Negeri	Sekolah Jenis Kebangsaan	Peratus %	Sekolah Kebangsaan	Peratus %	Jumlah
1	Johor	337	98.2%	6	1.8%	343
2	Kedah	104	92.0%	9	8.0%	113
3	Kelantan	4	17.4%	19	83.0%	23
4	Melaka	24	100%	-	-	24
5	Negeri Sembilan	35	83.3%	7	17.0%	42
6	Pahang	36	94.7%	2	5.3%	38
7	Pulau Pinang	88	88.9%	11	11.1%	99
8	Perak	101	76.5%	31	23.5%	132
9	Perlis	14	56.0%	11	44.0%	25
10	Selangor	317	81.9%	70	18.1%	387
11	Terengganu	4	12.5%	28	87.5%	32
12	Sabah	61	58.1%	44	41.9%	105
13	Sarawak	53	82.9%	11	17.2%	64
14	WP Kuala Lumpur	36	92.3%	3	7.7%	39
15	WP Labuan	2	100%	-	-	2
16	WP Putrajaya	-	-	-	-	-
<b>Keseluruhan</b>		<b>1,216</b>		<b>252</b>		<b>1,468</b>


Sumber: Bahagian Pendidikan Guru (BPG)



ditunjukkan dalam Ekshibit 2-14. Pelaksanaan KPPBM secara dalam talian dan pembelajaran akses sendiri memerlukan disiplin, integriti dan komitmen tinggi daripada peserta kursus. Setelah menghadiri kursus bersemuka, peserta perlu melengkapkan Ujian Pasca

kemahiran bahasa yang merangkumi lima soalan setiap satu bagi kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Dapatan Ujian Pra dan Ujian Pasca KPPBM ditunjukkan dalam Ekshibit 2-15 di bawah.

**Ekshibit 2-15: Perbandingan Dapatan antara Ujian Pra dan Ujian Pasca KPPBM Berdasarkan Tujuh Subtopik, 2017**



Secara umum, dapatan Ujian Pasca KPPBM menunjukkan pengetahuan peserta dalam tujuh subtopik yang telah ditetapkan meningkat. Hal ini membuktikan keberkesanan pelaksanaan aktiviti KPPBM. Namun begitu, Kementerian akan terus berusaha untuk meningkatkan penguasaan guru BM dalam subtopik KBAT dan Pentaksiran untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran BM dalam bilik darjah lebih dinamik.

### Program Kecemerlangan Pedagogi Bahasa Melayu (PKPBM)

Program ini dilaksanakan untuk meningkatkan proses pengajaran dengan mengaplikasikan pedagogi terkini di bilik darjah. Kementerian berharap pemantapan pedagogi dalam kalangan guru dapat meningkatkan penguasaan dan penggunaan BM dalam kalangan

murid seterusnya meningkatkan kualiti pencapaian BM. Objektif program adalah untuk:

- memantapkan penguasaan ilmu tatabahasa (morfologi dan sintaksis).
- melaksanakan pengajaran dan pembelajaran BM berasaskan pedagogi abad ke-21.
- mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajaran dengan mengintegrasikan kemahiran TMK dalam pengajaran dan pembelajaran BM.
- meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran BM pada peringkat UPSR dan SPM.

Latihan ini telah disertai oleh 95% orang guru BM yang mengajar di SJK dan 103 orang guru BM yang mengajar murid Pendidikan Khas. Latihan ini disasarkan kepada guru BM yang mengajar


di sekolah yang berbeza seperti sekolah rendah Orang Asli, sekolah pendidikan khas, sekolah yang terlibat dalam program dwibahasa, sekolah kurang murid dan sekolah berprestasi rendah. Kementerian telah mengguna pakai Model Pembelajaran Profesional Berterusan Guru (PPBG) dalam pelaksanaan PKPBM seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 2-16.



**Ekshibit 2-16: Pelaksanaan PKPBM Berasaskan Model Pembelajaran Profesional Berterusan Guru**

**Program Kecemerlangan Pedagogi Bahasa Melayu (PKPBM)**

- Model PPBG dibangunkan berdasarkan tinjauan literatur yang diperkenalkan oleh *The General Teaching Council for Scotland*.
- Empat fasa proses kerja dikemukakan dalam pelaksanaan pembelajaran guru bagi memastikan keberkesanan latihan.
- Tempoh pelaksanaan ialah satu tahun
- Pelaksanaan PKPBM dibuat secara sistematik dan terancang.



Jabatan Pedagogi Tinggi, IPGKBM 2017


2

PKPBM telah dilaksanakan dalam empat fasa seperti berikut:

Fasa	Aktiviti	Huraian
<b>Fasa 1</b>	<b>Pelaksanaan Kajian Keperluan Guru BM</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Analisis keperluan latihan guru BM</li> <li>• Sampel: empat buah sekolah sekitar Lembah Klang</li> <li>• Instrumen: soal selidik, senarai semak, temu bual</li> </ul>	Tiga keperluan utama guru BM dikenal pasti <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ilmu tatabahasa</li> <li>• Pengintegrasian Teknologi Maklumat dalam Pengajaran dan Pembelajaran BM</li> <li>• Pengaplikasi pembelajaran abad ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran BM</li> </ul>

Fasa	Aktiviti	Huraian
<p><b>Fasa 2</b></p>	<p><b>Pembangunan Modul PKPBM</b></p> 	<p><b>Modul dalam Talian</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penghasilan 11 modul yang merangkumi ilmu, pedagogi dan inamika BM</li> <li>• Dibangunkan oleh 28 orang pensyarah dari IPGK Bahasa Melayu, IPGK Bahasa Antarabangsa, IPGK Pendidikan Islam, IPGK Ilmu Khas, IPGK Raja Melewar, IPGK Perempuan Melayu dan IPGK Kent.</li> </ul>
<p><b>Fasa 2</b></p>	<p><b>Pembangunan Modul PKPBM</b></p> 	<p><b>Modul Kursus Bersemuka</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengandungi tiga bahagian, iaitu Ilmu Tatabahasa (Morfologi dan Sintaksis), Pengintegrasian TMK dalam Pengajaran dan Pembelajaran BM dan Aplikasi PAK21 dalam pengajaran dan pembelajaran BM.</li> <li>• Modul interaktif yang memuatkan soal jawab dan latihan ilmu bahasa, aplikasi TMK serta panduan strategi Pengajaran dan Pembelajaran.</li> <li>• Dibangunkan oleh pensyarah dari IPGK BM dan IPGK Perempuan Melayu.</li> </ul>
<p><b>Fasa 2</b></p>	<p><b>Pelaksanaan Kursus PKPBM</b></p> 	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus dihadiri oleh 534 orang guru BM daripada 267 buah sekolah yang tidak mencapai sasaran Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) BM</li> </ul>



Fasa	Aktiviti	Huraian
<p><b>Fasa 3</b></p>	<p><b>Bimbingan dan Pemantauan Penilaian Kursus</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Instrumen A menggunakan SKPMg2 (Standard 4)</b> untuk mengukur pencapaian guru melalui proses bimbingan oleh SIPartner+/ SISC+</li> <li>• <b>Instrumen B menggunakan soal selidik dan pemerhatian</b> untuk mengumpulkan data pemantauan pelaksanaan PKPBM</li> <li>• <b>Instrumen C menggunakan soal selidik</b> untuk menilai komitmen pemimpin sekolah terhadap matlamat meningkatkan penguasaan BM dalam kalangan murid</li> </ul> 	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus dibuat di Zon Utara, Selatan, Tengah, Timur, Sabah dan Sarawak.</li> <li>• <b>Dapatan instrumen A:</b> Secara keseluruhan, pencapaian guru berada pada tahap baik dengan purata pencapaian pada 80%.</li> <li>• <b>Dapatan instrumen B:</b> Secara keseluruhan, bimbingan telah dijalankan dengan sangat berkesan. Sebanyak 533 orang (99.6%) guru menyatakan bahawa pembimbing telah membantu mereka dalam meningkatkan ilmu BM dan 532 (99.2%) orang guru menyatakan pembimbing telah membantu meningkatkan kemahiran pedagogi BM.</li> <li>• <b>Dapatan instrumen C:</b> Secara keseluruhan, sebanyak 57 (49.1%) orang pemimpin sekolah memberikan komitmen pada tahap cemerlang untuk meningkatkan penguasaan BM dalam kalangan murid, manakala 53 (45.7%) orang memberikan komitmen pada tahap baik. Hanya enam (5.2%) orang pentadbir memberikan komitmen pada tahap sederhana.</li> </ul>
<p><b>Fasa 4</b></p>	<p><b>Pelaporan Pelaksanaan PKPBM</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Isu dan penambahbaikan amalan pedagogi dalam kalangan guru BM</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Laporan keseluruhan menunjukkan PKPBM telah berjaya meningkatkan amalan pedagogi terbaik di sekolah berprestasi rendah.</li> <li>• Pelaksanaan PKPBM secara sistematik telah berjaya mengesan kualiti pedagogi BM dalam kalangan guru bukan opsyen dan meningkatkan keberkesanan latihan.</li> </ul>

# PANDANGAN MENGENAI PROGRAM KECEMERLANGAN PEDAGOGI BAHASA MELAYU (PKPBM)



*“Pemantauan oleh JPN Selangor mendapati guru-guru di sekolah DLP semakin mesra dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.”*

**En. Azman bin Sharif**

Ketua Penolong Pengarah Bahasa Melayu  
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

*“...bangga kerana guru-guru sekolah DLP Kuala Langat menggunakan ilmu yang diperoleh semasa bengkel PKPBM dengan baiknyanya.”*

**Puan Rosni bt. Adnan**

Penolong Pegawai Pendidikan Daerah  
Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Langat



*“..... seronok belajar BM melalui aplikasi Tondoo.  
Cikgu kami memang kreatif.”*

**Murid Tingkatan 5**

SMJK Notre Dame Melaka

*“Amat berpuas hati dengan penyertaan dan komitmen guru dalam meningkatkan kualiti pedagogi Bahasa Melayu melalui PKPBM”*

**Pn. Hapsah bt. Majid**

Penyelaras PKPBM  
IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur



*“PKPBM memanfaatkan aplikasi teknologi web secara menyeluruh dalam pengurusan program pembangunan profesionalisme guru Bahasa Melayu.”*

**Dr. Abd Khahar Saprani**

Jabatan Pedagogi Tinggi  
IPG Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur

• Program BIJAK Bahasa Melayu

Program ini bertujuan untuk membantu guru meningkatkan penguasaan literasi membaca dalam kalangan murid Tahun 4, 5 dan 6 dalam kelas pemulihan. Hasrat Kementerian adalah untuk memastikan semua murid Tahap 2 menguasai literasi membaca dan menulis dengan baik. Kit BIJAK BM yang mengandungi pelbagai aktiviti menarik telah dihasilkan mengikut tahap penguasaan murid. Projek rintis penggunaan kit ini telah dilaksanakan di 200 buah sekolah rendah dengan pencapaian GPMP BM UPSR 2016 di bawah purata kebangsaan di setiap negeri (Ekshibit 2-17). Projek rintis ini bermula pada bulan September hingga November 2017. Bagi membantu guru melaksanakan PBKPBM, Kementerian mengadakan perkhidmatan kunjung bantu bertujuan untuk memberi kefahaman dan membimbing pentadbir dan guru supaya pelaksanaan program PBKPBM mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.

Dapatan rintis menunjukkan bahawa sebahagian besar guru

Usaha mendaulatkan bahasa Melayu perlu dilaksanakan dengan penuh rasa tanggungjawab dan ikhlas oleh semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum. Ungkapan ‘Bahasa Jiwa Bangsa’ perlu terpacat dalam jiwa dan minda setiap warga Malaysia. Ungkapan ini perlu ditunjukkan dalam komunikasi harian agar dapat menyerlahkan jati diri sebagai warga Malaysia.

Namun, menjiwai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan bukanlah satu usaha yang mudah, ibarat menggapai sebutir bintang, lembah dan lurah perlu diredah, penat dan

Ekshibit 2-17: Bilangan Sekolah Rendah Rintis Kit Sokongan BIJAK BM Mengikut Negeri, 2017

Bil	Negeri	Bilangan Sekolah
1.	Johor	20
2.	Kedah	10
3.	Kelantan	10
4.	Melaka	10
5.	Negeri Sembilan	10
6.	Pahang	15
7.	Perak	20
8.	Perlis	5
9.	Pulau Pinang	15
10.	Sabah	15
11.	Sarawak	15
12.	Selangor	20
13.	Terengganu	10
14.	WP Kuala Lumpur	15
15.	WP Labuan	5
16.	WP Putrajaya	5
<b>Jumlah</b>		<b>200</b>

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

dapat melaksanakan aktiviti yang terkandung dalam kit tersebut dengan berkesan disebabkan aktiviti yang disediakan memenuhi keperluan murid. Bilangan murid yang menguasai literasi membaca dan menulis adalah sebanyak 412 (54.0%) orang daripada 756 orang murid yang dirintis.

lelah tidak diendahkan. Kerjasama daripada pelbagai pihak, dalam dan luar daripada dunia pendidikan perlu disepadukan demi mendaulatkan BM di bumi Malaysia. Kesepaduan usaha dan tenaga pelbagai pihak amat diperlukan umpama labu nan menjalar, pucuk sama digetus, wakaf sama dipetik, ada sama mendapat, cicir sama dicari, untung dan laba sama dirasai. Kementerian amat menitikberatkan kerjasama daripada Bahagian, IPG, JPN, PPD dan sekolah demi menjulang kedaulatan BM dalam dunia pendidikan selari dengan kecemerlangan murid dalam peperiksaan.





# PENDEKATAN BERSEPADU DALAM MATA PELAJARAN BAHASA MELAYU ASAS KEJAYAAN DI NEGERI HANG TUAH

Bahasa Melayu (BM) merupakan bahasa kebangsaan negara yang perlu dikuasai oleh semua rakyat Malaysia. Di sekolah, penguasaan dalam BM sejak kecil akan memudahkan kanak-kanak Malaysia meneruskan persekolahan ke sekolah menengah kebangsaan kerana bahasa pengantar yang digunakan adalah BM. Penekanan terhadap penguasaan dalam BM juga penting disebabkan mata pelajaran ini merupakan mata pelajaran wajib lulus pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Antara program yang dibangunkan oleh **JPN Melaka** dan sekolah adalah seperti berikut:

Program JPN	Program Sekolah (UPSR)
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Modul Melaka Gemilang</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Kolaboratif antara Sekolah dan Masyarakat</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Motivasi Pelajar</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program ICU untuk Murid Berprestasi Rendah</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembelajaran Dalam Talian (e-PMABLS)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kem Motivasi Kecemerlangan UPSR</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemantauan dan Bimbingan Berfokus</li> </ul>	<b>Program Sekolah (SPM)</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Interaktif Kemahiran BM (PIKeBM)</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bengkel Pengajaran dan Pembelajaran Abad Ke-21</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bengkel Pendidikan Abad Ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran BM</li> <li>• Kursus Peningkatan Profesionalisme Guru BM</li> </ul>

## Aktiviti Sekolah Menengah



Pelaksanaan Pendidikan Abad Ke-21 dalam PdP BM

## Aktiviti Sekolah Rendah



Bengkel Penulisan BM sedang dilaksanakan

## Pencapaian Negeri Melaka dalam Bahasa Melayu UPSR 2017.

BM Pemahaman	Peratus (%) Calon dengan Gred A	Peratus (%) Calon dengan Gred A, B & C	Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP)
<b>2016</b>	<b>27.0%</b>	<b>97.4%</b>	<b>2.23</b>
<b>2017</b>	<b>29.7%</b>	<b>98.0%</b>	<b>2.22</b>
BM Penulisan	Peratus (%) Calon dengan Gred A	Peratus (%) Calon dengan Gred A, B & C	Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP)
<b>2016</b>	<b>24.7%</b>	<b>97.2%</b>	<b>2.42</b>
<b>2017</b>	<b>29.8%</b>	<b>97.7%</b>	<b>2.24</b>

Sumber: JPN Melaka

Pihak sekolah digalakkan untuk memberi sokongan terbeza mengikut tahap pencapaian murid. Ibu bapa dan komuniti juga diberikan kesedaran tentang peri pentingnya untuk bersama-sama menyokong dan memantau pembelajaran anak-anak, khususnya anak-anak yang akan menghadapi peperiksaan melalui program seperti Sekolahku Cemerlang dan Program Restu.

Usaha bersepadu antara semua pihak menghasilkan kejayaan dalam UPSR 2017 dan SPM 2017. GPMP Kertas BM Pemahaman dan Kertas BM Penulisan di Sekolah Kebangsaan telah meningkat berbanding pencapaian dalam UPSR 2016.

Prestasi BM Penulisan menunjukkan peningkatan yang ketara. Peratus calon yang memperoleh gred A meningkat daripada 24.7% pada tahun 2016 kepada 29.8%. Peratus murid yang menguasai tahap minimum (A+B+C) juga meningkat daripada 97.2% kepada 97.7%. Pencapaian ini menyumbang kepada peningkatan GPMP BM daripada 2.42 mata kepada 2.24 mata pada tahun 2017. Peningkatan pencapaian dalam kedua-dua kertas BM ini telah turut menyumbang kepada peningkatan keseluruhan Gred Purata Negeri (GPN) dalam UPSR kepada 2.78 mata berbanding 2.83 mata pada tahun 2016.

Dalam peperiksaan SPM 2017, pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu juga turut meningkat. Peratus murid yang lulus dan layak mendapat sijil ialah 95.2% (+1.6%) berbanding tahun 2016 pada 93.6%. GPMP BM juga turut naik daripada 4.61 mata kepada 4.05 mata, iaitu peningkatan sebanyak 0.56 mata. (GPMP tertinggi ialah 0.00 mata, manakala GPMP terendah ialah 9.00 mata)

Peningkatan prestasi murid dalam BM di negeri Hang Tuah ini menjadi bukti bahawa usaha bersepadu tanpa jemu daripada semua pihak dapat meningkatkan pencapaian murid. Pemuafakatan antara pelbagai pihak berkepentingan dalam pendidikan sangat wajar dipupuk, diperkukuhkan dan diwarnai dengan pelbagai aktiviti. Usaha ini akhirnya akan menghasilkan keputusan positif ke arah keberhasilan murid yang berkualiti.

**Muafakat membawa berkat, berpecah membawa rebah!**




## PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS

Kementerian meneruskan usaha untuk memperkukuhkan pendidikan Bahasa Inggeris (BI) supaya tahap penguasaan BI dalam kalangan murid dapat ditingkatkan sejajar dengan Aspirasi Murid yang terkandung dalam PPPM 2013-2025.

Pencapaian murid dalam UPSR dan SPM 2017, pada keseluruhannya, menunjukkan prestasi yang memuaskan, iaitu terdapat peningkatan dalam kemahiran tertentu. Peratus murid yang lulus bagi mata pelajaran BI UPSR 2017 adalah seperti yang tertera dalam Ekshibit 2-18.

Ekshibit 2-18: Peratus Lulus bagi Kertas Bahasa Inggeris UPSR 2017



Sumber: Lembaga Peperiksaan (LP) dan English Language Teaching Centre (ELTC)

Analisis keputusan UPSR 2017 bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) menunjukkan bahawa peratus lulus bagi Kertas BI Pemahaman telah meningkat sebanyak 0.4% daripada 87.9% kepada 88.3%. Bagi Kertas BI Penulisan, peningkatan ialah sebanyak 1%, iaitu daripada 78.6% kepada 79.6% pada tahun 2017. Keputusan Kertas BI Pemahaman untuk Sekolah Kebangsaan (SK) juga menunjukkan peningkatan sebanyak 3%, iaitu daripada 82.6% pada 2016 ke 85.6%. Walau bagaimanapun, kadar lulus bagi Kertas BI Penulisan untuk SK menunjukkan penurunan yang ketara sebanyak 3.5%, iaitu daripada 77.1% pada tahun 2016 kepada 73.6%.

Analisis keputusan peperiksaan SPM 2017 menunjukkan peratus murid yang lulus bagi Kertas BI telah menurun sebanyak 0.3%, iaitu daripada 79.4% pada tahun 2016 kepada 79.1% seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 2-19.


Sebaliknya, GPMP bagi BI bertambah baik daripada 5.99 pada tahun 2016 kepada 5.96. Pencapaian

GPMP yang baik memperlihatkan pertambahan peratus murid (15.1%) yang mendapat A+, A, atau A- berbanding 14.5% pada tahun 2016. Pertambahan peratus murid yang mendapat gred cemerlang ialah hasil daripada intervensi berterusan yang dilaksanakan oleh Kementerian di bawah dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Pelbagai program dan aktiviti yang menjurus kepada keberhasilan murid telah dilaksanakan bagi memperkukuhkan pendidikan BI.

Pada tahun 2017, Kementerian melaksanakan lima inisiatif BI yang menekankan kepada empat keberhasilan utama, iaitu:

- penjajaran sukatan pelajaran Bahasa Inggeris kebangsaan berasaskan piawaian antarabangsa
- peningkatan kemahiran guru BI
- peningkatan jumlah masa murid menggunakan BI
- penyediaan intervensi dalam Bahasa Inggeris kepada sekolah menengah berprestasi rendah.

**Ekshibit 2-19: Peratus Lulus Bahasa Inggeris SPM, 2015 - 2017**



Sumber: Lembaga Peperiksaan (LP) dan English Language Teaching Centre (ELTC)



### Penjajaran Sukatan Pelajaran Bahasa Inggeris Kebangsaan Berasaskan Piawaian Antarabangsa

Kementerian berhasrat supaya standard Bahasa Inggeris di Malaysia mencapai tahap piawaian antarabangsa yang dapat dibanggakan selaras dengan Anjakan 1 PPPM 2013–2025, iaitu menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa. Usaha sama lima tahun antara Kementerian dengan *Cambridge English UK* bertujuan menjajarkan pendidikan Bahasa Inggeris di Malaysia kepada standard *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR). Penjajaran ini melibatkan kurikulum BI, sumber pembelajaran, pentaksiran dan latihan guru.

Pada tahun 2017, Kementerian telah menjajarkan kerangka kurikulum BI dari prasekolah hingga Tingkatan 5 berasaskan standard CEFR. Kurikulum BI sejajar CEFR akan dilaksanakan ke seluruh negara secara berperingkat bermula dengan Prasekolah, Tahun 1, Tahun 2, Tingkatan 1 dan Tingkatan 2 pada tahun 2018.

### Peningkatan Kemahiran Guru Bahasa Inggeris

Kementerian melaksanakan Program Peningkatan Profesionalisme Guru Bahasa Inggeris (*Professional Upskilling of English Language Teachers*, ProELT) bagi tujuan memperkukuh tahap penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru opsyen Bahasa Inggeris bagi mencapai tahap minimum C1 CEFR semenjak tahun 2012.

Pada tahun 2017, sebanyak 654 orang guru opsyen Bahasa Inggeris telah mengikuti kursus ini yang merupakan kursus mod teradun yang dilaksanakan dalam tiga fasa untuk tempoh 120 jam. Fasa 1 dan Fasa 3 dijalankan secara bersemuka selama seminggu, manakala Fasa 2 melibatkan tugas dalam talian. Kursus ini membantu guru meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris secara menyeluruh. Bimbingan dan sokongan juga diberikan kepada guru yang terlibat sepanjang kursus. Sokongan tambahan melalui *Online Refresher Course* juga dilaksanakan bagi memastikan guru BI mencapai tahap minima C1 CEFR.





# PENILAIAN PROFESSIONAL UP-SKILLING OF ENGLISH LANGUAGE TEACHERS (ProELT) 2017

Penilaian kursus ProELT menunjukkan bahawa 97% peserta berpuas hati dengan kursus ini. Peserta menyatakan bahawa kedua-dua modul kursus yang disediakan membantu mereka menduduki *Malaysian University English Test* (MUET). Kursus ini berjaya meningkatkan keyakinan peserta untuk menduduki MUET dan memantapkan pengajaran dalam bilik darjah. Guru bermotivasi untuk meningkatkan penggunaan BI di dalam dan di luar bilik darjah. Guru juga lebih yakin untuk meningkatkan pembangunan profesionalisme sendiri.


Dapatan penilaian berdasarkan kemahiran berbahasa, tata bahasa dan perbendaharaan kata ditunjukkan dalam Ekshibit 2-20.

Secara keseluruhan, peserta menyatakan kursus ini telah membantu meningkatkan kemahiran tatabahasa, perbendaharaan kata dan kemahiran berbahasa, iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Penguasaan kemahiran sistem bunyi merupakan cabaran kepada guru untuk menguasainya.

Sejumlah besar peserta (97.3%) menyatakan bahawa mereka akan menyarankan kepada guru lain untuk mengikuti kursus ini. Mereka juga bersetuju bahawa kursus ini amat penting dan bermanfaat. Mereka menunjukkan sikap yang sangat positif dalam menerima pengetahuan dan maklumat seperti ditunjukkan dalam Exhibit 2-21.



## Ekshibit 2-20: Peningkatan Prestasi Peserta Kursus Berdasarkan Kemahiran Bahasa, Perbendaharaan Kata dan Tatabahasa

Bagaimanakah kursus ini membantu meningkatkan kemahiran anda dalam bidang berikut?



## Ekshibit 2-21: Tahap Motivasi Peserta Kursus

Bagaimanakah kursus ini berjaya memotivasikan anda untuk menggunakan BI bagi aspek berikut?



### Kenyataan Peserta Kursus

Peserta 1 - "Kursus ini sepatutnya menjadi kursus utama bagi semua guru BI; guru sepatutnya menghadiri kursus ini".

Peserta 2 - "Banyak yang saya pelajari daripada kursus ini. Mohon supaya kursus peningkatan kemahiran ini dilaksanakan setiap tahun".

Sumber: Borang penilaian ProELT dalam talian

## Peningkatan Jumlah Masa Murid Menggunakan Bahasa Inggeris

Pada tahun 2016, Kementerian telah memperkenalkan Program Dwibahasa dan Program Imersif Tinggi bertujuan untuk meningkatkan jumlah masa penggunaan BI dalam kalangan murid. DLP dijalankan di 379 buah sekolah, manakala HIP dilaksanakan di 1,200 buah sekolah pada tahun 2016. Berdasarkan maklum balas yang menggalakkan daripada pihak guru, murid dan ibu bapa serta sokongan daripada pihak sektor swasta, kedua-dua program utama ini diteruskan dan diperluas kepada lebih banyak sekolah pada tahun 2017. Pada akhir tahun 2017, sebanyak 1,215 buah sekolah telah melaksanakan DLP, manakala 5,500 buah sekolah telah melaksanakan HIP.

### • Program Imersif Tinggi

Program Imersif Tinggi (*Highly Immersive Programme*, HIP) diperkenalkan dengan tujuan untuk membangunkan persekitaran imersif tinggi BI di sekolah bagi memupuk budaya pembelajaran serta penggunaan BI yang positif dalam kalangan murid. Matlamat program ini adalah untuk menambah jumlah masa bagi memberi murid lebih pendedahan terhadap penggunaan bahasa Inggeris melalui aktiviti sokongan BI yang menjurus kepada keperluan murid. Pelaksanaan pelbagai aktiviti BI adalah berlandaskan empat komponen, iaitu dalam kelas, luar kelas, kelas tambahan dan gerak jangkau.

HIP dilaksanakan berasaskan Pendekatan Menyeluruh di Sekolah (*Whole School Approach*) yang mengupayakan pemimpin sekolah, guru, ibu bapa dan komuniti untuk membantu dan menyokong pihak sekolah melaksanakan amalan terbaik

bagi mengukuhkan penguasaan murid dalam BI. Keberhasilan yang disasarkan melalui pelaksanaan HIP ialah semua sekolah dan murid dapat meningkatkan tahap imersif bagi pembelajaran BI di sekolah, murid dapat belajar BI, murid dapat menggunakannya secara positif bagi tempoh jangka panjang, dan memperkukuhkan penguasaan BI. Keberhasilan yang disasarkan melalui pelaksanaan HIP ialah:

- Semua sekolah dan murid dapat meningkatkan tahap imersif bagi pembelajaran BI di sekolah
- Murid dapat belajar BI
- Murid dapat menggunakannya secara positif bagi tempoh jangka panjang
- Murid dapat memperkukuhkan penguasaan BI.

Sarana BI telah dihasilkan bagi membantu sekolah untuk menyediakan perancangan aktiviti yang bersesuaian dan berkesan berasaskan keperluan dan kebolehan sekolah berkenaan. Mekanisme sokongan juga disediakan pada peringkat daerah, negeri dan Kementerian bagi menggalakkan sekolah untuk berkongsi, mempelajari dan menyokong antara satu sama lain dalam melaksanakan aktiviti HIP.

Tahap imersif BI di sekolah yang terlibat dalam program HIP diukur dua kali setahun dan dilaporkan berdasarkan skala empat mata yang dikenali sebagai Skala Imersif Tinggi (Tahap 1 merujuk kepada tahap terendah dan Tahap 4 ialah tahap tertinggi). Laporan disediakan secara dalam talian dan tahap imersif sekolah ditentukan melalui pelaksanaan aktiviti yang dijalankan oleh sekolah berdasarkan empat komponen HIP.





Pada tahun 2017, sebanyak 1,200 buah sekolah daripada kohort pertama HIP telah dinilai. Sebanyak 644 buah sekolah memperoleh Tahap 3 untuk pembangunan persekitaran imersif tinggi di sekolah, manakala 46 buah sekolah berada pada Tahap 4. Sekolah ini merupakan sekolah yang memberi sokongan positif dalam membangunkan persekitaran pembelajaran BI yang kondusif dan sentiasa membantu pembelajaran bahasa murid.

#### • Program Dwibahasa

Program Dwibahasa (*Dual Language Programme*, DLP) merupakan program yang memberi penekanan kepada usaha untuk meningkatkan masa penggunaan BI bagi murid melalui pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik. Pada tahun 2017, sebanyak 1,215 buah sekolah telah memilih untuk melaksanakan DLP. Terdapat pertambahan bilangan sekolah DLP yang ketara jika dibandingkan dengan 379 buah sekolah pada tahun 2016 sejak program ini mula diperkenalkan.

Bagi mengukur kemajuan dan keberkesanan pencapaian BI dalam kalangan murid yang terlibat DLP, keputusan ujian pertengahan tahun dan akhir tahun dipantau dari tahun 2016 hingga 2017. Kohort 1 bagi sekolah DLP merangkumi murid Tahun 2, Tahun 5 dan Tingkatan 2. Keputusan ujian BI bagi Kohort 1 pada tahun 2017 menunjukkan pencapaian yang menggalakkan seperti berikut:

- **Tahun 2:** 32.8% murid menunjukkan peningkatan yang baik dalam Kertas Penulisan BI; 52.5% murid menunjukkan pencapaian yang baik bagi Kertas Pemahaman BI.
- **Tahun 5:** 54.3% murid menunjukkan pencapaian yang baik dalam Kertas Penulisan BI; 60% menunjukkan pencapaian yang baik dalam Kertas Pemahaman BI.
- **Tingkatan 2:** 57.2% murid menunjukkan peningkatan yang memuaskan dalam Kertas BI.

Pusat Pengajaran Bahasa Inggeris atau *The English Language Teaching Centre* (ELTC) menyediakan

satu kursus dalam talian yang berlangsung selama 10 minggu (80 jam) bagi meningkatkan penguasaan BI dalam kalangan guru Sains dan Matematik. Kursus ini dapat menyokong dan memperlengkap guru yang mengajar Sains dan Matematik atau guru yang berminat untuk mengajar kelas DLP. Melalui kursus ini, guru dapat menyampaikan kandungan pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam BI dengan lebih berkesan. Kursus ini mengandungi dua komponen, iaitu penguasaan BI dan pengajaran BI. Pada tahun 2017, sebanyak 709 orang guru telah menyertai kursus ini.

### Penyediaan Intervensi Dalam Bahasa Inggeris Kepada Sekolah Menengah Berprestasi Rendah

Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS) merupakan satu inisiatif yang memberi tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan keberhasilan murid dalam BI. Sasaran bagi program ini ialah sekolah *hotspot*, iaitu sekolah dengan pencapaian lulus BI di bawah 77% dalam Kertas Bahasa Inggeris SPM.

Aktiviti intervensi program melibatkan pegawai *School Improvement Specialist Coaches* (SISC+) dan pensyarah ELTC melalui Program Pelan Sokongan Sekolah (*School Support Plan*, SSP). SSP mula diperkenalkan pada tahun 2014 dan sehingga kini telah menunjukkan hasil yang positif. SSP telah berjaya

menguatkan pengetahuan dan kemahiran praktikal guru BI dalam menganalisis penulisan karangan murid dengan menggunakan pendekatan berpusatkan data untuk mengenal pasti jurang antara pengetahuan dan kemahiran murid. Melalui kaedah ini, guru mendapat bimbingan dan pengetahuan untuk membangunkan pelan intervensi yang berkesan bagi memastikan peningkatan kemahiran penulisan murid.

Pada tahun 2017, sebanyak 207 orang guru BI dilatih di bawah program SSP. Bengkel SSP Fasa 1 dan Fasa 2 telah dilaksanakan di lima zon, iaitu Zon Utara (36 orang guru), Zon Tengah dan Selatan (71 orang guru), Zon Timur (31 orang guru), Zon Sabah dan Labuan (31 orang guru) dan Zon Sarawak (38 orang guru).

Bagi memantapkan keberkesanan program ini, Kementerian melalui ELTC telah menjalankan lawatan sokongan ke 40 buah sekolah pada bulan Jun 2017. Lawatan ini bertujuan untuk memberi bimbingan dan sokongan kepada guru BI dan SISC+ BI. Pelaksanaan PPKBIS secara intensif telah berjaya meningkatkan kadar lulus kertas BI SPM 2017 bagi sekolah *hotspot* iaitu daripada 65.0% pada tahun 2015 kepada 69.2% pada 2016. Peningkatan prestasi secara langsung menyumbang kepada kenaikan kadar lulus purata negara dari 76.3% pada tahun 2015 kepada 79.4% pada 2016. Analisis keputusan BI SPM 2017 menunjukkan sedikit penurunan (0.2%) daripada 69.2% kepada 69.0%. Namun, Gred Purata Mata Pelajaran (GPMP) bagi BI SPM 2017 telah meningkat daripada 5.99 pada tahun 2016 kepada 5.96.

# PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH (PPKBIS): PEMANGKIN PEMBANGUNAN STRATEGI MEMBACA UNTUK MURID



Bagi murid dengan tahap penguasaan Bahasa Inggeris (BI) yang rendah dan perbendaharaan kata yang terhad, membaca bahan cetakan dalam bahasa Inggeris ialah suatu cabaran yang besar dan amat menakutkan. **Apakah yang boleh dilakukan oleh guru BI untuk mengukuhkan kemahiran membaca supaya murid mendapat manfaat daripada bacaan mereka?** Apabila guru memahami proses yang berlaku dalam menguasai kemahiran membaca dan mempunyai strategi yang sesuai pada setiap peringkat kemahiran membaca, murid akan berasakan tugas membaca yang diberikan mudah dan berfaedah.

Menyedari hakikat bahawa kemahiran membaca dengan pemahaman adalah penting untuk meningkatkan tahap penguasaan murid dalam bahasa Inggeris, guru BI dari **SMK St. Gabriel, Kuala Lumpur, Puan Gurujeet Kaur A/P Belwant Singh** dan pegawai **SISC+, Puan Gurmit Kaur A/P Hardeal Singh** telah membangunkan plan intervensi untuk kemahiran membaca. Apabila murid dapat memberikan tumpuan dan berinteraksi dengan teks bacaan secara aktif serta memahami kandungannya, mereka akan berasa masa yang dihabiskan untuk membaca sangat bermanfaat dan literasi meningkat.

Puan Gurujeet dan Puan Gurmit telah mengguna pakai saranan intervensi yang ditekankan melalui Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah atau *The English Language Enhancement Programme in Secondary Schools (PPKBIS)* dalam membangunkan strategi peningkatan kemahiran membaca. Strategi kemahiran membaca yang dibangunkan menjurus kepada menjadikan murid faham dan selesa apabila menjawab soalan berkaitan kefahaman. Antara strategi yang digunakan ialah rujukan *anaphoric* dan *cataphoric*, kemahiran *skimming* and *scanning*, enam kategori inferens, dan

carta QAR melalui pengajaran di bilik darjah dan amalan yang dikawal oleh guru BI. Pelbagai kaedah ini akan membolehkan murid mewujudkan senarai semak dalam minda mereka untuk menjawab soalan kefahaman. Murid kemudiannya akan dibantu secara berterusan melalui proses ini dari semasa ke semasa apabila melaksanakan tugas berkaitan kefahaman.

Puan Gurujeet Kaur telah mengamalkan strategi pengajaran yang disarankan oleh PPKBIS dalam kelas pengajaran beliau dan mendapati bahawa:

1. bilangan jawapan murid kepada soalan inferens meningkat
2. bilangan soalan yang tidak berjawab berkurangan
3. bilangan murid yang menjawab semua soalan meningkat
4. bilangan jawapan yang betul dalam semua jenis soalan meningkat [*Right There (RT), Think Search (TS), Author and You (AY)*]
5. markah bagi Bahagian C: Kefahaman (soalan 26-30) meningkat secara signifikan
6. julat markah bagi Bahagian C: Kefahaman meningkat secara signifikan

Kunci kejayaan intervensi kemahiran membaca bergantung kepada kesediaan guru untuk mengajar empat strategi membaca, iaitu rujukan *anaphoric* dan *cataphoric*, kemahiran *skimming* and *scanning*, enam kategori inferens, dan carta QAR. Guru juga perlu menggunakan sampel model, mengadakan perbincangan dengan murid sambil merujuk kepada strategi membaca, dan meneguhkan kemahiran membaca tersebut apabila diperlukan. Keberhasilan daripada pendekatan yang digunakan adalah seperti berikut:

- Murid pada Tahap B1-C1 lebih memahami bahan yang dibaca menyebabkan kualiti pelibatan dalam kelas dan jawapan bertulis meningkat
- Murid lebih yakin dengan keupayaan untuk membuat inferens dan bermotivasi untuk cuba menjawab soalan pemahaman
- Guru berhadapan dengan murid yang lebih bermotivasi dan bermaklumat
- Murid mendapat markah yang lebih baik dalam bahagian pemahaman membaca





Pengetahuan dan kemahiran yang diberikan dalam PPKBIS amat berguna kepada guru BI dalam meningkatkan kemahiran membaca dalam kalangan murid. Manfaat PPKBIS perlu

dikekalkan melalui amalan di bilik darjah supaya penguasaan berbahasa Inggeris murid meningkat dan kekal diamalkan sepanjang hayat.

## PROGRAM PELAN SOKONGAN SEKOLAH: MENGATASI ISU PENULISAN DALAM BAHASA INGGERIS MELALUI PENGAJARAN BERASASKAN DATA



**Puan Reena binti Jami @ Jimmy** ialah guru Bahasa Inggeris (BI) yang mengajar di **SMK Langkon, Kota Marudu, Sabah**. Beliau telah mengajar BI bagi murid Tingkatan 5 pada tahun 2016-2017. Beliau menjelaskan bahawa murid di sekolah beliau sukar menguasai bahasa Inggeris. *“Murid-murid saya taksub dengan bahasa ibunda mereka dan menganggap bahasa Inggeris sebagai satu bahasa yang sangat asing. Mereka mempunyai tanggapan bahawa murid yang tinggal di luar bandar tidak akan dapat meningkatkan prestasi dalam bahasa Inggeris, terutamanya kemahiran bertutur dan menulis.”* Puan Reena telah menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran BI tetapi masih kurang berjaya untuk meningkatkan prestasi murid.

Pada tahun 2017, Puan Reena telah terlibat dalam Program Pelan Sokongan Sekolah (*School Support Plan, SSP*) di bawah Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS). Tujuan utama PPKBIS ialah membantu murid meningkatkan penguasaan dalam BI dan lulus kertas BI SPM. Beliau memaklumkan, *“Pengetahuan yang diperolehi daripada SSP telah membantu saya, mereka bentuk pedagogi yang dapat meningkatkan penguasaan murid dalam BI melalui pendekatan berasaskan data. Sebelum ini,*

*kebiasaannya, saya hanya merangka intervensi berdasarkan pemerhatian terhadap prestasi murid. Hal ini termasuk hanya bergantung pada andaian saya sahaja mengenai kelemahan murid.”*

Pendekatan berasaskan data yang dipelajari melalui program SSP telah memberikan gambaran yang jelas kepada Puan Reena tentang kaedah untuk menangani kelemahan murid dalam bahasa Inggeris. *“Berasaskan analisis terperinci ke atas tugas murid saya dan disokong dengan statistik, saya dapat menjejak kemajuan murid dengan lebih baik. Namun begitu, pendekatan ini memerlukan kesabaran dan mengambil masa untuk dilaksanakan. Cabaran kepada guru adalah untuk merancang dan melaksanakannya melalui proses dokumentasi yang teratur. Saya dapat melihat kemajuan dalam penguasaan murid saya dalam BI.”*

Pendekatan berasaskan data yang disarankan di bawah program SSP apabila diamalkan secara tekal dalam merangka intervensi yang sesuai untuk murid akan meningkatkan penguasaan dan prestasi murid dalam BI.

**Alah bisa tegal biasa. Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan!**



**WEEK 1-3: Vocabulary Reading - Brainstorming Words - Constructing Sentences Using Words**



**Week 4: Modal Verb (Ss) Constructing Sentences Using Correct Phrasal Verbs And Colour Coding.**  
Blue : Subject;  
Red : Modal;  
Black : Verb;  
Yellow/Any Colour : Predicate



**Week 5 : Verb Vs Noun Identifying Verbs And Nouns Using Foldable Cards**



*Pembentangan dalam Persidangan Teknologi Pendidikan Negeri Sabah Kali Ke-6 (TEKNOPEN KINABALU) 2017*


## BAHASA TAMBAHAN DI SEKOLAH

Kementerian amat menggalakkan murid menguasai bahasa ketiga selain BM dan BI dan telah meletakkan aspirasi untuk mengupayakan anak-anak Malaysia daripada segi penguasaan bahasa supaya dapat bersaing di pasaran global. Selain sekolah berasrama penuh (SBP), penawaran bahasa ketiga di sekolah sehingga kini terhad kepada beberapa buah sekolah harian dan sekolah agama berdasarkan ketersediaan guru dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran.

## Program Bahasa Antarabangsa di Sekolah Harian

Pada tahun 2017, kelas bahasa antarabangsa ditawarkan di 141 buah sekolah menengah kebangsaan harian, iaitu 76 buah sekolah menawarkan bahasa Jepun, 36 buah sekolah menawarkan bahasa Perancis, dan 29 buah sekolah bagi bahasa Jerman seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 2-22.

**Ekshibit 2-22: Program Bahasa Antarabangsa di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian, 2017**



Bahasa	Bilangan Sekolah	Bilangan Guru	Bilangan Murid	Bilangan Kelas
Jepun	76	63	8,425	396
Perancis	36	35	3,187	141
Jerman	29	29	2,433	102
<b>Jumlah</b>	<b>141</b>	<b>127</b>	<b>14,045</b>	<b>639</b>

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)  
 Nota: Data e-Operasi seperti pada 30 Disember 2017

Program sokongan melibatkan murid dan guru juga dilaksanakan dengan kerjasama Yayasan Jepun Kuala Lumpur, The Alliance Francaise Kuala Lumpur dan Institut Goethe Kuala Lumpur. Agensi ini menyediakan program untuk peningkatan

kompetensi guru dan aktiviti dalam bentuk pertandingan bagi meningkatkan penguasaan bahasa murid. Ekshibit 2-23 menunjukkan penyertaan guru dan murid dalam program yang dilaksanakan pada tahun 2017.

Ekshibit 2-23: Penyertaan Murid dan Guru dalam Program Bahasa Antarabangsa, 2017

Bahasa	Jepun	Perancis	Jerman
<b>Program Murid</b>	<p><b>Pertandingan Ucapan Bahasa Jepun</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penguasaan Bahasa</li> </ul> <p><b>Festival Bahasa Jepun</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bahasa dan Menghargai Budaya</li> </ul> <p><b>Forum Pemandu Bahasa Jepun</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Jepun untuk Murid dan Guru</li> </ul>	<p><b>Minggu Bahasa Perancis (Franchopone)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penguasaan Bahasa</li> </ul> 	<p><b>Kem Antarabangsa Jerman</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penguasaan Bahasa</li> </ul> <p><b>Minggu Bahasa Jerman</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penguasaan Bahasa</li> </ul> <p><b>Program Biasiswa Jerman</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Penguasaan Bahasa dan Pertukaran Budaya</li> </ul>
<b>Program Guru</b>	<p><b>Program Pembangunan Profesional (J-PRO): JFKL-MOE JLT Seminar Serantau Untuk Guru Bahasa Jepun di Sekolah Menengah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran Pedagogi</li> </ul>	<p><b>Seminar Guru Bahasa Perancis</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran Pedagogi</li> </ul> <p><b>Pembangunan Profesional Guru</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Biasiswa Ijazah Sarjana</li> </ul>	<p><b>Seminar Guru Bahasa Jerman</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kemahiran Pedagogi</li> </ul>

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Kluster Kecemerlangan (BPSBPKL) dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

Nota: Program yang dijalankan melibatkan gurudan murid dari sekolah di bawah kendalian BPSH, BPI dan BPSBPSK

• **Program Rakan Nihongo**

Program ini dilaksanakan untuk membantu pengajaran bahasa Jepun. Penutur jati bahasa Jepun ditempatkan di sekolah bagi tempoh sepuluh bulan sebagai pembantu kepada guru bahasa Jepun tempatan. Aktiviti utama yang dilaksanakan ialah pengukuhan pembelajaran bahasa Jepun melalui aktiviti seperti origami, ikebana dan kaligrafi dan

aktiviti pembelajaran budaya Jepun seperti sesi adat minum teh dan memasak masakan Jepun. Sebanyak 120 orang sukarelawan Rakan Nihongo ditempatkan di sekolah harian dan sekolah berasrama penuh sehingga tahun 2020. Ekshibit 2-24 menunjukkan bilangan *Rakan Nihongo* yang telah ditempatkan di sekolah berasrama penuh pada tahun 2015 hingga 2017.



**Ekshibit 2-24: Bilangan Rakan Nihongo di Sekolah Menengah Kebangsaan Harian dan Sekolah Berasrama Penuh, 2015-2017.**



Tahun	Sekolah Berasrama Penuh	Sekolah Harian	Jumlah
2015	4	4	8
2016	10	10	20
<b>2017</b>	<b>15</b>	<b>15</b>	<b>30</b>

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Kluster Kecemerlangan (BPSBPKL) dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)  
 Nota: Semua program yang dijalankan melibatkan guru dan murid dari sekolah di bawah kendalian BPSH dan BPSBPSK.

### Program Bahasa Antarabangsa di Sekolah Agama

Beberapa Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang menjalankan pakej Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) juga telah menawarkan kelas bahasa antarabangsa iaitu bahasa Cina, Perancis dan Jerman untuk memperkasakan lulusan agama, selain daripada bahasa Arab. Kurikulum yang ditawarkan melalui TMUA merupakan gabungan antara kurikulum kebangsaan, Kurikulum

Bersepadu Tahfiz dan kokurikulum. Matlamat utama pelaksanaan TMUA adalah untuk melahirkan golongan profesional, teknokrat dan usahawan hafiz yang mengamalkan ajaran Islam (*mutadayyin*) dan memiliki pelbagai kemahiran ilmu selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Pada tahun 2017, sebanyak tiga buah SMKA telah memperkenalkan mata pelajaran bahasa antarabangsa menjadikan jumlah keseluruhan SMKA yang menawarkan bahasa antarabangsa kepada 11 buah seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 2-25.

**Ekshibit 2-25: Bahasa Antarabangsa di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama yang Menawarkan Tahfiz Model Ulul Albab, 2017**

Bil	Nama Sekolah	Bahasa	Bilangan Murid	Tahun Mula Ditawarkan
1	SMKA Kuala Lumpur, Bandar Menjalara, Kuala Lumpur	Perancis & Cina	689	2014
2	SMKA Kedah, Alor Star, Kedah	Perancis & Cina	728	2014
3	SMKA Maahad Muar, Johor	Cina	320	2015
4	SMKA Kerian, Taiping, Perak	Perancis & Jerman	523	2015
5	SMKA Tok Bachok, Kota Bharu, Kelantan	Perancis & Cina	475	2015
6	SMKA Kota Kinabalu, Kota Kinabalu, Sabah	Cina	344	2016
7	SMKA Sheikh Abdullah Fahim, Nibong Tebal, Pulau Pinang	Cina & Jerman	431	2016
8	SMKA Hj. Abu Hasan Sail, Pedas, Negeri Sembilan	Jerman	424	2016
9	SMKA Putrajaya	Jerman	315	2017
10	SMKA Arau, Perlis	Jerman	225	2017
11	SMKA Sheikh Hj Othman Abdul Wahab, Kuching, Sarawak	Cina	166	2017
<b>Jumlah</b>			<b>4,640</b>	

Sumber: Bahagian Pendidikan Islam (BPI)

### Program Bahasa Antarabangsa di Sekolah Berasrama Penuh

Pada tahun 2017, SBP telah menawarkan pengajaran enam bahasa antarabangsa - bahasa Arab,

Cina, Jepun, Jerman, Perancis dan Korea. Sejumlah 30,750 orang murid telah mendapat manfaat daripada pembelajaran bahasa ketiga seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 2-26.



**Ekshibit 2-26: Program Bahasa Antarabangsa yang Ditawarkan di Sekolah Berasrama Penuh, 2017**

Bil	Bahasa Antarabangsa	Bilangan SBP Menawarkan Bahasa Antarabangsa	Bilangan Guru	Bilangan Murid	Bilangan Kelas
1	Arab (Komunikasi)	47	88	8,050	235
2	Cina (Komunikasi)	41	41	7,750	125
3	Jepun	54	58 (15 Rakan Nihongo)	9,100	270
4	Jerman	25	25	4,750	95
5	Perancis	44	45	7,600	220
6	Korea	8	8 (Guru Sukarelawan Korea)	250	80

Sumber: Bahagian Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kluster Kecemerlangan, 2017

Pembelajaran bahasa antarabangsa diperkukuhkan lagi penguasaannya melalui penyertaan murid dalam pelbagai program sokongan yang

dianjurkan oleh pelbagai agensi berkaitan seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 2-27.

**Ekshibit 2-27: Penyertaan Sekolah Berasrama Penuh dalam Program Bahasa Antarabangsa, 2017**

Bahasa Antarabangsa	Arab Komunikasi	Jepun	Perancis	Jerman
<b>Program Murid</b>	<b>Pertandingan Drama Pendek (ISESCO)</b> • Bahasa & Budaya 	<b>Japanese Speech Contest</b> • Bahasa Jepun <b>Hari Kebudayaan Bahasa Jepun Zon Utara</b> • Bahasa & Budaya <b>Sakura Science High School Programme</b> • Bahasa Jepun 		<b>Pertandingan Menulis Esei</b> • Bahasa Jerman 
<b>Program Guru</b>	<b>ISESCO Regional Conference</b> • Pengajaran & Pembelajaran & Bahasa Arab	<b>Latihan Profesionalisme Guru</b> • Pengajaran & Pembelajaran	<b>Latihan Profesionalisme Guru</b> • Pengajaran & Pembelajaran	<b>Latihan Profesionalisme Guru</b> • Pengajaran & Pembelajaran
			<b>Kursus Jangka Pendek</b> • Bahasa Perancis	<b>Kursus Jangka Pendek</b> • Bahasa Jerman

Sumber: Bahagian Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kluster Kecemerlangan, 2017  
 Nota: Islamic International Educational, Cultural and Scientific Organization (ISESCO)

Pada tahun 2017, sejumlah 54 buah SBP telah menawarkan mata pelajaran bahasa Jepun yang melibatkan 58 orang guru dan 270 buah kelas di seluruh negara. Bagi memantapkan penguasaan bahasa ini, beberapa program yang

melibatkan guru dan murid telah dilaksanakan. Antara program yang berimpak tinggi ialah *One Step To Japan*, *Yosakoi Festival*, Kem HOTARU dan Hari Kebudayaan Bahasa Antarabangsa.





## MURID MALAYSIA CEMERLANG DALAM THE 22ND ANNUAL JAPANESE SPEECH AWARD (JSA) EXCHANGE PROGRAMME



Program JSA merupakan program tahunan antarabangsa bertujuan menggalakkan murid berkongsi idea dan cara pemikiran serta berkongsi budaya yang unik di Jepun. Kerajaan Jepun mengundang murid dari seluruh dunia untuk menyertai program ini bagi menghayati silang budaya antara budaya negara mereka dengan budaya Jepun. Antara negara yang dijemput untuk menyertai program ialah Brazil, Bulgaria, Kanada, China, Hong Kong, Indonesia, Malaysia, New Zealand, Panama, Poland, Rusia, Singapura, Korea Selatan, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Program ini telah berlangsung dari 26 Julai hingga 7 Ogos 2017. Pelaksanaan program ini dibahagikan kepada tiga acara utama, iaitu:

1. Program Imersif Bahasa Jepun
2. Program Pengalaman Silang Budaya
3. Anugerah Ucapan Jepun (peringkat akhir antarabangsa)

Program Imersif Bahasa Jepun mewajibkan semua murid menggunakan bahasa Jepun sepanjang pelaksanaan program untuk meningkatkan kemahiran komunikasi. Majlis pertukaran budaya juga diadakan melibatkan lebih 100 orang murid. Setiap peserta perlu memperkenalkan budaya masing-masing seperti muzik, tarian, makanan dan bahasa.

Program Pengalaman Silang Budaya memberi peluang kepada murid untuk mendalami budaya masyarakat Jepun dan mencari titik persamaan dan perbezaan antara budaya negara asal mereka dengan budaya Jepun. Setiap peserta perlu menyediakan maklumat berkaitan budaya mereka dan melakukan pembentangan. Antara maklumat yang dikongsi oleh peserta ialah kalendar acara tahunan atau perayaan di Malaysia, gambar dan resipi kuih tradisional atau makanan ringan popular di Malaysia, gambar rumah, bilik, sekolah, bilik darjah, tanda jalan, kenderaan, dan naskhah akhbar tempatan yang terkini.

Pada tahun 2017, pasukan murid dari Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya telah mewakili negara ke program ini. Penyertaan mereka dalam pertandingan the **14th Japanese Speech Contest for Secondary School 2017** telah membuahkan hasil apabila **Muhammad Daniel Amir Roslan** berjaya menjadi **johan pertandingan**. Hadiah telah disampaikan oleh Putera Naruhito, Putera Mahkota Jepun di Japan Foundation Kuala Lumpur pada 17 April 2017.

おめでとうございます  
Omedetou Gozaimasu!



## MEMPERKUKUKAN KUALITI GURU

Kementerian komited dalam meningkatkan kualiti guru bagi menyumbang kepada pengukuhan sistem pendidikan negara bertaraf dunia. Penekanan terhadap guru berkualiti bermula daripada proses yang ketat semasa pengambilan guru, semasa proses latihan perguruan dan ketika berkhidmat di sekolah atau pelbagai peringkat pengurusan pendidikan. Hal ini bagi memastikan guru Malaysia kekal berkualiti sepanjang perkhidmatan mereka.

Antara ciri guru yang berkualiti ialah sikap penyayang dan sabar terhadap murid, mempunyai sahsiah yang dapat dijadikan suri teladan, mempunyai pengetahuan kandungan yang mendalam dan bidang lain yang berkaitan serta dapat melaksanakan pengajaran yang menarik dan berkesan. Ke arah penghasilan guru berkualiti, pada tahun 2017, Kementerian telah melaksanakan aktiviti berikut:

- Pengambilan Guru Pelatih yang Berkualiti
- Transformasi Institut Pendidikan Guru
- Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
- Laluan Kerjaya untuk Pakar Bidang Khusus Pendidikan
- Menjadi Guru Malaysia

### Pengambilan Guru Pelatih Yang Berkualiti


Hasrat Kementerian untuk menjadikan profesion keguruan sebagai profesion pilihan utama di Malaysia telah menampakkan kejayaan bermula pada tahun 2013, iaitu tahun pertama pelaksanaan PPPM 2013-2025. Permohonan ke Institut Pendidikan Guru (IPG) telah melebihi penawaran saban tahun. Lebih ramai calon dengan kelayakan yang tinggi telah memohon untuk melanjutkan pengajian mereka ke IPG seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 2-28.

#### Ekshibit 2-28: Pencapaian SPM bagi Calon Guru Pelatih IPG dalam SPM 2013-2017

<b>Pencapaian SPM Calon Yang Memohon ke IPG</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>
Kurang daripada 5A*	9.8%	1.0%	0.9%	0.1%	2.6%
5 - 6A	21.2%	47.8%	40.7%	37.5%	47.8%
7 - 8A	26.8%	29.3%	37.7%	33.4%	32.7%
9 - 10A	34.6%	19.1%	18.7%	25.0%	14.7%
11 - 12A	7.6%	2.8%	2.0%	4.0%	2.2%
<b>Jumlah</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>	<b>100%</b>

Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)

Nota: \* Calon laluan khas - Orang Asli dan Penan, Sekolah Seni Malaysia, Sekolah Sukan Malaysia dan Murid Berkeperluan Khas



## Transformasi Institut Pendidikan Guru

Tuntutan terhadap pendidikan yang berkualiti dan guru yang memiliki pengetahuan dan kemahiran tinggi selaras dengan perubahan yang berlaku dalam abad ke-21 memerlukan Kementerian mentransformasikan institusi latihan guru. Oleh itu, Kementerian telah membangunkan pelan transformasi IPG sebagai pusat kecemerlangan latihan pra perkhidmatan dan dalam perkhidmatan pada tahun 2016. Matlamat Pelan Hala Tuju Transformasi IPG 2016-2025 ditunjukkan dalam Ekshibit 2-29.

Inisiatif dalam Program Transformasi IPG 2016-2025 dikategorikan mengikut lapan kluster berikut:

Ekshibit 2-29: Pelan Hala Tuju Transformasi IPG 2016-2025



Sumber: Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)

Ekshibit 2-30: Lapan Kluster Inisiatif Transformasi IPG



Pada tahun 2017, lima inisiatif telah berjaya dilaksanakan, iaitu:

- **Penubuhan Pusat Jaminan Kualiti dan Pematuhan Polisi**

Penubuhan jabatan ini telah diselaraskan dengan struktur baharu IPGM. Peranan utama pusat ini adalah untuk memastikan standard dan kualiti program latihan pendidikan keguruan pra perkhidmatan serta dalam perkhidmatan yang dilaksanakan oleh IPG memenuhi keperluan terkini *International Organization for Standardization* dan Agensi Kelayakan Malaysia.



- **Penilaian Semula Bakat Pensyarah (*Talent Review*)**

Inisiatif ini membolehkan tahap kompetensi dan pencapaian pensyarah IPG dikenal pasti serta memudahkan usaha membangunkan bakat pensyarah dengan lebih terancang melalui Program Pembangunan Bakat IPG.

Kajian rintis *Talent Review* 2017 telah dijalankan ke atas 2,781 orang pensyarah dan 437 orang Ketua Jabatan di 27 IPG seluruh Malaysia. Dapatan kajian terhadap pensyarah menunjukkan bahawa 75.2% (2,090) berada dalam kumpulan berpotensi tinggi, 25.3% (653) berada pada tahap sederhana, manakala hanya 1.3% (38) berada pada potensi rendah. Dapatan bagi Ketua Jabatan pula menunjukkan bahawa 68.9% (301) berada pada tahap potensi tinggi, 30.67% (134) pada tahap sederhana, manakala 0.5% (2) berada pada tahap rendah.

Profil pensyarah akan dikemas kini berdasarkan keputusan Penilaian Semula Kualiti Pensyarah. Pensyarah akan diberikan program latihan pembangunan keupayaan yang sesuai, berfokus dan berstruktur berdasarkan tahap kompetensi mereka bagi

memastikan kesinambungan barisan kepimpinan yang cemerlang di semua IPG.

- **Pemantapan Spesifikasi Tugas Pensyarah IPG Berdasarkan Gred dan Jawatan**

Inisiatif ini memastikan kompetensi pensyarah dinilai secara komprehensif. Dapatan kajian IPG pada tahun 2015 menunjukkan peratus pensyarah yang menjalankan penyelidikan dan inovasi sangat kecil (0.3%). Bagi memantapkan kompetensi dan kualiti pensyarah IPG, dimensi penyelidikan dan inovasi dijadikan sebagai satu daripada fokus penambahbaikan spesifikasi tugas



selain membudayakan penyelidikan. Pemantapan spesifikasi tugas membolehkan para pensyarah memberikan tumpuan kepada skop tugas yang jelas dan merancang peningkatan kompetensi dan laluan kerjaya dengan lebih sistematik.



• **Penyelarasan Proses Pengambilan Pensyarah IPG**

Inisiatif ini memantapkan proses pengambilan pensyarah baharu dan membolehkan standard kualiti pensyarah IPG yang baharu diselaraskan secara konsisten di semua kampus. Pemantapan ini juga mengambil kira syarat dan kriteria pengambilan pensyarah baharu yang memenuhi keperluan terkini dalam bidang akademik dan kokurikulum.

**PENSYARAH IPG**

**SYARAT UMUM**

- Berada sekurang-kurangnya di Gred DG44
- Memiliki Ijazah Sarjana
- Bebas dari tindakan tatatertib

**SYARAT KHUSUS**

1. Mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya **5 tahun** dalam opsyen/subjek berkenaan.

**PENSYARAH AKADEMIK**

1. Berada sekurang-kurangnya di Gred DG44,
2. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana dalam bidang yang sama
3. Bersedia ditempatkan di IPG Kampus mengikut keperluan dan kebillaraan
4. Berkebolehan menghasilkan penulisan, penyelidikan dan inovasi (Portfolio penyelidikan sebagai dokumen sokongan kepada panel temuduga)

**PENSYARAH KOKURIKULUM**

1. Berada sekurang-kurangnya di Gred DG44,
2. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana dalam bidang yang berkaitan.
3. Mempunyai sijil pentauliah daripada agensi yang berkecualan (cth: Persatuan, Sukan dan Unit Beruniform Kebangsaan)
4. Bersedia ditempatkan di IPG Kampus mengikut keperluan dan kebillaraan
5. Penglibatan sebagai jurulatih daerah, negen atau kebangsaan

• **Pemantapan Proses Tapisan Kemasukan Pelajar**

Inisiatif ini memperkemas proses pemilihan calon siswa guru untuk diambil ke program di IPG. Komponen penulisan pernyataan hasrat dalam proses temu duga telah diperkenalkan selari dengan amalan institusi pendidikan terkemuka dunia. Proses ini memudahkan IPGM mengenal pasti calon siswa terbaik di samping kriteria pemilihan yang lain yang ditetapkan.

**Cabaran Pelaksanaan Transformasi IPG**

Sepanjang dua tahun (2016-2017) pelaksanaan Pelan Hala Tuju Transformasi IPG, pihak IPGM telah menghadapi beberapa cabaran yang memerlukan pendekatan pelaksanaan yang baharu. Antara cabaran yang dihadapi adalah tahap rintangan yang tinggi dalam kalangan pegawai IPG terhadap transformasi. Pihak IPGM juga kekurangan agen perubahan yang berkesan untuk

mentransformasikan minda pihak-pihak yang terlibat. Kebergantungan yang tinggi terhadap penstrukturan Kementerian juga memperlambatkan momentum transformasi yang dihasratkan di semua kampus IPG.

Untuk mengatasi cabaran, pihak IPGM telah memperkasakan peranan Rakan Kluster Transformasi IPG. Kumpulan ini merupakan para pegawai kanan dari IPGM yang dilantik untuk terlibat secara aktif bagi memberi sokongan serta bimbingan kepada peneraju dan pemegang setiap inisiatif dalam Pelan Hala Tuju Transformasi IPG. Fungsi Rakan Kluster telah diperkasakan oleh Rektor IPGM untuk turut berperanan sebagai agen perubahan bagi memacu proses transformasi. Fungsi tambahan ini telah berjaya meningkatkan penerimaan warga IPG terhadap agenda transformasi kerana mengupayakan lebih ramai pegawai untuk turut terlibat secara langsung dalam program transformasi.





# EJEN PERUBAHAN TRANSFORMASI IPG



Tahun 2017 merupakan tahun kedua dan tahun akhir Fasa 1 (2016-2017) Program Transformasi IPG. **Rektor, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM), YBrs. Dr. Sariah bt. Abd. Jalil**, telah memainkan peranan penting sebagai ejen perubahan utama. Beliau telah memupuk kesedaran

tinggi dalam kalangan warga IPG peri pentingnya agenda transformasi digerakkan agar IPG menjadi institut latihan perguruan yang terunggul di Malaysia. Penekanan agar matlamat Transformasi IPG disampaikan dan dihayati oleh semua warga IPGM serta 27 buah kampus IPG di seluruh negara telah berjaya menyatukan seluruh warga IPG dalam menghadapi beberapa cabaran utama sepanjang perjalanan transformasi ini.

*“Kejayaan agenda transformasi bukanlah daripada individu tetapi daripada sokongan padu dan komitmen tinggi seluruh warga organisasi”*, merupakan peringatan yang sentiasa diberikan oleh Dr. Sariah. Dengan kepimpinan Dr. Sariah, tentangan terhadap perubahan di dalam organisasi juga telah berjaya diminimumkan sekali gus melancarkan pelaksanaan proses transformasi.

## Pembentukan 8 Kluster Transformasi IPG

Dr. Sariah telah menerajui penyusunan semula strategi pelaksanaan inisiatif di bawah Transformasi IPG. Hasilnya, pihak IPGM telah mengelompokkan kesemua inisiatif kepada 8 Kluster yang telah merancang proses transformasi di IPG. IPGM juga telah dapat mencapai sasaran KPI tahun 2017, iaitu sebanyak 28% peratus proses Program Transformasi IPG disiapkan daripada keseluruhan Pelan Transformasi IPG. Penyusunan semula 8 Kluster Transformasi IPG ini juga sekali gus mengukuhkan lagi platform bagi pelaksanaan Fasa 2 dan Fasa 3 Transformasi IPG yang

akan bermula pada tahun 2018.

Selari dengan pembentukan 8 Kluster, Dr. Sariah telah membentuk pasukan Rakan Kluster Transformasi IPG dan menetapkan peranan mereka di IPGM. Sokongan, kepercayaan dan bimbingan yang diberikan oleh beliau kepada kumpulan Rakan Kluster telah membolehkan mereka bergerak sederap sebagai pemangkin perubahan dan berjaya memecah tembok halangan kepada proses Transformasi IPG.

*“Berseorangan, kita hanyalah setitik. Bersatu, kita sebuah lautan” – Ryunosuke Satoro*



Kunci kejayaan kepimpinan

Dr. Sariah dalam menerajui IPGM adalah berlandaskan kepercayaan tinggi beliau terhadap 11 elemen perubahan yang memacu kejayaan Transformasi IPG, iaitu tadbir urus yang berkesan, kepemimpinan, sikap yang bersesuaian, komitmen yang jitu, kesegeraan, kecemerlangan, ketabahan, integriti, kerendahan hati, kesetiaan dan kebersamaan.

*“Kesedaran ialah ejen perubahan terunggul.” – Eckhart Tolle*






### Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan

Tahun 2017 merupakan tahun ketiga pelaksanaan Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP) pada peringkat sekolah dan tahun kedua bagi organisasi lain dalam Kementerian. Seramai 441,329 orang Pegawai Perkhidmatan

Pendidikan (PPP) telah dinilai menggunakan instrumen PBPPP. Bilangan PPP daripada sekolah ialah sebanyak 423,026 orang, manakala baki sebanyak 18,303 orang terdiri daripada pegawai pelbagai peringkat pengurusan pendidikan dan institusi lain dalam Kementerian. Agihan PPP yang dinilai mengikut organisasi ditunjukkan dalam Ekshibit 2-31.

Ekshibit 2-31: Bilangan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang Dinilai Menggunakan Penilaian Bersepadu, 2017



Sumber: Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)

Isu yang berbangkit dalam proses penilaian prestasi PPP ialah ketidaktekanan pemarkahan iaitu perbezaan markah yang ketara antara pegawai penilai pertama dengan penilai kedua. Hal ini telah menimbulkan kesangsian terhadap proses penilaian dan kesahan markah prestasi pegawai.

Bagi meningkatkan kesahan penilaian prestasi dan mengurangkan ketidakpuasan hati dalam kalangan pegawai, Bahagian Pembangunan dan

Penilaian Kompetensi (BPPK) dengan kerjasama semua pihak dalam Kementerian telah menjalankan sesi pemantauan, taklimat dan bengkel latihan untuk meningkatkan kemahiran pegawai penilai untuk menilai kompetensi semua pegawai. Proses penilaian prestasi perlu dijalankan dengan adil, jujur, berilmu dan tepat selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan. Antara aktiviti yang dijalankan oleh BPPK adalah seperti berikut:

Kursus Pegawai Penilai - Kohort 1	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peserta: 2,318 orang pegawai yang menilai guru di sekolah</li> </ul>
Kursus Pegawai Penilai - Kohort 2	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peserta: 854 orang pegawai JPN dan PPD yang menilai pemimpin sekolah</li> </ul>
Pemantauan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 143 buah organisasi dipantau merangkumi sekolah, PPD, JPN, dan organisasi cawangan seperti Cawangan Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) dan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN)</li> </ul>
Taklimat PBPPP	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 35 kali di pelbagai organisasi Kementerian termasuk persatuan dan kesatuan guru</li> </ul>
Mesyuarat	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Semua persatuan dan kesatuan guru bagi membincangkan isu pelaksanaan dan cadangan penambahbaikan PBPPP</li> </ul>
Penerangan dan pameran berkaitan PBPPP	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dilaksanakan melalui Program Penerangan Dasar dan Program Jelajah Kementerian Pendidikan di seluruh negara.</li> </ul>

Pelaksanaan Kursus Pegawai Penilai telah menunjukkan kejayaan apabila bilangan ketidaktekalan markah penilaian bagi guru yang berada di sekolah telah menurun dengan ketara daripada 31,568 orang pada tahun 2015 kepada 17,137 orang pada tahun 2016. Pada tahun 2017, bilangan ketidaktekalan markah penilaian kompetensi telah berkurangan kepada 12,527 orang.

### Laluan Pakar Bidang Khusus Pendidikan

Laluan Pakar Bidang Khusus Pendidikan (PBKP) merupakan satu daripada laluan kerjaya guru yang selari dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7/2016 berhubung Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (SME). Jawatan PBKP ini dizahirkan melalui Anjakan 4 PPPM 2013-2025, iaitu Mentransformasikan Profesion Keguruan Menjadi Profesion Pilihan.

Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 1 Tahun 2015, Kementerian telah meluluskan tujuh bidang pekerjaan bagi PBKP. Namun begitu, dalam Mesyuarat Penyelesaian Masalah Inisiatif PPPM pada 13 Jun 2016, Kementerian memutuskan hanya empat bidang utama kepakaran dikenal pasti, manakala beberapa bidang kepakaran lain perlu disusun semula. Ekshibit: 2-32 menunjukkan empat bidang kepakaran utama bagi mengenal pasti PBKP.

Sepanjang tahun 2017, tiga buah dokumen telah dihasilkan berkaitan dengan Bidang Kepakaran Khusus Pendidikan yang akan digunakan untuk menilai prestasi pegawai yang berada dalam laluan ini kelak. Dokumen tersebut ialah:

- Instrumen Penugasan Khas PBKP
- Garis Panduan Penugasan Khas PBKP
- Panduan Pegawai Penilai PBKP



**Pelibatan BPPK dalam Program Jelajah KPM dan Penerangan Dasar berkaitan PBPPP**



**Pemantauan PBPPP yang dilaksanakan di sekolah negeri Terengganu**

Ekshibit 2-32: Empat Bidang Utama Kepakaran Khusus untuk Pendidikan

Pembangunan Dasar dan Kurikulum Pendidikan

Pembangunan Kurikulum

Pembangunan Dasar

Teknologi Pendidikan

Pentaksiran

Pembangunan Pentaksiran

Penaziran

Psikometrik

Kaunseling Psikologi

Kaunseling Psikologi

Psikologi Klinikal

Kejurulatihan Utama Pendidikan

Jurulatih Utama

Jurulatih Sukan

Jurulatih Seni

Pendidikan Berkeperluan Khas

Sumber: Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK)



### Menjadi Guru Malaysia

Inisiatif Menjadi Guru Malaysia (MGM) merupakan suatu penjenamaan semula pensijilan guru untuk memastikan tahap profesionalisme guru dapat ditingkatkan dalam usaha memartabatkan profesion

keguruan setaraf dengan profesion profesional yang lain. MGM juga dilaksanakan untuk memastikan guru yang berdaftar dengan Kementerian adalah dalam kalangan mereka yang memenuhi syarat dan kelayakan sejajar dengan hasrat Kementerian untuk mencapai “Guru Berkualiti, Kekal Berkualiti Sepanjang Tempoh Perkhidmatan”. Pelaksanaan MGM merangkumi tiga peringkat, iaitu kelayakan, pendaftaran dan pensijilan guru, serta pengekaln kualiti guru. Pengekaln kualiti guru Malaysia dilaksanakan menerusi pematuhan kepada Standard Guru Malaysia dan Etika Guru Malaysia menjelang Gelombang 3 PPPM 2013-2025.

#### • Sistem Guru Malaysia

Sistem Guru Malaysia (SGMy) ialah satu sistem terpusat dalam talian yang dibangunkan untuk mengintegrasikan data dan maklumat PPP serta guru swasta yang berdaftar dengan Kementerian secara sistematik. Semua guru yang berdaftar dengan Kementerian akan diberikan Sijil Guru Malaysia yang mempunyai nombor unik sebagai nombor pengenalan diri dalam profesion keguruan yang kekal sepanjang tempoh perkhidmatan.



Portal Sistem Guru Malaysia






Dalam usaha memastikan Kementerian mempunyai data dan maklumat semua guru awam dan swasta dalam satu pangkalan data, satu modul pendaftaran guru swasta telah ditambah kepada SGMMy pada tahun 2017. Sehingga Disember 2017, seramai 4,398 daripada 4,830 orang guru sekolah swasta telah didaftar masuk dengan SGMMy (Ekshibit 2-33). Jumlah ini telah melepasi sasaran KPI yang

ditetapkan, iaitu sebanyak 2,415 orang guru sekolah swasta. Pada tahun 2018, modul ini akan diperluas kepada guru di institusi pendidikan swasta yang lain, iaitu tadika swasta dan Sekolah Menengah Persendirian Cina. SGMMy akan dijadikan sebagai pusat sehenti data guru di Malaysia. Bermula pada tahun 2019, data dan maklumat berkaitan calon bakal guru akan dimasukkan dalam SGMMy.

Ekshibit 2-33: Jumlah Pendaftaran Guru Awam dan Swasta dalam SGMMy, 2017



Sumber: Bahagian Pendidikan Guru (BPG)

### Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan

Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) telah dibangunkan pada tahun 2016. PIPPK merupakan sebuah dokumen untuk membantu Pegawai



Perkhidmatan Pendidikan (PPP) merancang pembangunan kerjaya dan pembangunan profesionalisme berterusan sepanjang tempoh

perkhidmatan. Pada tahun 2017, Kementerian telah menatar maklumat mengenai PIPPK kepada semua Bahagian, JPN dan PPD di seluruh negara bagi menjelaskan kandungan penting dalam PIPPK.



Sila imbas QR code ini untuk mengetahui lebih lanjut mengenai PIPPK





## GURU ISTIMEWA TERUS GIGIH BERBAKTI UNTUK KEJAYAAN ANAK DIDIK

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha memperkukuh pengetahuan dan kemahiran guru serta menjaga kebajikan guru ke arah peningkatan prestasi murid. Pelbagai kemudahan disediakan kepada guru dan tidak terkecuali kepada guru kelainan upaya.



**Encik Khairulrizam bin Khalid** dari **Sekolah Menengah Kebangsaan Dato Abdul Samad** merupakan seorang guru Muzik dengan kelainan upaya fizikal yang memiliki keistimewaan tersendiri. Beliau dianugerahkan dengan bakat bermain alat muzik dan mencipta lagu.

Menyedari kekangan pergerakan yang dialami oleh Encik Khairulrizam, pihak sekolah telah menyediakan sebuah bilik khas


yang telah diubah suai fungsinya menjadi bilik darjah untuk memudahkan beliau bergerak semasa sesi pembelajaran. Sokongan daripada sekolah, rakan guru dan murid diperlukan untuk memudahkan pergerakan beliau di sekolah. Keterbatasan fizikal tidak sedikit pun mengurangkan pengetahuan dan kemahiran beliau untuk terus menjadi guru dan memberikan ilmu kepada semua anak didiknya.



**Encik Zakaria Yahya** dari **Sekolah Menengah Kebangsaan Pendidikan Khas (Cacat Penglihatan) Setapak** merupakan seorang guru Sejarah dalam kategori kelainan upaya cacat penglihatan. Minat yang mendalam dalam bidang pendidikan serta iltizam yang tinggi untuk mengajar murid yang juga cacat penglihatan, beliau gigih mendidik murid menggunakan kaedah tersendiri tanpa mengira kekangan yang ada pada beliau.

Proses pengajaran tidak menjadi masalah bagi beliau walaupun terpaksa mempelajari kaedah pengajaran baharu dan menggunakan teknologi terkini untuk memenuhi kehendak dan keperluan dunia digital.

Untuk melihat kegigihan kedua-dua guru dalam melaksanakan tugas sebagai guru, **silalah imbas kod ini untuk menonton video.**





## MEMPERKASAKAN KUALITI PEMIMPIN SEKOLAH

Pemimpin sekolah memikul tanggungjawab yang berat dalam memacu pencapaian sekolah ke tahap yang lebih tinggi. Pemimpin yang berwibawa dapat mempengaruhi dan menerajui perubahan serta melaksanakan pembaharuan di sekolah. Pemimpin sekolah yang berjaya akan dapat meningkatkan tahap keberhasilan murid ke arah pencapaian matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Cabaran kepada pemimpin sekolah kini ialah untuk sentiasa mempertingkatkan tahap kepimpinan mereka sesuai dengan perubahan yang berlaku dalam dunia pendidikan khususnya, dan perkembangan kemajuan negara dan dunia amnya.

Kementerian kekal komited untuk memperkasakan kualiti pemimpin sekolah di Malaysia melalui pelaksanaan beberapa aktiviti yang dapat memperkukuh kepemimpinan instruksional dan menjadikan mereka pemimpin transformasi bagi merealisasikan Aspirasi Sistem dan Aspirasi Murid yang termaktub dalam PPPM 2013-2025. Sebagai sebuah institusi latihan untuk pemimpin sekolah, Institut Aminuddin Baki (IAB) berperanan untuk memastikan semua pemimpin dan pemimpin pelapis di sekolah dilatih dalam pelbagai program yang bersesuaian dengan tahap prestasi dan kompetensi yang diperlukan. Pelibatan dan komitmen SiPartner+ dalam memberi bimbingan langsung yang intensif kepada pemimpin sekolah melalui program *Follow up Follow Through* (FUFT) bersama-sama dengan pensyarah IAB merupakan

faktor sokongan kepada kejayaan untuk melestarikan pemeraksanaan kualiti pemimpin sekolah dalam membangunkan sekolah mereka ke mercu kegemilangan.

Pembangunan profesionalisme bagi kepimpinan dan pengurusan pendidikan pada semua peringkat pendidikan dalam Kementerian diterajui oleh IAB. Kini, IAB mempunyai lima buah kampus, iaitu:

- Kampus Induk Institut Aminuddin Baki, Bandar Enstek, Negeri Sembilan (IAB Induk)
- Institut Aminuddin Baki, Cawangan Utara, Kedah (IABCU)
- Institut Aminuddin Baki, Cawangan Sarawak (IABCSWK)
- Institut Aminuddin Baki, Cawangan Genting Highlands, Pahang (IABCGH)
- Institut Aminuddin Baki Cawangan Sabah (IABCSBH)

Antara aktiviti berkaitan pemimpin sekolah yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

### Pelaksanaan Kursus Kelayakan Profesionalisme Pemimpin Pendidikan Kebangsaan

Kelayakan Kursus Kelayakan Profesionalisme Pemimpin Pendidikan Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai *National Professional Qualification for Educational Leadership* (NPQEL) yang dikeluarkan oleh IAB telah menjadi prasyarat pelantikan pemimpin sekolah (pengetua dan guru besar) di Malaysia mulai tahun 2014. Kementerian meletakkan NPQEL sebagai

prasyarat selain kriteria perjawatan dan perkhidmatan yang lain bagi memastikan semua pemimpin sekolah di Malaysia mempunyai kompetensi yang tinggi. Hal ini bermakna seseorang guru yang bercita-cita ingin menjadi seorang Pengetua atau Guru Besar wajib memiliki sijil NPQEL. Pada tahun 2017, sebanyak 1,572 orang peserta telah menjalani latihan NPQEL dan daripada jumlah itu sebanyak 79% telah mencapai tahap cemerlang (PNGK 3.75 hingga 4.00).

### Pelaksanaan Program Residensi dan Imersif (PRIme)


Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kesediaan pemimpin sekolah yang baharu dilantik untuk memudahkan transisi mereka memikul tanggungjawab dan peranan sebagai pemimpin sekolah buat kali pertama. Seramai 1,440

orang pemimpin sekolah novis telah mengikuti kursus Imersif ini, iaitu 366 orang pengetua dan 1,074 orang guru besar.

Guru yang bakal dilantik sebagai pemimpin sekolah memerlukan bimbingan dalam bidang pengurusan dan kepimpinan pendidikan. Mereka juga perlu mempunyai pengetahuan asas berkaitan hal-ehwal dalaman sekolah seperti iklim dan budaya sekolah sebelum menjalankan tugas-tugas mereka. Bakal pemimpin sekolah akan menjalani Program *Residency*, iaitu berada di sekolah yang ditempatkan selama sebulan dengan pemimpin sekolah yang bakal bersara atau bertukar sebagai proses peralihan bagi membiasakan diri dengan persekitaran sekolah yang baharu. Seramai 70 orang bakal pemimpin sekolah telah menyertai program ini pada tahun 2017. Setelah dilantik sebagai pemimpin sekolah yang baharu, mereka akan digandingkan dengan seorang Jurulatih Utama (JU) bagi Program Imersif

selama tujuh hari (42 jam) dalam tempoh enam bulan. Bagi memantapkan keupayaan dan kompetensi, pemimpin sekolah akan melalui program tindak susul (6 bulan). Kerangka konsep pelaksanaan PRIme ditunjukkan dalam Ekshibit 2-34.

Ekshibit 2-34: Kerangka Konsep Pelaksanaan PRIme



Sumber: Institut Aminuddin Baki (IAB), 2017

### Pelaksanaan Program Pembangunan Profesional Berterusan Pemimpin Berprestasi Rendah (CPD Psynnova i-BMT)

Program Psynnova i-BMT (Modul Inovasi Psikologi dan Teknik Bersepadu Modifikasi Tingkah Laku) dilaksanakan untuk meningkatkan kompetensi dan prestasi penjawat awam berprestasi rendah, iaitu mendapat markah Penilaian Prestasi Tahunan di bawah 60.0%.

Pada tahun 2017, seramai tujuh orang pemimpin sekolah berprestasi rendah telah mengikuti program ini. Enam daripada tujuh orang peserta telah berjaya melepasi tahap minimum kompetensi yang ditetapkan. Kumpulan pemimpin sekolah dan Guru Penolong Kanan ini akan terus dibimbing dan dipantau

bagi memastikan kompetensi dan prestasi mereka terus meningkat. Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) menyediakan intervensi kepada peserta yang tidak mencapai tahap yang ditetapkan.

### Pelaksanaan Program Pembangunan Profesional Berterusan Pemimpin Berprestasi Sederhana

Program ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi dan kompetensi pemimpin sekolah yang berprestasi sederhana dalam dimensi dan elemen yang belum dikuasai dalam PBPPP. Bagi tujuan ini, IAB telah menyediakan lima modul kursus berdasarkan dimensi atau elemen dalam PBPPP untuk Kumpulan Pengajaran dan Pentadbiran seperti berikut:

DIMENSI/ELEMEN	TAJUK MODUL
Profesionalisme	Kursus Pelonjakan Profesionalisme Pemimpin Sekolah (PelProPS)
Pelibatan	Kursus Perhubungan Luar Pengurus Sekolah (PerLu)
Kepimpinan Instruksional	Kursus Peningkatan Amalan Instruksional Pemimpin Sekolah (PAIPS)
Pengurusan	Kursus Pengurusan Sumber (KPeS)
Kepimpinan Organisasi	Kursus Pembangunan Kepimpinan Sekolah (PKepS)

Semua modul disusuli dengan bimbingan langsung daripada Pensyarah Pembimbing melalui pendekatan FUFT. Pemimpin sekolah mendapat manfaat daripada bimbingan langsung yang intensif daripada Pensyarah Pembimbing dan SiPartner+. Semua program ini bertujuan untuk memastikan sokongan pembangunan profesional

individu diberikan kepada setiap pemimpin sekolah. Seramai 39 orang pemimpin sekolah yang terdiri daripada pengetua, guru besar dan penolong kanan telah menghadiri Kursus PelProPS, 36 orang telah menghadiri kursus PerLu, 11 orang Kursus PAIPS, 15 orang Kursus KPeS dan 39 orang Kursus PKepS.



## Pelaksanaan Kursus Kepimpinan Pemimpin Pertengahan


Kursus Kepimpinan Pemimpin Pertengahan (*Leadership Course for Middle Leaders, LCML*) ini dijalankan untuk membangunkan kompetensi kepimpinan pegawai daripada lapisan pertengahan – pegawai di Bahagian, JPN, PPD termasuk juga Ketua Bidang dan Ketua Panitia di sekolah. Peserta Kursus LCML diharapkan dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pemimpin pertengahan dalam melaksanakan tugas dengan lebih berkesan. Empat peranan strategik pemimpin pertengahan didedahkan kepada peserta, iaitu mensintesis maklumat, menjuarai alternatif, melaksana strategi, dan memudah cara penyesuaian. Kandungan kursus ini dibahagikan kepada tiga tema,

iaitu Mengurus Kendiri, Mengurus Tugas Utama dan Mengurus Pasukan. Ekshibit 2-35 menunjukkan modul pengurusan dan kepimpinan pemimpin pertengahan.

Seramai 418 orang pemimpin pertengahan yang terdiri daripada Ketua Panitia dan Guru Kanan mata pelajaran telah dilatih pada tahun 2017. Daripada jumlah itu, seramai 120 orang peserta telah menyertai Kolokium Pemimpin Pertengahan Kali Pertama yang diadakan di IAB Genting Highlands. Empat orang bekas peserta telah membentangkan perkongsian amalan terbaik hasil daripada input yang diperolehi daripada kursus LCML.

Ekshibit 2-35: Kerangka Kursus Kepimpinan untuk Pemimpin Pertengahan

### MODEL PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN PERTENGAHAN IAB 2016



Sumber: Institut Aminuddin Baki (IAB), 2017

### Program Rintis Program Pelonjakan Kepimpinan Sekolah (ProPeKS)


Program rintis ini dilaksanakan untuk membimbing pemimpin sekolah yang cemerlang dalam misi untuk melonjakkan prestasi sekolah berprestasi rendah. Pada tahun 2017, seramai sembilan orang pengetua sekolah berprestasi cemerlang telah diberi watak dan pengiktirafan sebagai suntikan motivasi, galakan serta penghargaan daripada pihak Kementerian. Pengiktirafan ini diharapkan dapat menjadi inspirasi kepada pemimpin sekolah yang lain dalam menerajui perubahan di sekolah masing-masing. Kumpulan pengetua ini telah melalui Kursus Intervensi Pelonjakan Kepimpinan Sekolah (InPeKS). Kerangka modul kursus InPeKS ini ditunjukkan dalam Ekshibit 2-36.

Pemimpin sedia ada di sekolah berprestasi rendah juga diberikan intervensi yang sama melalui InPeKS. Program rintis ini disertai oleh 15 orang pengetua yang dikekalkan di sekolah semasa dan empat orang pengetua yang telah dipindahkan dari sekolah semasa. Mereka seterusnya dibimbing sepenuhnya oleh SIPartner+, wakil

JPN, PPD dan pensyarah dari IAB mengenai pengetahuan dan kemahiran kepemimpinan untuk menerajui perubahan di sekolah yang diamanahkan.

Kerangka kursus InPeKS telah diadaptasi dan diubah suai dari *Center of Creative Leadership* (Petrie, 2014) dan Hargreaves, Boyle & Harris (2014). Pelaksanaan InPeKS melibatkan tiga kumpulan pemimpin sekolah - i) kumpulan berprestasi cemerlang ke sekolah berprestasi rendah (SBR); ii) kumpulan sedia ada di SBR, dan iii) kumpulan yang dipindahkan dari SBR. Ketiga-tiga kumpulan pemimpin sekolah ini perlu mengikuti kursus secara bersemuka bagi mengikuti peningkatan kompetensi dalam bentuk *horizontal* dan *vertical* dalam aspek transformasi minda, perkongsian isu, lawatan penandaarasan, perkongsian reflektif dan penyediaan pelan tindakan. Peserta program ini kemudiannya dibantu oleh SIPartner+ dan pensyarah IAB sebagai pembimbing dalam sesi FUFT. *Output* bagi program ini ialah pelonjakan di SBR dalam elemen keperibadian, komuniti sosial dan prestasi sekolah yang akhirnya akan mencapai keberhasilan, iaitu kemenjadian murid.

Ekshibit 2-36: Kerangka Modul Kursus Intervensi Pelonjakan Kepimpinan Sekolah (InPeKS)



Diadaptasi daripada : CCL - Center Of Creative Leadership  
 Andy Hargreaves, Alan Boyle, Alma Harris  
 Uplifting Leadership : How Organizations, Teams, and Communities Raise Performance

## Ekshibit 2-37: Pengetua Cemerlang bagi Program Pelonjakan Kepimpinan Sekolah (ProPeKS), 2017



**1. Abdul Halim bin Hussin**  
 Sekolah Asal: SMK Bandar Tasek Mutiara, Seberang Perai, Pulau Pinang  
 Sekolah Sekarang: SMK Taman Sejahtera, Bukit Mertajam, Pulau Pinang



**2. Haji Maseli bin Haji Idi**  
 Sekolah Asal: Sekolah Seni Malaysia Sarawak, Kuching Sarawak  
 Sekolah Sekarang: SMK Sri Matang, Kuching, Sarawak



**3. Zubaidah bt Md Yunos**  
 Sekolah Asal: SMK Padang Tembak, Kuala Lumpur  
 Sekolah Sekarang: SMK Tinggi Setapak, Kuala Lumpur



**4. Vellan A/L Raman**  
 Sekolah Asal: SMK Bahau, Negeri Sembilan  
 Sekolah Sekarang: SMK Dato' Shamsudin Nain, Negeri Sembilan



**5. Azlini Bt Khairan @ Ali**  
 Sekolah Asal: SMK Padang Besar (U), Perlis  
 Sekolah Sekarang: SMK Beseri, Perlis



**6. Siti Khadijah bt Ngosman**  
 Sekolah Asal: SMK Dato' Panglima Perang Kiri, Perak  
 Sekolah Sekarang: SMK Sungkai, Perak



**7. Nik Suhaimi bin Nik Mat**  
 Sekolah Asal: SMK Bandar Chiku, Gua Musang, Kelantan  
 Sekolah Sekarang: SMK Bandar Long Ghafar (2), Gua Musang, Kelantan



**8. Faridah bt Omar**  
 Sekolah Asal: SMK Desa Cemerlang, Pasir Gudang, Johor  
 Sekolah Sekarang: SMK Sri Perdana, Kluang, Johor



**9. Kamaruzaman bin Ab Rahim**  
 Sekolah Asal: SMK Nyalas, Melaka  
 Sekolah Sekarang: SMK Tan Sri Haji Abdul Aziz Tapa Melaka

### Pelaksanaan Kursus Pemantapan Pegawai Penilai Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP)

Kursus ini bertujuan untuk membangunkan kompetensi pegawai penilai di Bahagian, JPN, PPD dan sekolah dalam membuat penilaian prestasi tahunan menggunakan

PBPPP. Kumpulan sasaran utama kursus ini ialah Pegawai Penilai PBPPP 2017 yang tidak tekal dalam membuat penilaian pada tahun 2016. Pada tahun 2017, seramai 3,159 orang pegawai penilai telah menerima latihan ini daripada IAB.



## PROGRAM INTERVENSI PELONJAKAN KEPIMPINAN SEKOLAH (ProPeKS): PEMANGKIN PEMBENTUKAN PEMIMPIN SEKOLAH BERWIBAWA



Program Intervensi Pelonjakan Kepimpinan Sekolah (ProPeKS) banyak membantu meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keyakinan pemimpin sekolah dalam melonjakkan prestasi sekolah berprestasi rendah. Semenjak dilantik sebagai **Pengetua di SMK Tinggi Setapak, Kuala Lumpur** pada 7 Julai 2015, **Puan Zubidah Bt Md Yunos**

telah menghadapi cabaran menguruskan sekolah dan juga berjaya membina hubungan yang baik dengan komuniti dan individu yang berpengaruh untuk kemajuan sekolah yang dipimpinya.

Menyedari kepentingan kerjasama antara sekolah dengan komuniti, Puan Zubidah telah gigih berusaha meningkatkan pelibatan bekas pelajar SMK Tinggi Setapak dalam pelbagai aktiviti yang dilaksanakan di sekolah dengan menubuhkan persatuan alumni sekolah secara sah. Beliau telah berjaya mewujudkan jaringan dalaman dan luaran dengan Ahli Parlimen Setiawangsa, Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis DiRaja Malaysia, Dewan Bandaran Kuala Lumpur dan Universiti Teknologi Malaysia selain memastikan pelibatan guru, Anggota Kumpulan Sokongan, dan PIBG dalam melonjakkan kecemerlangan SMK Tinggi Setapak. Puan Zubidah berpegang kepada moto sekolah, iaitu “SEDERAP MELURUH MEMBURU GAGAL SIFAR”, dan telah berjaya menanamkan dalam hati kalangan warga sekolah atas kepentingan kerja secara berpasukan untuk kecemerlangan organisasi. Di bawah kepimpinan Puan Zubidah, semua pihak yang berkaitan telah bersama-sama berusaha untuk menyelenggarakan dan membaik pulih infrastruktur sekolah, terutamanya membaik pulih bahagian blok sekolah yang diserang anai-anai selain menukarkan fungsi bilik di sekolah yang kurang digunakan kepada fungsi yang lebih bermanfaat.

*“Sebagai pemimpin instruksional, saya amat mementingkan kualiti sesuatu program. Saya*

*memastikan kertas kerja program disediakan dan memberi bimbingan penulisannya kepada guru-guru. Laporan pelaksanaan juga perlu dibuat setiap kali program dijalankan untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan program tersebut bagi tujuan penambahbaikan. Saya sentiasa mendapatkan maklum balas daripada kumpulan pentadbir sekolah, guru serta ibu bapa terhadap sebarang isu sekolah dan memberi alternatif untuk menyelesaikannya.”* tegas Puan Zubidah.

Untuk meningkatkan sahsiah murid, Puan Zubidah telah membantu pasukan pentadbiran sekolah dengan menyusun semula proses tindakan disiplin serta merangka pelbagai program sahsiah murid ke arah pengurusan disiplin berkualiti serta keberhasilan murid. Dengan kerjasama para guru, aktiviti kokurikulum sekolah juga telah dipelbagaikan melalui pelaksanaan aktiviti kokurikulum bersepadu. Dengan sokongan padu daripada pihak alumni, pasukan pancaragam *bagpipes* sekolah berjaya dihidupkan kembali.

Beliau menjelaskan mengenai tindakan yang diambil dalam menangani isu sumber manusia di sekolah, *“Saya telah bertegas dalam pematuhan peraturan-peraturan penjawat awam termasuk permohonan cuti di sekolah.”* Hal ini dilakukan bagi memastikan semua pihak bertanggungjawab terhadap bidang tugas masing-masing supaya berjalan lancar dan tidak memberi kesan kepada pembelajaran murid.

Daripada segi keperibadian, kini Puan Zubidah bertambah yakin dan berani dengan apa yang dilakukan sebagai seorang pengetua di SMK Tinggi Setapak setelah menjalani Program ProPeKS. Beliau menyatakan, *“Saya sentiasa mempamerkan penampilan diri yang positif untuk menjadi suri tauladan di sekolah di samping menekankan aspek etika penjawat awam, menepati masa serta bertanggungjawab.”*

**Puan Zubidah bt. Md Yunos**  
Pengetua, SMK Tinggi Setapak, Kuala Lumpur

## MENINGKATKAN PELIBATAN IBU BAPA DAN KOMUNITI UNTUK MEWUJUDKAN EKOSISTEM PEMBELAJARAN

Penyediaan pendidikan berkualiti kepada semua murid di Malaysia merupakan tanggungjawab bersama antara ibu bapa, sekolah dan komuniti. Pendidikan awal bermula di rumah, diberi penekanan di sekolah dan pengukuhan amalannya di rumah. Peranan ibu bapa dan komuniti perlu diperluas. Kedua-duanya perlu menjadi rakan kongsi sekolah untuk mencapai Aspirasi Murid, iaitu setiap murid mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, nilai dan etika serta identiti nasional seperti yang terkandung dalam PPPM 2013-2025. Oleh itu, ibu bapa, komuniti dan agensi kerajaan mahupun swasta amat digalakkan untuk menjalinkan kerjasama yang utuh dengan pihak sekolah dalam mewujudkan ekosistem pembelajaran yang lebih luas dan meningkatkan kualiti pendidikan dan pengalaman pembelajaran murid.

### Pelibatan Ibu Bapa dalam Enam Aktiviti Utama Sekolah


Tahun 2017 memperlihatkan peningkatan pencapaian yang menyeluruh dari aspek kehadiran ibu bapa dalam enam aktiviti utama yang dijalankan di sekolah, iaitu Hari Pendaftaran, Hari Penetapan Sasaran, Mesyuarat Agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), Hari Pelaporan, Hari Sukan, dan Hari Anugerah Kecemerlangan. Pelibatan ibu bapa dalam aktiviti di sekolah telah menunjukkan peningkatan yang amat memberangsangkan dari tahun ke tahun dalam Gelombang 2 (2016-2020) pelaksanaan PPPM 2013-2025. Peratusan sekolah di seluruh negara yang telah mencapai sasaran peratus minimum 65% kehadiran ibu bapa dalam enam aktiviti utama telah merekodkan pelibatan tinggi ibu bapa pada kadar 94.4% berbanding 92.9% pada tahun 2016 seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 2-38 dan 2-39.



Sikap positif ibu bapa dalam menghadiri Mesyuarat Agung PIBG, menjadi rakan aktif dalam PIBG, sentiasa peka dan aktif dalam program di sekolah serta positif dengan pengurusan sekolah telah

berjaya membantu meningkatkan perkembangan dan pertumbuhan murid dalam pelbagai aspek seperti akademik, aktiviti kokurikulum, sahsiah dan disiplin.

**Ekshibit 2-38: Purata Peratus Kehadiran Ibu Bapa dalam Enam Aktiviti Utama di Sekolah, 2015-2017**



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

**Ekshibit 2-39: Peratus Sekolah Mencapai Sasaran 65% Kehadiran Ibu Bapa dalam Enam Aktiviti di Sekolah Mengikut Negeri, 2017**

Bil	Jabatan Pendidikan Negeri	Jumlah Sekolah	Peratus Sekolah Mencapai Sasaran 65% Kehadiran Ibu Bapa dalam Enam Aktiviti di Sekolah
1	Johor	1,173	95%
2	Kedah	741	95%
3	Kelantan	578	98%
4	Melaka	312	66%
5	Negeri Sembilan	469	98%
6	Pahang	728	96%
7	Perak	1,089	98%
8	Perlis	102	100%
9	Pulau Pinang	392	98%
10	Sabah	1,284	97%
11	Sarawak	1,454	97%
12	Selangor	923	80%
13	Terengganu	494	99%
14	WP Kuala Lumpur	296	96%
15	WP Labuan	27	100%
16	WP Putrajaya	25	100%
<b>Jumlah</b>		<b>10,089</b>	<b>Peratus Purata 94%</b>

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)



## Pelibatan Ibu Bapa Sebagai Sukarelawan di Sekolah

Pada tahun 2017, sekolah juga telah mencatatkan peningkatan peratusan pelibatan sukarela ibu bapa dalam aktiviti sekolah. Peratus purata sekolah yang mencapai sasaran 25% orang ibu bapa sebagai sukarelawan di sekolah telah meningkat kepada 82% seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 2-40. Hal ini menunjukkan bahawa peningkatan peratus ibu bapa yang menawarkan diri sebagai sukarelawan di sekolah ialah sebanyak 41.1% berbanding tahun sebelumnya.


Pelibatan ibu bapa secara sukarela di sekolah meliputi pelbagai aspek, termasuk memberikan sokongan kepada murid dalam proses pembelajaran dan pengajaran dengan menjadi pembantu guru dan

bertindak sebagai pengiring murid dalam lawatan sambil belajar di luar waktu persekolahan. Pelibatan ibu bapa sebagai sukarelawan telah membantu guru dan sekolah untuk membangunkan potensi anak-anak serta turut sama membentuk sahsiah dan disiplin mereka. Selain itu, pelibatan ibu bapa sebagai sukarelawan di sekolah dapat meningkatkan kefahaman mengenai cabaran yang dihadapi oleh guru dan sekolah dalam mendidik anak-anak serta mewujudkan kerjasama erat dalam usaha meningkatkan pencapaian dan membentuk sahsiah dan disiplin murid. Bagi meningkatkan keterlibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan dan menyumbang kepada peningkatan pencapaian sekolah dan murid, Kementerian telah membuat perancangan dan pengurusan strategik yang tersusun pada tahun

**Ekshibit 2-40: Peratus Sekolah Mencapai Sasaran 25% Ibu Bapa Sebagai Sukarelawan di Sekolah Mengikut Negeri, 2017**

Bil	Jabatan Pendidikan Negeri	Jumlah Sekolah	Peratus Sekolah Mencapai Sasaran 65% Kehadiran Ibu Bapa dalam Enam Aktiviti di Sekolah
1	Johor	1,173	87%
2	Kedah	741	77%
3	Kelantan	578	92%
4	Melaka	312	62%
5	Negeri Sembilan	469	84%
6	Pahang	728	97%
7	Perak	1,089	86%
8	Perlis	102	83%
9	Pulau Pinang	392	99%
10	Sabah	1,284	70%
11	Sarawak	1,454	85%
12	Selangor	923	71%
13	Terengganu	494	96%
14	WP Kuala Lumpur	296	63%
15	WP Labuan	27	100%
16	WP Putrajaya	25	100%
<b>Jumlah</b>		<b>10,089</b>	<b>Peratus Purata 82%</b>

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)



2017 pada peringkat JPN, PPD, dan sekolah.

Peranan PIBG diperkukuh dan pelibatan aktif Kumpulan Penggerak Ibu Bapa dan Komuniti Kebangsaan (KPIBKK) digalakkan di seluruh negara. Peranan pentadbir sekolah, iaitu guru besar atau pengetua digerakkan melalui Program Khidmat Bantu. Mereka digalakkan untuk memberi khidmat bimbingan dan sokongan kepada sekolah lain melalui perkongsian amalan terbaik dalam daerah yang sama untuk meningkatkan pelibatan ibu bapa dan komuniti di sekolah tersebut. Perkongsian pintar mengenai program yang dijalankan dikongsi untuk meningkatkan kehadiran ibu bapa dalam pelbagai program yang dianjurkan oleh pihak sekolah.

### Peningkatan Pelibatan Ibu Bapa dalam Pendidikan Menerusi Penghasilan Video

Penghasilan video mengenai pelibatan ibu bapa dan komuniti dalam pendidikan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kesungguhan ibu bapa dan komuniti supaya melibatkan diri serta menyumbang kepakaran dan kemahiran secara sukarela dalam pelbagai program di sekolah. Video bertajuk **'Kalau Bukan Kita, Siapa Lagi'** diharapkan dapat menimbulkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan komuniti supaya bersama-sama dengan Kementerian dalam memikul tanggungjawab untuk mendidik anak-anak menjadi warganegara yang dapat menyumbang kepada kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara. **Video ini boleh ditonton menerusi pautan berikut: <https://moe.gov.my/index.php/my/bahan-sarana>.**

### Penghasilan Garis Panduan Sukarelawan dalam Kelas

Pelibatan ibu bapa dan komuniti di sekolah merujuk kepada pelbagai sumbangan, peranan atau tingkah laku ibu bapa dan komuniti yang secara langsung dan tidak langsung dalam mempengaruhi perkembangan kognitif, emosi, fizikal dan pencapaian murid di sekolah. Kementerian berharap ibu bapa dapat menjadi sukarelawan yang aktif di sekolah dengan membantu di dalam kelas, memberi sumbangan kemahiran dan kepakaran, memantau dan membantu anak-anak semasa menyiapkan kerja sekolah. Ibu bapa juga digalakkan untuk berbincang tentang aktiviti sekolah dengan anak-anak dan memantau perkembangan sahsiah dan disiplin anak-anak di rumah dan sekolah.

Pada tahun 2017, Kementerian membangunkan Garis Panduan Pelibatan Ibu Bapa/Penjaga dan Komuniti sebagai Sukarelawan dalam Kelas. Garis panduan ini memperjelas tatacara ibu bapa yang ingin membantu pihak sekolah sebagai pembantu guru mata pelajaran dalam proses pembelajaran dan pengajaran, jenis sumbangan yang boleh diberikan kepada sekolah, dan batas pelibatan yang perlu dipatuhi untuk mewujudkan suasana harmoni antara sekolah, guru dan ibu bapa dalam membantu anak-anak mereka mendapat pembelajaran yang berkualiti. Pemufakatan antara sekolah dengan ibu bapa dalam sebarang program pendidikan menjadi lebih bermakna dan terancang ke arah meningkatkan kecemerlangan anak-anak dan sekolah.



# KERJASAMA ANTARA SEKOLAH DAN IBU BAPA: ASAS KEJAYAAN MURID

## Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)

**Kajang**, Selangor ialah sebuah sekolah rendah yang ditubuhkan pada tahun 1902. Pada tahun 2017, enrolmen murid berjumlah 1,207 dengan bilangan guru seramai 69 orang.



SJKT Kajang amat bertuah kerana mendapat sokongan padu daripada ibu bapa mereka, khususnya, dalam aktiviti kokurikulum anjuran pihak sekolah. Antara kejayaan

sekolah pada tahun 2017 ialah merangkul enam pingat emas dan satu pingat perak dalam pertandingan *International Young Inventors Award (IYIA) 2017* di Universiti Mercu Buana, Jakarta, Indonesia.

SJKT Kajang turut bergerak aktif dalam bidang kebudayaan tarian klasik India., Pihak sekolah telah diperkenalkan dengan konsep tarian klasik India oleh Kelab Yayasan Sutra pada tahun 2014 yang menekankan kepentingan mengekalkan keaslian tarian klasik India dalam kalangan kanak-kanak India sejak usia muda. Kelab Tarian Klasik India *Odyssey* ditubuhkan untuk memberi peluang kepada murid mempelajari budaya dan tarian klasik India di samping memupuk sikap kerjasama, berdisiplin dan cekal menghadapi cabaran.

Pihak sekolah membuka peluang yang luas kepada ibu bapa untuk melibatkan diri secara sukarela dalam pengurusan kelab dan kebajikan murid. Ibu bapa secara sukarela membuat pelbagai tugas seperti menguruskan pendaftaran dalam kelas tarian, jadual program dan persembahan, mendapatkan pakaian tradisional, dan menjaga kebajikan serta keselamatan murid yang menjalani latihan.

Pada bulan Disember 2017, kelab ini telah dijemput untuk mengadakan persembahan dalam festival peringkat antarabangsa, iaitu

*Konark Dance Festival* di Odisha, India bersama-sama Yayasan Sutra. Pihak sekolah, ibu bapa dan murid amat gembira untuk terlibat dalam persembahan tarian bersama-sama Yayasan Sutra di bawah seliaan YBhg. Dato' Ramli Ibrahim, Pengerusi dan Pengarah Kesenian, Yayasan Sutra.

Resipi kejayaan pelibatan ibu bapa dan komuniti di SJKT Kajang ialah sikap profesional pentadbiran sekolah yang sentiasa mendapatkan sokongan daripada ibu bapa dan komuniti dalam pembangunan sekolah dalam pelbagai bidang. SJKT Kajang sentiasa mengadakan mesyuarat dengan PIBG untuk meningkatkan prestasi murid. Sokongan dan pelibatan aktif komuniti seperti Pemuda MIC Kajang, Kelab Kesenian Tarian India dan agensi lain di sekolah turut memberi impak positif kepada pencapaian sekolah ini.

## Encik John Posko, Guru Besar SJK (T) Kajang

menjelaskan, "*Ibu bapa sentiasa memberikan sokongan menggalakkan dalam program di sekolah. Kerjasama yang diberikan telah memudahkan pihak sekolah mencapai kemajuan dan meningkatkan kejayaan murid dengan lebih berkesan. Ibu bapa juga memahami sempadan yang perlu dipatuhi apabila membantu pihak pengurusan sekolah. Kejayaan yang dicapai oleh murid di sekolah saya ialah hasil kerjasama erat antara ibu bapa dan sekolah*".

Kejayaan murid di SJKT Kajang, Selangor ialah hasil kerjasama erat antara sekolah dengan ibu bapa dan komuniti. Syabas!



Kumpulan tarian SJKT Kajang bersedia untuk persembahan tarian klasik India



Para ibu membantu murid sebelum persembahan

Sila imbas kod QR ini untuk menonton video:



SJK (T) Kajang,  
Selangor



SMK Rawang,  
Selangor



SJK (C) Lai Meng,  
Kuala Lumpur




## MEMPERLUAS PELIBATAN SEKTOR SWASTA SEBAGAI RAKAN STRATEGIK DALAM PENDIDIKAN

Perkongsian Awam-Swasta (*Public-Private Partnership*, PPP) ialah pelengkap kepada usaha Kerajaan untuk melahirkan modal insan berkemahiran dan produktif yang dapat menyumbang kepada ekonomi negara kerana Kerajaan dan sektor swasta merupakan rakan kongsi sinergi dalam pembangunan modal insan. Dalam pendidikan, perkongsian ini dapat meningkatkan keberhasilan pembelajaran dengan memanfaatkan pengalaman pihak swasta melalui suntikan kepakaran, pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang baharu, dan juga

sumber ke dalam sistem pendidikan awam.

Kementerian menggalakkan pelibatan meluas pihak swasta sebagai rakan strategik dalam pendidikan untuk melonjakkan kualiti pendidikan di Malaysia. Kini, pihak swasta semakin memberi sokongan ke arah peningkatan standard dan kualiti pendidikan dan secara aktif terlibat dalam pelbagai kategori program yang ditawarkan di bawah Program PPP seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 2-41.

Ekshibit 2-41: Program di bawah Perkongsian Awam Swasta dalam Pendidikan, 2017




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

### Program One-off

Program ini merupakan penajaan daripada individu atau syarikat terhadap pelaksanaan program atau aktiviti pendidikan yang memerlukan pembiayaan, pembangunan infrastruktur, pembekalan bahan dan/atau kepakaran dalam tempoh satu tahun atau kurang. Sumbangan di bawah program ini dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu sumbangan bahan, bukan bahan, dan infrastruktur.

Pada tahun 2017, Kementerian menerima banyak sumbangan dalam kategori bukan bahan, iaitu sumbangan dalam bentuk kewangan, perkhidmatan dan kepakaran. Ekshibit 2-42 menunjukkan peratus sumbangan mengikut kategori dalam Program One-off.

Ekshibit 2-42: Peratus Sumbangan dalam Program One-off Mengikut Kategori, 2017




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

### Program Sekolah Angkat

Program ini merupakan satu bentuk kerjasama antara pihak Kementerian dengan sektor swasta. Syarikat penyumbang akan menjadi rakan strategik kepada sekolah, terutamanya di sekolah yang terletak dalam kelompok populasi yang terpinggir. Program yang dilaksanakan meliputi program akademik dan bukan akademik yang relevan dengan objektif tanggungjawab sosial korporat

syarikat swasta berkenaan. Tempoh sumbangan di bawah program ini dari satu hingga tiga tahun. Kebanyakan syarikat menyalurkan sumbangan kepada sekolah angkat mereka melalui Yayasan PINTAR. Pada tahun 2017, bilangan sekolah angkat telah meningkat kepada 701 buah, secara kumulatif, daripada 323 buah pada tahun 2013. Ekshibit 2-43 menunjukkan bilangan sekolah yang terlibat dalam Program Sekolah Angkat dalam tempoh lima tahun.

**Ekshibit 2-43: Bilangan Sekolah di bawah Program Sekolah Angkat, 2013-2017**



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

### Program Sekolah Amanah

Program ini dilaksanakan untuk mentransformasikan sekolah ke arah peningkatan prestasi secara menyeluruh melalui peningkatan kualiti pengurusan serta pengajaran dan pembelajaran. Pihak swasta menyumbang kepakaran dan insentif kepada sekolah yang terlibat untuk menggalakkan peningkatan pencapaian akademik dan prestasi secara komprehensif. Tempoh pelaksanaan Sekolah Amanah bersifat jangka panjang, iaitu sekurang-kurangnya lima tahun di setiap sekolah. Sehingga

tahun 2017, program ini telah dilaksanakan di Johor, Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Selangor, Terengganu, Wilayah Persekutuan, Sabah dan Sarawak seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 2-44.


Program Sekolah Amanah telah dilaksanakan dengan jayanya sehingga telah dipilih sebagai pemenang tempat ketiga dalam

#### **Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2017**

yang telah disampaikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 7 November 2017.



Ekshibit 2-44: Lokasi Sekolah Amanah Mengikut Negeri, 2017



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

### Malam Penghargaan Program Awam-Swasta

Bagi menghargai jasa, kerjasama dan sumbangan yang telah diberikan oleh pelbagai pihak untuk bersama-sama Kementerian dalam mentransformasikan sektor pendidikan negara, Kementerian buat julung kalinya telah menganjurkan Malam Penghargaan Program Awam-Swasta pada 25 Oktober 2017. Majlis ini telah disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Malaysia. Anugerah pelibatan sektor swasta dalam pendidikan telah disampaikan kepada 53 orang wakil daripada pelbagai

bidang termasuk sukan, kebudayaan, akademik dan muzik.



### Pengukuhan Perkongsian Awam Swasta

Sekolah merupakan sebahagian daripada masyarakat dan saling melengkapi peranan masing-masing dalam mendidik anak-anak. Pembangunan yang holistik di sesebuah sekolah daripada segi infrastruktur, akademik, kokurikulum serta pembangunan sahsiah ialah tanggungjawab bersama-sama antara pentadbir sekolah, guru, murid dan masyarakat.

Kementerian beriltizam untuk mengukuhkan perkongsian strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan dalam pendidikan. Peningkatan pelibatan pihak swasta, khususnya, dapat mewujudkan situasi menang-menang bagi kedua-dua pihak kerana pelaburan dalam pendidikan akan melahirkan



rakyat yang produktif dan tenaga kerja yang berkualiti. Oleh itu, Kementerian perlu membangunkan pelbagai model baharu perkongsian awam swasta, sebagai tambahan kepada model sedia ada, untuk menggalakkan lebih banyak pihak swasta memberi sumbangan dalam pelbagai bentuk sama ada melalui bantuan kewangan mahupun kepakaran kepada pendidikan melalui tanggungjawab sosial korporat organisasi.

- **Pembangunan Model Baharu Perkongsian Awam Swasta**

Pada tahun 2017, Kementerian telah menjalankan beberapa siri bengkel dan perbincangan kumpulan berfokus dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Hasilnya, satu model baharu telah dibangunkan. Model baharu ini memberi fokus kepada transformasi sekolah secara menyeluruh berdasarkan keperluan sekolah. Pihak swasta juga diberikan keluwesan dalam melaksanakan operasi sekolah tertakluk kepada kelulusan Kementerian. Secara umumnya, pengurusan tertinggi Kementerian telah meluluskan kerangka konsep model baharu ini, namun kaedah pengoperasian

dan pelaksanaan model ini perlu diperincikan dan dimantapkan sebelum projek rintis pada tahun 2018.

- **Penghasilan Garis Panduan untuk Memudahkan Perkongsian Awam Swasta**

Pada tahun 2017, Kementerian telah menghasilkan tiga garis panduan mengenai perkongsian awam swasta, iaitu Garis Panduan Pelaksanaan Sekolah Milik Masyarakat, Garis Panduan Pelibatan Sektor Swasta dan Garis Panduan Penjana Dana Masyarakat. Garis panduan ini menggariskan kaedah penyaluran dan penerimaan sumbangan oleh sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan daripada pihak swasta dan individu/agensi lain. Kesemua garis panduan ini juga memperincikan jenis sumbangan dan tatacara penyaluran dan pengurusan sumbangan kepada sekolah. **Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari portal Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pautan berikut - <https://www.moe.gov.my/index.php/my/pelibatan-sektor-swasta>.**



## PROGRAM SEKOLAH ANGKAT DENGAN PELBAGAI SYARIKAT MELALUI YAYASAN PINTAR



**Yayasan PINTAR** mengurus dan melaksanakan Program Sekolah Angkat untuk membantu sekolah meningkatkan pencapaian dalam bidang akademik dan bukan akademik, khususnya kepada murid daripada kumpulan masyarakat yang terabai. Program Sekolah Angkat dijalankan dengan kerjasama erat daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs), syarikat swasta, pertubuhan bukan kerajaan, dan agensi kerajaan. Program PINTAR adalah penting ke arah kerjasama simbiotik antara syarikat, pihak yayasan dan sekolah.



**YAYASAN  
TAN SRI SM NASIMUDDIN**  
THE LIGHT OF HOPE

**Syarikat Kumpulan Naza** telah menubuhkan **Yayasan Tan Sri SM Nasimuddin** sebagai penghormatan kepada pengasasnya Allahyarham Tan Sri SM Nasimuddin SM Amin di samping meneruskan jasa dan nilai murni dalam kehidupan beliau. Tujuan utama Yayasan ini adalah untuk membantu masyarakat yang memerlukan sokongan ke arah kehidupan yang lebih baik. Bantuan diberikan kepada tiga teras utama, iaitu pendidikan, pembangunan masyarakat, dan penjagaan kesihatan.

*“Jenama kami lebih dikenali melalui pelibatan kami secara langsung dengan PINTAR, iaitu jalinan kerjasama antara pekerja kami dengan guru, para pelajar dan ibu bapa mereka. Perkara ini lebih terserlah di Gurun, Kedah, iaitu lokasi anak-anak syarikat kami ditubuhkan. Walaupun kedengaran agak klise, kanak-kanak sememangnya masa depan kita. Selain mengharapkan sesi bersama-sama murid memberi impak, kami juga yakin bahawa pelibatan dalam pelbagai aktiviti telah membuka jalan ke arah kesedaran tinggi yang berkekalan terhadap jenama syarikat kami.”*

### **SM NASARUDIN SM NASIMUDDIN**

*Pengerusi Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif - Kumpulan Syarikat NAZA*



### **Boustead Holdings Berhad**

**Boustead Holdings Berhad** telah menjadikan sekolah berprestasi rendah dan sekolah kurang beruntung sebagai sekolah angkat untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan pendidikan dan meningkatkan pencapaian sekolah ke arah kecemerlangan. Antara aktiviti yang dijalankan ialah program motivasi, subsidi bagi lawatan sambil belajar dan kelas tuisyen secara percuma.

*“Pendidikan belia Malaysia merupakan satu elemen penting dalam agenda Tanggungjawab Sosial Korporat Boustead. Boustead sedar bahawa pendidikan ialah suatu alat yang berkuasa untuk menyediakan peluang bukan hanya kepada kanak-kanak tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhannya. Selari dengan hasrat ini, Boustead meneruskan usaha untuk mengasah bakat-bakat muda dengan mengukuhkan pendidikan mereka melalui kerjasama dengan Yayasan PINTAR. Inisiatif sosial ini bukan hanya memberikan impak positif kepada jenama organisasi tetapi juga suatu cara syarikat ini menyumbang semula kepada masyarakat.”*

### **TAN SRI DATO' SERI LODIN WOK KAMARUDDIN**

*Naib Pengerusi/Pengarah Urusan Kumpulan - Boustead Holdings Berhad*



# MRCB

**Malaysian Resources Corporation Berhad** komited untuk memperkaya kehidupan masyarakat melalui sentuhan dan khidmat yang disumbangkan melalui Tanggungjawab Sosial Korporat. Antara sumbangan kepada bidang pendidikan yang diberikan ialah bantuan kewangan kepada murid daripada sekolah kurang beruntung, iaitu bantuan peralatan sekolah dalam program 'Back to School'.

*"Sebagai pakar 'Transit-Oriented Development (TOD)', kami mendapat inspirasi daripada matlamat kami untuk menjadi pemain utama dalam industri pembangunan hartanah dan pembinaan yang memberi tumpuan kepada transformasi komuniti. Kami berharap untuk mencapai matlamat ini dengan penyediaan prasarana, dan akses kepada program pendidikan yang lebih baik. Akhirnya, sumbangan kami akan meningkatkan gaya hidup dan pendapatan komuniti yang diberi perkhidmatan."*

*"Pelibatan kakitangan kami dalam program PINTAR telah meningkatkan motivasi mereka untuk menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang lebih baik."*

**TAN SRI MOHAMAD SALIM FATEH DIN**  
Pengarah Urusan Kumpulan - Malaysian Resources Corporation Berhad

**Yayasan Vijayaratnam** ialah cawangan daripada Yayasan RYTHM Malaysia, iaitu cabang kedermawanan Kumpulan Syarikat QI. Falsafah Yayasan ini ialah *Raise Yourself to Help Mankind (Perkukuhkan Diri Anda untuk Membantu Manusia)*.

*"Setiap individu, terutamanya kanak-kanak perempuan dari SJKT Mahatma Gandhi dan SMK Datuk Haji Abdul Wahab Sg, Siput, diberikan peluang yang sama untuk menyerlahkan potensi dan menjadikan diri mereka terbaik. Apabila kanak-kanak perempuan diberikan peluang, alat untuk belajar dan menerima pendidikan, mereka akan bukan sahaja mengangkat diri ke tahap yang lebih tinggi malahan mampu membangunkan masyarakat sekeliling mereka - rakan sebaya, kawan-kawan dan juga keluarga. "*

*Program Maharani dijalankan dengan matlamat untuk mengubah minda, meningkatkan keyakinan dan membolehkan anak-anak perempuan ini percaya bahawa sekiranya mereka membulatkan tekad untuk melakukan sesuatu, mereka boleh mencipta kejayaan tidak kira dari mana latar belakang mereka. Kami ingin mengupayakan anak-anak perempuan dan memperlengkap mereka dengan kemahiran yang diperlukan untuk menghadapi cabaran kehidupan sebagai wanita yang berani, berdikari dan mempunyai belas kasihan terhadap yang lain."*

**DATIN SRI UMAYAL ESWARAN**

Pengerusi, Ahli Lembaga Eksekutif - Yayasan Vijayaratnam



Motivasi Minda Cemerlang & Bengkel Format UPSR



Penyeriaan aktif murid semasa Kursus Motivasi & Program Teknik Belajar



Murid sedang membuat reka bentuk barang kemas



## PROGRAM ONE - OFF DENGAN MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR



Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (*East Coast Economic Region Development Council, ECERDC*) telah bekerjasama dengan Yayasan MyKasih untuk membantu pelajar Orang Asli di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) melalui program *Empower ECER*. Program ini merupakan sebahagian daripada strategi keseluruhan Kerajaan Persekutuan untuk memastikan rakyat mendapat manfaat daripada transformasi sosioekonomi ECER. Tumpuan khusus program ini ialah peningkatan pencapaian akademik murid yang kurang baik, terutamanya Orang Asli, daripada keluarga miskin di kawasan luar bandar.

*“Program Empower ECER-MyKasih pertama kali diperkenalkan pada awal tahun ini sebagai sebahagian daripada usaha inklusif ECERDC untuk memastikan semua rakyat, tanpa mengira latar belakang sosioekonomi, mendapat manfaat daripada usaha ini. Program fasa awal menyaksikan pelaksanaan Program Bantuan Makanan dan Program Kembali ke Sekolah, serta kerja-kerja menaik taraf di Hostel Villa Gumum. Program ini sangat bermanfaat kepada murid Orang Asli dengan menyediakan persekitaran yang lebih kondusif untuk belajar. Hasilnya, kita telah melihat kehadiran dan keputusan yang lebih baik dalam kalangan murid.”*

### **DATUK SERI JEBASINGAM ISSACE JOHN**

Ketua Pegawai Eksekutif – Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur





# RUMUSAN

Kementerian terus komited untuk menyediakan pendidikan berkualiti kepada anak-anak Malaysia. Pada tahun 2017, usaha meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam kalangan murid ditumpukan kepada peningkatan kompetensi guru dan pentadbir sekolah melalui program i-THINK, khususnya kepada teknik penyzoalan berkesan. Kit Penerangan Pembelajaran Abad Ke-21 dibangunkan untuk memastikan pendekatan pengajaran baharu diaplikasikan secara berkesan di sekolah. Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) diperkukuh melalui pelbagai aktiviti termasuk peningkatan kemahiran pedagogi guru, peningkatan minat murid dalam mata-mata pelajaran STEM, dan peningkatan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan STEM dalam kalangan pihak berkepentingan.

Pengukuhan kemahiran asas 3M dalam kalangan murid, iaitu membaca, menulis dan mengira diteruskan melalui Program LINUS2.0 dengan tumpuan kepada pembangunan intervensi dan pengenalanpastian murid berkeperluan khas untuk dimasukkan dalam kelas pemulihan. Untuk meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa Melayu, pelbagai aktiviti dilaksanakan termasuk penyediaan draf awal Kerangka Standard Bahasa Melayu. Bahan sokongan

bahasa Melayu juga disediakan untuk membantu pengajaran guru selain aktiviti meningkatkan profesionalisme guru Bahasa Melayu. Usaha meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa Inggeris ditumpukan kepada pengukuhan kemahiran pedagogi guru. Bilangan sekolah yang terlibat dalam Program Dwibahasa dan Program Imersif Tinggi ditambah untuk membolehkan lebih ramai murid mendapat manfaat daripadanya.

Inisiatif Transformasi Institut Pendidikan Guru dilaksanakan seperti yang dirancang untuk menjadikan Institut Pendidikan Guru sebagai institusi latihan guru yang berkualiti bertaraf dunia. Kementerian telah membangunkan sebuah pangkalan data yang mengandungi profil guru awam dan swasta untuk membolehkan kualiti guru dipantau. Kompetensi pemimpin sekolah terus diperkasakan melalui pelbagai latihan untuk memastikan mereka berkeupayaan untuk memimpin dan merancang aktiviti yang dapat melonjakkan pencapaian murid dan prestasi sekolah. Pelibatan ibu bapa, komuniti dan pihak swasta semakin meningkat di sekolah dan telah berjaya memberi impak positif kepada ekosistem pembelajaran dan keberhasilan murid.





# Memastikan Ekuiti Dalam Pendidikan

“ Sistem pendidikan yang terbaik menyediakan pendidikan yang terbaik kepada setiap kanak-kanak, tanpa mengira etnik, tempat atau latar belakang sosioekonomi. Sistem pendidikan yang direncanakan bagi Malaysia ialah semua kanak-kanak warganegara, tanpa mengira siapa ibu bapa mereka, atau tempat mereka belajar, akan dilengkapi keperluan untuk membuka segala peluang bagi masa depan mereka. ”

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,  
muka surat 2-4*



Kementerian Pendidikan Malaysia menyedari bahawa penyediaan sistem pendidikan yang berkualiti adalah penting tanpa mengira lokasi murid. Kementerian sentiasa memperjuangkan usaha untuk menyediakan peluang pendidikan yang saksama kepada setiap murid dari setiap lapisan masyarakat. Kejayaan dalam bidang pendidikan akan menyediakan kehidupan yang lebih baik untuk masa depan anak-anak Malaysia.

## MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI SDG4



*(Sustainable Development Goal, SDG4)*, berkaitan pendidikan menyarankan pendidikan berkualiti yang saksama dan terangkum serta peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua menjelang tahun 2030. Matlamatnya menekankan ekuiti dan keterangkuman sebagai asas kepada pendidikan dan pembelajaran yang berkualiti. SDG 4 juga menggariskan keperluan untuk membina dan menaik taraf kemudahan pendidikan yang sensitif terhadap keperluan kanak-kanak, murid kelainan upaya, jantina dan keperluan menyediakan persekitaran pembelajaran yang selamat, tidak ganas, terangkum dan berkesan untuk semua. Untuk mencapai matlamat yang tinggi ini, negara harus memastikan wujudnya ekuiti dan terangkum dalam sistem pendidikan dan merentas pelbagai program yang dilaksanakan. Hai ini termasuk mengambil langkah untuk mencegah dan menangani semua bentuk penolakan dan keterpinggiran, ketaksetaraan, kerentanan dan ketaksamaan dalam akses kepada pendidikan, penyertaan, dan pelengkapan dan juga ekuiti dan keterangkuman dalam proses dan keberhasilan pembelajaran. Ekuiti dan keterangkuman dalam pendidikan juga memerlukan kefahaman terhadap kepelbagaian pelajar yang perlu dijadikan peluang untuk meningkatkan dan mendemokrasi pembelajaran bagi semua murid.

**Qiang Tang, Ph.D**

*Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran, UNESCO  
'A Guide for Ensuring Inclusion and Equity in Education, UNESCO 2017'*

Usaha Kementerian dilipatgandakan dalam Gelombang 2 pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi memastikan semua kanak-kanak warganegara diberi peluang yang saksama untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti menerusi tiga inisiatif utama berikut:

- Program Transformasi Daerah
- Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Pribumi
- Pendidikan Inklusif

## PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH

Program Transformasi Daerah (*District Transformation Programme, DTP*) yang dimulakan sejak tahun 2013 di bawah PPPM 2013-2025 memberi tumpuan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di setiap sekolah, khususnya, sekolah berprestasi rendah dengan sasaran yang jelas yang perlu dicapai dari segi kualiti, ekuiti, dan akses. DTP juga bermatlamat untuk mengupayakan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berasaskan keperluan.



Bagi merealisasikan usaha peningkatan kemenjadian murid, strategi pelaksanaan dan sistem sokongan yang mantap melalui sistem penyampaian yang berkualiti dan kepimpinan yang cekap dan berkesan amat kritikal. Pemimpin pendidikan di setiap negeri, daerah dan sekolah diupayakan untuk membuat keputusan berkaitan operasi harian, dan merancang serta melaksanakan intervensi khusus mengikut konteks sekolah dan melaksanakan pengurusan berasaskan sekolah yang lebih luas.

Kementerian telah menyemak semula peranan dan tanggungjawab setiap peringkat pengurusan pendidikan bagi menyediakan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih jelas dari peringkat pusat sehingga ke peringkat sekolah. Kini, JPN dan PPD telah diberi lebih ruang dan peluang untuk menyokong sekolah secara langsung dan membuat keputusan ke arah kecemerlangan pendidikan. Peningkatan keluwesan operasi ini membolehkan JPN dan PPD merealisasikan dasar pendidikan dengan membangunkan program pendidikan yang menepati keperluan khusus bagi sekolah-sekolah di bawah kawal selia masing-masing. Namun begitu, fungsi penggubalan dasar pendidikan dan perancangan pembangunan pendidikan masih terletak pada peringkat pusat.

Pada tahun 2017, beberapa program telah dilaksanakan di bawah DTP pada peringkat pusat, negeri, dan daerah dengan memberi tumpuan kepada anjakan peranan JPN dan PPD untuk memberi lebih sokongan kepada sekolah. Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Peningkatan kompetensi pegawai yang bertugas sebagai Rakan Peningkatan Sekolah (*School Improvement Partners, SIPartners+*) dan Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (*School Improvement Specialist Coach, SISC+*)
- Penyediaan dan pemantauan pelan intervensi peringkat PPD
- Pemerksaan kepimpinan tempatan untuk meningkatkan pencapaian sekolah



- Pembangunan mekanisme merapatkan jurang pencapaian antara sosioekonomi dan antara jantina.


### Peningkatan Kompetensi Pegawai SIPartners+ dan SISC+

Peranan pegawai SIPartners+ dan SISC+ sebagai pegawai di barisan hadapan untuk menerajui peningkatan standard dan prestasi sekolah adalah signifikan bagi menyokong peningkatan sistem dalam Gelombang 2 (2016 - 2020) pelaksanaan PPPM 2013 - 2025. Peranan pegawai SIPartners+ dalam membimbing kepimpinan sekolah dan peranan pegawai SISC+

dalam membimbing pedagogi guru perlu dimantapkan dalam usaha meningkatkan pencapaian sekolah berprestasi rendah dan merapatkan jurang pencapaian antara bandar dan luar bandar.

Bermula pada tahun 2017, pegawai SISC+ telah bertukar peranan daripada menjadi pembimbing berdasarkan mata pelajaran (Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik) kepada pembimbing pedagogi dan kurikulum secara umum dalam bidang pengajaran. Perubahan peranan ini dilakukan untuk memastikan wujud pakar dalam bidang yang lebih generik di JPN dan PPD. Sehingga bulan Disember

**Ekshibit 3-1: Pengisian Jawatan SIPartners+ dan SISC+ sehingga Disember 2017**



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

2017, sebanyak 68.1% perjawatan SIPartners+ telah diisi, manakala perjawatan SISC+ telah diisi sebanyak 86.2% (Ekshibit 3-1).

Dalam usaha untuk meningkatkan bilangan pegawai SISC+, Kementerian telah memperluas syarat lantikan bagi jawatan tersebut. Jawatan ini tidak lagi tertakluk kepada Guru Cemerlang bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Matematik sahaja, malah Guru Cemerlang


bagi semua mata pelajaran yang lain juga boleh memohon untuk mengisi jawatan SISC+. Bilangan keseluruhan SISC+ kini mengikut negeri ditunjukkan dalam Ekshibit 3-2. Kementerian juga secara khusus mengangkat permohonan mantan Guru Cemerlang sebagai pegawai SISC+. Promosi untuk pengisian jawatan SIPartners+ dan SISC+ turut juga dibuat menerusi Program Siri Jelajah Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia 2017 di seluruh negara.



Promosi pengisian jawatan SIPartners+ dan SISC+ semasa Jelajah KPM di Kelantan pada 11-12 Ogos 2017 di AEON Mall Kota Bharu

Forum SIPartners+ dan SISC+ pada peringkat kebangsaan telah diadakan pada bulan Oktober 2017 yang menampilkan dua perkongsian amalan terbaik dari negeri Sarawak (Profil Tahap Kepimpinan) dan Kelantan (Bimbingan Secara Kumpulan). Pembangunan

**Ekshibit 3-2: Bilangan Keseluruhan Pegawai SISC+ Mengikut Negeri, 2017**



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)



# PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK MELALUI FORUM SIPARTNERS+ DAN SISC+



**Forum SIPartners+ dan SISC+ Peringkat Kebangsaan Tahun 2017** merupakan satu platform perkongsian ilmu, idea, pengalaman, dan kejayaan ke arah mengupayakan Pejabat Pendidikan Daerah untuk memberikan sokongan yang lebih mantap di sekolah. Forum ini telah berjaya dilaksanakan pada 12 - 14 Oktober 2017 di Hotel Eastin, Selangor. Forum yang julung kali dianjurkan oleh Kementerian ini melibatkan 212 orang pegawai SIPartners+ dan SISC+ dari seluruh negara.

Satu daripada amalan terbaik yang dikongsikan dalam forum ini ialah **Profil Kepimpinan Pengetua dan Guru Besar (PGB) V2.0**. Kesukaran untuk mengenal pasti tahap kepimpinan dan pengurusan PGB dan kurangnya gambaran tepat mengenai aspek yang perlu dibimbing oleh SIPartners+ telah mencetuskan idea kreatif dan inovatif

pasukan dari Sarawak. Instrumen profil yang dibangunkan oleh **Encik Shibi bin Saini, Encik Claudius Liew Sze Kiong dan Puan Thay Tan P'ing** bermatlamat memudahkan gerak kerja tugas SIPartners+ dalam melaksanakan bimbingan.

Pembangunan awal instrumen Profil V1.0 menggunakan asas Instrumen PRLme yang dibangunkan oleh Institut Aminuddin Baki dan kemudiannya ditambah baik. Kerangka konsep yang dibina merangkumi empat aspek pelaksanaan: Pentaksiran Kendiri PGB; Bimbingan & Pementoran (*Coaching & Mentoring*); Intervensi; dan Pelaporan. Sistem Profil Kepimpinan V2.0 yang dibangunkan dapat mengklasifikasikan kompetensi PGB secara sistematik. SIPartner+ dapat menentukan bidang fokus bimbingan dalam aspek kepimpinan dan pengurusan sekolah.



Forum SIPartners+ dan SISC+ Peringkat Kebangsaan Tahun 2017



Penyampaian sijil kepada wakil SIPartners+ dan SISC+ Sarawak oleh Timbalan JPN Sarawak

## PEMBANGUNAN Profil V2.0

**Borang Pentaksiran Kendiri PGB – Borang P01/S01 (asal IAB)**

PROFIL KEPIMPINAN						
(Borang P01/S01)						
<p>1. <b>Identiti</b></p> <p>Nama: SHIBI BIN SAINI                      NO. PGB: 10000000000000000000                      NO. SISC: 10000000000000000000</p>						
<p>2. <b>Keperluan</b></p> <p>1. <b>Keperluan</b></p> <p>2. <b>Keperluan</b></p>						
<p>3. <b>Keperluan</b></p> <p>1. <b>Keperluan</b></p> <p>2. <b>Keperluan</b></p>						

**Diubahsui Kepada Soalan Interaktif, kompak, fungsi+**

### PROFIL KEPIMPINAN

Berapa dengan beberapa langkah sahaja, anda akan mengetahui tahap kepimpinan anda.

Tahun 2017

Nama Penuh:

Kod Sekolah:

No. Telefon:

Alamat E-mel:

Nama SIPartners+

MULA

**Markah dianalisis dan diterjemah kepada grafik secara auto.**

TAHAP KEPIMPINAN PGB TAHUN 2017

Hasanah  
 YUSOFF, 10000000000000000000  
 TEL: 010-123456789, E-MAIL: Hasanah@ppn.com

Markah Min (Mean): 81.0

Status Tahap Kepimpinan Berdasarkan Indeks SIKEMINA: **Sangat Baik**

Fokus anda adalah: **Keperluan Strategik, Keperluan Mikro-Politik**

Kaedah Profil Kepimpinan PGB V2.0 dibangunkan









kompetensi pegawai SIPartners+ dan SISC+ ditingkatkan melalui kursus generik yang dilaksanakan di 19 lokasi di seluruh negara.

dirancang tidak berfokus kepada kumpulan sasaran, dan bimbingan yang diberikan tertumpu pada peringkat JPN sahaja.

3-9

### **Penyediaan dan Pemantauan Pelan Intervensi Peringkat PPD**

Bagi memantapkan pengurusan dan pelaksanaan DTP pada peringkat negeri dan daerah, Kementerian melalui Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) telah memberikan bimbingan dan sokongan kepada Pengurus Program DTP di semua 142 buah PPD mengikut zon. Fokus bimbingan tertumpu kepada penambahbaikan isu-isu pengurusan yang dikenal pasti lemah dalam tahun 2016, termasuklah maklumat dan data yang kurang jelas dalam menyediakan Pelan Intervensi Lima Langkah (PILL), intervensi yang

Bagi menangani hal-hal tersebut, pada tahun 2017, bimbingan dan sokongan diberi secara terus kepada PPD, khususnya untuk membuat perancangan intervensi yang berfokus ke arah peningkatan kualiti sekolah dan kemenjadian murid.

PPD telah diberi bimbingan khusus untuk memahami dengan lebih jelas tentang penyediaan PILL secara menyeluruh merangkumi aspek mengenal pasti punca masalah dan isu setempat, dan pembangunan intervensi berimpak besar.

Bengkel Pengurusan Pelaksanaan DTP Peringkat Kebangsaan (PILL *Building*) pada bulan November



2017 telah diadakan di Shah Alam dengan penyertaan 16 buah JPN dan 142 buah PPD. Bengkel yang julung kali diadakan ini ditumpukan kepada latihan secara amali untuk memberi peluang kepada peserta membangunkan dan menyemak semula intervensi dan merancang bajet pelbagai aktiviti melalui penyediaan PILL.

### **Pemerkasaan Kepimpinan Tempatan untuk Meningkatkan Pencapaian Sekolah**

Bagi meningkatkan keupayaan pegawai JPN dan PPD dalam memberikan sokongan secara khusus dan terbeza kepada sekolah di negeri dan daerah masing-masing, Latihan Pengupayaan Pengurus Program DTP Negeri 2017 dilaksanakan. Latihan ini bertujuan menerapkan elemen pengurusan perubahan untuk memacu transformasi pendidikan negara. Kandungan latihan yang diberikan meliputi beberapa aspek, iaitu: (a) memahami daerah pendidikan dan sekolah; (b) penetapan intervensi; dan (c) mengukur keberkesanan intervensi. Pihak BPSH telah melaksanakan lima siri latihan mengikut zon bermula bulan Julai hingga September 2017.

### **Penarafan Kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah**


Proses Penarafan Kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah (PKPPD) ini telah dijalankan di semua 142 buah PPD pada tahun 2017. Penarafan PKPPD bertujuan untuk:



- mengenal pasti tahap dan potensi PPD dari aspek kualiti kepimpinan, organisasi dan keberhasilan.
- mengenal pasti amalan terbaik.
- memastikan penambahbaikan berterusan berlaku.
- mengukur kejayaan pelaksanaan DTP.

Instrumen PKPPD mengukur komponen kepimpinan daerah, kecemerlangan organisasi, dan prestasi daerah dan keberhasilan sekolah. Sebanyak 54 (38.03%) daripada 142 buah PPD telah berjaya mencapai penarafan empat dan lima bintang berbanding 22.5% pada tahun 2016 (Ekshibit 3-3). Hasil penarafan akan dijadikan alat pengukur dan panduan cara amalan pengurusan organisasi untuk

**Ekshibit 3-3: Penarafan Kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah, 2017**



**Taraf Pencapaian PPD:**

Taraf	Bintang	Julat Markah
Melebihi keseluruhan standard	Lima Bintang	96-100
Melebihi standard	Empat Bintang	90-95.99
Mencapai keseluruhan standard	Tiga Bintang	75-89.99
Belum mencapai keseluruhan standard	Dua Bintang	60-74.99
Belum mencapai standard	Satu Bintang	0-59.99

**Komponen Kepimpinan Daerah, Kecemerlangan Organisasi, dan Prestasi Daerah dan Keberhasilan Sekolah**



**22 PPD (15.53%) mencapai Standard 4 & 5 Bintang berbanding tahun 2015**

*Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)*

penyampaian perkhidmatan yang berkesan dalam kalangan PPD di seluruh negara.

**Bimbingan PPD Prioriti (Showcase)**

Kementerian menganjurkan sesi bimbingan kepada PPD untuk mengupayakan kepimpinan tempatan ke arah peningkatan prestasi sekolah. Mesyuarat Penyelarasan PPD Showcase telah dijalankan pada bulan Jun 2017 disusuli dengan tiga siri bimbingan yang melibatkan 15 buah PPD pada bulan Julai, Oktober, dan Disember di PPD Melaka Tengah, PPD Kluang, dan PPD Batang Padang. Tujuan sesi ini adalah untuk mentransformasi PPD dalam memberikan sokongan kepada sekolah yang berprestasi rendah meliputi aspek berikut:

- Pengurusan PPD

- Perancangan, pelaksanaan, pemantauan, pengukuran dan penambahbaikan ke atas intervensi
- Pengurusan sumber manusia
- Pengurusan kewangan

Sesi dialog prestasi secara berkala juga diteruskan sebagai mekanisme pemantauan pada setiap peringkat bagi memastikan sekolah, daerah dan negeri berada pada landasan yang betul untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Pelaksanaan dialog prestasi dilaksanakan untuk membantu JPN dan PPD menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan pencapaian prestasi berdasarkan data dan penilaian semula pelan pelaksanaan. Pada tahun 2017, sebanyak empat dialog prestasi peringkat zon telah dilaksanakan, iaitu di Zon Utara, Sarawak, Sabah dan Labuan, dan Dialog Prestasi Sekolah Orang Asli.

## PROGRAM BIMBINGAN PPD PRIORITI (SHOWCASE) MEMPERKASAKAN KEUPAYAAN KEPIMPINAN DAERAH



*“Saya bersyukur dan mengucapkan terima kasih kerana PPD Marang terpilih sebagai PPD Showcase. Program ini telah dapat memperkasakan pegawai dalam kalangan Kumpulan Kepimpinan Pejabat (Office Leadership Team, OLT) di PPD Marang dan Kumpulan Kepimpinan Sekolah (School Leadership Team, SLT).*

*Pemimpin tempatan dalam kalangan pegawai di PPD dan Pengetua serta Guru Besar di sekolah telah berupaya mengaplikasikan ‘big data’ secara cepat, tepat dan berimpak. Mereka juga telah terdidik dalam membudayakan penyelidikan sebagai satu daripada kaedah penyelesaian masalah pengurusan dan*

*kepemimpinan. Hal ini kemudiannya akan menjadikan mereka suri teladan kepada para pegawai di PPD dan guru di sekolah.*

*PPD Showcase juga telah dapat melahirkan barisan pemimpin yang berkecualan dan mahir dalam pelbagai bidang bagi menyampaikan dasar-dasar utama pendidikan kepada pelanggan seperti SKPMg2, PAK 21, TS25, KSSR, KSSM dan sebagainya ke arah penambahbaikan organisasi.”*

### **Tuan Hj. Mohamad Nawawi b. Rani**

Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Marang  
Pejabat Pendidikan Daerah Marang Terengganu



*“Kesempatan yang diberikan untuk bersama-sama dalam PPD Showcase pada tahun 2017 merupakan satu peluang yang sememangnya tidak boleh dilepaskan. Hal ini terbukti apabila kami sebagai Pengurus Program telah diberikan latihan, kursus, perbengkelan dengan input yang sangat membantu dalam menggerakkan PPD melalui Program Transformasi Daerah (DTP 3.0). Melalui latihan yang diberikan oleh pegawai daripada BPSH, kami benar-benar diberikan keupayaan untuk menterjemah kerja buat PPD dengan lebih berfokus dan jelas matlamatnya sesuai dengan falsafah yang terdapat dalam komponen DTP kuadran satu itu sendiri, iaitu mengupayakan kepimpinan tempatan.*

*Hakikatnya, PPD Showcase bukan sekadar untuk kepentingan daerah semata-mata tetapi mampu menjadi peneraju, pembimbing dan pendorong*

*rakan-rakan PPD yang lain melalui perkongsian ilmu dan penyaluran maklumat dengan lebih bermakna.*

*Inisiatif yang diilhamkan oleh Unit Pengurusan Transformasi dan Inovasi, BPSH ini merupakan satu inisiatif yang memberikan impak besar dalam peningkatan kualiti organisasi demi menyokong transformasi pendidikan pada peringkat nasional. Saya berharap program ini diteruskan untuk tahun-tahun mendatang. Syukur dan terima kasih kerana dapat bersama-sama dalam PPD Showcase.”*

### **Encik Shahat Md Shah**

Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Kluang  
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang Johor



## Merapatkan Jurang Pencapaian Antara Sekolah Bandar Dengan Luar Bandar

Sistem pendidikan Malaysia berhasrat merapatkan separuh jurang sosioekonomi, jantina dan antara bandar dengan luar bandar dalam pencapaian murid pada tahun 2020. Pengurangan jurang ini dijangkakan memberi impak terhadap jurang pencapaian antara negeri dan jenis sekolah. Sekiranya Kementerian dapat merapatkan ketiga-tiga jurang berikut, Malaysia akan menjadi antara negara yang berjaya melakukan transformasi pendidikan dan mempunyai sistem pendidikan yang lebih saksama di dunia


## Jurang Pencapaian antara Bandar dengan Luar Bandar

Kementerian telah menetapkan, sasaran jurang pencapaian dalam peperiksaan awam (UPSR dan SPM) antara sekolah bandar dengan luar bandar dikurangkan sebanyak 50% dalam Gelombang 2 (2016-2020) pelaksanaan PPPM. Hal ini bertujuan untuk memastikan bahawa segala kemudahan sekolah, kualiti guru serta pemimpin sekolah adalah saksama antara sekolah di bandar dengan luar bandar.

- **Pencapaian UPSR 2017**

Secara keseluruhan, perbandingan pencapaian UPSR 2017 antara

**Ekshibit 3-4: Purata Mata Gred Negeri Berbanding Purata Kebangsaan Bagi UPSR 2017**




Sumber: Data daripada Lembaga Peperiksaan (LP); Analisis oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)



negeri (Ekshibit 3-4) menunjukkan gred purata semua negeri telah meningkat berbanding tahun 2016, kecuali bagi negeri Kelantan. Peningkatan ini menunjukkan bahawa guru semakin mahir dalam menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Jurang pencapaian dalam UPSR 2017 antara bandar dengan luar bandar telah meningkat 4.17% berbanding tahun 2016. Jurang pencapaian dalam UPSR 2017 telah meningkat sebanyak 32% berbanding tahun 2012 (Ekshibit 3-5).

**Ekshibit 3-5: Jurang Pencapaian UPSR, 2012-2017**



**Peratus peningkatan jurang pencapaian UPSR 2017 berbanding tahun:** **2016** ▲ **4.17%** **2012** ▲ **32%**


*Sumber: Data daripada Lembaga Peperiksaan (LP); Analisis oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)*

• **Pencapaian Mata Pelajaran UPSR 2017**

Secara keseluruhan, pencapaian UPSR 2017 dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains (Ekshibit

3-6) menunjukkan prestasi sekolah bandar lebih baik daripada sekolah luar bandar kecuali dalam kertas Bahasa Melayu Pemahaman. Jurang yang paling ketara antara bandar dengan luar bandar adalah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik.

**Ekshibit 3-6: Pencapaian antara Bandar dan Luar Bandar UPSR 2017 dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains**



Sumber: Data daripada Lembaga Peperiksaan (LP); Analisis oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)


Mata pelajaran Bahasa Inggeris kekal menjadi antara faktor utama yang menyumbang kepada jurang pencapaian antara sekolah bandar dengan luar bandar. Penting untuk diberi perhatian bahawa sekolah luar bandar kekurangan guru opsyen Bahasa Inggeris. Pengisian bagi jawatan SIPartners+ dan SISC+ di kawasan luar bandar juga masih tidak dapat dibuat sepenuhnya menyebabkan bilangan bimbingan secara khusus dan sokongan terbeza kurang diberikan kepada sekolah. Hal ini akan memberi kesan kepada kemahiran berbahasa yang diperlukan oleh murid untuk berjaya dalam abad-ke 21. Pengetahuan

kandungan, kemahiran pedagogi, dan pendekatan inovatif guru yang relevan dengan persekitaran dan pembelajaran murid juga perlu diberi perhatian dalam usaha merapatkan jurang pencapaian antara bandar dengan luar bandar.

Jurang pencapaian bandar dengan luar bandar pada peringkat UPSR (Ekshibit 3-7) untuk lapan buah negeri semakin mengecil, iaitu negeri Johor, Pulau Pinang, Selangor, Pahang, Sarawak, Perak, Kedah dan Sabah, manakala Kelantan, Terengganu, Negeri Sembilan, Melaka dan Perlis pula menunjukkan pelebaran jurang di negeri masing-masing.



**Ekshibit 3-7: Jurang Pencapaian Bandar dengan Luar Bandar Setiap Negeri bagi UPSR, 2012-2017**



Sumber: Data daripada Lembaga Peperiksaan (LP); Analisis oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)


• **Pencapaian SPM 2017**

Keputusan SPM 2017 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan bagi semua negeri dengan peningkatan terbesar oleh negeri Melaka, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Perlis seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 3-8. Kementerian akan meneruskan usaha untuk mengupayakan barisan pemimpin di PPD dan JPN untuk membimbing sekolah berdasarkan lima aspek Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2), iaitu kepimpinan, organisasi, kurikulum, kokurikulum dan hal ehwal murid,

kualiti pengajaran dan pembelajaran guru dan keberhasilan murid ke arah peningkatan pencapaian dalam SPM.


Keputusan SPM 2017 menunjukkan bahawa jurang pencapaian antara bandar dengan luar bandar tidak berubah berbanding tahun 2016. Apabila keputusan tersebut dibandingkan dengan tahun 2012, pencapaiannya telah menurun sebanyak 22.9% (Ekshibit 3-9). Satu daripada faktor yang dikenal pasti menjadi punca jurang pencapaian tidak mengecil adalah disebabkan oleh intervensi yang kurang terbeza untuk sekolah kawasan luar bandar.

**Ekshibit 3-8: Purata Mata Gred Negeri Berbanding Purata Kebangsaan Bagi SPM 2017**



Sumber: Data daripada Lembaga Peperiksaan (LP); Analisis oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

**Ekshibit 3-9: Jurang Pencapaian SPM antara Bandar dengan Luar Bandar, 2012-2017**



Peratus peningkatan jurang pencapaian SPM 2017 berbanding tahun:


2016 **0%** 2012 **22.9%**

Sumber: Data daripada Lembaga Peperiksaan; Analisis oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)



Jurang pencapaian antara bandar dengan luar bandar pada peringkat SPM (Ekshibit 3-10) empat buah negeri iaitu, Terengganu, Pahang, Sarawak, Perlis dilihat semakin mengecil manakala negeri Kelantan tidak menunjukkan perubahan. Negeri-negeri lain menunjukkan jurang yang melebar. Negeri Johor, Negeri Sembilan dan Pulau Pinang menunjukkan peningkatan jurang yang ketara.

**Ekshibit 3-10: Jurang Pencapaian Bandar dengan Luar Bandar Setiap Negeri bagi SPM, 2012-2017**



Sumber: Data daripada Lembaga Peperiksaan; Analisis oleh Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)



## Pembangunan Mekanisme untuk Merapatkan Jurang Pencapaian

Kementerian sedar bahawa perbezaan status sosioekonomi (SES) dan pencapaian akademik antara jantina menimbulkan cabaran besar dalam mencapai kesamarataan dalam keberhasilan pendidikan. Kajian literatur menunjukkan bahawa ketaksamarataan pendidikan yang disebabkan oleh jurang pendapatan antara ibu bapa, jantina, dan lokasi sekolah murid mempunyai hubungan dengan pencapaian murid.

- **Kajian untuk Menetapkan Garis Asas bagi Intervensi SES dan Jantina**

Kementerian telah melantik pihak Universiti Malaya (UM) untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat mengenai prestasi murid berdasarkan jurang antara SES dengan jurang antara jantina. Kajian ini telah bermula pada bulan November 2017 sehingga Jun 2018. Kajian ini diharap dapat memberikan maklumat yang lebih tepat kepada Kementerian untuk menetapkan garis asas (*baseline*) mengenai jurang SES dan jantina serta kaitannya dengan pencapaian murid. Penetapan garis asas ini akan membolehkan pihak

Kementerian membangunkan intervensi yang lebih sesuai dan terbeza kepada kumpulan murid yang berlainan keperluannya.

Dapatan awal kajian oleh pasukan penyelidik UM bersama-sama dengan pakar pendidikan menunjukkan bahawa pelibatan ibu bapa merupakan faktor utama yang mempengaruhi pencapaian akademik murid berdasarkan faktor jantina dan SES. Pelibatan ibu bapa meliputi elemen komunikasi ibu bapa dengan anak, galakan yang diberikan oleh ibu bapa terhadap anak, keharmonian atau kerukunan keluarga, dan pemantauan aktiviti anak oleh ibu bapa. Dapatan kajian tinjauan bersama-sama dengan guru dan murid menunjukkan faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik murid adalah seperti berikut:




No.	Peringkat Sekolah Menengah	Peringkat Sekolah Rendah
1	<b>Kemahuan untuk berjaya</b>	<b>Kemahuan untuk berjaya</b>
2	<b>Persekitaran Sekolah</b>	<b>Persekitaran Kelas</b>
3	<b>Persekitaran Kelas</b>	<b>Ibu bapa (Sokongan Khusus)</b>
4	<b>Ibu bapa (Sokongan Khusus)</b>	<b>Faktor Rakan</b>

Penelitian terhadap data UPSR 2017 (Ekshibit 3-11) menunjukkan murid perempuan di setiap negeri mempunyai prestasi akademik yang lebih baik berbanding murid lelaki. Data SPM 2017 (Ekshibit 3-12) juga menunjukkan trend yang sama kecuali bagi Wilayah Persekutuan Putrajaya. Wilayah ini menunjukkan murid lelaki mempunyai prestasi akademik yang lebih baik berbanding murid perempuan.


Kementerian akan membangunkan intervensi yang bersesuaian berdasarkan perincian dapatan kajian daripada UM yang akan dimuktamadkan pada bulan Jun 2018. Pada tahun 2018, bagi tujuan mendapatkan penyelesaian terbaik, membangunkan intervensi, dan mendapatkan sokongan pihak dalam dan luar Kementerian, beberapa siri makmal pendidikan untuk menangani cabaran jurang SES dan jantina akan dijalankan.

**Ekshibit 3-11: Jurang Pencapaian antara Jantina Setiap Negeri bagi UPSR 2017**





**Ekshibit 3-12: Jurang Pencapaian antara Jantina dalam Setiap Negeri bagi SPM 2017**



**Gred Purata Nasional SPM 2017**  
 ♂ Lelaki: 5.41 ♀ Perempuan: 4.58

**Beza: 0.83**

■ Lelaki ■ Perempuan



## TRANSFORMASI PENDIDIKAN ORANG ASLI DAN PRIBUMI

Pihak Kementerian terus berusaha gigih untuk melaksanakan Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Pribumi bagi memastikan semua kanak-kanak di Malaysia menerima pendidikan yang berkualiti dan relevan dengan keperluan mereka. Pelan Hala Tuju Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Pribumi telah dijadikan panduan dan asas untuk memastikan ekuiti dalam pendidikan dapat dicapai bagi masyarakat Orang Asli dan Pribumi. Cabaran yang dihadapi oleh Kementerian ialah menyediakan pendidikan berkualiti yang saksama kepada murid Orang Asli di Semenanjung Malaysia dan murid Pribumi di Sabah dan Sarawak yang berada di luar bandar dan pedalaman.

peningkatan kehadiran murid ke sekolah. Antaranya pelaksanaan program pemeraksanaan kehadiran, program kerjasama dengan pihak Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan mengoptimimumkan keupayaan Tok Batin sebagai orang yang mempunyai pengaruh untuk memujuk ibu bapa Orang Asli menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Pihak Kementerian juga sentiasa bekerjasama dengan agensi lain dalam usaha memastikan murid hadir ke sekolah seperti mengadakan perkongsian pintar dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi meningkatkan keberkesanan pelbagai program intervensi.

### Enrolmen, Kadar Kehadiran dan Kadar Transisi Murid Orang Asli dan Pribumi

#### • Kehadiran Murid Orang Asli

Kehadiran ke sekolah kekal menjadi satu daripada cabaran utama untuk meningkatkan prestasi pencapaian murid Orang Asli. Untuk mengekalkan dan meningkatkan kehadiran murid ke sekolah, pihak Kementerian telah merancang dan melaksanakan pelbagai program yang memberi impak kepada



Pada tahun 2017, enrolmen murid Orang Asli ialah sebanyak 38,834 (Ekshibit 3-13).

Kerjasama semua pihak yang terdiri daripada Bahagian, JPN, PPD, sekolah dan komuniti setempat telah membuah hasil. Pada tahun 2017, peratus kehadiran murid Orang Asli berada pada

tahap tinggi, iaitu sekitar 88% pada lima bulan pertama dan turun naik bagi enam bulan seterusnya. Peratus kehadiran murid di Sekolah Orang Asli ditunjukkan dalam Ekshibit 3-14.


Secara purata, peratus kehadiran murid Orang Asli ke sekolah berada pada 87.3% berbanding 86.3%

### Ekshibit 3-13: Enrolmen Murid Orang Asli, 2012-2017

Peringkat Pendidikan	2012	2013	2014	2015	2016	2017
Pendidikan Rendah (Prasekolah hingga Tahun 6)	28,567	28,619	27,978	28,985	27,697	27,557
Pendidikan Menengah (Kelas Peralihan hingga Tingkatan 6)	10,304	10,530	13,229	11,691	12,561	11,277
<b>Jumlah</b>	<b>38,871</b>	<b>39,149</b>	<b>41,207</b>	<b>40,676</b>	<b>40,257</b>	<b>38,834</b>

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

### Ekshibit 3-14: Peratus Kehadiran Murid di Sekolah Orang Asli Januari hingga Oktober, 2017



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

pada tahun 2016 (Ekshibit 3-15). Peratusan ini semakin hampir mencapai sasaran yang ditetapkan melalui prestasi petunjuk utama, iaitu pada 88%. Usaha yang berterusan perlu dilakukan bagi mengekalkan kehadiran murid ke sekolah, terutamanya untuk meningkatkan pelibatan ibu bapa dan komuniti Orang Asli dalam pendidikan anak-anak mereka. dan komuniti Orang Asli dalam pendidikan anak-anak mereka.


- **Kadar Transisi Peringkat Rendah ke Menengah**

Peningkatan kadar transisi daripada peringkat rendah (Tahun 6) ke peringkat menengah (Tingkatan

1) dalam kalangan murid Orang Asli kekal menjadi cabaran kepada Kementerian. Kebanyakan ibu bapa murid Orang Asli memberi tumpuan untuk meningkatkan ekonomi keluarga berbanding meneruskan persekolahan tekal menjadi satu daripada faktor murid Orang Asli tercicir dalam pendidikan. Pada tahun 2017, kadar transisi murid Orang Asli menurun kepada 74% berbanding 83% pada tahun 2016 (Ekshibit 3-16) dan masih jauh daripada sasaran pencapaiannya, iaitu 82%.



**Ekshibit 3-15: Peratus Kehadiran murid di Sekolah Orang Asli, 2013-2017**




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)





**Ekshibit 3-16: Kadar Transisi Murid Orang Asli dari Tahun 6 ke Tingkatan 1, 2012-2017**



Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

• **Peratus Kehadiran dan Peralihan Murid Pribumi Sabah dan Sarawak**

Bagi masyarakat Pribumi di Sabah dan Sarawak, Kementerian sedang mengumpul maklumat terperinci peratus kehadiran murid mengikut suku kaum Pribumi. Penyediaan pendidikan yang memenuhi keperluan masyarakat Orang Asli dan masyarakat Pribumi (Sabah dan Sarawak) merupakan cabaran yang sangat berbeza berbanding

menyediakan pendidikan kepada murid arus perdana. Usaha yang bersepadu daripada semua pihak berkepentingan dalam pendidikan perlu diperkukuhkan dan dioptimumkan untuk memastikan Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Pribumi serta Pelan Hala Tuju Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Pribumi dapat dicapai dan direalisasikan.



Lawatan BPSH di SK Kuala Tahan, Jerantut Pahang untuk mendalami isu kecikiran kaum asli Bateq



Menyantuni penduduk Orang Asli kaum Bateq Program Rancangan Makanan



Suasana di dalam kelas murid Orang Asli Bateq



Bengkel UPSR SK Pos Bersih




### Pencapaian Akademik di Sekolah Orang Asli dan Sekolah Model Khas Komprehensif 9

Prestasi pencapaian Sekolah Orang Asli dan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) menunjukkan sedikit peningkatan selaras dengan peningkatan prestasi pada peringkat kebangsaan dalam UPSR 2017. Gred kumulatif UPSR 2017 meningkat kepada 4.1 berbanding 4.31 pada tahun

2016 (Ekshibit 3-17). Sekolah K9 ialah sekolah yang menawarkan persekolahan selama sembilan tahun (Tahun 1 hingga Tingkatan 3) yang dibina di kawasan luar bandar atau pedalaman, khusus untuk mengurangkan keciciran dalam kalangan murid Orang Asli dan Pribumi di Sabah dan Sarawak.

Kadar lulus bagi UPSR 2017 menunjukkan penurunan yang ketara selaras dengan tahap kebangsaan. Kadar lulus dalam

**Ekshibit 3-17: Perbandingan Mata Gred Kumulatif Sekolah Orang Asli dan K9 dengan Peringkat Kebangsaan, 2012-2017**




Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH)

UPSR 2017 di sekolah Orang Asli telah menurun kepada 68.1% berbanding tahun 2016 pada 86.5% seperti yang ditunjukkan dalam Ekshibit 3-18. Penurunan kadar lulus UPSR dalam kalangan murid Orang Asli menunjukkan bahawa mereka masih sukar menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira. Usaha yang lebih baik diperlukan untuk meningkatkan pencapaian murid Orang Asli pada peringkat rendah bagi mengelakkan mereka tercicir daripada meneruskan persekolahan pada peringkat menengah.

Taburan gred pencapaian UPSR 2017 bagi semua mata pelajaran menunjukkan bahawa murid Orang Asli menghadapi kesukaran untuk

menguasai mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains (Ekshibit 3-19). Kebanyakan murid masih lagi berada pada tahap penguasaan minimum (Gred D) atau belum menguasai tahap minimum (Gred E) dalam mata pelajaran ini. Namun begitu, sekelompok kecil murid Orang Asli menunjukkan pencapaian cemerlang (Gred A) yang membanggakan dalam setiap mata pelajaran UPSR. Cabaran kepada guru dan sekolah terlibat ialah mengadaptasi amalan terbaik dalam pedagogi dan membangunkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan mudah difahami oleh murid Orang Asli dalam usaha membantu peningkatan pencapaian dalam UPSR.


**Ekshibit 3-18: Kadar Lulus Kertas UPSR Sekolah Orang Asli dan Sekolah K9 Berbanding Peringkat Kebangsaan, 2012-2017**



Sumber: Lembaga Peperiksaan (LP)



**Ekshibit 3-19: Taburan Gred di Sekolah Orang Asli dan Sekolah K9 Mengikut Mata Pelajaran UPSR 2017**



Sumber: Lembaga Peperiksaan (LP)

• **Mengurangkan Kadar Keciciran Murid**

Untuk mengatasi isu keciciran, Pendidikan Asas Vokasional (PAV) masih ditawarkan di empat buah sekolah K9 pada tahun 2017. PAV memberi peluang kepada murid Orang Asli dan Pribumi yang berumur antara 13 hingga 15 tahun untuk mendapatkan latihan kemahiran Asas Vokasional. Kementerian berusaha untuk memastikan bengkel PAV di sekolah yang terlibat mematuhi spesifikasi yang disediakan oleh

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi menjadi Pusat Bertauliah Cawangan (PBC) dan pentauliah Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) 1 dan 2.

Program kerjaya untuk murid Orang Asli telah dijalankan oleh Bahagian Psikologi dan Kaunseling (BPsK). Program ini dilaksanakan untuk memberi motivasi kepada murid Orang Asli supaya terus bersekolah dan melengkapkan tahun



persekolahan bagi membolehkan mereka diberi sijil akademik. Program ini dijalankan dengan kerjasama BPsK dan beberapa orang pensyarah kaunseling dari Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM).

- **Meningkatkan Kadar Literasi**

Kementerian kekal melaksanakan Program Kelas Dewasa Orang Asli Dan Pribumi (KEDAP) dan Kurikulum Orang Asli dan Penan (KAP) untuk meningkatkan kadar literasi dalam kalangan murid. Program KEDAP diadakan khusus kepada ibu bapa murid Orang Asli di Semenanjung Malaysia, Pribumi di Sabah, dan Penan di Sarawak yang diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan pencapaian anak-anak mereka. Program KEDAP diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM3.5 juta yang melibatkan 1,825 orang peserta di 71 buah sekolah pada tahun 2017.

Kementerian juga sedang mengemas kini KAP bermula pada penghujung 2017 sehingga tahun 2018 untuk diselaraskan dengan

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kurikulum ini akan dijenamakan semula sebagai Program Intervensi Khas Murid Orang Asli dan Pribumi (PIKAP).

## Menyokong Guru dalam Bilik Darjah

Latar belakang dan budaya Orang Asli dengan pelbagai etnik dan sub-etnik yang berbeza, memerlukan guru yang ditempatkan di Sekolah Orang Asli dan Pribumi dapat mereka bentuk dan mengubah suai strategi pengajaran. Mereka perlu mendapat latihan keguruan yang tersendiri, sesuai dengan keperluan kumpulan khusus ini.

- **Pembangunan Panduan Pengajaran untuk Sekolah Orang Asli**

Kementerian telah mereka bentuk satu buku panduan (*Remodelling Kit*) pengurusan sekolah dan pembelajaran yang sesuai dengan persekitaran masyarakat Orang Asli untuk dijadikan sumber rujukan. Dokumen ini dibangunkan khusus kepada kumpulan guru besar Sekolah Orang Asli bagi membantu mereka mentadbir dan memperteguh kemahiran instruksional untuk membantu guru di sekolah masing-masing serta meningkatkan tahap pengurusan sekolah. Panduan dalam dokumen ini merupakan gabung jalin antara keperluan khusus dan persekitaran yang mengandungi lima elemen, iaitu:

- Pengajaran dan pembelajaran: pembelajaran abad ke-21 meliputi kaedah Didik Hibur dan program pengukuhan pedagogi PIKAP; Bahan Rujukan Mudah Bahasa Ibunda (RuBI); Kurikulum KEDAP;



- dan Elemen Budaya Orang Asli dalam kurikulum Pendidikan Seni Visual, Pendidikan Muzik dan Pendidikan Jasmani
- ii. Urus tadbir dan kepimpinan
- iii. Jalinan dan jaringan kerjasama dengan agensi yang berkepentingan
- iv. Panduan Pengurusan Program Kehadiran murid Orang Asli
- v. Panduan Pengurusan Transisi Murid dari Tahun 6 ke Tingkatan 1

- **Pembangunan Kerangka Modul Latihan Guru di Sekolah Orang Asli**


Kementerian telah membangunkan Kerangka Modul Latihan Guru di Sekolah Orang Asli pada tahun 2017. Kerangka ini merujuk kepada konsep yang akan diguna pakai dalam pelaksanaan latihan peningkatan profesional guru di sekolah rendah yang mempunyai murid Orang Asli. Kerangka ini

dibangunkan secara kolaboratif antara Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH). Secara amnya, kerangka ini direka bentuk untuk membantu guru supaya lebih memahami jiwa murid Orang Asli dari segi budaya, pemikiran dan interaksi dengan murid daripada pelbagai kaum lain; membantu guru berkomunikasi dengan murid secara lebih berkesan, dan menyumbang kepada peningkatan peratus kehadiran di sekolah.

### **Meningkatkan Kerjasama dengan Sektor Swasta**

Sejumlah 32 buah sekolah telah menjalankan kerjasama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan demi pendidikan anak-anak Orang Asli pada tahun 2017. Antara yang telah terlibat memberikan sumbangan ialah *Tun Razak Exchange (TRX) City Sdn Bhd*





dalam program peningkatan akademik di SK Telanok, Cameron Highland; Islamic Relief Malaysia (IRM) dalam program berunsur keislaman di SK Buluh Nipis dan UiTM Shah Alam dalam program *Young Engineers* di SK Pos Raya, Perak.

Kementerian juga telah memulakan usaha ke arah kemajuan pendidikan yang lebih tersusun kepada murid daripada pelbagai etnik di Sabah dan Sarawak, terutamanya Pribumi Dusun Bonggi di Sabah dan Penan di Sarawak. Kementerian telah mengadakan mesyuarat untuk misi pencarian fakta (*fact-finding mission*) seperti berikut:

- Mesyuarat dengan pihak Yayasan PINTAR untuk merungkai

isu berkaitan murid Pribumi. Mesyuarat telah diadakan di Kuching, Sarawak pada Jun 2017, dan

- Mesyuarat dengan pihak *Rotary Club* Sabah untuk penyelesaian isu yang dihadapi oleh murid Pribumi di Sabah. Mesyuarat telah diadakan di Kota Kinabalu, Sabah pada Ogos 2017

Semua pihak yang terlibat dalam mesyuarat tersebut telah mengambil kata sepakat untuk memberi tumpuan awal kepada pendidikan etnik murid Dusun Bonggi di Pulau Banggi di Sabah dan Pelan Tindakan Transformasi Pendidikan Orang Asli dan Pribumi 2018.

## YANG BULAT TIDAK DATANG BERGOLEK YANG PIPIH TIDAK DATANG MELAYANG



**Sufiza Majid**, seharusnya menjadi inspirasi kepada semua murid bahawa setiap individu yang mempunyai keazaman yang tinggi mampu untuk mencapai kejayaan dalam pendidikan. Dibesarkan dalam keluarga Orang Asli kaum Temuan bersama-sama lapan orang adik beradik, murid dari **Sekolah Menengah Sains Tengku Jaafar, Seremban, Negeri Sembilan** ini telah berjaya mendapat keputusan cemerlang 9A dalam SPM 2017. Sufiza telah meneruskan pencapaian cemerlangnya sebelum ini dalam UPSR apabila mendapat keputusan 5A di SK Tengkek, Batu Kikir Negeri Sembilan, satu-satunya calon murid Orang Asli yang mendapat keputusan 5A di sekolah tersebut.

Sufiza dan keluarga beliau telah berjaya memecahkan tanggapan stereotaip masyarakat umum mengenai pencapaian murid Orang Asli yang kebiasaannya ketinggalan dek budaya hidup yang tidak konvensional, taraf sosioekonomi yang rendah, dan lebih mementingkan pendidikan rimba. Dua orang individu penting yang bertanggungjawab membentuk sahsiah diri Sufiza supaya tekun mengejar kejayaan dan tidak menyerah kalah dengan cabaran hidup yang dihadapi ialah bapanya Encik Majid Misrul dan ibunya Puan Zaleha Ayub.

Walaupun Encik Majid bekerja sendiri, iaitu menjalankan kerja kampung dengan pendapatan yang rendah, manakala Puan Zaleha merupakan suri rumah sepenuh masa, kedua-dua pasangan ini ingin memberikan kehidupan yang terbaik kepada anak-anak mereka. Encik Majid sentiasa cuba menjadi contoh terbaik kepada anak-anaknya dari segi tingkah laku dan sahsiah. Falsafah hidup yang dipegang oleh bapa ini ialah setiap orang perlu berjaya dalam hidup dan menjadi contoh terbaik kepada masyarakat Orang Asli. Beliau mahukan kesemua anak beliau mendapat pendidikan terbaik dan membuktikan Orang Asli juga boleh cemerlang dalam pendidikan. *"Saya percaya hanya dengan pendidikan, anak-anak saya boleh mengubah nasib kami menjadi lebih baik. Kami bukan daripada keluarga yang senang. Kalau mereka pandai belajar, mereka boleh mendapat kerja yang lebih baik pada masa hadapan,"* jelas Encik Majid.

Puan Zaleha tegas dalam mendidik anak-anak dan bagi beliau disiplin diri dan pemantauan aktiviti anak adalah penting. *"Saya sentiasa pantau pergerakan anak-anak. Saya ajar mereka menguruskan masa dengan baik. Ada masa untuk belajar dan ada masa untuk bermain,"*, terang Puan Zaleha. Keprihatinan dan pelibatan ibu bapa dalam perkembangan diri dan pencapaian akademik Sufiza merupakan faktor pendorong kejayaan beliau di sekolah.

Pengetua Sekolah Menengah Sains Tengku Jaafar, Puan Hajjah Arni bt Md Jadi menegaskan Sufiza seorang pelajar yang sentiasa bersikap positif terhadap pendidikan di sekolah. Pihak sekolah juga sentiasa berusaha untuk memastikan setiap murid mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan utama melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif peningkatan sahsiah dan akademik di Sekolah Menengah Sains Tengku Jaafar.

Sufiza menjadikan kejayaan kakaknya dalam pelajaran sebagai sumber inspirasi untuk belajar dengan bersungguh-sungguh hingga ke menara gading. *"Saya ingin menyambung pelajaran saya di Universiti Malaya dan menjadi seorang ahli farmasi seperti kakak,"* maklum Sufiza. Apabila ditanya mengenai formula kejayaannya dalam SPM, Sufiza berkata, *"Saya menyediakan jadual pembelajaran sendiri dan memastikan saya mengikut jadual tersebut. Jika saya mempunyai masa terluang, saya akan melakukan perbincangan dengan kawan-kawan mengenai subjek atau perkara yang kami pelajari. Saya juga selalu bertanyakan guru apabila kurang faham mengenai sesuatu topik pembelajaran. Saya mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa saya yang sentiasa memberi semangat supaya rajin belajar. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua guru dan kawan-kawan yang membantu saya sehingga mendapat keputusan yang sangat baik dalam SPM."*

### **Sufiza binti Majid**

Pelajar Tingkatan 5 (2017)  
Sekolah Menengah Sains Tengku Jaafar



## PENDEKATAN TERBEZA SESUAI DENGAN MINAT DAN LATAR BELAKANG MURID ORANG ASLI MENJANJIKAN KEJAYAAN



Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha untuk memberikan pendidikan yang saksama kepada semua murid tanpa

mengira latar belakang dan lokasi. Pendidikan untuk kumpulan murid berkeperluan khusus seperti murid Orang Asli tidak pernah diabaikan. Pendekatan dan strategi yang terbeza diperlukan dalam mendidik anak-anak Orang Asli untuk menarik minat mereka kekal bersekolah dan mudah mengikuti pelajaran.

**SK Simpai, Pekan, Pahang** merupakan sebuah sekolah yang terletak di pedalaman daerah Pekan dengan majoriti murid Orang Asli. Satu daripada isu yang menghalang peningkatan pencapaian murid Orang Asli di sekolah ini ialah ketidakhadiran murid ke sekolah. Pihak sekolah dan guru berusaha untuk mencari penyelesaian yang dapat **menarik minat murid untuk hadir ke sekolah melalui aktiviti kokurikulum.**

Antara aktiviti kokurikulum yang diketengahkan ialah aktiviti sukan dan badan beruniform.

SK Simpai dengan kerjasama Majlis Sukan Sekolah Pahang (MSSP) telah memperkenalkan murid kepada bidang sukan terjun. Melalui bimbingan daripada MSSP, murid sekolah ini telah menyertai pertandingan sukan

terjun pada peringkat MSSP dan telah mendapat berjaya mendapat tempat ke-5 dan ke-7 untuk acara papan anjal 1 meter dan 3 meter. Pasukan murid sekolah ini juga telah menyertai sukan perahu layar pada peringkat Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dan Regata Milomoda di Selangor. Pasukan pengakap SK Simpai juga sangat aktif di daerah Pekan sehingga mewakili negeri Pahang untuk Perkhemahan Orang Asli Kebangsaan. Sekolah juga telah berjaya menganjurkan Perkhemahan Orang Asli Negeri Pahang kali Pertama.

Kini melalui pelbagai aktiviti sukan dan kokurikulum, SK Rimpai telah berjaya meningkatkan peratus kehadiran murid dari 68% hingga 87%.

**SK Runchang, Muadzam Shah, Pahang** juga merupakan sebuah sekolah dengan majoriti muridnya dalam kalangan Orang Asli. Murid Orang Asli lemah dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan takut untuk bertutur dalam bahasa tersebut.

Pengenalan **Highly Immersive Programme** (HIP) telah membuka peluang kepada sekolah untuk memberi lebih pendedahan kepada murid Orang Asli mempelajari dan menggunakan bahasa Inggeris. Cikgu Samuel Isaiiah, guru Bahasa Inggeris percaya bahawa pembelajaran bahasa perlu memberi makna kepada murid dan menyeronokkan. Guru perlu





membangunkan strategi pengajaran yang dapat menyelesaikan masalah murid dalam Bahasa Inggeris. Antara aktiviti yang diperkenalkan di bawah program HIP ialah '*Speak Up With Poetry*', iaitu pembelajaran bahasa Inggeris melalui tayangan video, dan juga '*Sing and Learn Ukulele*', iaitu belajar sambil menyanyi dan bermain ukulele. Murid juga diperkenalkan dengan program e-Pal, iaitu memperkenalkan murid kepada dunia luar melalui rakan pena di luar negara. Pembelajaran yang dijalankan dalam suasana yang santai dan menyeronokkan ini telah menjadikan murid semakin lebih yakin berkomunikasi dan bertutur dalam Bahasa Inggeris sesama sendiri.

Hasilnya, peningkatan peratusan lulus dalam kertas Bahasa Inggeris UPSR meningkat saban tahun. Kini peratus murid yang lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris berada sekitar 80% berbanding hanya 30% dahulu.

Inovasi yang dijalankan oleh SK Rimpai dan SK Runchang yang mengambil kira minat dan latar belakang murid dalam merangka intervensi pendidikan yang sesuai, khususnya untuk murid Orang Asli perlu dijadikan contoh oleh sekolah-sekolah lain. Syabas!

**Untuk melihat pelaksanaan aktiviti di kedua-dua sekolah ini, sila imbas kod ini untuk menonton video.**





## PROGRAM PENDIDIKAN INKLUSIF UNTUK MURID BERKEPERLUAN KHAS


Program Pendidikan Inklusif (PPI) menyediakan ruang dan peluang kepada murid berkeperluan khas (MBK) mendapatkan akses kepada pendidikan berkualiti di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan. PPI membolehkan MBK belajar dan berasimilasi bersama-sama murid lain sama ada di dalam atau luar kelas di semua sekolah di bawah kawal selia Kementerian Pendidikan Malaysia.

Dalam Gelombang 1 (2013-2015) Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, usaha memantapkan pelaksanaan PPI digerakkan dan Kementerian telah berjaya menghasilkan panduan pelaksanaan program yang lebih selaras di semua sekolah di seluruh negara. Berdasarkan

panduan tersebut, Kementerian terus meningkatkan pelaksanaan PPI dalam Gelombang 2 (2016) dan hasilnya, peratusan MBK yang berada dalam PPI telah meningkat dengan ketara sebanyak 7.02% kepada 30.26% berbanding 23.24% pada tahun 2015.

Pada tahun 2017, Kementerian telah menetapkan sasaran sebanyak 35% MBK berada dalam PPI. Usaha dan strategi yang lebih agresif telah dijalankan yang membolehkan pencapaian peratusan MBK dalam PPI melebihi sasaran, iaitu pada 40.88% pada akhir November 2017. Seramai 32,148 orang MBK daripada keseluruhan 78,642 yang berdaftar dalam Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) berada dalam PPI. Peratusan pelibatan MBK dalam PPI yang melebihi sasaran sebanyak

**Ekshibit 3-20: Peratus Murid Berkeperluan Khas dalam Program Pendidikan Inklusif, 2013-2017**



16.8% merupakan satu kejayaan yang membanggakan bagi tahun 2017. Sasaran dan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tahun 2013 hingga 2017 untuk memastikan MBK berada dalam PPI ditunjukkan dalam Ekshibit 3-20.

Peningkatan enrolmen MBK dalam PPI yang memberangsangkan ini ialah hasil daripada kerjasama erat semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan PPI bermula dari sekolah, PPD, JPN, Bahagian di KPM dan kementerian lain yang berkaitan. Penggembleran tenaga semua pihak sepanjang tahun 2017 membolehkan beberapa aktiviti utama dilaksanakan dengan jayanya dan mencapai objektif. Antara aktiviti utama yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Pelaksanaan Bengkel Penyelarasan Pelaksanaan PPI
- Pengedaran Panduan Pelaksanaan Pedagogi Inklusif (Edisi Percubaan)
- Perolehan dan Pengedaran Kit Instrumen Menentu Penempatan Murid Berkeperluan Khas (IMPak)
- Pemantauan Aktiviti Kurikulum dan Kokurikulum Program Pendidikan Inklusif (PPI) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)
- Pemuafakatan bersama-sama JPN dan PPD
- Penghasilan Senarai Semak Kesediaan Inklusif
- Peluasan rintis PPI Model Holistik (HIEP)
- Pelaksanaan Taklimat Program Pendidikan Inklusif kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan






### Pelaksanaan Bengkel Penyelarasan Pelaksanaan PPI

Objektif bengkel ini adalah untuk menyebarkan sasaran KPI yang berkaitan dengan PPI kepada semua JPN dan mengupayakan Unit Pendidikan Khas di semua JPN untuk menyelaras aktiviti berkaitan PPI bagi tahun 2017. Kementerian melalui Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas) telah menggiatkan usaha mengupayakan PPD dan JPN supaya bergerak lebih aktif untuk membantu sekolah melaksanakan

PPI. Penetapan KPI bagi setiap JPN telah dibuat melalui bengkel yang diadakan pada bulan Februari 2017 di Pusat Latihan Guru dalam Perkhidmatan (PLGDP) Hutan Melintang, Perak.

Pemantauan pencapaian KPI mengikut negeri melalui APDM dan pemantauan pelaksanaan program pada peringkat negeri oleh PPD dan JPN telah berjaya meningkatkan pencapaian KPI negeri dan Kementerian seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 3-21 di bawah.

**Ekshibit 3-21: Pencapaian KPI Program Pendidikan Inklusif Mengikut Negeri, 2017**



Sumber: APDM 30 Nov 2017

### Pengedaran Buku Panduan Pelaksanaan Pedagogi Inklusif (Edisi Percubaan)

Buku panduan ini telah disiapkan pada tahun 2016. Panduan ini disediakan secara holistik dengan mengambil kira kepelbagaian keupayaan MBK dan keperluan sebenar mereka di dalam kelas. Buku panduan ini dijadikan bahan rujukan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas inklusif mahupun kelas pendidikan khas oleh semua guru arus perdana dan guru pendidikan khas. Buku panduan ini telah diedarkan kepada JPN, PPD, Bahagian KPM dan sekolah yang berkaitan.



### Pengedaran Kit Instrumen Menentu Penempatan Murid Berkeperluan Khas (IMPak)

Proses perolehan Kit IMPaK untuk murid empat hingga enam tahun telah dilaksanakan oleh PADU pada tahun 2017 setelah kit tersebut ditambah baik pada tahun 2016.

JPN telah mengedarkan bahan tersebut ke Sekolah Pendidikan Khas (SPK) dan Prasekolah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Bagi mengukuhkan pemahaman JPN dan pentadbir sekolah tentang prosedur penilaian dan pengurusan penempatan MBK di prasekolah di bawah Kementerian berdasarkan garis panduan yang disediakan, sebanyak enam siri Bengkel Penataran Garis Panduan Pelaksanaan IMPaK 4 - 6 Tahun di Prasekolah Pendidikan Khas telah dilaksanakan mengikut zon (Ekshibit 3-22).

#### Ekshibit 3-22: Bengkel Penataran Garis Panduan Pelaksanaan IMPaK 4-6 Tahun di Prasekolah Pendidikan Khas, 2017



Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Selangor  
**24 Mei 2017**



Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Melaka  
**27 Julai 2017**



Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Kuantan  
**13 Julai 2017**



Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Tuaran  
**16 Ogos 2017**



Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Merbok  
**18 Julai 2017**



Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Kuching  
**23 Ogos 2017**





### **Pemantauan Kurikulum dan Aktiviti Kokurikulum Program Pendidikan Inklusif (PPI) dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI)**

Pada tahun 2017, Kementerian telah menggiatkan pelaksanaan pemantauan aktiviti kurikulum dan kokurikulum di PPI dan PPKI. Pemantauan peringkat pusat dijalankan oleh BPKhas pada bulan Mac hingga Mei 2017, manakala pemantauan peringkat negeri dilaksanakan oleh JPN dan PPD mulai April hingga September 2017. Tujuan pemantauan adalah untuk melaksanakan bimbingan ke arah penambahbaikan kualiti pengurusan PPI dan PPKI. Secara keseluruhan, sebanyak 356 buah sekolah (249 buah sekolah rendah; 107 buah sekolah menengah) telah dipantau.

Dapatan pemantauan telah dibentangkan semasa bengkel permuafakatan bersama-sama JPN dan PPD.

- Pemantauan kurikulum: Kefahaman guru meningkat dan kaedah pengajaran dan pembelajaran guru dalam bilik darjah dapat dimantapkan. Perbincangan bersama-sama guru membantu guru menambah baik penulisan Rancangan Pengajaran Harian dan penyediaan bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut keupayaan MBK.
- Pemantauan aktiviti ko-kurikulum: Guru pendidikan khas faham tentang pelaksanaan PPI dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan aktiviti kokurikulum.

Dengan adanya kefahaman ini, bilangan MBK dalam program inklusif separa dapat ditingkatkan dan pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif dapat diberikan hasil kerjasama antara guru pendidikan khas dan guru arus perdana.



### Pemantauan Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif (PPI) di Prasekolah

Berdasarkan data daripada Sistem Maklumat Prasekolah Kebangsaan (SMPK), sebanyak 25 buah sekolah yang melaksanakan PPI telah dipilih untuk dipantau. Pemantauan ini dijalankan untuk membantu guru prasekolah arus perdana menguruskan MBK dengan lebih baik dan mengenal pasti keperluan guru serta MBK dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Pemantauan ini bermula dari bulan Oktober hingga November 2017 dan melibatkan seramai 15 orang pegawai BPKhas, Bahagian berkaitan, JPN dan PPD.

Dapatan pemantauan menunjukkan bahawa taklimat dan perbincangan bersama-sama guru prasekolah arus perdana membolehkan mereka lebih memahami isu-isu dasar dan pengurusan berkaitan

MBK. Berdasarkan temu bual, pemerhatian dan borang Analisis Keperluan Latihan yang diedarkan kepada guru, senarai keperluan kursus telah dapat disediakan. Perancangan latihan yang bersesuaian kepada guru prasekolah arus perdana akan dimasukkan dalam pelan tindakan tahun 2018.



## DIDIKAN AWAL DI PRASEKOLAH DAPAT MEMBANTU PERKEMBANGAN SIHAT MURID BERKEPERLUAN KHAS



Kampung Pendamar ialah sebuah kawasan kejiranan kecil yang terletak di sepanjang Sungai Langat berhampiran Pelabuhan Kelang Selangor. Kejiranan ini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam dan kemudahan pendidikan. Di sinilah terdapatnya sebuah sekolah kebangsaan sejak tahun 1962, iaitu **Sekolah Kebangsaan Kampung Pendamar (SK Kg. Pendamar)** untuk memberikan pendidikan peringkat rendah kepada anak-anak setempat. Secara keseluruhan, enrolmen murid sekolah ini berada pada lingkungan 750 orang saban tahun. Sekolah ini kemudiannya memperkenalkan pendidikan prasekolah dengan bilangan murid sebanyak 25 orang dengan seorang guru prasekolah dan seorang pembantu pengurusan murid.

Pada tahun 2017, SK Kg Pendamar telah mengorak langkah ke hadapan dengan menerima murid berkeperluan khas (MBK) di kelas prasekolah sesuai dengan moto sekolah 'Ilmu Punca Kemajuan'. Murid tersebut merupakan MBK kategori kurang upaya pelbagai (*Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD) dan Turner Syndrome, Speech Delay, Mild Post Stenotic Dilatation dan Constitutionally Small*). Sokongan dan kerjasama erat antara ibu bapa, guru dan pihak sekolah adalah penting untuk menangani karenah anak ini untuk mengikuti pembelajaran bersama-sama rakan sebaya dalam aliran perdana. Kesedaran dan kefahaman mengenai MBK dan Program Pendidikan Inklusif (PPI) dalam kalangan warga sekolah dan murid amat membantu dalam melancarkan pengurusan dan pendidikan murid tersebut.

**Puan Zarina binti Mohd Shah, Guru Penolong Kanan, SK Kg. Pendamar** menegaskan kesediaan sekolah dalam mendidik MBK dan betapa perlunya ibu bapa dan sekolah saling membantu dalam memberikan pendidikan terbaik kepada MBK. Beliau memaklumkan bahawa *"Pihak sekolah bersedia menerima MBK dengan baik.....Kerjasama antara pentadbir dan guru yang terlibat sangat membantu...Ibu bapa yang terlibat juga sangat memberi kerjasama dengan pihak sekolah... Program Inklusif Prasekolah sangat membantu murid yang terlibat menyesuaikan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan kokurikulum."*

**Guru Prasekolah Arus Perdana, Puan Siti Rozaifah binti Mohd Ariffin** menyuarakan keperluan ibu bapa untuk terbuka mendapatkan pandangan pakar perubatan dalam membantu memahami keperluan anak-anak mereka. Beliau menyatakan, *"Saya bangga dapat membantu murid ini. Selepas mendapat pengesahan pakar perubatan, dan mendapat rawatan serta terapi yang bersesuaian, kemenjadian murid lebih bagus."*



*"Saya dapat mendidik anak murid saya dengan lebih baik setelah memahami keadaan beliau. Murid ini juga dapat bersama-sama menyertai pertandingan semasa karnival kesenian dan permainan bersama murid arus perdana prasekolah pada peringkat negeri Selangor"*.

**Puan Nurhayaty binti Abu Bakar**, ibu kepada Raja Qasria Insyirah binti Raja Shamsul Ariffin, berterima kasih atas bimbingan pihak sekolah dalam mengenal pasti keperluan anaknya dan mencadangkan bantuan yang diperlukan. Puan Nurhayaty memaklumkan, *"Saya sangat terharu dengan bantuan sekolah, khususnya guru prasekolah yang mencadangkan kepada saya cara dan prosedur untuk mendapatkan bantuan dan sokongan terutama dari segi perubatan, terapi, dan pendidikan yang sesuai. Banyak sangat kemajuan yang telah ditunjukkan oleh anak saya sekarang"*.

Dahulu, hanya keluarga dan jiran terdekat sahaja memahami bahasa yang digunakan oleh Qasria. Kini pertuturannya lebih jelas. Perkembangan Qasria sangat memberangsangkan berbeza daripada beliau mula mendaftar ke SK Kg. Pendamar. Kini, Qasria sangat aktif dalam aktiviti pembelajaran dan turut menyertai acara sukan dan permainan, contohnya bola sepak, bersama-sama rakan sekelas.



### Permuafakatan bersama-sama JPN dan PPD

Selaras dengan Anjakan 8 dalam PPPM, iaitu untuk meningkatkan kebertanggungjawaban JPN dan PPD bagi menambah keberhasilan murid di bawah transformasi sistem, pemuafakatan bersama-sama JPN dan PPD diadakan melalui empat siri bengkel. Pemuafakatan ini diadakan bertujuan meningkatkan keberkesanan pengoperasian PPI dan PPKI di samping menjadi wahana pemikiran bagi 176 orang pegawai Sektor Pendidikan Khas JPN dan PPD serta pegawai Sektor Pengurusan Sekolah (Unit Rendah dan Menengah) di JPN.

Bengkel ini juga telah menyelesaikan isu-isu berkaitan pelaksanaan PPI dan PPKI. Setiap JPN yang hadir telah membentangkan dapatan pemantauan dan laporan tindakan yang telah diambil dalam menjayakan inisiatif Peningkatan Akses Kepada Pendidikan Inklusif Berkualiti. Usaha mengupayakan JPN dan PPD menghasilkan impak yang amat memberangsangkan apabila enrolmen MBK dalam PPI meningkat secara mendadak di setiap negeri.



**BTPN Bukit Katil, Melaka**  
 • 13 Julai 2017  
 • JPN dan PPD Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Terengganu & Pahang



**BTPN Alor Setar, Kedah**  
 • 6 Julai 2017  
 • JPN dan PPD Kedah, Pulau Pinang, Perlis, Perak, Selangor dan Kelantan



**Hotel Oriental Sabah**  
 • 12-14 September 2017  
 • JPN & PPD Sabah & Labuan



**Hotel Penview, Sarawak**  
 • 18-20 September 2017  
 • JPN & PPD Sarawak


Bengkel Permuafakatan Bersama JPN dan PPD berkaitan Pelaksanaan PPI Tahun 2017

### Penghasilan Senarai Semak Kesediaan Inklusif Murid Berkeperluan Khas

Pihak Universiti Sains Malaysia (USM) telah menghasilkan Senarai Semak Kesediaan Inklusif (SSKI)

MBK melalui projek rintis Program Pendidikan Inklusif Holistik (HIEP) yang dijalankan pada tahun 2015-2016. Senarai semak ini dibina bagi menilai dan mengenal pasti kesediaan MBK untuk diinkluskikan. Namun begitu, senarai semak tersebut tidak merangkumi MBK kurang upaya pendengaran dan kurang upaya penglihatan.

Instrumen ini telah disemak semula dan kandungannya ditambah baik pada tahun 2017 melalui tiga siri bengkel.





Kajian rintis instrumen baharu dilaksanakan pada Julai - Ogos 2017 di 45 buah sekolah. Rintis instrumen dibuat untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan item serta menetapkan skor standard menentu kesediaan MBK untuk diinkluskikan. Hal ini bagi memastikan instrumen baharu lebih mesra pengguna dan boleh diguna pakai untuk semua MBK dari pelbagai kategori ketidakupayaan.

SSKI terbaharu mengandungi 47 item untuk menilai kesediaan MBK pada peringkat sekolah rendah dan menengah yang merangkumi empat komponen utama, iaitu:

- kemahiran kognitif (tumpuan dan memori, bahasa dan komunikasi, penaakulan dan penyelesaian masalah)
- kemahiran motor kasar dan halus
- kemahiran sosioemosi dan tingkah laku
- kemahiran praakademik

## PENINGKATAN KOMPETENSI GURU TENTANG PPI HOLISTIK

Lanjutan daripada projek rintis PPI Holistik (*Holistic Inclusive Education Programme*, HIEP) pada tahun 2016, perancangan pelaksanaan PPI Model Holistik dimulakan dengan mewujudkan pasukan 18 orang Jurulatih Utama Kebangsaan (JUK) dan 72 orang Jurulatih Utama Negeri (JUN) yang berperanan membantu, membimbing dan melatih guru melaksanakan HIEP dengan jayanya. Beberapa siri bengkel dan kursus telah diadakan sepanjang tahun 2017 bagi memastikan HIEP dapat dilaksanakan dengan berkesan.

### • Bengkel Pemurnian Modul Latihan HIEP

Bengkel ini bertujuan untuk membuat semakan semula dan memurnikan modul latihan HIEP yang diterima daripada USM agar bersesuaian dengan model holistik yang ditambah baik oleh pihak Kementerian. Peserta bengkel terdiri daripada JUK, JUN, pegawai JPN) dan guru-guru yang berpengalaman dalam bidang Pendidikan Khas. Bengkel diadakan pada bulan Februari 2017 di SEAMEO SEN, Melaka.

### • Bengkel Pemantapan Modul Latihan HIEP

Bengkel ini bertujuan untuk memantapkan modul latihan HIEP dan seterusnya memberi latihan kepada JUK bagi memastikan mereka menguasai konsep dan kaedah pelaksanaan HIEP. Bengkel diadakan pada bulan April 2017.





- **Kursus Jurulatih Utama dan Lawatan Penandaarasan ke Sekolah Rintis PPI Holistik**

Kursus ini diadakan untuk membentuk satu pasukan Jurulatih Utama HIEP pada peringkat JPN yang pakar mengenai konsep dan kaedah pelaksanaan HIEP. Mereka akan menjadi agen perubahan untuk menyebarkan luas modul latihan HIEP kepada 220 orang guru di 44 buah sekolah rintis di seluruh negara pada tahun 2017 dan 2018. Perbincangan dan lawatan penandaarasan telah dijalankan di sekolah rintis HIEP iaitu, SK Bukit Jana, SK Long Jaafar, SK Matang dan SK Changkat Larut. Kursus diadakan pada bulan Julai hingga Ogos 2017.

- **Latihan kepada guru di sekolah peluasan rintis**

Bagi memastikan pelaksanaan HIEP mendapat pendedahan yang meluas, latihan telah diberikan kepada 220 orang guru di 44 buah sekolah rintis HIEP. Pemantauan pelaksanaan latihan Modul HIEP turut dilaksanakan pada peringkat Kementerian dari bulan Oktober hingga November 2017.

- **Program Transisi Murid Berkeperluan Khas**

Bengkel Pemurnian Modul Transisi Murid Berkeperluan Khas 2017 telah dilaksanakan di Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor. Bengkel ini dilaksanakan rentetan daripada pembentangan kertas cadangan “Program Transisi Murid Berkeperluan Khas (MBK)” dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu



Bengkel Pemurnian Modul Transisi Murid Berkeperluan Khas 2017



Bengkel Literasi Braille Bahasa Melayu dan Bengkel Literasi Braille Bahasa Inggeris

dan Dasar Transformasi Nasional (DTN) pada 31 Mei 2017 yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan. Modul dan Garis Panduan Program Transisi MBK dibina dan ditambah baik untuk dijadikan sumber rujukan guru pada peringkat rendah dan menengah.

- **Peningkatan Kompetensi Guru Pendidikan Khas - Literasi Braille**

Hasil pemantauan oleh BPKhas mendapati bahawa majoriti guru yang mengajar MBK kurang upaya penglihatan (BL) masih belum menguasai kemahiran literasi Braille. Dua siri bengkel telah diadakan pada tahun 2017, iaitu Bengkel Literasi Braille Bahasa Melayu dan Bengkel Literasi Braille Bahasa Inggeris. Bengkel ini bertujuan meningkatkan kompetensi dan kadar literasi guru supaya dapat mengakses bahan Braille yang dihasilkan oleh murid BL. Guru diberikan latihan secara amali mengenai literasi Braille Tahap 1.



Taklimat oleh Ketua Sektor Program Khas BPKhas & Ketua Unit Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral, BPKhas.

Melalui bengkel sebegini, Kementerian berharap isu penguasaan kemahiran literasi asas membaca, menulis dan mengira (3M) dalam kalangan murid BL dapat ditangani. Guru juga diharapkan lebih berdaya saing, inovatif, dan kreatif untuk membangunkan pelbagai pendekatan pengajaran yang menarik dan dapat mengoptimumkan potensi dan kemenjadian murid.

### **Pelaksanaan Taklimat Program Pendidikan Inklusif kepada Sekolah Agama Bantuan Kerajaan**

Kehadiran MBK di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) dikenal pasti berdasarkan data daripada APDM. Pihak Kementerian mendapati bahawa SABK tidak mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) yang bermanfaat untuk guru mahupun MBK untuk belajar bersama-sama murid aliran perdana. Taklimat pendedahan mengenai MBK dan pelaksanaan PPI telah diadakan kepada guru SABK pada bulan Ogos 2017 di PPD Hulu Langat, Selangor. Peserta juga diberi penerangan tentang tatacara pengemaskinian data MBK yang tepat dalam sistem APDM supaya intervensi yang sesuai bagi guru dan MBK dapat dirancang dan dilaksanakan secara berkesan.







## PROGRAM BERSEPADU KE ARAH MENINGKATKAN KESEDARAN MASYARAKAT TENTANG MURID BERKEPERLUAN KHAS (MBK)

Matlamat utama program ini adalah untuk memasyarakatkan pendidikan khas, iaitu membuka minda dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keupayaan MBK untuk bersama-sama masyarakat lain dalam apa

sahaja aktiviti yang dijalankan. Penerimaan masyarakat terhadap MBK akan membuka ruang dan peluang kepada mereka untuk saling membantu dalam aktiviti di mana mereka tinggal.

### 1 INCLUSIVE WALK – BERJALAN BERSAMA-SAMA KAMI DAN KENALI KAMI

**Program Bersepadu Zon Tengah** ini dijalankan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui aktiviti *KL Car Free Morning* 2017 pada 19 Februari 2017. Program berjalan kaki ini disertai oleh lebih 300 orang guru aliran perdana, guru pendidikan khas, MBK, murid arus perdana dan ibu bapa termasuk pegawai JPN dari negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya

Pelbagai aktiviti menarik telah dirancang sepanjang program yang bermula seawal jam 6.00 pagi. Orang awam yang turut serta dalam aktiviti *KL Car Free Morning* 2017 telah turut sama berjalan kaki sambil mengenali MBK dan mendapatkan maklumat lanjut mengenai pendidikan khas. Program ini mendapat maklum balas yang positif daripada ibu bapa dan peserta. Jalinan kerjasama yang wujud antara Kementerian Pendidikan Malaysia dan DBKL akan diteruskan dengan aktiviti lain yang lebih menarik pada masa akan datang.



Pendaftaran & perhimpunan



Senamrobik sebelum berjalan.



### 2 PROGRAM SEMARAK INKLUSIF

**Program Bersepadu Zon Selatan** dilaksanakan pada 14 September 2017 melibatkan seramai 480 orang peserta dari Negeri Sembilan, Melaka dan Johor di Mydin Mall dan Kompleks Belia dan Sukan Paroi, Seremban, Negeri Sembilan. Program ini diadakan untuk 'menyemarakkan' kesedaran tentang kewujudan MBK, kebolehan dan kelebihan mereka dalam kalangan masyarakat setempat. Program Semarak Inklusif ini telah mendapat sokongan padu serta sumbangan daripada

Syarikat Nestle, McDonald's dan Rotary Club. Selain itu, Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sembilan, Pejabat Belia dan Sukan, Seremban dan Radio Tiga Negeri Sembilan turut bersama-sama dalam memeriahkan program ini.

Antara aktiviti yang dijalankan sepanjang program ialah senamrobik berirama, pertandingan mewarna untuk murid prasekolah, rendah dan menengah, nyanyian



duet, pencarian harta karun, pertandingan memasak, gubahan bunga dan pertandingan layang-layang.

Kerjasama yang aktif antara MBK dengan murid aliran perdana serta ibu bapa murid

dapat dilihat dalam semua aktiviti yang dilaksanakan dan dipertandingkan. Melalui pelibatan dalam program bersama-sama MBK, Kementerian berharap agar semua pihak lebih terbuka terhadap mereka dan menerima kehadiran mereka dalam kehidupan seharian.



Senamrobik dipimpin oleh MBK dan guru setiap negeri.



Pertandingan memasak resipi menggunakan bahan jenama Maggi.



Pertandingan mengubah bunga disertai oleh guru, ibu bapa dan murid secara inklusif.

### 3 KENALI KAMI, SAYANGI KAMI

**Program Bersepadu Zon Utara** dijalankan di Mydin Mall, Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada 11 November 2017 dengan pelibatan peserta dari negeri Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan Perak. Antara aktiviti telah dilaksanakan

adalah pertandingan Eksplorasi Minda, pameran hasil kerja MBK, pertandingan nyanyian, gubahan bunga dan sesi solekan.







## RUMUSAN

Usaha menyediakan pendidikan berkualiti yang saksama kepada murid tanpa mengira lokasi sekolah sentiasa menjadi keutamaan Kementerian. Program Transformasi Daerah terus diperkukuh untuk memastikan Pejabat Pendidikan Daerah di setiap negeri berupaya merancang dan melaksanakan intervensi bersasaran dan terbeza mengikut keperluan sekolah. Untuk mengelakkan keciciran dalam kalangan murid, khususnya murid Orang Asli dan Pribumi, pemantauan ke atas kehadiran murid telah berjaya mengekalkan lebih ramai murid di sekolah. Kesediaan guru untuk mengajar murid Orang Asli

dan Pribumi terus dimantapkan, manakala perkongsian pintar dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan ditingkatkan untuk mencapai ekuiti dalam pendidikan. Pelaksanaan Program Pendidikan Inklusif terus diperkasakan untuk memastikan murid berkeperluan khas mendapat pendidikan berkualiti yang sesuai dengan kebolehan mereka. Ekuiti dalam pendidikan akan dicapai sekiranya semua pihak berkepentingan bersama-sama pihak Kementerian memberikan sokongan dan bantuan kepada anak-anak Malaysia di sekolah yang paling memerlukan di seluruh negara.







# Memperkukuh Perpaduan Melalui Pendidikan

“ *Identiti nasional yang kukuh melalui penghayatan prinsip Rukun Negara, diperlukan untuk kejayaan dan masa depan Malaysia. Setiap murid akan berbangga dikenali sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama atau status sosioekonomi.* ”

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,  
muka surat E-11*



Malaysia perlu sentiasa memperkukuh perpaduan nasional supaya masyarakat yang berbilang kaum di negara ini terus mengecap keamanan dan mencapai cita-cita negara. Dalam usaha mencapai aspirasi yang tinggi dalam persekitaran global yang semakin mencabar, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 telah menyediakan perancangan pembangunan pendidikan yang menyeluruh untuk menzahirkan transformasi pendidikan secara mapan sehingga tahun 2025. Hal ini direncanakan melalui lima aspirasi sistem, iaitu akses, kualiti, ekuiti, kecekapan dan perpaduan. Aspirasi negara bukan sahaja untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi malah menjadi sebuah negara maju yang rakyatnya hidup sejahtera dan dapat menikmati kemakmuran ekonomi hasil pembangunan negara. Demi pengukuhan perpaduan nasional yang

berterusan, usaha meningkatkan interaksi dalam kalangan murid perlu bagi membolehkan mereka berkongsi pengalaman dan aspirasi masa hadapan Malaysia.

Pada tahun 2017, usaha penambahbaikan pelbagai program untuk pengukuhan perpaduan diteruskan. Satu daripada program berkaitan perpaduan yang diperkukuh ialah program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) sedia ada. Beberapa inovasi juga dilakukan kepada kurikulum dan pedagogi. Program yang telah dilaksanakan pada tahun 2017 adalah seperti yang berikut;

- Program Rintis Modul Penerapan Nilai Perpaduan untuk Pengetua dan Guru Besar
- Program NBOS Perpaduan dalam Pendidikan
- Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan
- Kem Perpaduan.

## PROGRAM RINTIS MODUL PENERAPAN PERPADUAN UNTUK PENGETUA DAN GURU BESAR

Pemimpin sekolah berperanan penting dalam merancang hala tuju sekolah ke arah peningkatan pencapaian dan kecemerlangan. Dalam aspek penerapan nilai perpaduan, pengetahuan tentang kepentingan perpaduan sahaja tidak mencukupi. Pemimpin sekolah perlu mempunyai kesedaran tinggi mengenai isu perpaduan di sekolah dan kemahiran yang tinggi untuk memupuk nilai-nilai perpaduan dan memastikan penghayatan

nilai perpaduan terpelihara dalam kalangan warga sekolah. Modul Latihan Penerapan Nilai Perpaduan untuk Pengetua dan Guru Besar dibangunkan pada tahun 2016 untuk memperkasakan pengetua dan guru besar dengan pengetahuan dan kemahiran khusus dalam penerapan nilai perpaduan dalam kalangan warga sekolah. Modul ini telah dirintis pada tahun 2017. Untuk memastikan pemimpin sekolah mempunyai



keupayaan untuk menyemarakkan perpaduan di dalam dan di luar sekolah, satu kursus rintis secara amali berasaskan modul yang dibangunkan telah diadakan di Institut Aminuddin Baki (IAB). Topik yang diberikan tumpuan dalam modul ini merangkumi Perancangan Minda, Konsep Perpaduan, Peranan Pemimpin Sekolah untuk Meningkatkan Perpaduan di Sekolah, Isu dan Cabaran berkaitan Perpaduan, Pelaksanaan RIMUP, Penilaian Kendiri, Perancangan Pelan Tindakan, Pengendalian Bengkel, Penganjuran Forum Perpaduan serta Pemahaman mengenai Dasar dan Perlembagaan.

Susulan daripada latihan rintis tersebut, sesi pemantauan, iaitu tindak susul dan penyelesaian (sesi 'follow up' dan 'follow through', FUFT) telah dilaksanakan pada 11 September - 30 November 2017. Sesi ini dilaksanakan oleh para pensyarah IAB zon - Zon Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang), Zon Utara (Perlis, Pulau Pinang, Kedah dan

Perak), Zon Tengah (Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya), dan Zon Sabah dan Zon Sarawak. Pendekatan secara konsultasi telah digunakan dalam sesi pemantauan, antaranya membimbing, memberi penjelasan dan mengadakan perbincangan untuk meningkatkan pengurusan dan pelaksanaan aktiviti perpaduan. Sepanjang pelaksanaan FUFT, kesemua pemimpin sekolah yang terlibat telah memberi kerjasama yang sangat baik.

Secara keseluruhan, siri latihan dan tindak susul yang dijalankan bersama-sama 126 orang pemimpin sekolah telah berjaya meningkatkan kefahaman dan kesedaran dalam kalangan pemimpin sekolah tentang kepentingan menerapkan nilai perpaduan kepada warga sekolah.







*“Kursus yang dilaksanakan kepada pemimpin sekolah sangat berkesan kerana dapat membantu kami memastikan setiap warga sekolah sentiasa menghargai dan meraikan kepelbagaian. Latihan yang diberikan mengajar kami pelbagai strategi penganjuran program berkaitan kepelbagaian di sekolah dengan berkesan untuk membolehkan murid memahami pelbagai budaya dengan lebih baik.”*

*“Selepas menghadiri latihan ini, saya yakin dapat membangunkan pelbagai pendekatan untuk memupuk perpaduan di sekolah saya dengan lebih berkesan. Latihan ini memberikan perspektif yang lebih segar dan idea-idea praktikal kerana menggabungkan hal-hal akademik dan bukan akademik untuk pembangunan murid secara menyeluruh berbanding latihan terdahulu yang lebih bersifat akademik. Saya berterima kasih kerana diberi peluang untuk hadir ke latihan ini dan akan berusaha untuk membangunkan sekolah secara inklusif kepada semua murid.”*

**Hajah Aini binti Mj Jadi**

Pengetua

Sekolah Menengah Sains Tuanku Jaafar, Kuala Pilah, Negeri Sembilan

## PROGRAM NBOS PERPADUAN DALAM PENDIDIKAN

4-5



Kementerian menyedari bahawa penerapan nilai-nilai perpaduan tidak harus tertumpu hanya di sekolah, malahan nilai-nilai perpaduan perlu diperkukuhkan dengan kerjasama semua pihak berkepentingan – ibu bapa, masyarakat, agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Untuk merealisasikan hal ini, Kementerian telah menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*) atau NBOS supaya penerapan nilai-nilai perpaduan dalam diri murid menjadi lebih berkesan dan mampan. Dalam hal ini, program NBOS Perpaduan

dalam Pendidikan meneroka ruang-ruang baharu bagi pengukuhan perpaduan dengan berbekalkan produktiviti, kreativiti dan inovasi di sekolah dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, swasta dan komuniti.

Pada tahun 2017, Program NBOS Perpaduan dalam Pendidikan berfokuskan kepada Program Silang Budaya. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). Sebanyak lima siri latihan Modul Silang Budaya telah dilaksanakan dengan melibatkan Guru Penasihat Kelab Rukun Negara (KRN) di seluruh negara. Bengkel Modul Silang Budaya dilaksanakan

di lima zon, iaitu Zon Selatan, Zon Utara, Zon Timur, Zon Sarawak dan Zon Sabah.

Siri latihan Modul Silang Budaya telah dilaksanakan oleh guru dengan murid di sekolah. Sebanyak 220 buah sekolah rendah dan menengah telah diberikan peruntukan sebanyak RM1,000 bagi melaksanakan program tersebut. Pemantauan dan penilaian aktiviti ini telah dijalankan oleh pihak JPNIN dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia.

## KELAB RUKUN NEGARA (KRN)

Kementerian Pendidikan Malaysia menubuhkan Kelab Rukun Negara (KRN) mulai tahun 2000 hasil ilham dan saranan YAB Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia semasa merasmikan sambutan Hari Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2000 di Melaka. Penubuhan KRN adalah diwajibkan di semua sekolah rendah dan menengah.

Atas tanggungjawab untuk memperkukuhkan semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat melalui penghayatan terhadap prinsip-prinsip Rukun Negara, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional, Jabatan Perdana Menteri (JPNIN, JPM) telah menjalin kerjasama erat dengan

Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi bagi memperluas penubuhan KRN di sekolah dan institusi pengajian tinggi mulai tahun 2004.

Pihak JPNIN telah membantu pelaksanaan aktiviti KRN di sekolah dengan matlamat untuk memperkenalkan dan menyedarkan murid tentang kepentingan Rukun Negara. KRN dijadikan sebagai salah satu strategi utama ke arah pengukuhan semangat perpaduan dan integrasi nasional dalam kalangan murid. Pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh KRN menjurus kepada aktiviti yang berteraskan pengukuhan pengetahuan, pemahaman, penghayatan, dan pengamalan (4P) Rukun Negara dalam kalangan murid.

## PROGRAM SILANG BUDAYA MENYEMARAKKAN PERPADUAN DI SEKOLAH



Kerajaan Malaysia telah memberi tumpuan kepada usaha memupuk perpaduan antara kaum bagi memastikan keharmonian dan kesejahteraan negara sejak negara mula mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Sekolah telah dijadikan wadah untuk menyatu padukan masyarakat Malaysia daripada pelbagai etnik, budaya dan sosioekonomi. Penerapan nilai-nilai murni semasa persekolahan diharapkan dapat membentuk anak-anak Malaysia yang dapat menjalinkan hubungan baik, saling bertoleransi, dan menghargai persamaan serta menerima perbezaan antara mereka. Perpaduan nasional akan dapat dicapai sekiranya rakyat



Malaysia terus memelihara, mengekal dan meningkatkan hubungan antara kaum. Bagi mencapai aspirasi ini, **Kementerian Pendidikan Malaysia telah mendapat sokongan kuat daripada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).**

Selaras dengan moto JPNIN, 'Bersatu Kita Maju', Program Silang Budaya telah dibiayai pelaksanaan di sekolah. Objektif program ini adalah untuk meningkatkan kefahaman dan penerimaan terhadap pelbagai cara hidup, bahasa dan budaya dalam kalangan pelajar; mengeratkan hubungan antara kaum; dan memupuk sikap menghormati dan memahami kepelbagaian budaya, agama, bahasa, dan pelbagai adat resam masyarakat pelbagai kaum.

Pada tahun 2017, Program Silang Budaya telah dijalankan di 220 buah sekolah di bawah Kementerian. Antara contoh kejayaan dan kemeriahan pelaksanaannya di **SMK Taman Jasmin 2, Kajang Selangor**. Antara aktiviti yang ditonjolkan ialah tarian berbilang kaum, masakan tradisional dan pelbagai kuih muih, kaligrafi Cina, dan mengukur kelapa.

## PROGRAM SILANG BUDAYA: MEDAN PEMUPUKAN PERPADUAN DAN KERJASAMA ANTARA KAUM



Pada tahun 2017, **Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kemaman**, Terengganu telah menganjurkan Program Silang Budaya dengan penyertaan 16 buah sekolah rendah. Antara sekolah yang terlibat dalam program ini ialah SK Seri Gelugor, SK Meraga Beris

dan SK Cheneh Baru. Penganjuran program secara kerjasama antara PPD dengan sekolah membolehkan murid daripada pelbagai kaum dan latar belakang memahami kepelbagaian budaya melalui persembahan yang ditunjukkan selain dapat berkongsi sumber.



**SJKC Kuala Kemaman** telah dipilih sebagai tuan rumah program. Sebagai pemenang **Anugerah Sekolah Lestari Alam Sekitar 2017**, SJKC Kuala Kemaman juga telah berkongsi strategi kelestarian alam sekitar dengan sekolah-sekolah lain.

SJKC Kuala Kemaman telah mempersembahkan Gendang 24 Musim yang dilatih oleh kumpulan *Hands Percussion*, sebuah kumpulan gendang Cina Malaysia yang terkenal dengan persembahannya yang inovatif. Persembahan sekolah ini telah mendapat tepukan gemuruh penonton yang suka akan pukulan bertenaga dan berirama Gendang 24 Musim.

Menurut **Puan Chia Gaik Nooi, Guru Besar SJKC Kuala Kemaman**, murid sekolah beliau mendapat faedah yang besar daripada penganjuran Program Silang Budaya. *“Persembahan yang ditunjukkan oleh sekolah lain telah membuka mata murid saya terhadap kepelbagaian budaya. Selama ini, murid saya hanya melihat tarian tradisi Melayu dan India melalui televisyen. Persembahan setiap sekolah telah dapat menjalin hubungan antara kaum yang biasanya hidup dalam kelompok masing-masing.”* Menurut beliau lagi, *“Semasa murid membuat persediaan, ibu bapa juga turut memberi sumbangan dalam memastikan kejayaan persembahan. Saya tersentuh teruja apabila melihat sebuah sekolah yang membuat reka tari tarian India dengan pakaian lengkap tradisional India dan dibantu oleh ibu murid daripada keturunan Melayu. Situasi ini menunjukkan ibu bapa telah membantu anak-anak mereka menghargai dan meraikan kepelbagaian dalam masyarakat.”*

Menurut Pn. Chia, program ini sangat bermakna. *“Hanya satu perkataan yang dapat menggambarkan keseluruhan pengalaman saya, iaitu kerjasama. Saya dapat lihat guru-guru daripada sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan bekerjasama untuk menganjurkan satu program yang bermakna kepada murid daripada aspek*



*ke arah memupuk perpaduan. Sekolah di daerah ini kebanyakannya terdiri daripada satu kaum sahaja. Tanpa kerjasama erat antara sekolah, murid kami tidak mungkin dapat berpeluang untuk berinteraksi dengan murid daripada latar belakang yang berbeza. Saya juga seronok melihat ibu bapa komited dalam membantu anak-anak mereka bersedia untuk program ini. Ibu bapa telah bersama-sama kami sepanjang program dan keadaan ini membuatkan anak-anak mereka percaya bahawa menerima dan meraikan kepelbagaian budaya ialah perkara yang betul.”*



**Sila imbas kos ini  
untuk menonton video**







## PELAN HALA TUJU PERPADUAN DALAM PENDIDIKAN

Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan telah mula dirangka pada akhir tahun 2015 dan pertengahan tahun 2016 dengan pelaksanaan dua makmal pendidikan. Ahli makmal terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan dan bukan kerajaan, pakar daripada universiti awam dan bahagian Kementerian. Pelan ini kemudiannya dibangunkan melalui kerjasama pelbagai bahagian dalam Kementerian.

Pada tahun 2017, draf awal pelan ini telah dibangunkan dalam dua siri bengkel untuk memastikan cadangan aktiviti penerapan nilai perpaduan dapat diterjemahkan dengan lebih terancang dan berstruktur. Siri pertama bengkel ini telah diadakan pada bulan Februari 2017, manakala siri kedua bengkel ini dijalankan pada bulan Mac 2017. Penyediaan dan pemurnian pelan ini dijalankan oleh pensyarah Institut Pendidikan Guru, pegawai bahagian, dan guru yang telah mendapat latihan khusus penulisan dan penterjemahan daripada Majlis Buku Kebangsaan dan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

Secara umumnya, Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan mengupas isu dan cabaran yang dihadapi dalam pemupukan

perpaduan di sekolah. Strategi pelaksanaan dan pelan tindakan turut dibangunkan bagi memastikan nilai-nilai perpaduan dapat dilaksanakan, dipupuk dan dicapai dalam kalangan murid sekolah. Sesi pemurnian pelan ini dijalankan supaya kandungan pelan ini jelas, tepat dan mampu menerapkan perpaduan melalui pendidikan selaras dengan matlamat dan hasrat Kementerian. Sesi ini telah dijalankan oleh para pegawai Kementerian daripada pelbagai bahagian yang berkaitan pada bulan Ogos 2017. Pelan ini telah diluluskan pada peringkat Kementerian pada 22 Disember 2017.

Kejayaan penghasilan pelan ini merupakan satu inisiatif Kementerian bagi merealisasikan hasrat Kerajaan untuk menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara berbilang bangsa yang mempunyai rakyat yang memahami dan meraikan perbezaan sesama mereka serta saling bekerjasama dan bersatu padu untuk kesejahteraan diri dan negara.





## KEM PERPADUAN

Dapatan Kajian Pengukuran Tahap Perpaduan 2016 yang telah dijalankan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP) menunjukkan bahawa indeks perpaduan dalam kalangan murid dan guru berada pada tahap sederhana tinggi. Susulan daripada kajian tersebut, satu program intervensi telah dirangka ke arah meningkatkan tahap perpaduan di empat buah negeri, iaitu Terengganu, Kelantan, Pahang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Empat buah negeri ini dipilih kerana

sama dengan murid dan guru adalah tepat dan berkesan serta memberi impak yang tinggi dalam meningkatkan indeks perpaduan, Kementerian telah melaksanakan perkara berikut:

- **Membangunkan satu modul khusus** dengan penekanan terhadap aspek menerima, menghormati dan mengurus kepelbagaian. Aspek ini adalah selari dengan konstruk yang digunakan dalam Kajian Pengukuran Tahap Perpaduan. Pembangunan modul ini diterajui oleh Bahagian Kokurikulum dan Kesenian dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), dan Jurulatih RIMUP peringkat kebangsaan dan negeri;
- **Mereka bentuk satu Instrumen Penilaian Keberkesanan Program** bagi memastikan impak yang dihasilkan menepati sasaran yang ditetapkan. Instrumen ini telah dibangunkan bersama-sama pihak Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU). Instrumen ini akan menilai kemampuan murid dalam menerima kepelbagaian, menghormati kepelbagaian dan mengurus kepelbagaian setelah mengikuti Kem Perpaduan; dan
- **Memperkemas kriteria pemilihan murid bagi penyertaan dalam Kem Perpaduan** bagi memastikan keberhasilan yang tinggi dalam meningkatkan tahap perpaduan. Pemilihan murid adalah penting kerana kumpulan murid ini akan menjadi agen perubahan ke arah peningkatan perpaduan dalam kalangan rakan mereka.



menunjukkan tahap perpaduan terendah berbanding dengan negeri lain berdasarkan Indeks Perpaduan. Kementerian berpandangan satu program intervensi perlu dijalankan untuk meningkatkan tahap perpaduan di negeri-negeri tersebut.

Intervensi ke arah peningkatan tahap perpaduan dilaksanakan melalui program sedia ada, iaitu Kem Perpaduan di bawah Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP). Untuk memastikan aktiviti yang dijalankan bersama-

Antara kriteria pemilihan yang ditetapkan adalah peserta mesti terdiri daripada murid dengan latar belakang yang berbeza

serta pelbagai kaum dan agama; dan peserta merupakan ketua atau wakil murid di sekolah mereka (Ekshibit 4-1 dan 4-2).

**Ekshibit 4-1: Penyertaan Murid dalam Kem Perpaduan Mengikut Negeri, 2017**

Negeri	Melayu	Cina	India	Lain-lain	Jumlah
Kelantan	67	29	8	11	<b>115</b>
Terengganu	128	28	2	3	<b>161</b>
Pahang	88	29	29	12	<b>158</b>
WPKL	50	38	28	1	<b>117</b>
Kebangsaan	115	31	17	2	<b>165</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>448</b>	<b>155</b>	<b>84</b>	<b>29</b>	<b>716</b>

Sumber: Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK)

**Ekshibit 4-2: Penyertaan Murid dalam Kem Perpaduan Mengikut Kaum, 2017**



Sumber: Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK)

Kejayaan pelaksanaan Kem Perpaduan di negeri Terengganu, Kelantan, Pahang dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah membuka peluang kepada pelaksanaannya pada peringkat kebangsaan. Kem peringkat kebangsaan bertujuan untuk memberi lebih peluang kepada peserta daripada empat buah negeri tersebut mengenali rakan-rakan mereka dari negeri-negeri lain serta lebih terbuka untuk menerima kepelbagaian, menghormati kepelbagaian dan mengurus kepelbagaian antara mereka.

Dapatan daripada Instrumen Penilaian Keberkesanan Program menunjukkan bahawa 83% peserta (Ekshibit 4-3) menyatakan kem ini memberi peluang kepada mereka untuk mengenali dan memahami kepelbagaian kaum, bahasa, budaya, agama dan latar belakang pelbagai lapisan masyarakat Malaysia. Mereka juga lebih memahami keperluan dan faedah menghormati dan toleransi dalam memelihara perpaduan demi keharmonian dan kemajuan negara.

**Ekshibit 4-3 :Bilangan dan Peratus Murid yang mencapai Skala 4 dan ke atas dalam Kem Perpaduan, 2017**

Negeri	Bilangan Murid	Bilangan Murid yang mencapai Skala 4 dan ke atas	Peratus
Kelantan	115	84	73 %
Terengganu	161	108	67 %
Pahang	158	151	96 %
WPKL	117	112	96 %
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>551</b>	<b>455</b>	<b>83 %</b>

*Sumber: Bahagian Kokurikulum dan Kesenian (BKK)*

Kementerian berharap Kem Perpaduan dapat dijadikan platform untuk murid mengenali dan mengetahui kepelbagaian antara mereka dan pengalaman serta pengetahuan yang diperoleh dan dikongsi secara meluas dengan rakan-rakan yang lain. Penerapan

nilai-nilai perpaduan perlu disokong dengan aktiviti-aktiviti yang terancang. Modul latihan Kem Perpaduan yang digunakan haruslah bertepatan dengan keadaan setempat kerana latar sosiobudaya masyarakat setempat mempunyai keunikan budaya mereka tersendiri.





## TARIAN KEBUDAYAAN SEBAGAI ALAT MEMPERKUKUH PERPADUAN

Penerapan nilai perpaduan dalam diri kanak-kanak dapat dilakukan melalui pelbagai kaedah. Murid yang didedahkan kepada pelbagai budaya dan melibatkan diri secara langsung dalam pelbagai aktiviti kebudayaan akan dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mereka tentang kelainan pelbagai budaya di Malaysia. Berbekalkan pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh, murid berupaya menerima persamaan antara mereka serta menghormati perbezaan yang ada, seterusnya dapat mengurus kepelbagaian dalam setiap aspek kehidupan mereka dalam masyarakat majmuk Malaysia.

Pelaksanaan **Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) peringkat negeri Sabah telah dilaksanakan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy, NBOS)**. Program ini dijalankan secara anjuran bersama antara Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dengan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Sabah pada tahun 2017. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Tan Sri Joseph Kurup, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, pada 5 April 2017 di Kompleks Sukan Keningau, Keningau, Sabah

Penganjuran **Persembahan Tarian Perdana RIMUP** sempena **Kem Perpaduan Murid** ini bertujuan untuk menerapkan nilai kerjasama dan permuafakatan serta mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid. Tarian telah dipilih sebagai alat untuk mengukuhkan perpaduan antara murid melalui pendedahan kepada pelbagai jenis tarian tradisional. Murid

dapat belajar bersama-sama dalam suasana yang ceria. Sebanyak 12 jenis tarian daripada pelbagai suku kaum di negeri Sabah telah dipersembahkan dan melibatkan 12 buah sekolah dan kolej. Kehadiran hampir 8,000 orang peserta termasuk pemimpin tempatan dan pegawai kerajaan, pemimpin sekolah, guru, ibu bapa, dan murid dari seluruh negeri Sabah telah memeriahkan majlis.

Pelibatan secara aktif murid daripada pelbagai etnik dalam program RIMUP melalui kerjasama erat antara Kementerian Pendidikan dan JPNIN diharapkan dapat diteruskan pada masa akan datang.



Gambar: Laman Web Rasmi JPNIN



## ASRAMA SEKOLAH WADAH PEMUPUKAN PERPADUAN

Pemupukan nilai-nilai perpaduan dalam kalangan masyarakat majmuk Malaysia penting untuk keselamatan dan kesejahteraan negara. Setiap anak kelahiran Malaysia perlu mempunyai kefahaman mengenai pelbagai budaya dan adat resam masyarakat di luar kelompok budaya sendiri. Keupayaan untuk memahami, menerima dan meraikan kepelbagaian budaya dapat diperkukuh di sekolah melalui pelbagai cara.



**Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Sultan Ibrahim, Johor Baru, Johor** dan **Victoria Institution, Kuala Lumpur** merupakan antara sekolah harian yang menyediakan kemudahan asrama kepada murid daripada pelbagai kaum. Murid yang berpeluang untuk tinggal dan belajar bersama-sama akan lebih memahami dan sensitif kepada agama, budaya, adat resam dan kepercayaan rakan mereka daripada kaum yang lain

SMK (P) Sultan Ibrahim menerapkan amalan perpaduan kepada murid sepanjang berada di asrama melalui pelbagai aktiviti riadah selain mengadakan sambutan pelbagai perayaan. Murid sentiasa digalakkan

untuk bergaul dengan rakan daripada kaum lain dan saling membantu. Setiap murid diberi tanggungjawab dan menjalankan segala aktiviti bersama-sama untuk semangat setia kawan sesama mereka.






Asrama Victoria Institution (VI) menempatkan murid lelaki yang bersekolah di sekitar Kuala Lumpur. Mereka akan berkumpul setiap petang dan malam selepas tamat waktu persekolahan untuk mengadakan aktiviti riadah di samping mengulang kaji pelajaran bersama-sama di dalam kelas. Pemupukan perpaduan di VI bermula seawal penubuhan sekolah ini oleh para pengasasnya yang terdiri daripada beberapa orang tokoh daripada pelbagai kaum. Semangat kohort yang sama atau 'batch' mengatasi semangat perkauman.

VI juga menganjurkan pelbagai aktiviti yang melibatkan interaksi antara murid pelbagai kaum.

Melalui penyediaan asrama kepada murid daripada pelbagai kaum, Kementerian dan Kerajaan bukan sahaja memberikan kemudahan tempat tinggal tetapi juga berusaha membentuk persefahaman dan keharmonian antara kaum ke arah melahirkan rakyat yang patriotik dan saling menghormati, untuk membentuk negara yang bersatu padu, aman dan makmur.



**Untuk melihat aktiviti perpaduan di asrama sekolah-sekolah ini, sila imbas kod ini untuk menonton video.**





## PEMBANGUNAN INSANIAH MELALUI KOKURIKULUM

Kurikulum dan kokurikulum merupakan dua elemen penting dalam pendidikan yang perlu seiring untuk melahirkan individu yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kurikulum merupakan rancangan pendidikan (akademik dan kokurikulum) bagi memenuhi keperluan mental, fizikal dan sosial murid. Elemen yang dititikberatkan dalam kurikulum ialah ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai dan norma, unsur-unsur kebudayaan dan kepercayaan masyarakat. Kurikulum dalam pendidikan memberi penekanan kepada aspek pengajaran dan pembelajaran formal, iaitu dalam bilik darjah yang melibatkan sukatan dan kandungan mata pelajaran. Aktiviti kokurikulum merupakan kesinambungan dan pelengkap kepada aktiviti kurikulum.

Aktiviti kokurikulum dilaksanakan di luar bilik darjah seperti pelibatan murid dalam persatuan dan kelab, sukan dan permainan, dan badan beruniform. Kegiatan kokurikulum yang terancang, dapat menarik minat murid untuk menyertai aktiviti kokurikulum.

Pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum diwajibkan di sekolah-sekolah di Malaysia, iaitu setiap murid perlu menyertai satu kelab atau persatuan, satu badan beruniform, dan satu sukan atau permainan. Pelibatan murid dalam aktiviti kokurikulum dapat membantu murid menambahkan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di dalam bilik darjah. Murid juga dapat mengukuhkan kemahiran insaniah, seperti kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif, kemahiran berkomunikasi, bertanggungjawab, kemahiran memimpin seperti yang dihasratkan dalam Aspirasi Murid. Pergaulan sesama rakan sebaya daripada pelbagai latar belakang, kaum dan budaya yang berbeza dalam kegiatan kokurikulum dapat membantu murid meningkatkan kemahiran sosial yang positif serta mengukuhkan nilai perpaduan antara mereka.

Galakan ibu bapa kepada anak-anak untuk terlibat dalam kegiatan kokurikulum dapat membantu mengukuhkan kemahiran insaniah, menyihatkan minda dan jasmani mereka. Pelibatan yang seimbang dalam aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah dapat melahirkan bangsa Malaysia yang harmonis dan

### FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

*Kementerian Pendidikan Malaysia (1996)*

seimbang seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kementerian menyediakan pelbagai ruang dan peluang kepada murid untuk membangunkan potensi

dan sahsiah diri melalui penawaran pelbagai aktiviti kokurikulum di sekolah. Kecemerlangan murid Malaysia dalam pelbagai aktiviti kokurikulum peringkat antarabangsa ditunjukkan dalam Ekshibit 4-4, 4-5 dan 4-6.







### Ekshibit 4-4: Pencapaian Murid Malaysia dalam Pertandingan Antarabangsa - Bidang Sains, Matematik dan Teknologi (Program Kementerian Pendidikan), 2017

Bil	Program dan Penyertaan	Pencapaian
1.	<p><b>20<sup>th</sup> PO LEUNG KUK PRIMARY WORLD MATHEMATICS (PLK)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Hong Kong, China;</li> <li>16 - 20 Julai 2017</li> <li>4 orang murid; 2 guru/pegawai</li> </ul>	<p><b>MERIT Award (Team Category)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Kuan Zhi Ti &amp; Kuan Zhi Jue;</b> SJKC KEAT HWA (H) Kota Setar. Kulim, Kedah</li> <li><b>Wong Yee Hern;</b> SJKC Chong Cheng Barat Daya, Pulau, Pinang</li> <li><b>Amir Faris bin Azra;</b> SK Taman Tun Dr Ismail 1 WP Kuala Lumpur</li> </ul> 
2.	<p><b>58th INTERNATIONAL MATHEMATICS OLYMPIAD (IMO)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Rio De Janeiro, Brazil;</li> <li>12 - 23 Julai 2017</li> <li>6 murid; 1 guru/pegawai</li> </ul>	<p><b>2 Pingat Perak</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Ivan Chan Kai Chi</b> - SMJK Phor Tay, Pulau Pinang</li> <li><b>Yeoh Zi Song</b> - SMJK Chung Ling, Pulau Pinang</li> </ul> <p><b>2 Pingat Gangsa Bronze</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Hanissa Shamsuddin</b> - SMK Putrajaya Presint 18(1), WP Putrajaya</li> <li><b>Tan Li Xuan</b> - SMK Bandar Utama Damansara (3), WP Kuala Lumpur</li> </ul> <p><b>Pengiktirafan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Theam Wing Chun</b> - SMJK Sin Min, Kedah</li> <li><b>Sean Ghee Zhing</b> - SMJK Yok Bin, Melaka</li> </ul> 
3.	<p><b>48 th INTERNATIONAL PHYSICS OLYMPIAD (IPhO)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jogyakarta, Indonesia;</li> <li>16-24 JULAI 2017</li> <li>5 murid; 2 guru/pegawai</li> </ul>	<p><b>Pingat Gangsa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Lee Reng Gee dan Yeap Heng Yii</b> - Sekolah Persendirian Chong Hwa, Kuala Lumpur</li> </ul> <p><b>Pengiktirafan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Muhammad Firdaus Bin Muhammad Al-Faraby</b> - PERMATA pintar, UKM</li> </ul> 
4.	<p><b>49th INTERNATIONAL CHEMISTRY OLYMPIAD (IChO)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Nakhon, Thailand;</li> <li>06 - 15 Julai 2017</li> </ul>	<p><b>Pingat Perak</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Tan Jun Hao; Muhamad Lutfir Rahman Hamzam</b> - Sunway University College</li> </ul> <p><b>Pingat Gangsa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Lee Chee Hong</b> - SMJK Chung Hwa Confucian, Pulau Pinang</li> </ul>

Bil	Program dan Penyertaan	Pencapaian
5.	<p><b>F1 WORLD FINALS</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kuala Lumpur, Malaysia ; 24- 27 September 2017</li> </ul>	<p><b>Innovative Thinking Award</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• SMK Seksyen 9, Shah Alam Selangor</li> </ul> 
6.	<p><b>14th WORLD ROBOT OLYMPIAD (WRO) 2017</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Costa Rica, Amerika Tengah; 10 - 12 November 2017</li> </ul> <p><b>Pasukan Tajaan Sendiri</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 27 murid; 6 guru, 1 pegawai</li> </ul> 	<p><b>Tempat Ke-2 Keseluruhan Pingat Emas</b></p> <p><b>Open Primary School - SJKC Jalan Davidson, KL</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Loh Huey Xi; Tan Ji Tao; Chloe Mak Yu Ying</li> <li>• Jane Ng Ai Vern (Mentor)</li> </ul> <p><b>Pingat Perak</b></p> <p><b>Regular Lower Secondary School - SMK Chung Hua, Miri, Sarawak</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fong Fwu Chrng; Yong Vin Cent; Chai Hong Jie</li> <li>• Denny James Senawin (Mentor)</li> </ul> <p><b>Regular Upper Secondary School - SMK Chung Hua, Miri, Sarawak</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Koo Jin Chu; Moses Lau Yi Hieng; Im Fong Chen</li> <li>• Yong Hong Then (Mentor)</li> </ul>
	<p><b>14th WORLD ROBOT OLYMPIAD (WRO) 2017</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Costa Rica, Amerika Tengah; 10 - 12 November 2017</li> </ul> <p><b>Pasukan Tajaan Sendiri</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 27 murid; 10 guru</li> </ul> 	<p><b>Anugerah Kecemerlangan</b></p> <p><b>Regular Lower Secondary School - SMK (L) Methodist, Kuala Lumpur</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Yap Jiun Cheng; Teo Xian Yiew; Tan Yi Sheng</li> <li>• Maria Anak Basan (Mentor)</li> </ul> <p><b>Regular Upper Secondary School - SMK Tagasan, Sabah</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mohammad Norfirdaus Bin Inarun; Abdul Hakim Bin Yussop</li> <li>• Yussop Bin Jaharun (Mentor)</li> </ul>
		<p><b>Football Gen II - SK Kerteh, Terengganu</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Haris Muhqis bin Abdullah; Nurin Farahiyah bnti Muhamad Zaidi</li> <li>• Raztia Binti Abdul Razak (Mentor)</li> </ul> <p><b>Open Primary School - SJKC PIN HWA 1, Selangor</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Chung Jie; Ryan Chan Jien Yange; Cyrus Tan Yong</li> <li>• Tan Eng Sheng (Mentor)</li> </ul>
7.	<p><b>Intel International Science and Engineering Fair (INTEL ISEF)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Los Angeles, California, USA; 14 - 19 MEI 2017</li> <li>• 8 murid; 3 guru/pegawai</li> </ul> 	<p><b>3rd Place Physical Science Chemistry - Saponin Anti Larvae Treatment-</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Raul Vimal Kumar dan Norman Sim - SMK Penang Free, Pulau Pinang</li> </ul> <p><b>3rd Place Physical Science Chemistry-Caffeine Termiteicide</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Chng Zhan Yi dan Xian Jing - SMJK Chung Ling, Pulau Pinang</li> </ul>



**Ekshibit 4-5: Pencapaian Murid Malaysia dalam Pertandingan Antarabangsa - Bidang Sains, Matematik dan Teknologi (Program Kementerian Pendidikan Bersama-sama Agensi Lain), 2017**

Bil	Program dan Penyertaan	Pencapaian
1.	<p><b>First® Lego® League (FLL) Open European Championship</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Aarhus, Denmark; 25 -28 Mei 2017</li> <li>• 11 murid; 2 guru/mentor</li> <li>• Tajaan Sendiri</li> </ul>	<p><b>Champion Award</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• SMJK Chung Hwa, Jelutong, Pulau Pinang</li> <li>• SMJK Chung Ling, Ayer Hitam, Pulau Pinang</li> <li>• SMJK Phor Tay, Kedah</li> <li>• SMK Bukit Mertajam, Pulau Pinang</li> </ul> 
2.	<p><b>The International Model United Nation - Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) Summer Camp</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Washington DC; 19 Julai - 1 Ogos 2017</li> <li>• 1 murid; 2 guru/pegawai</li> <li>• Tajaan Sendiri</li> </ul>	<p><b>The Most Improved Delegate Award Builders of the Universe Award</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Prevena a/p Ramakrishnan - SMK Sultan Badlishah, Kulim, Kedah</li> </ul> 
3.	<p><b>World Invention Creativity Contest (WICC) 2017</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Seoul, Korea; 28 - 30 Julai 2017</li> <li>• 4 murid; 2 guru/pegawai</li> <li>• Tajaan</li> </ul>	<p><b>The Best Presenting and Outstanding Award (Pingat Emas)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ameerul Shafiq Bin Abdul Manaf;</li> <li>• Khairul Hakimi Bin Mohd Shafie;</li> <li>• Ahmad Afiq Danial Bin Mohd Kamal;</li> <li>• Ahmad Amir Bin Izzat Amran - Sekolah Menengah Imtiaz, Yayasan Terengganu</li> </ul> 
4.	<p><b>World Invention Creativity Contest (WICC) 2017</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Seoul, Korea; 28- 30 Julai 2017</li> <li>• Tajaan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)</li> </ul>	<p><b>Pingat Emas WICC 2017</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Muhammad Danish Syafi Mohd Azdikirana - SK Putra, Perlis</li> </ul> 
5.	<p><b>45th International Exhibition of Invention on Geneva</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Geneva, Switzerland; 29 Mac - 2 April 2017</li> <li>• 2 murid; 1 guru</li> <li>• Tajaan Sendiri</li> </ul>	<p><b>Anugerah Emas</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Syazwan Iskandar Bin Saarl (Tingkatan 2 ) - SMK Badlishah, Kulim Kedah</li> </ul> 
6.	<p><b>Asean Cyberkids Camp</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Manila, Filipina; 18 - 22 Julai 2017</li> <li>• 2 murid; 2 mentor/pegawai</li> <li>• Tajaan Telecommunication and Information Technology Senior Officials Meeting (TELSOM) Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.</li> </ul>	<p><b>Penyertaan Antarabangsa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Shasha Qistina Auni Binti Shahridzuan; Wan Najihah Zahidah Binti Zawawi - SK Putrajaya Presint 11(1), WP Putrajaya</li> </ul> 

Bil	Program dan Penyertaan	Pencapaian
7.	<p><b>Global Summit Week 2017- International Panasonic Kid Witness News (KWN)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Tokyo, Jepun</li> <li>• 01 - 05 Ogos 2017</li> <li>• 3 murid; 2 mentor dan 1 pegawai</li> <li>• Tajaan Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.</li> </ul>	<p><b>Best Storytelling Award Best Video</b></p> <p>Michael Anak Nyamun - SK Long Sepiling , Baram, Marudi, Miri, Sarawak</p> <p>Alex Jong Chia Chuen; James Ling Siew Lung - SMK Batu Lintang, Kuching, Sarawak</p> 
8.	<p><b>Students On Ice (SOI) - Artic Educational Expedition 2017</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Artik; 8 - 23 OGOS 2017</li> </ul>	<p><b>Penyertaan Antarabangsa</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Yusuf Akmal Bin Mohamad Rahijan - SMK Dato` Razali Ismail, Kuala Terengganu</li> <li>• Rosbella Batrisyia Binti Mohamad Saleh - SMK Tengku Mammud, Besut, Terengganu</li> </ul> 
9.	<p><b>11th APRSAF Water Rocket Ewewnt and Poster in conjunction to 23rd Session of The Asia-Pacific Regional Space Agency Forum</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bengaluru, India; 14 - 17 November 2017</li> <li>• 4 orang murid; 2 guru; 1 Pegawai MOSTI</li> <li>• Tajaan MOSTI dan Sekolah</li> </ul>	<p><b>Tempat Ketiga</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Siti Nur Atira Binti Mohd Termizi; Mior Hanip Bin Yunus (Guru) - SMK Batu Sepuluh Lekir, Batu 10 Lekir, Sitiawan, Perak</li> </ul> 
10.	<p><b>International Brain Bee Championship</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Washington DC, USA; 3-8 Ogos 2017</li> <li>• Tajaan Sendiri</li> </ul>	<p><b>Tempat Ketiga</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Elwin Raj - SMK Bintang Utara, Kuala Lumpur</li> </ul>
11.	<p><b>Osaka Robotic Games 2017</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Osaka, Jepun</li> <li>• 25 - 31 Oktober 2017</li> <li>• 2 murid; 2 guru</li> <li>• Tajaan Sendiri</li> </ul>	<p><b>Pingat Emas dan 800 YJ</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mohamad Daniel Adrian B Zainodin - SMK Ibrahim, Sungai Petani, Kedah</li> </ul> <p><b>Pingat Emas dan 600 YJ</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mohammad Hakimi Bin Mouhammad Yazid - SMK Ibrahim, Sungai Petani, Kedah</li> <li>• Guru - En. Mahzan Bin Mohd Mohidin; Pn. Hafizuriah Binti Hashim</li> </ul>
12.	<p><b>International Exhibition for Young Inventors (IEYI) 2017</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Nagoya, Japan; 27 - 29 Julai 2017</li> <li>• Tajaan Sendiri</li> </ul>	<p><b>SJKC Tan Cheng Lock, Subang Jaya, Selangor</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pingat Perak: Macau Special Award - Weight Watcher</b></li> <li>• <b>Pingat Gangsa: Hong Kong Special</b></li> </ul>

Bil	Program dan Penyertaan	Pencapaian
		<p>Award - Security Wrist Band</p> <p><b>SMK Datuk Onn, Butterworth, Penang</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pingat Perak - <i>Super Projector</i></li> <li>• Pingat Perak - <i>Aquasmart</i></li> <li>• Pingat Gangsa - <i>Bioplastic</i></li> </ul> <p><b>SMK Tung Hua, Sibul, Sarawak</b></p> <p>Pingat Gangsa: <i>China Special Award - Hand-Free-Door</i></p> <p>Pingat Perak - <i>Aquasmart</i></p> <p>Hong Kong Special Award - <i>Multi Purpose Screw Driver Pen</i></p> <p><b>SMK Heng Ee, Penang</b></p> <p>Pingat Gangsa - <i>Biodegradable Roof Thermal Insulator; Smart Automotive Access</i></p>
13.	<p><b><i>Kaohsiung International Invention Design Exhibition 2017</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• International Konvention Center, Kaohsiung, Taiwan, China; 8 - 10 December</li> <li>• 10 murid; 4 guru; 1 pegawai</li> <li>• Tajaan Sendiri</li> </ul>	<p><b><i>Pingat Emas dan Anugerah Khas Korean University</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• SM Sains Sains Muhammad Jiwa - Pingat Emas dan Anugerah Khas Indonesia</li> <li>• SMK Ibrahim, Sungai Petani, Kedah 2 Pingat Emas, 1 Perak dan Anugerah Khas</li> <li>• SMA AL MAAD</li> </ul>
14.	<p><b><i>The Land Rover 4X4 In Schools Technology Challenge, World Finals 2017</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Abu Dhabi, UAE; 8-13 Disember 2017</li> <li>• 3 murid lelaki; 3 murid perempuan; 1 guru lelaki</li> </ul>	<p><b>Tempat Kedua Keseluruhan Pertandingan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Verbal Presentation Award.</i></li> <li>• SMK Seri Perling, Johor Bahru (Panthera)</li> </ul>
15.	<p><b><i>The Land Rover 4X4 In Schools Technology Challenge, World Finals 2017</i></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Abu Dhabi, UAE; 8-13 Disember 2017</li> <li>• 4 murid lelaki; 1 murid perempuan; 1 guru lelaki</li> <li>• Tajaan Sendiri</li> </ul>	<p><b>Anugerah Tajaan dan Pemasaran</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• SMK Agama Johor Bahru (Hurricane)</li> </ul>



**Ekshibit 4-6: Penyertaan Murid Malaysia dalam Pasukan Beruniform pada Peringkat Antarabangsa, 2017**

Bil	Program dan Penyertaan	Pencapaian
1.	<b>12th Southern Border Province Scout Jamboree 2017</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pakbang Scout Camp, Thailand; 4-8 April 2017</li> <li>• 250 murid dan 20 guru</li> </ul>	Penyertaan 
2.	<b>Pertukaran Budaya</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Yogyakarta, Indonesia; 25-28 September 2017</li> <li>• 16 murid; 1 guru; 1 pegawai</li> </ul>	Penyertaan





## KEGIATAN KOKURIKULUM MENYERLAHKAN POTENSI MURID PADA PERINGKAT ANTARABANGSA



**The International Mathematics Olympiad (IMO)** merupakan acara penyertaan tahunan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Penyertaan dalam acara ini memberi peluang kepada murid bersaing pada peringkat antarabangsa. Penyertaan murid dalam IMO telah berjaya membantu pihak Kementerian menggalakkan kecemerlangan murid dalam bidang matematik pada peringkat sekolah. Pada tahun 2017, acara ini telah diadakan di Rio de Janeiro, Brazil dari 12-23 Julai 2017. Murid Malaysia telah berjaya meletakkan negara pada kedudukan ke-37 daripada 111 buah negara yang bertanding. Pasukan Malaysia telah dianggotai oleh enam orang murid dan seorang guru pengiring. Seramai 615 orang murid dari pelbagai negara menyertai IMO. Program ini juga dapat membantu menyediakan tenaga kerja yang memiliki kemahiran, kepakaran dan pengetahuan yang tinggi dalam ilmu-ilmu teras dan teknologi bagi kemajuan negara dan abad ke-21 selaras dengan penekanan kepada bidang STEM dan Pendidikan Abad ke-21.

**Ivan Chan Kai Chi (SMJK Phor Tay, Pulau Pinang)** dan **Yeoh Zi Song (SMJK Chung Ling, Pulau Pinang)** telah berjaya meraih dua pingat perak dalam IMO. Dua pingat

gangsa diperoleh **Hanissa Shamsuddin (SMK Putrajaya Presint 18 (1), WP Putrajaya)** dan **Tan Li Xuan (SMK Bandar Utama Damansara (3), WP Kuala Lumpur)**, manakala dua orang murid telah mendapat pengiktirafan atas penyertaan mereka, iaitu **Theam Wing Chun (SMJK Sin Min, Kedah)** dan **Sean Ghee Zhing (SMJK Yok Bin, Melaka)**. Kementerian amat berbangga akan pencapaian pasukan Malaysia yang telah membuktikan bahawa pelibatan dalam aktiviti kokurikulum dapat memperkukuh perkara yang dipelajari di dalam bilik darjah. Malaysia Boleh!



Gambar: Laman sesawang [malaysianstudent.com](http://malaysianstudent.com)



**Program F1 in Schools** telah dijalankan sejak tahun 2005. Program ini menawarkan pembelajaran mata pelajaran berkaitan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM) dan pengaplikasiannya dengan kaedah yang menyeronokkan murid. Program ini mendapat sokongan padu daripada komuniti *Formula One* dengan menyambut kedatangan pelajar secara terbuka dan memberikan ilmu pengetahuan kepada mereka di dalam padok F1 dan juga kilangnya.

*F1 in Schools* merupakan satu-satunya pertandingan pelbagai disiplin yang membolehkan pasukan (pelajar berumur 9 hingga 19 tahun) mereka bentuk kereta mini dan mengoperasikannya. Cabaran yang dihadapi oleh pelajar memberi inspirasi kepada mereka untuk mengaplikasikan pengetahuan fizik, aerodinamik, reka bentuk, pengeluaran, penjenamaan, grafik, penajaan, pemasaran, kepimpinan/kerja berpasukan, kemahiran media dan strategi kewangan, dan mengaplikasikan kesemuanya secara amali, imaginatif, berdaya saing dan menarik. Program ini memberi pendedahan awal berkaitan kemahiran hidup kepada murid seperti merancang, bekerjasama, kemahiran menyelesaikan masalah dan memupuk semangat persaingan yang sangat diperlukan pada peringkat pengajian tinggi dan kerjaya.



Pada tahun 2017, pertandingan **F1 in Schools, World Finals** telah diadakan di Kuala Lumpur pada 24-27 September. Sebanyak 51 pasukan daripada 27 buah negara merangkumi 350 orang pelajar telah menyertai pertandingan ini untuk merangkul gelaran Juara Dunia F1 in Schools 2017 (*F1 in Schools World Champions 2017*). Gelaran ini telah dirangkul oleh pasukan dari negara Australia.

Dalam pertandingan ini, pasukan **Synchro 9, SMK Seksyen 9, Shah Alam, Selangor** dengan sokongan daripada pasukan Renault Sport Formula One telah merangkul anugerah *The Innovative Thinking Award*. Saban tahun negara telah mengungguli beberapa kategori terbaik dunia, antaranya Kategori *Best Woman Motorsport, Best Marketing* dan *Best Sportsmanship*. Penyertaan negara dalam bidang kejuruteraan kereta telah meletakkan murid Malaysia setanding dengan negara-negara lain dunia. Alah bisa tegal biasa. Malaysia teruskan kecemerlangan mu!







## STUDENTS ON ICE (SOI) - ARTIC EDUCATIONAL EXPEDITION 2017

### *The 2017 Arctic Educational Expedition*

telah menghimpunkan seramai 120 orang pelajar sekolah menengah dan universiti dari seluruh dunia untuk melakukan ekspedisi di kawasan Artik Tinggi Kanada dan Greenland Barat. Ekspedisi ini dijalankan oleh Yayasan *Students On Ice* (SOI) yang berpangkalan di Kanada. SOI ditubuhkan dengan mandat untuk mendidik belia di seluruh dunia mengenai kepentingan Wilayah Polar, menyokong pertumbuhannya, dan memberikan inspirasi kepada pembangunan inisiatif yang dapat menyumbang kepada kelestarian global.

Pada tahun 2017, ekspedisi ini telah dijalankan pada 8-3 Ogos di Antartika. Dua orang pelajar telah mewakili Malaysia dalam ekspedisi ini, iaitu **Yusuf Akmal bin Mohamad Rahijan (SMK Dato` Razali Ismail, Kuala Terengganu)** dan **Rosbella Batrisyia binti Mohamad Saleh (SMK Tengku Mammud, Besut, Terengganu)**.

Pelajar didedahkan dengan pelbagai spektrum dialog berkaitan kawasan ekspedisi, antaranya budaya dan seni, sejarah dan politik, sains dan pembangunan lestari, perubahan cuaca dan *glaciology*, ekonomi, tadbir urus dan geopolitik. Kemahiran

berkaitan proses penerokaan, pencarian fakta, analisis, sintesis, refleksi dan penjaanaan idea telah didedahkan oleh pakar-pakar yang dijemput khusus untuk program ini. Pelajar juga dapat menimba pengetahuan daripada pelbagai golongan, antaranya, rakan sebaya, kumpulan dewasa, saintis, pakar, golongan artis, pemuzik, jurufoto, wartawan, dan pemimpin perniagaan. Setiap peserta diberikan bimbingan dalam membangunkan jati diri dan paradigma keupayaan dan peluang sepanjang pengalaman pembelajaran mereka. Penyertaan murid Malaysia dalam ekspedisi telah ditaja oleh Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan (YPASM). Jauh perjalanan, luas pemandangan! Pelibatan pelajar Malaysia dalam program seumpama ini diharapkan dapat membina keyakinan diri dan daya

saing serta menyumbang kepada kelestarian alam sekitar di Malaysia.



Gambar: Facebook Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan





## RUMUSAN

Pemupukan nilai-nilai perpaduan antara kaum kekal menjadi antara agenda utama Kementerian dalam melahirkan insan yang seimbang dan menyeluruh. Kementerian telah melaksanakan beberapa aktiviti ke arah pengukuhan perpaduan, iaitu mengukuhkan kemahiran pemimpin sekolah dalam merangka intervensi perpaduan, menjalinkan kerjasama dengan agensi lain dalam penganjuran aktiviti berteraskan perpaduan, memantapkan pelan hala tuju perpaduan dalam pendidikan untuk memastikan kebolehlaksanaannya

dengan berkesan dan menggalakkan interaksi antara murid pelbagai kaum dalam kem perpaduan. Pembangunan kemahiran insaniah murid diperteguhkan melalui galakan pelibatan dalam pelbagai aktiviti kokurikulum. Kementerian berharap semua pihak berkepentingan dalam pendidikan akan bersama-sama Kementerian dalam meningkatkan nilai-nilai perpaduan antara kaum dan diperteguhkan melalui amalan kehidupan seharian rakyat Malaysia.





VR BOX  
VIRTUAL REALITY HEADSET



# Meningkatkan Kecekapan Penyampaian Pendidikan

“ Kementerian akan memastikan pihaknya mempunyai kebolehan dan keupayaan menyediakan pelbagai jenis dan peringkat sokongan yang sesuai untuk sekolah dan murid. Usaha ini memerlukan transformasi asas dalam organisasi Kementerian bagi membangunkan JPN dan PPD yang lebih rapat dan lebih sesuai dalam memenuhi keperluan khusus sekolah.

”

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, muka surat 6-1*



Penyediaan pendidikan berkualiti bergantung kepada kecekapan dan keberkesanan mekanisme sokongan yang disediakan dalam sistem pendidikan selain daripada guru yang berupaya memberikan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan pemimpin sekolah yang berwawasan. Sistem penyampaian pendidikan di Malaysia sentiasa ditambah baik bagi memastikan sokongan dan bantuan dapat dihulurkan kepada negeri, daerah dan sekolah yang paling memerlukan berdasarkan bajet yang diperuntukkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pada tahun 2017, Kementerian telah berusaha untuk meningkatkan kualiti penyampaian pendidikan melalui pelaksanaan aktiviti yang berikut:

- Mengoptimumkan perbelanjaan untuk memaksimumkan keberhasilan murid
- Meningkatkan keupayaan dan kemahiran kepimpinan dalam Kementerian
- Menambah baik infrastruktur dan penyelenggaraan sekolah
- Mengukuhkan pangkalan data pendidikan bagi menyokong proses membuat keputusan
- Meningkatkan penggunaan pembelajaran secara maya untuk mengoptimumkan keupayaan pembelajaran
- Mengukuhkan ekosistem teknologi maklumat dan komunikasi
- Meningkatkan kecekapan operasi sekolah berenrolmen rendah
- Membangunkan prinsip pembiayaan saksama bagi peruntukan sokongan ke sekolah

## MENGOPTIMUMKAN PERBELANJAAN UNTUK MEMAKSIMUMKAN KEBERHASILAN MURID

Setiap tahun sektor pendidikan merupakan penerima peruntukan terbesar dalam bajet tahunan Kerajaan. Keutamaan yang diberikan

terhadap sektor pendidikan ialah manifestasi Kerajaan untuk melahirkan warganegara yang berpengetahuan dan berkemahiran

menerusi pendidikan berkualiti. Iltizam untuk merealisasikan transformasi pendidikan negara memerlukan perancangan yang rapi dan perbelanjaan berhemah bagi memastikan keberhasilan murid.

Kemelesetan ekonomi global kesan kejatuhan harga petroleum dan kekangan perdagangan global sejak beberapa tahun kebelakangan





ini telah menjejaskan produktiviti dan ekonomi Malaysia. Hal ini secara tidak langsung mendorong kepada penurunan kadar peruntukan yang dapat disalurkan kepada semua kementerian dan agensi kerajaan. Pada tahun 2017, Kementerian Pendidikan (Kementerian) telah

menerima peruntukan sebanyak RM6.9 bilion bagi tujuan bajet operasi (bukan emolumen) berbanding RM7.8 bilion pada tahun 2016. Jumlah tersebut menunjukkan kadar penurunan peruntukan sebanyak 11% (Ekshibit 5-1).

**Eksibit 5-1: Peruntukan Belanjawan Kementerian Pendidikan Malaysia 2016-2017**




Sumber: Bahagian Kewangan (BKew)

Disebabkan penurunan peruntukan untuk bajet operasi (bukan emolumen), peratus peruntukan yang disasarkan untuk penjajaran kepada aktiviti yang mengalami kekurangan peruntukan telah dikaji semula dan ditetapkan. Bagi tahun 2017, sasaran kadar peratus peruntukan yang ditetapkan untuk dijajarkan kepada aktiviti yang mengalami kekurangan peruntukan ialah sebanyak 0.5% daripada cadangan bajet (bukan emolumen) 2018 atau sebanyak RM34.92 juta. Sasaran kadar peratus bagi penjajaran belanjawan untuk program dan aktiviti yang menyokong keberhasilan murid pula ditetapkan

pada 30% daripada RM34.92 juta, iaitu sebanyak RM10.5 juta seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 5-2. Namun begitu, Kementerian telah berjaya melepasi sasaran yang telah ditetapkan bagi penjajaran semula bajet dalam pelaksanaan program berasaskan keberhasilan murid oleh Bahagian-bahagian di Kementerian. Hasil kerjasama antara Bahagian di Kementerian melalui tumpuan khusus kepada pelaksanaan program yang berimpak tinggi ke atas keberhasilan murid, membolehkan Kementerian melepasi sasaran yang ditetapkan untuk penjajaran semula perbelanjaan.

**Ekshibit 5-2: Sasaran dan Prestasi Penjajaran Semula Bajet Operasi (Bukan Emolumen), 2017**



Bagi tahun 2017, peratus penjajaran semula bajet perbelanjaan yang disalurkan untuk program dan aktiviti yang menjurus kepada keberhasilan murid telah mengalami lonjakan sebanyak 308%, iaitu daripada RM10.48 juta kepada RM32.31 juta. Antara aktiviti yang mendapat faedah daripada penjajaran semula bajet adalah seperti berikut:

- i. Aktiviti di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI)
- ii. Bantuan Sukan Sekolah
- iii. Bantuan Bayaran Tambahan Persekolahan
- iv. Bantuan Pakaian Seragam dan Badan Beruniform
- v. Kontrak Makanan Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih (SBJK)
- vi. Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid Asrama
- vii. Bantuan Makanan Asrama

• **Penjimatan Kos**

Disebabkan kekangan Bajet Bukan Emolumen yang agak ketara, pihak Kementerian telah menilai semula perbelanjaan untuk tujuan penjimatan. Satu daripada kategori kos yang dinilai semula pada tahun 2017 ialah kos perkhidmatan. Bagi tujuan ini, sebuah bengkel penambahbaikan skop kontrak (termasuk spesifikasi, syarat dan terma) serta norma penetapan bilangan pekerja bagi perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK). Bengkel ini telah dilaksanakan oleh Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset (BPPA). Penambahbaikan yang dicadangkan telah diluluskan oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan untuk diguna pakai terhadap 50 tender perkhidmatan KBK di bawah Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan berkuat kuasa mulai 1 Jun 2017. Melalui penggunaan norma baharu tersebut, penjimatan yang dibuat sebanyak RM2.51juta telah tercapai.



## MENINGKATKAN KEMAHIRAN DAN KEUPAYAAN KEPIMPINAN DALAM KEMENTERIAN

Kementerian sentiasa teguh dalam usaha menjayakan transformasi pendidikan yang telah dimulakan sejak tahun 2013. Penting untuk Kementerian menyediakan kumpulan pemimpin yang berbakat dan berpotensi untuk memegang jawatan-jawatan utama dan memastikan wujud pemimpin pelapis yang berkualiti untuk menerajui transformasi pendidikan. Barisan kepimpinan utama di Kementerian perlu cekap, berkebolehan dan bermotivasi untuk memperjuangkan perubahan dan memastikan momentum perubahan yang telah dicetuskan kekal berterusan.

Bermula pada tahun 2013 dalam Gelombang 1 Pelan Pembangunan

Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Kementerian telah memulakan pengumpulan data profil kompetensi dalam kalangan pegawai yang berada di jawatan kepimpinan utama dalam Kementerian - Pengarah/ Timbalan Pengarah di Bahagian/ Institusi, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Hal ini merupakan satu daripada komponen utama dalam pelaksanaan Pelan Penggantian Kementerian. Proses ini dilakukan dengan menggunakan instrumen penilaian seperti psikometrik, penilaian kompetensi fungsian dan penilaian kompetensi kepimpinan. Sebanyak 679 orang pegawai peringkat kepimpinan strategik Kementerian telah diprofilkan



bermula dari tahun 2013 sehingga kini. Kumpulan pegawai ini telah menjalani satu program intervensi khusus, iaitu *Accelerated Leadership Development Programme (ALD)* bagi meningkatkan kompetensi dalam aspek kepimpinan.

- **Program Barisan Kepimpinan Utama**

Pada tahun 2017, seramai 52 orang pegawai kanan Kementerian telah menyertai Program Barisan Kepimpinan Utama (BKU) untuk menangani jurang kompetensi yang telah dikenal pasti. Kumpulan ini terdiri daripada Pengarah dan Timbalan Pengarah daripada pelbagai Bahagian/Institusi. BKU merupakan program intervensi yang direka khusus dan dilaksanakan oleh Institut Aminuddin Baki dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM). Program ini merangkumi dua komponen utama,

iaitu Siri Kepimpinan Eksekutif dan Bimbingan Kepemimpinan

- **Komponen 1 BKU : Siri Kepimpinan Eksekutif**

Siri ini merupakan sesi ceramah kepimpinan yang telah diadakan sebanyak empat siri dan disampaikan oleh tokoh-tokoh terkemuka negara yang terbukti mempunyai kecemerlangan kepimpinan dan dapat dijadikan teladan untuk amalan terbaik (Ekshibit 5-3). Kumpulan sasaran yang mendapat manfaat daripada siri ini ialah pegawai kanan yang telah diprofil sejak tahun 2015. Perkongsian pengalaman bersama-sama para tokoh terkemuka ini ternyata telah dapat menyuntik motivasi dan inspirasi kepada barisan kepimpinan di Kementerian untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik demi kejayaan agenda transformasi pendidikan negara



## Ekshibit 5-3: Siri Kepimpinan Eksekutif, 2017

**Datuk Wira Dr. Maznah binti Hamid**  
(Almarhumah)  
Pengerusi Eksekutif  
Kumpulan Securiforce



### *Managing and Leading Organisational Change*

“Orang yang cekal mempunyai keyakinan diri yang tinggi, tidak pernah merasa terancam/terguris dengan perkataan-perkataan dan perbuatan yang remeh.

Seluruh perhatian ditumpukan kepada mencapai matlamat.”

**Tan Sri Jamaludin bin Ibrahim**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Celcom Axiata Berhad



### *Managing Change and Preparing Future Leaders for Industrial Revolution 4.0 Organisational Change*

“Apabila anda merasakan andalah yang terbaik, sila perhatikan sekeliling anda.”

### *Engaging Various General Workforce for Creating Culture of High Performance Organisational Change*

“Cabaran pemimpin utama ialah untuk ke hadapan dengan pembaharuan, idea, sentiasa memperbaiki diri, dan berhati-hati terhadap perangkap budaya yang membelenggu.”



**Professor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Ahmad Bajunif**  
Pengerusi *Malaysian Society for Education Administration and Management (MSEAM)*

### *Leadership Insights*

“Pemimpin yang baik bukan sahaja berkompetensi dan berintegriti, tetapi juga mempunyai kemahiran insaniah seperti hormat-menghormati, tenang, bersederhana dan tidak meninggi diri.”



**Tan Sri Abdul Wahid bin Omar**  
Pengerusi Kumpulan  
PNB

- **Komponen 2 BKU: Bimbingan Kepemimpinan**

Seramai 20 orang pensyarah kanan Institut Aminuddin Baki telah menjalani sesi Latihan Kejurulatihan (*Training The Trainers*) oleh perunding yang dilantik, iaitu *Malaysian Institute of Management* (MIM) melalui Program MIM's *Certified Professional Coach*. Program pentauliah ini bertujuan untuk membangunkan satu kumpulan pensyarah yang bersedia

dan kompeten untuk memberikan sesi bimbingan secara bersemuka kepada para peserta. Sebanyak tiga kali sesi bersemuka antara jurulatih dengan peserta telah diadakan untuk membantu meningkatkan kemahiran kepimpinan, kemahiran pengurusan organisasi dan memperkasakan kemahiran penyelesaian masalah kepimpinan apabila berhadapan situasi kritikal.

## **MENAMBAH BAIK INFRASTRUKTUR DAN PENYELENGGARAAN SEKOLAH**

Dalam memacu aktiviti transformasi pendidikan, Kementerian sentiasa komited dalam usaha memastikan standard infrastruktur asas adalah baik bagi menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kementerian memberi fokus kepada peningkatan dan kesediaan infrastruktur di sekolah serta keperluan kepada kerja-kerja penyelenggaraan termasuk meningkatkan kecekapan pengurusan aset kerajaan. Infrastruktur asas merangkumi bekalan air bersih, pembekalan elektrik sekurang-kurangnya 12 jam, bilik tandas, bilik darjah serta kerusi dan meja yang mencukupi. Pada tahun 2017, Kementerian telah berjaya melaksanakan sebanyak 1,097 projek pembinaan dan naik taraf infrastruktur dengan perbelanjaan sebanyak RM1.096 bilion di bawah peruntukan Perbelanjaan Pembangunan. Projek penyelenggaraan telah dijalankan dengan kos sebanyak RM460.3 juta di bawah peruntukan Belanja Mengurus.

- **Projek NBOS**

Di bawah inisiatif Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*, NBOS), program *My New School*, iaitu program untuk menjadikan sekolah luar bandar sebagai gerbang komuniti yang dimulakan pada tahun 2016 diteruskan. Program ini memberikan tumpuan kepada pembinaan semula sekolah yang telah dikenal pasti dalam keadaan daif dengan menggunakan teknik pembinaan secara pasang siap. Kementerian telah diperuntukkan sebanyak RM330 juta menerusi projek Sekolah Daif yang melibatkan 120 buah sekolah daripada sekolah-sekolah yang disahkan tidak selamat dan rosak teruk. Projek ini dilaksanakan secara kerjasama dengan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Sebanyak 51 buah projek telah berjaya disiapkan, manakala bakinya akan diteruskan pada tahun 2018. Antara cabaran yang dihadapi oleh Kementerian dalam pelaksanaan projek ini ialah mendapatkan



Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan, mengatasi masalah capaian logistik bagi membekalkan keperluan pembinaan kerana lokasi projek di pedalaman serta menghadapi cuaca yang tidak menentu yang memberi kesan kepada kemajuan pelaksanaan projek

tersebut. Namun begitu, pelaksanaan projek secara NBOS telah memberi impak kewangan yang sangat baik kerana pelaksanaannya dapat dibuat dengan kos yang rendah, mempunyai impak yang tinggi dan dilaksanakan secara pantas.

Sebelum	SELEPAS	
<p><b>SK Tanaki, Papar, Sabah</b></p> 	 	
<p><b>SK Pengalat Kecil, Papar, Sabah</b></p> 	 	
<p><b>SK Belatik, Papar Sabah</b></p> 	 	

Sumber: Bahagian Pembangunan Pelajaran (BPP), Unit Pembangunan JPN Sabah & Sarawak



## PROJEK PENAMBAHBAIKAN DAN PENYENGGARAAN SEKOLAH MENGGUNAKAN PERUNTUKAN TABUNG KHAS (PPKHAS) 2017

Pada tahun 2017, Kementerian telah memperuntukkan sejumlah **RM627.66 juta** untuk projek penambahbaikan dan penyenggaraan sekolah dan institusi pendidikan. Peruntukan ini merangkumi peruntukan mengurus sebanyak **RM127.66 juta** dan peruntukan menggunakan tabung khas sebanyak **RM500 juta**. Projek Penambahbaikan dan Penyenggaraan Sekolah Menggunakan Peruntukan Tabung Khas (PPKHAS) 2017 telah diumumkan dalam Ucapan Bajet 2017.

Pelaksanaan PPKHAS 2017 merupakan satu daripada inisiatif berterusan Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menyalurkan peruntukan kepada sekolah yang memerlukan pembaikan dengan kaedah cepat laksana, berimpak tinggi serta melibatkan kos yang rendah. Pelaksanaan penambahbaikan dan

penyenggaraan di bawah PPKHAS 2017 melibatkan sebanyak **7,465 projek dan satu (1) projek tangki air** (merangkumi pecahan 3 zon) di seluruh negara meliputi skop kerja seperti berikut:

- a) Pendawaian elektrik/kerja elektrik
- b) Peralatan pencegahan kebakaran
- c) Rawatan anai-anai
- d) Penambahbaikan pagar sekolah
- e) Menyenggara tangki air di sekolah.

Pelaksanaan PPKHAS 2017 amat berjaya kerana projek ini mampu memberi keselesaan, memanjangkan jangka hayat sekolah sekali gus dapat menghindarkan berlakunya kecelakaan yang boleh meragut nyawa murid, pendidik serta orang awam. PPKHAS 2017 adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk memastikan setiap sekolah/institusi ditambah baik dan diselenggarakan dari semasa ke semasa.







Kerja Pembaikan Pagar di SK Sungai Buaya, Rawang.



Kerja Pembaikan Pagar di SMK Taman Bunga Raya, Rawang



Kerja Pembaikan Pagar di SMK Durian Daun, Melaka



Kerja Penyelenggaraan Elektrik di SK Kompleks Mengabang Telipot, Terengganu



Kerja Pembaikan Pagar di SK Sungai Buaya, Rawang.



Kerja Pembaikan Pagar di SMK Taman Bunga Raya, Rawang




## MENGUKUHKAN PANGKALAN DATA PENDIDIKAN BAGI MENYOKONG PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN

Inisiatif Pembangunan Repositori Data dan Peluasan *Dashboard* merupakan usaha Kementerian untuk mengumpulkan pelbagai data pendidikan yang telah disahkan di satu lokasi. Hal ini akan memudahkan penjana analisis dan laporan serta menyediakan data yang menyeluruh dan sah dengan cekap bagi membantu pihak pengurusan pada semua peringkat pendidikan untuk membuat keputusan bermaklumat


secara tepat berkaitan isu-isu pendidikan. Inisiatif ini selaras dengan hasrat Pelan Strategik ICT Sektor Awam 2016-2020, iaitu “Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Kerajaan Digital Berpacukan Data Analitis” dan “Pembangunan Hab Perkongsian dan Pengurusan Data”. Ekshibit 5-4 menunjukkan gambaran menyeluruh tentang pelaksanaan projek inisiatif yang dicadangkan.

Ekshibit 5-4: Kerangka Pelaksanaan Pembangunan Repositori Data Pendidikan



Kaedah analisis dan visualisasi data perlu seiring dengan keperluan trend semasa teknologi terutama dalam membantu pihak pengurusan Kementerian membuat keputusan yang bermaklumat, tepat dan berkesan. Pada tahun 2017, *Dashboard* Kementerian yang mempunyai keupayaan untuk menghasilkan paparan interaktif

dan analisis secara visual yang lebih bermakna telah berjaya dibangunkan. Maklumat dan data di dalam *Dashboard* ini juga dapat diakses melalui peranti mudah alih. Hal ini memudahkan data dicapai, dianalisis dan dibentang kepada pihak berkepentingan serta memudahkan proses membuat keputusan.



Contoh Paparan Dashboard KPM

Bagi memastikan *Dashboard* Kementerian dapat digunakan oleh kumpulan sasar, beberapa siri bengkel telah diadakan di semua enam buah zon di seluruh negara yang melibatkan wakil daripada semua PPD dan JPN serta Bahagian di

Kementerian. (Ekshibit 5-5) Pada Disember 2017, Repositori Data Pendidikan dan *Dashboard* KPM telah dibangunkan sepenuhnya dan diserahkan kepada Kementerian untuk dioperasi dan diuruskan.

**Ekshibit 5-5: Bengkel *Dashboard* Mengikut Zon, 2017**

Tarikh Pelaksanaan Bengkel	Zon	Bilangan Peserta
<b>8-10 November 2017</b>	<b>Zon Timur</b>	<b>32</b>
	<b>Zon Tengah</b>	<b>26</b>
<b>13-15 November 2017</b>	<b>Zon Utara</b>	<b>16</b>
	<b>Zon Selatan</b>	<b>28</b>
<b>20-22 November 2017</b>	<b>Zon Sabah</b>	<b>31</b>
	<b>Zon Sarawak</b>	<b>32</b>



**Bengkel Kerja Penggunaan *Dashboard* untuk JPN dan PPD Sabah**



**Bengkel Kerja Penggunaan *Dashboard* KPM Bersama-Sama Wakil Bahagian KPM**



**Pembentangan Pelaporan Maklumat Asas Pendidikan Menggunakan Perisian *Dashboard* kepada YB Menteri Pendidikan**

## MENINGKATKAN PENGGUNAAN PEMBELAJARAN SECARA MAYA UNTUK MENGOPTIMUMKAN KEUPAYAAN

Kementerian sentiasa berusaha untuk merapatkan jurang pencapaian antara murid di bandar dengan luar bandar sama ada daripada segi akademik, gender, sosioekonomi, mahupun infrastruktur dan infostruktur. Projek 1BestariNet merupakan inisiatif berterusan Kementerian bertujuan untuk mentransformasikan platform pendidikan Malaysia supaya murid dapat belajar di mana-mana sahaja dengan menyediakan pendidikan berasaskan internet yang berkualiti.

- **Penyediaan Jalur Lebar Untuk Mengoptimumkan Kualiti Pembelajaran**

Fasa 2 1BestariNet berada dalam tahun kedua pelaksanaannya

pada tahun 2017. Sekolah-sekolah disediakan dengan jalur lebar yang lebih baik. Jalur lebar ini disediakan terus ke makmal sekolah, bilik guru dan pejabat sekolah untuk memudahkan pengajaran dan pembelajaran serta proses pengurusan dan pentadbiran. Saiz sekolah dan bilangan makmal komputer telah dijadikan asas untuk mengukur kelajuan jalur lebar yang dibekalkan. Sekolah yang mempunyai sebuah makmal komputer disediakan dengan jalur lebar berkelajuan 6Mbps. Sekolah yang mempunyai dua buah makmal komputer dibekalkan dengan 10Mbps, manakala sekolah dengan tiga buah makmal komputer dibekalkan dengan kelajuan



15Mbps. Tumpuan utama dalam Fasa 2 adalah untuk meningkatkan kelajuan jalur lebar di semua sekolah dengan 4G. Sekolah bukan-4G akan terus diprofilkan untuk program peningkatan capaian 4G pada masa akan datang. Pembekalan perkhidmatan jalur lebar yang lebih baik ke sekolah diharapkan dapat dimanfaatkan oleh guru dan murid untuk merencanakan penggunaan persekitaran pembelajaran maya (*Virtual Learning Environment*, VLE) ke arah pendidikan yang lebih menarik.

Sehingga Disember 2017, sejumlah 9,459 buah sekolah telah dihubungkan dengan 1BestariNet; 7,696 dengan jalur lebar berkelajuan tinggi 4G dan 1,763 dengan sambungan *Asymmetric Digital Subscriber Line* (ADSL) atau *Very Small Aperture Terminal* (VSAT). Menjelang akhir Fasa 2 pada Jun 2019, diharapkan 9,732 buah sekolah dihubungkan dengan 1BestariNet, manakala 8,185 buah sekolah disediakan dengan teknologi 4G.

Selain menyediakan jalur lebar ke sekolah, setiap guru yang mendapat akses 4G juga disediakan dengan pelan data 2GB bulanan bagi menyokong sesi pengajaran dan pembelajaran mereka serta tugas pengurusan dan pentadbiran. Dalam usaha untuk meningkatkan pengalaman pengguna di sekolah dengan sambungan ADSL dan VSAT serta memastikan penggunaan VLE yang lebih baik, Fasa 2 1BestariNet turut memperkenalkan peranti *Frog Appliance*. Peranti ini menyediakan akses kepada kandungan yang ditempatkan secara tempatan (intranet) tanpa perlu mengakses VLE melalui talian internet.

### • Penggunaan Persekitaran Pembelajaran Maya (VLE)

Penggunaan VLE yang berfungsi sebagai penggerak ke arah transformasi sistem pendidikan di Malaysia merupakan sebuah platform pembelajaran dalam talian yang bercirikan fleksibiliti dan mobiliti. Laman pembelajaran, saluran komunikasi dan sumber pendidikan terbuka mudah dicapai melalui VLE yang mempunyai kepelbagaian fungsi mengikut keperluan individu.

Penggunaan VLE oleh murid dan guru telah menyaksikan peningkatan yang ketara dari tahun sebelumnya. Kementerian melalui Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) dan Pusat Kegiatan Guru (PKG) secara berterusan memberikan sokongan dan latihan kepada guru untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam mereka cipta bahan VLE yang lebih menarik.

Antara aktiviti yang telah dijalankan dalam usaha meningkatkan penggunaan VLE adalah seperti berikut:

- i. Bengkel Kerja Pembangunan Laman Pembelajaran untuk melengkapkan kemahiran guru dalam membangun dan memuat naik laman pembelajaran yang berkualiti, terancang dan bersesuaian. Bengkel dijalankan di seluruh negara.
- ii. Program Khidmat Bantu Susulan untuk memberi bimbingan secara berterusan bagi menambah pengetahuan dan kemahiran guru untuk membangunkan laman pembelajaran. Program dilaksanakan di 10 buah negeri.
- iii. Program Perkongsian Amalan Terbaik: *Powerful Learning*,

*Awesome Teaching, Optimistic (PLATO) 2017* diadakan sebagai kesinambungan pada Bengkel Kerja Pembangunan Laman Pembelajaran. Program ini juga diadakan untuk memberi penghargaan kepada sekolah-sekolah di seluruh negara yang telah menunjukkan peningkatan prestasi penggunaan VLE.



Program Perkongsian Amalan Terbaik



Bengkel Pembangunan Laman Pembelajaran di Perak




Program Khidmat Bantu Susulan di SK Permas Jaya Johor

Pada tahun 2017, formula pengiraan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator, KPI*) untuk penggunaan VLE telah ditambah baik daripada pengiraan berasaskan log masuk kumulatif kepada pengiraan log masuk berdasarkan pengguna unik. Penggunaan formula baharu ini dilihat lebih tepat dan dapat menggambarkan bilangan sebenar murid yang menggunakan VLE pada setiap bulan.

Tahun 2017 juga menyaksikan pencapaian KPI melebihi sasaran yang ditetapkan kerana lebih ramai guru dan murid menggunakan VLE. Secara purata, sebanyak 865,738 orang murid telah menggunakan VLE setiap bulan. Pencapaian ini ialah 31% lebih tinggi berbanding sasaran 660,000 orang murid. Pencapaian purata penggunaan VLE pada tahun 2017 meningkat sebanyak 53% berbanding tahun 2016 (Ekshibit 5-6). Pencapaian tinggi ini telah mendorong semua pihak yang terlibat untuk meningkatkan usaha untuk memupuk sikap positif dalam penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran untuk mencapai prestasi penggunaan VLE yang lebih baik pada tahun 2018.

Kementerian juga telah berjaya menilai sebanyak 9,649 laman pembelajaran yang boleh diakses di *Frogstore* sehingga 31 Disember 2017. Jumlah penilaian ini jauh lebih tinggi berbanding sasaran penilaian 7,800 laman pembelajaran yang ditetapkan.

**Ekshibit 5-6: Perbandingan Pencapaian Penggunaan VLE pada tahun 2016 dan 2017**





# FAHAM, TAHU DAN PRAKTIK: PEMIMPIN SEKOLAH PENGGERAK PENGUNAAN PERSEKITARAN PEMBELAJARAN MAYA



**Puan Hajah Sabariah binti Haji Hassan** merupakan **pengetua di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ulu Tiram, Johor**. Beliau dilantik pada bulan Mac 2017 dan beriltizam untuk menyelesaikan isu pencapaian sekolah dalam penggunaan *Frog VLE* yang berada pada 0% pada ketika itu. Beliau memahami bahawa murid tertarik apabila teknologi digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pn. Hajah Sabariah berazam untuk mencetuskan dan seterusnya menyemarakkan minat guru dan murid dalam penggunaan *Frog VLE*.

Pn. Hajah Sabariah mengenal pasti enam masalah utama yang mengekang penggunaan *Frog VLE* dalam kalangan guru, iaitu guru kurang ilmu mengenai *Frog VLE* peralatan makmal komputer tidak mencukupi, capaian internet tidak dapat menampung jumlah pengguna, peralatan sokongan seperti LCD projektor tidak mencukupi, keadaan makmal komputer sekolah yang tidak terurus, dan guru kurang yakin untuk menggunakan *Frog VLE*. Pn. Hajah Sabariah kemudiannya merangka beberapa strategi untuk penyelesaian segera bagi menggalakkan guru menggunakan *Frog VLE* seperti berikut:

- menjelaskan kepada guru mengenai kepentingan penggunaan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran dalam mesyuarat
- mengadakan perbincangan dengan semua guru Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) tentang pengagihan tugas untuk menggalakkan penggunaan *Frog VLE*
- melengkapkan peralatan sokongan TMK yang diperlukan

- meminjam *netbook* daripada Pusat Kegiatan Guru Pasir Gudang bagi mengatasi masalah kekurangan komputer di sekolah
- mengadakan latihan dalam perkhidmatan tentang penggunaan *Frog VLE*
- menjadualkan penggunaan pelantar *Frog VLE* dan makmal komputer kepada semua guru bagi tujuan pengajaran.

Hasilnya, dalam tempoh yang amat singkat, iaitu pada bulan April 2017, SMK Ulu Tiram telah mendapat pengiktirafan Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Johor bagi sekolah yang mencapai KPI dan pengurusan terbaik untuk *Frog VLE*. Daripada kedudukan terbawah di daerah Pasir Gudang, iaitu tempat ke-36, SMK Ulu Tiram meningkat kepada kedudukan ke-20, seterusnya ke-3 dan akhirnya menduduki tempat pertama untuk sekolah yang tinggi penggunaan *Frog VLE* pada setiap minggu. Sekolah ini juga turut mencapai kedudukan pertama pada peringkat negeri Johor dari segi bilangan log masuk murid. Sekolah ini turut menduduki tangga ke-10 sekolah terbaik log masuk *VLE* pada peringkat kebangsaan.

**Puan Hajah Sabariah binti Haji Hassan**  
Pengetua, SMK Ulu Tiram Johor



Sila imbas kod ini  
untuk menonton  
video



## MENGUKUHKAN EKOSISTEM TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communications Technology, ICT*) merupakan pengupaya kritikal untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian Kementerian sama ada bagi tujuan pengurusan dan pentadbiran mahupun pengajaran dan pembelajaran. Kementerian menyediakan peruntukan tahunan yang besar bagi melaksanakan inisiatif berasaskan ICT merangkumi penyediaan pelbagai infrastruktur seperti rangkaian, perkakasan, peralatan, keselamatan dan pembangunan sistem aplikasi. Pelbagai sistem aplikasi dibangunkan secara dalaman dan khidmat luar yang dihoskan di Pusat Data Enstek dan Pusat Data Kompleks E,

Putrajaya. Pengguna sistem aplikasi ini terdiri daripada semua kakitangan agensi di bawah Kementerian dan pihak awam.

Struktur organisasi Kementerian sangat besar merangkumi 36 Bahagian, 16 JPN, 142 PPD, 27 buah Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK), 15 buah kolej matrikulasi, lima buah kampus Institut Aminuddin Baki (IAB), dan 10,196 buah sekolah. Bilangan institusi yang besar ini menyumbang kepada peningkatan isu keberkesanan landskap ICT semasa yang berkait rapat dengan teknologi, keupayaan, kompetensi serta infrastruktur.

### Ekshibit 5-7: Isu Semasa Berkaitan ICT di Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017



Sumber: Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP)



Antara isu yang dikenal pasti (Ekshibit 5-7) adalah seperti berikut:

**i. Pelaksanaan projek secara runcit**

Kebanyakan perancangan projek berkaitan ICT dibuat secara runcit menyebabkan pelaksanaannya dibuat secara tidak menyeluruh, kurang strategik dan kurang keberkesanan kos. Dalam tempoh jangka panjang, pendekatan sebegini telah menimbulkan banyak masalah, khususnya daripada aspek penyelenggaraan perkakasan, perisian dan peralatan ICT.

**ii. Teknologi terkini tidak dimanfaatkan sepenuhnya**

Pelbagai teknologi dan trend ICT terkini di pasaran tidak diperolehi untuk dimanfaatkan sepenuhnya di Kementerian. Teknologi ICT terkini boleh digunakan dalam membantu menyelesaikan masalah pembangunan dan penyelenggaraan sistem dengan lebih cekap dan efektif.

**iii. Pembangunan sistem secara silo**

Kebanyakan pembangunan sistem dilakukan bagi memenuhi tugas operasi pelbagai pihak dalam Kementerian pada pelbagai peringkat pendidikan. Pelbagai jenis sistem dan aplikasi yang berbeza dibangunkan bagi memenuhi tuntutan operasi tersendiri oleh Bahagian/JPN/PPD/sekolah tanpa mengambil kira ketersediaan sistem dan aplikasi yang wujud serta keterkaitan pelbagai pangkalan data. Pembangunan sistem,

kebiasaannya, dilakukan tanpa rangka kerja yang piawai.

**iv. Pertindihan fungsi antara aplikasi**

Ekoran daripada pembangunan sistem secara silo, pertindihan fungsi antara aplikasi berlaku dan memberi kesan kepada pengguna akhir. Hal ini membebankan pengguna, khususnya daripada segi kemasukan dan pencarian data dan maklumat. Walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian semenjak beberapa tahun lepas untuk mengintegrasikan pelbagai sistem sedia ada, langkah tersebut belum memberi kesan yang ketara memandangkan jumlah aplikasi yang beroperasi secara silo terlalu banyak.

**v. Penyelenggaraan dan operasi sukar dilaksanakan**

Penggunaan terlalu banyak sistem aplikasi yang tidak bersepadu menyukarkan tugas penyelenggaraan dan kerja operasi. Kos pembaikan dan penyelenggaraan menjadi tinggi apabila timbul isu berkaitan ICT.

**vi. Kurang kepakaran atau kompetensi**

Kurang pendedahan dan pengalaman kepada teknologi, trend terkini dan amalan terbaik berkaitan ICT menyebabkan pegawai di Kementerian tidak dapat memberikan penyelesaian yang menyeluruh dan muktamad terhadap isu berkaitan ICT.

## Kajian Transformasi ICT

Bagi menangani isu-isu berkaitan ICT, Kementerian telah melaksanakan satu kajian yang menyeluruh untuk mengenal pasti jurang ICT yang wujud. Kajian Transformasi ICT Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ini dijalankan pada tahun 2017. Kajian ini bertujuan untuk menyediakan sistem penyampaian

perkhidmatan pendidikan yang lebih cekap, berkesan dan berkeupayaan tinggi serta merealisasikan visi Kementerian dan hasrat yang terkandung dalam PPPM berkaitan ICT, agenda Kerajaan Digital di bawah RMKe-11, dan Pelan Strategik Sektor Awam. Rasional pelaksanaan Kajian ini ditunjukkan dalam Ekshibit 5-8.

Ekshibit 5-8: Rasional Projek Kajian Transformasi ICT KPM



Sumber: Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM), 2017

Kajian ini akan menyumbang kepada pembangunan Pelan Strategik ICT yang sesuai dengan landskap Kementerian bagi tempoh lima tahun meliputi:

- i. Kajian Landskap Semasa ICT;
- ii. Kajian Peluang Penambahbaikan dalam ICT;
- iii. Kajian Jurang ICT yang Wujud; dan
- iv. Pelan Transformasi ICT KPM (2018-2022)

Antara faedah yang dijangka dapat diperoleh daripada kajian ini adalah seperti yang berikut:

- i. Mendapat gambaran landskap ICT KPM yang lebih holistik
- ii. Melaksanakan perancangan strategi ICT yang lebih terancang.
- iii. Membantu pihak berkepentingan membuat keputusan bermaklumat dengan lebih mudah.
- iv. Meningkatkan kecekapan operasi bisnes dan pengurusan ICT dalam Kementerian



- v. Mewujudkan model/rangka kerja sistem penyampaian pendidikan yang berintegrasi, *seamless*, efisien dan selamat.
- vi. Mendapat peluang mengeksploitasi teknologi/trend ICT terkini yang relevan dan memberi nilai tambah kepada Kementerian.
- vii. Meminimumkan pertindihan sistem aplikasi dan data.
- viii. Memudahkan proses penyelenggaraan sistem/aplikasi.
- ix. Mengoptimumkan penggunaan sumber dan keupayaan yang terhad.
- x. Meningkatkan keselamatan siber dalam Kementerian.




## Kajian Transformasi ICT KPM

### FAEDAH PROJEK



### Skop Kajian Pengupayaan Persekitaran



Skop Kajian Pengupaya Persekitaran adalah bagi mengenal pasti faktor-faktor dalam persekitaran sedia ada yang menyokong atau menghalang pelaksanaan transformasi ICT

di Kementerian. Cadangan penambahbaikan yang sesuai untuk merealisasikan saranan yang dibuat di dalam Pelan Transformasi ICT KPM merangkumi piawaian, akta, dasar,

prosedur, garis panduan dan lain-lain. Projek kajian ini melibatkan tiga fasa dan tiga hasil utama (Ekshibit 5-9), iaitu:

### Fasa 1: Penilaian

Proses pengumpulan maklumat melalui sesi temu ramah, perbincangan kumpulan fokus dan kaji selidik dalam talian melibatkan pihak pengurusan tertinggi Kementerian, Bahagian, JPN, PPD dan sekolah. Keberhasilan utama ialah dokumen Laporan Landskap Semasa ICT KPM.

### Fasa 2: Pembangunan

Proses merangka dan membangunkan kerangka kerja


dan reka bentuk landskap ICT KPM, mengenal pasti jurang yang perlu ditangani serta mencadangkan inisiatif ICT untuk mencapai aspirasi mentransformasikan ICT di Kementerian.

### Fasa 3: Reka bentuk

Proses yang dihasilkan daripada Fasa 2: Pembangunan menjadi asas dalam menghasilkan Pelan Transformasi ICT KPM berdasarkan keupayaan digital, reka bentuk ICT dan amalan baik pengurusan dan operasi ICT. Keberhasilan utama ialah Pelan Transformasi ICT KPM (2018-2022) dan Spesifikasi Teknikal dan Fungsian Inisiatif Utama.

## Ekshibit 5-9: Fasa 1 - Kajian Transformasi ICT KPM, 2017

### Perjalanan Projek Pelaksanaan Kajian Pelan Transformasi ICT KPM - Fasa 1





Majlis Pelancaran *Kick-off* oleh YBhg. Dato' Sri Alias bin Hj. Ahmad (KSU)



Sesi Lawatan dan aktiviti temu bual di PPD Hulu Terengganu



Bengkel Validasi Fasa 1

Fasa 1 projek kajian ini telah berakhir pada November 2017 dan telah berjaya menghasilkan dokumen Laporan Landskap Semasa ICT KPM. Laporan ini menunjukkan tahap kesediaan Kementerian dalam melaksanakan transformasi ICT. Dapatan laporan ini akan menjadi

asas dan input dalam Fasa 2 dan 3, iaitu penghasilan dokumen Pelan Transformasi ICT KPM dan Spesifikasi Teknikal dan Fungsian Inisiatif Utama dengan keupayaan digital dan reka bentuk sistem berdasarkan amalan terbaik.





## MENINGKATKAN KECEKAPAN OPERASI SEKOLAH BERENROLMEN RENDAH

Sekolah berenrolmen rendah atau sekolah kurang murid (SKM) ialah sekolah rendah dengan bilangan murid seramai 150 atau kurang dari Tahun 1 hingga Tahun 6. Pelaksanaan Pelan Hala Tuju SKM diharap dapat memastikan kualiti sekolah secara keseluruhan dapat ditingkatkan, khususnya keberhasilan murid selain mengoptimumkan operasi sekolah.

Anggaran perbelanjaan mengoperasi SKM adalah sangat tinggi, iaitu purata kos per murid setahun ialah RM67,130.65 berbanding hanya RM5,321.84 per murid bagi sekolah dengan enrolmen 151 dan ke atas. Ekshibit 5-10 di bawah menunjukkan bilangan sekolah rendah yang berenrolmen 150 dan ke bawah pada tahun 2017.

**Ekshibit 5-10: Bilangan Sekolah Rendah yang Berenrolmen 150 dan ke Bawah, 2017**

No	JENIS SEKOLAH	BILANGAN SEKOLAH BERENROLMEN 150 DAN KE BAWAH	JUMLAH SEKOLAH	PERATUS
1	Sekolah Kebangsaan (SK)	2,074	5,786	36%
2	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC)	594	1,298	46%
3	Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)	364	524	69%
<b>JUMLAH</b>		<b>3,032</b>	<b>7,608</b>	<b>40%</b>

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)  
Data seperti pada 31 Oktober 2017

Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Pendidikan Bilangan 213/2017 yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Mac 2017 telah memutuskan agar

strategi dalam Pelan Hala Tuju SKM dilaksanakan. Strategi pelaksanaan melibatkan strategi jangka pendek (kurang daripada 1 tahun) dan jangka panjang (melebihi 1 tahun).



Taklimat Kelas Bercantum kepada Guru Besar, SIPartner+, JPN dan PPD



Kursus Pedagogi Kelas Bercantum kepada Guru, SISC+, JPN dan PPD


### Pelan Hala Tuju SKM: Strategi Jangka Pendek

Kelas bercantum merupakan satu daripada strategi jangka pendek yang akan dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2018, khususnya, bagi SKM dengan enrolmen 30 dan ke bawah. Pelaksanaan kelas bercantum ini hanya melibatkan cantuman kelas Tahun 2 dengan Tahun 3, dan Tahun 4 dengan Tahun 5, manakala pengajaran bagi Tahun 1 dan Tahun 6 adalah seperti biasa.

Dapatan kajian rintis menunjukkan bahawa terdapat keperluan untuk

melengkapkan guru dan pentadbir sekolah dengan kemahiran pedagogi dan kepimpinan yang relevan untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran pelbagai gred, khusus untuk kelas bercantum. Bagi memenuhi keperluan tersebut, sebanyak 13 siri latihan diberikan kepada kumpulan sasaran, iaitu guru, pegawai SISC+, JPN dan PPD pada tahun 2017. Sejumlah 7 siri penataran turut dilaksanakan kepada pemimpin sekolah di 393 buah SKM bersama-sama pegawai SIPartner+, JPN dan PPD (Ekshibit 5-11).

**Ekshibit 5-11: Bilangan Sekolah Rendah dengan Enrolmen 30 dan ke Bawah Mengikut Negeri, 2017**



Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP)  
Data seperti pada Disember 2017

Untuk melancarkan pelaksanaan kelas bercantum, Kementerian turut menyediakan pemetaan kurikulum khusus yang mengandungi mata pelajaran sekolah rendah KSSR dan KSSR Semakan. Garis panduan dan modul pengajaran termasuk Rancangan Pengajaran Harian (RPH) turut disediakan untuk membantu

guru dan pentadbir. Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2017 juga telah dikeluarkan pada 12 Disember 2017 untuk memaklumkan Garis Panduan Pelaksanaan Kelas Bercantum dengan Pengajaran dan Pembelajaran Pelbagai Gred sebagai arahan pelaksanaan kelas bercantum

di sekolah-sekolah seluruh negara. Segala bentuk latihan, sokongan dan garis panduan yang diberikan oleh Kementerian adalah untuk memastikan kelancaran pelaksanaan kelas bercantum pada tahun 2018.

Kementerian juga telah melaksanakan semakan semula norma kontrak keselamatan dan kebersihan untuk SKM. Norma pengawal keselamatan bagi kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan di SKM ditetapkan pada bilangan yang paling minimum, iaitu seorang pengawal pada syif siang dan seorang pengawal pada syif malam. Bagi memastikan kerja-kerja pembersihan di SKM berada pada tahap optimum, norma bilangan pekerja pembersihan bagi kontrak kebersihan bangunan dan kawasan di SKM ditetapkan kepada dua orang pekerja dan diguna pakai bagi kontrak mulai 1 Jun 2017.

### **Pelan Hala Tuju SKM: Strategi Jangka Panjang**

Penggabungan sekolah merupakan satu daripada strategi jangka panjang untuk SKM. Antara kriteria utama penggabungan sekolah ialah sekolah sama aliran, lokasi sekolah berada dalam lingkungan 5 km radius dari

sekolah yang akan digabungkan, dan implikasi penambahan bilik darjah atau perjawatan tidak wujud. Usaha menggabungkan SKM akan dibuat mengikut keperluan kes demi kes dan berdasarkan hasil perbincangan serta persetujuan sepenuhnya daripada ibu bapa sekolah tersebut.

Sebagai permulaan, sekolah yang diberi keutamaan untuk penggabungan ialah sekolah yang menumpang dan berkongsi kemudahan bangunan dan lain-lain. Untuk fasa pertama, penggabungan telah berjaya dilaksanakan bermula pada 13 Jun 2017 melibatkan lima buah SKM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, iaitu:

- SK Jalan Pasar 1 (42 orang murid) digabungkan dengan SK Jalan Pasar 2 (84 orang murid), dan SK (L) Jalan Pasar 2 (18 orang murid). SK Jalan Pasar 1 menjadi sekolah induk.
- SK Dato Abu Bakar (46 orang murid) digabungkan dengan SK (L) Jalan Pasar 1 (56 orang murid). SK Dato Abu Bakar menjadi sekolah induk.

Proses pemberhentian operasi/ pembatalan pendaftaran sekolah bukan induk akan dilaksanakan.





Bagi SKM yang tidak berpotensi untuk digabungkan, tetapi mempunyai enrolmen yang amat rendah atau mengalami penurunan enrolmen secara konsisten, sekolah terbabit diberi pilihan untuk terlibat dengan perpindahan atau penempatan semula ke kawasan baharu yang telah dikenal pasti berpotensi untuk berlakunya peningkatan enrolmen. SKM yang didapati tidak memenuhi kriteria penggabungan dan penempatan semula (contoh: sekolah di pulau atau kawasan terpencil) akan dikekalkan di lokasi sedia ada bagi menjamin kelangsungan akses pendidikan kepada anak-anak di kawasan setempat tersebut.

### Cabaran Pelaksanaan Pelan Hala Tuju SKM

Kementerian menghadapi beberapa cabaran dalam melaksanakan kelas

bercantum dan penggabungan. Cabaran utama yang dihadapi dalam pelaksanaan kelas bercantum ialah salah tanggapan ibu bapa bahawa kelas bercantum akan menjejaskan prestasi akademik anak-anak mereka. Hal ini telah dapat ditangani oleh Kementerian melalui penerangan daripada dapatan Laporan Awal Kajian Kebolehlaksanaan Kelas Bercantum dan Pengajaran Pelbagai Gred di Sekolah Berenrolmen 50 Ke Bawah pada tahun 2016. Laporan ini mendapati bahawa murid lebih bersemangat untuk hadir ke sekolah dan belajar. Dapatan kajian juga menunjukkan pelaksanaan kelas bercantum telah berupaya meningkatkan persaingan antara murid dan pelbagai aktiviti menarik dapat dilakukan di dalam kelas dengan bilangan murid yang lebih banyak berbanding kelas kecil sebelum ini.




Pelibatan menyeluruh pada peringkat Kementerian untuk melaksanakan inisiatif SKM

Pelaksanaan penggabungan sekolah mempunyai beberapa cabaran yang tersendiri. Cabaran utama ialah meyakinkan ibu bapa dan komuniti setempat tentang kebaikan strategi ini dan mendapatkan persetujuan mereka. Kebimbangan komuniti tertumpu kepada hilangnya identiti kampung setempat dan bukannya manfaat yang akan diperolehi oleh anak-anak mereka melalui usaha penggabungan sekolah. Kementerian juga perlu menangani isu penyediaan kemudahan pengangkutan ke sekolah baharu bersama-sama pihak komuniti. Kebanyakan SKM terletak di kawasan komuniti yang berpendapatan rendah menyebabkan ibu bapa tidak berkemampuan untuk menampung kenaikan kos pengangkutan apabila anak-anak terpaksa bersekolah di sekolah baharu yang menjadi sekolah induk. Hal-hal lain yang dibangkitkan

ialah keperluan kemudahan asrama kepada murid yang tinggal jauh dari sekolah induk.

Peruntukan kewangan untuk menaik taraf dan menyelenggarakan kemudahan infrastruktur sekolah juga merupakan cabaran bagi melaksanakan penggabungan sekolah. Penyediaan kemudahan infrastruktur dan prasarana yang baik dan selesa di sekolah induk amat perlu bagi membolehkan sekolah tersebut memberikan suasana pembelajaran yang lebih kondusif kepada murid berbanding sekolah sebelumnya. Kebanyakan SKM, khususnya di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak, merupakan sekolah daif yang memerlukan peruntukan baik pulih dan penyelenggaraan yang tinggi.







## PENGGABUNGAN SEKOLAH KURANG MURID MENINGKATKAN DAYA SAING MURID



Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa berusaha untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian pendidikan dan mengoptimalkan penggunaan sumber pendidikan. Penggunaan sumber pendidikan secara optimum akan memberi manfaat kepada peningkatan prestasi murid selain dapat mengoptimalkan operasi sekolah dan mengurangkan kos perbelanjaan pendidikan.

Pada tahun 2017, terdapat sebanyak 3,032 sekolah rendah yang dikategorikan sebagai sekolah kurang murid (SKM). SKM ialah sekolah rendah dengan bilangan murid seramai 150 atau kurang dari Tahun 1 hingga Tahun 6. Antara sekolah dalam kategori SKM ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Dato' Abu Bakar, Kuala Lumpur (46 orang murid) dan SK (L) Jalan Pasar 1, Kuala Lumpur (56 orang murid). Masalah kekurangan murid di kedua-dua sekolah ini telah berlanjutan selama beberapa tahun. Menyedari hakikat bahawa murid daripada kedua-dua sekolah akan mendapat lebih faedah sumber pendidikan disatukan, pada bulan Jun 2017, SK Dato' Abu Bakar dan SK (L) Jalan Pasar 1 telah digabungkan. SK Dato Abu Bakar telah dijadikan sekolah induk.

Walaupun pada awalnya murid dan guru agak kekok kerana terpaksa bergabung, lama-kelamaan mereka dapat melihat hasil positif daripada usaha tersebut. Murid dapat menjalankan pembelajaran secara kumpulan dengan lebih baik, manakala



pelbagai aktiviti dapat dijalankan dengan lebih lancar seperti temasya sukan, pemuafakan ibu bapa dan memudahkan pembelajaran di dalam kelas.

Penggabungan sekolah juga memberikan hasil positif apabila SK Jalan Pasar 1 yang dahulunya sukar untuk terlibat dalam pelbagai acara telah dapat membentuk pasukan bola sepak, bola jaring dan pasukan kompang untuk menyertai pertandingan berkaitan. Aktiviti kokurikulum dapat dirancahkan untuk mengasah bakat dan minat murid selain memantapkan pencapaian akademik.

Untuk melihat hasil positif penggabungan sekolah-sekolah ini, **silalah imbas kod ini untuk menonton video.**





## MEMBANGUNKAN PRINSIP PEMBIAYAAN SAKSAMA BAGI PERUNTUKAN SOKONGAN KEPADA SEKOLAH

Kementerian sedang berusaha untuk membangunkan dan melaksanakan prinsip asas yang telus dan saksama dalam pengagihan peruntukan kewangan dan sokongan lain kepada semua jenis sekolah melalui pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Prinsip ini akan diselaraskan dengan Aspirasi Sistem, iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan, dan kecekapan. Selaras dengan prinsip ekuiti, sekolah-sekolah yang menghadapi lebih cabaran dan paling memerlukan daripada sekolah lain akan diberikan peruntukan sokongan yang bersesuaian.


### • Pembangunan Prinsip Pembiayaan Saksama

Prinsip pembiayaan saksama ialah satu prinsip yang dijadikan asas oleh Kementerian bagi merangka satu kaedah baharu untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan kewangan sekolah. Kaedah ini akan dijadikan panduan dalam pengiraan peruntukan kewangan yang sesuai dan pengagihan peruntukan yang lebih efisien ke sekolah. Kaedah baharu ini juga akan merangkumi proses pemantauan yang diperlukan untuk memastikan semua perbelanjaan digunakan untuk mencapai keberhasilan murid.

Secara umumnya, objektif pembiayaan kewangan kepada sekolah ialah untuk mencapai ekuiti, kecekapan dan kecukupan. Dari sudut pemberian peruntukan kewangan dalam pendidikan:

- **ekuiti** bertujuan memberi peluang yang sama rata kepada setiap murid daripada pembiayaan yang diterima
- **kecekapan** bertujuan memaksimumkan keberhasilan murid bagi setiap ringgit yang dibelanjakan
- **kecukupan** bertujuan membantu sekolah mendapat pembiayaan yang mencukupi supaya murid dapat mencapai standard prestasi yang telah ditetapkan. Standard prestasi minimum yang perlu dicapai seharusnya meliputi penyediaan pendidikan yang dapat membantu perkembangan individu murid untuk menjadi insan kamil.

Pembiayaan kos pendidikan perlu dibuat secara saksama dan tidak semestinya sama untuk semua sekolah. Satu jumlah pembiayaan yang disediakan mengikut kaedah pengiraan peruntukan yang sama tidak akan dapat menepati keperluan setiap sekolah yang berlainan cirinya.



Sumber : Interaction Institute for Social Change  
Artist : Angus Maguire



## PEMBIAYAAN SEKOLAH KERAJAAN DAN SEKOLAH BUKAN KERAJAAN

Semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dibiayai berdasarkan kadar dan syarat kelayakan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Kewangan (SPK) Kementerian Pendidikan Malaysia Bil. 8 Tahun 2012. Pembiayaan pendidikan yang diberikan kepada sekolah dikira berdasarkan kadar enrolmen mengikut julat yang sama merentas sekolah. Pada masa ini, pengiraan peruntukan untuk membiayai sekolah berdasarkan kaedah ini dilihat sebagai adil kerana pembiayaan diberi pada kadar yang sama kepada setiap murid.

Namun begitu, pengiraan kaedah pembiayaan sedia ada yang sama kepada setiap murid tidak mengambil kira pelbagai aspek lain yang menyumbang kepada pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Wujud beberapa kelompok sekolah yang terletak di kawasan yang menyebabkan mereka terpinggir daripada segi kewangan. Kekurangan peruntukan kewangan merupakan antara faktor penyebab yang penting yang menjadikan sekolah tersebut kurang beruntung (*disadvantaged schools*) yang menghalang prestasi pencapaian setanding dengan sekolah-sekolah lain.

Sekiranya prestasi pencapaian dijadikan ukuran pencapaian kecemerlangan merentas

semua sekolah, pengukuran ini kurang adil kepada sekolah-sekolah kurang beruntung daripada segi pembiayaan melalui kaedah pembiayaan sedia ada. Apatah lagi sekiranya sekolah-sekolah yang mencapai tahap tertentu diberikan imbuhan sama ada dalam bentuk kewangan atau bentuk-bentuk lain.

Sekiranya matlamat pendidikan menetapkan keberhasilan yang seragam kepada semua murid dan sekolah (contohnya pencapaian band sekolah), sesetengah sekolah perlu diberikan sumber yang lebih banyak untuk mencapai keberhasilan sama yang diinginkan. Hal ini perlu untuk menampung kos pendidikan yang berbeza-beza antara sekolah dengan enrolmen dan lokasi yang berbeza bagi memastikan kesaksamaan bantuan kepada setiap murid.

Selain daripada menyemak kaedah pembiayaan, satu hubung kait yang jelas antara pembiayaan yang diterima dengan pencapaian sekolah sama ada dalam bidang akademik mahupun kokurikulum dan sukan perlu diwujudkan. Walaupun banyak faktor lain yang mempengaruhi keberhasilan murid, tidak dapat disangkal bahawa pembiayaan kewangan yang saksama juga merupakan penentu kepada pelaksanaan pelbagai aktiviti sekolah yang menyumbang kepada peningkatan pencapaian murid.

### • Program Rintis Intervensi Satu Blok Bantuan

Program Rintis Intervensi Satu Blok, iaitu satu program yang memberi autonomi kepada pengetua dan guru besar (PGB) untuk merancang dan mengagihkan peruntukan yang diterima daripada Kementerian mengikut keperluan sekolah dengan tujuan meningkatkan keberhasilan murid. Intervensi ini melibatkan lapan blok atau jenis bantuan persekolahan

dan dijalankan pada tahun 2016 dan 2017 di 232 buah sekolah di Negeri Sembilan. Laporan rasmi program ini telah dikeluarkan pada Disember 2017.

Secara keseluruhan, program rintis ini telah menunjukkan tahap kecekapan pemimpin sekolah yang tinggi dalam pengurusan kewangan sekolah dengan kuasa autonomi yang diberikan. Namun, autonomi dan



kecekapan yang diberikan kepada PGB tidak akan memberi impak yang tinggi sekiranya keupayaan sekolah dalam menampung kos pendidikan murid masih terhad kerana tiada perubahan dalam peruntukan yang diterima. Walaupun prinsip ekuiti dan kecekapan mungkin sudah dicapai, kecukupan pembiayaan sekolah untuk melaksanakan pelbagai program dan aktiviti pendidikan sangat penting. Hal ini menjadi asas dalam mencapai prinsip pembiayaan yang saksama. Semua aspek dan usaha untuk mencapai objektif peruntukan kewangan yang saksama, iaitu ekuiti, kecekapan dan kecukupan adalah saling bergantung antara satu sama lain.

Dapatan daripada Program Rintis Intervensi Satu Blok ini telah memberi maklumat yang jelas bahawa:

- peruntukan pada kadar sedia ada memerlukan semakan dan perubahan sekiranya Kementerian ingin memberikan pembiayaan yang saksama kepada semua sekolah; dan
- maklumat tentang perkara-perkara lain yang berkaitan juga perlu diambil kira dalam merangka kaedah pembiayaan yang baharu seperti perancangan, pemantauan dan penilaian, ketelusan, komunikasi yang berkesan serta integriti.

Dapatan daripada program rintis ini amat penting dan akan dijadikan sebagai input dalam merangka kaedah pembiayaan baharu. Semua faktor perlu diambil kira untuk mencapai prinsip pembiayaan saksama bagi semua sekolah di bawah kawal selia Kementerian.







## RUMUSAN

Kementerian meneruskan usaha untuk meningkatkan kualiti penyampaian pendidikan di semua sekolah tanpa mengira bilangan murid, lokasi dan jenis sekolah. Perbelanjaan pendidikan terus dioptimumkan dan dijangka semula kepada program yang memberi impak tinggi kepada keberhasilan murid. Kompetensi kumpulan kepimpinan utama Kementerian terus diperkukuhkan untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian pendidikan daripada peringkat pusat sehingga sekolah. Infrastruktur sekolah, terutamanya sekolah daif, dinaik taraf dan ditambah baik berdasarkan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan atau melalui

inisiatif NBOS. Kementerian sentiasa mengkaji ekosistem dan infrastruktur berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi untuk memastikannya dimanfaatkan sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dan pengurusan pendidikan. Kementerian juga berusaha untuk meningkatkan penyampaian pendidikan dengan mencari kaedah terbaik untuk meningkatkan keberhasilan di sekolah berenrolmen rendah dan memastikan pembiayaan yang saksama diperuntukkan kepada setiap sekolah dalam usaha mencapai Aspirasi Murid seperti yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.





KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

**PADU**


**UNIT PELAKSANAAN DAN PRESTASI PENDIDIKAN**  
**(EDUCATION PERFORMANCE AND DELIVERY UNIT)**



# Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan

“ PADU akan memacu pelaksanaan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan berinteraksi dengan pihak awam bagi menyediakan maklumat berkaitan kemajuan pelan ini dan mengumpul maklum balas secara berterusan. PADU akan menggabungkan fungsi sedia ada Pejabat Pelaksanaan Pendidikan (DMO) dan Pejabat Pengurusan Projek (PMO). Tugas utama PADU adalah memacu pelaksanaan dan menjejak kemajuan semua inisiatif. Selain itu, PADU membantu menyelesaikan masalah dan bertindak sebagai badan yang menyokong dan memaklumkan isu dan masalah pelaksanaan kepada pihak Kementerian secara tetap untuk tindakan selanjutnya. Perlu diberi perhatian bahawa, PADU hanya memainkan peranan sokongan manakala kebertanggungjawaban untuk melaksanakan inisiatif merupakan tanggungjawab pegawai kanan di Kementerian. ”

*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025,  
muka surat 8-11*



Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (*Education Performance and Delivery Unit*, PADU) telah ditubuhkan pada 20 Mac 2013 sebagai satu unit bebas di Kementerian Pendidikan Malaysia. Penubuhan PADU termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Bab 8, muka surat 11-12). Mandat dan peranan PADU telah dinyatakan dengan jelas, iaitu untuk memastikan kejayaan pelaksanaan PPPM. Peranan PADU ialah memacu pelaksanaan inisiatif PPPM; memudah cara, memantau, dan menyokong serta melaporkan status kemajuan pelaksanaan inisiatif di bawah PPPM.

## MERANCANG, MEMANTAU DAN MENYEMAK SEMULA PELAKSANAAN INISIATIF DI BAWAH PELAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Pada tahun 2017, sebanyak 20 inisiatif utama dan lapan inisiatif sokongan telah diberikan keutamaan oleh PADU melalui Kitaran Pengurusan Program Inisiatif (Ekshibit 6-1). Pendekatan ini adalah berasaskan metodologi *Managing Successful Programmes* (MSP) yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa. Melalui pendekatan ini, tugasan Pengurus Program (*Programme Manager*, PM) dan Ketua Alur Kerja (*Workstream Leaders*, WSL) yang mendapat pengesahan Pengarah/Setiausaha Bahagian daripada bahagian masing-masing di bawah Kementerian diselaraskan untuk mencapai matlamat setiap inisiatif secara berstruktur.


### Ekshibit 6-1: Kitaran Pengurusan Program Inisiatif



Disokong oleh metodologi Pengurusan Program 

Sepanjang proses pelaksanaan inisiatif, daripada peringkat perancangan hingga pelaksanaan, semua inisiatif dipantau dan disemak secara aktif oleh pihak pengurusan tertinggi Kementerian. Bilangan inisiatif utama dan sokongan sejak pelaksanaan PPPM boleh dirujuk pada Ekshibit 6-2.

**Ekshibit 6-2: Bilangan Inisiatif Utama dan Sokongan di Bawah PPPM 2013-2025, 2017**



**Puan Khadijah Abdullah**  
Ketua Pegawai Eksekutif PADU

Dalam Kitaran Pengurusan Program Inisiatif, fasa perancangan melibatkan usaha mengenal pasti inisiatif berimpak tinggi, menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi setiap inisiatif dan memperincikan pelan 3-kaki setiap inisiatif untuk mencapai KPI yang ditetapkan. Fasa pelaksanaan dan pemantauan pula merangkumi pelaksanaan aktiviti yang telah dirancang serta pelaporan secara berkala (mingguan atau bulanan) mengenai kemajuan setiap inisiatif. Semasa fasa ini, setiap isu penting yang berbangkit akan dibincangkan dan diputuskan dalam Mesyuarat Penyelesaian

Masalah (*Problem Solving Meeting*, PSM) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha dan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia.

PADU menekankan keperluan menyelaras keberhasilan inisiatif secara berkala. Hal ini dilaksanakan melalui fasa penilaian di mana Kajian Pertengahan Tahun dan Kajian Akhir Tahun diadakan, iaitu sesi penilaian pencapaian prestasi inisiatif PPPM yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pendidikan.

Sejajar dengan pengiktirafan pada peringkat antarabangsa, nilai-nilai utama PADU diterap secara meluas dalam Kementerian. Nilai-nilai utama PADU, iaitu proaktif (*Proactive*), bertanggungjawab (*Accountable*), bersemangat tinggi (*Driven*) dan bersatu padu (*United*) diperlihatkan dalam cara PADU menjalinkan kerjasama dengan pihak Kementerian dalam merancang, memudah cara dan memantau transformasi sistem pendidikan di Malaysia. Penerapan nilai-nilai utama PADU dalam Bahagian-Bahagian di Kementerian yang menerajui inisiatif PPPM akan memudahkan serta memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif melalui perancangan, penyampaian dan pemantauan.





## MEMBERI SOKONGAN MELALUI PELAKSANAAN PROGRAM DAN AKTIVITI

Setiap tahun, Bengkel Perancangan Inisiatif PPPM dijalankan untuk merancang aktiviti dan pelan intervensi bagi tahun berikutnya. Pada suku ke-empat tahun 2017, bengkel ini direka bentuk untuk menganjak minda peserta bagi mencari kaedah baharu pelaksanaan inisiatif untuk mencapai aspirasi dan objektif PPPM. Aktiviti yang dijalankan dalam bengkel ini termasuk pembangunan piagam inisiatif, penetapan KPI dan pelan pelaksanaan terperinci bagi inisiatif utama tahun 2018. Aktiviti kerja sepasukan juga diintegrasikan dalam bengkel ini untuk meningkatkan motivasi dan mengeratkan jalinan kerjasama antara pegawai yang terlibat dalam pelaksanaan inisiatif PPPM.



## MENGINSPIRASI PERUBAHAN PENDIDIKAN

Pelaksanaan PPPM telah mendapat perhatian meluas sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terutamanya mengenai penghasilan PPPM dan cabaran pelaksanaannya. Pada tahun 2017, beberapa buah negara seperti Thailand, Korea Selatan, Pakistan, Iran dan Oman telah datang ke Malaysia untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai PPPM. Pihak pengurusan PADU dan para delegasi daripada negara tersebut telah mengadakan sesi perbincangan dan perkongsian maklumat mengenai pembangunan PPPM, dan kaedah terbaik untuk menggunakan elemen dalam PPPM dan mengubah suai untuk diterapkan ke dalam sistem pendidikan masing-masing.



Sesi perkongsian maklumat mengenai PPPM antara PADU dan delegasi negara Oman

Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation, UNESCO*) juga telah menjemput PADU pada bulan Julai 2017 untuk mengadakan pembentangan mengenai pelaksanaan dan pemantauan PPPM dalam *the Asia-Pacific Regional Technical Capacity Development Workshop on Effective Planning of Education Sector for Achieving SDG4-Education 2030*. Bengkel ini merupakan satu platform perkongsian maklumat dan dihadiri oleh beberapa negara yang sedang melaksanakan transformasi dalam sektor pendidikan seperti Filipina, Bhutan, Uzbekistan dan Solomon Islands. Minat mendalam terhadap PPPM yang ditunjukkan oleh negara-negara ini adalah sesuatu yang membanggakan





Sesi perbincangan semasa Bengkel *Asia-Pacific Regional Technical Capacity Development Workshop on Effective Planning of Education Sector for Achieving SDG4-Education 2030*

Sumber: UNESCO Bangkok

Pada 21 November 2017, PADU telah memenangi Anugerah Inspirasi Mike Nichols bagi Transformasi Sistem Pendidikan Malaysia. Anugerah daripada *Association for Project Management (APM)* yang berpangkalan di United Kingdom ini telah mengiktiraf projek, program dan organisasi yang memberi inspirasi serta memberikan sumbangan kepada kejayaan perubahan transformasi di dunia, masyarakat dan komuniti pengurusan projek. PADU, sebagai sebuah unit penyampaian di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, telah berjaya menandingi beberapa buah syarikat antarabangsa lain. Panel pemilihan Anugerah Mike Nichols telah mengiktiraf kecemerlangan PADU dalam mengurus pelaksanaan suatu agenda transformasi pendidikan yang besar yang telah memberikan impak positif yang berkekalan dalam masyarakat.



Dalam satu temu ramah yang diadakan mengenai anugerah ini, Dato' Sri Alias bin Haji Ahmad, Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Malaysia dan pemangku Pengerusi PADU telah menyatakan bahawa PPPM 2013-2025 telah diteliti dan diterima baik oleh pelbagai organisasi antarabangsa seperti Bank Dunia, UNESCO, dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (*Organisation for Economic Co-operation and Development, OECD*). PPPM 2013-2025 juga sering dijadikan rujukan dalam pembangunan dan pelaksanaan transformasi pendidikan.



## MENYOKONG PIHAK BERKEPENTINGAN MELALUI PELBAGAI PLATFORM

Pada tahun 2017, selain daripada menjalankan mandat yang termaktub dalam PPPM, PADU juga telah memberi pelbagai nilai tambah untuk mempercepatkan transformasi sistem pendidikan Malaysia. Ini termasuk memberikan tumpuan terhadap pelaksanaan perubahan secara terus, kepada pihak berkepentingan pada peringkat pelaksana termasuk memberi bantuan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pembimbing pemimpin sekolah.

Selaras dengan Anjakan 6 PPPM 2013-2025, iaitu mengupayakan JPN, PPD dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berdasarkan keperluan, PADU telah menganjurkan Forum Transformasi Daerah (*District Transformation Forum, DTF*) dari 9-11 Mac 2017. Forum ini dihadiri oleh 156 orang pegawai yang terdiri daripada pegawai jawatan utama di JPN dan PPD di seluruh Malaysia, dengan sokongan Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH). Forum yang bertemakan "*A Changed Mindset, A Transformed PPD*" diadakan untuk berkongsi pendekatan dan amalan terbaik proses transformasi pendidikan yang telah dilaksanakan dengan berkesan di sesetengah daerah. Antara pembentang utama forum ini ialah termasuklah Tan Sri Dr. Khair Mohamad Yusof (Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia), Puan Khadijah Abdullah (Ketua Pegawai Eksekutif PADU), Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak (Pengerusi USIM), dan Encik Ranjit Singh (*Group Executive Director* Axcelasia).

Pembentangan daripada jemputan khas ini telah diselang-selikan dengan bengkel dan dialog yang bertemakan kepemimpinan. Forum yang telah diadakan selama tiga hari ini, padat dengan program perkongsian ilmu, bengkel serta sesi dialog. Forum ini telah diterima baik oleh para peserta serta mendapat maklum balas yang positif kerana peserta berpeluang meneroka kaedah baharu untuk pelaksanaan program transformasi, dan membantu menyelesaikan isu-isu berbangkit di kalangan daerah dan negeri. Selain itu, forum ini juga menjadi platform untuk mengadakan perbincangan di antara pengurusan tertinggi Kementerian dengan pegawai JPN dan PPD.



Selain daripada sokongan kepada pihak berkepentingan dalam Kementerian sendiri, PADU juga telah dijemput bagi membantu Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai pemudah cara dalam Bengkel Pengukuhan Pelan Tindakan Strategik Agenda STEM Negara pada bulan Julai 2017. Bengkel ini telah dihadiri oleh 20 orang peserta daripada pelbagai agensi, iaitu Akademi Sains Malaysia, *Malaysia Board of Technologists*, *Malaysia Digital Economy Corporation*, Unit Perancangan Ekonomi, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Sumber Manusia, dan Kementerian Pengajian Tinggi. PADU juga telah menerima maklum balas positif terhadap pengendalian bengkel ini, dan salah satu pencapaian utama bengkel ini merupakan penubuhan Pusat STEM Negara yang telah diberikan tumpuan dalam Ucapan Bajet Negara 2018.

Sebelum melabuhkan tirai 2017, PADU juga telah menganjurkan satu simposium yang melibatkan seramai 155 orang para pensyarah dari Institut Aminuddin Baki pada bulan November 2017. Simposium ini diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada pensyarah IAB untuk saling bertukar pandangan dan buah fikiran dengan pemimpin korporat bagi memperkukuh pengetahuan mereka mengenai kepimpinan. Buat pertama kali ia diadakan, simposium ini telah menampilkan ahli-ahli korporat yang berpengalaman seperti Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak (Pengerusi, USIM), Dato' Hamidah Naziadin (Ketua Pegawai Sumber Manusia Kumpulan, CIMB), Puan Cheryl Lim (Rakan Kongsi, McKinsey & Company) dan Puan Khadijah Abdullah (Ketua Pegawai Eksekutif PADU) untuk berkongsi pengalaman serta pengetahuan mereka dalam bidang masing-masing. Ahli panel korporat yang terdiri daripada pegawai Price Waterhouse Coopers, Korn Ferry, LeapEd, MDEC, dan Hay Group juga dijemput untuk membincangkan mengenai pengetahuan dan kemahiran yang perlu dimiliki oleh pemimpin pendidikan masa hadapan.







## PERKHIDMATAN PROFESIONAL

Dalam usaha untuk memastikan transformasi pendidikan dapat dijalankan mengikut perancangan yang ditetapkan, PADU telah memberikan pelbagai perkhidmatan profesional kepada Kementerian. Antara perkhidmatan profesional yang diberikan oleh PADU termasuklah perkhidmatan memudah cara makmal pendidikan sebagai platform penyelesaian masalah berkaitan isu-isu pendidikan dan perkhidmatan perundingan berkaitan ICT.

Sebelum sesuatu makmal pendidikan dijalankan, PADU akan melaksanakan kerja-kerja pra-makmal. Tugasan ini merangkumi pelaksanaan kajian tinjauan untuk mengetahui sentimen di peringkat akar umbi, penganalisan data sejarah, dan penelitian kajian-kajian lepas untuk mendapatkan maklumat mendalam tentang sesuatu perkara. Semasa makmal dijalankan, pegawai PADU yang bertindak sebagai pemudah cara akan membantu peserta berdasarkan langkah-langkah penyelesaian masalah. Di akhir makmal, PADU juga akan membantu ahli makmal menyediakan laporan yang kemudiannya akan dimurnikan melalui pelbagai sesi soal jawab bersama-sama dengan Pengurusan Tertinggi Kementerian. Pada tahun 2017, kaedah makmal pendidikan ini telah digunakan untuk mencari penyelesaian kepada cabaran yang dihadapi oleh kumpulan murid pintar dan berbakat di Malaysia.



Di samping itu, PADU sentiasa membantu pihak berkepentingan melangkaui tugas pengurusan projek dan kemudahan makmal pendidikan. PADU juga memberikan khidmat rundingan berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (*Information and Communications Technology, ICT*). Antara khidmat berkaitan ICT yang diberikan adalah perkongsian amalan terbaik berkaitan ICT, mengadakan perundingan mengenai hak milik perisian dan menyelesaikan masalah bagi cabaran dan risiko ICT yang tidak terduga dalam hal-hal berkaitan integrasi dengan pusat data agensi luar kepada inisiatif Transformasi ICT dan Repositori Data.

## MEMANTAPKAN PROSES PENGURUSAN PROGRAM SEDIA ADA

Dalam usaha untuk memastikan Aspirasi Sistem dan Aspirasi Murid yang terkandung dalam PPPM 2013-2025 tercapai, PADU menggabungkan amalan terbaik dan terkini berkaitan transformasi. Pada tahun 2017, PADU telah memantapkan proses pengurusan program, iaitu Pengurusan Risiko dan Pengurusan Perubahan.

- **Pengurusan Risiko**

Pemantapan proses Pengurusan Risiko telah menyediakan suatu kerangka yang sistematik untuk mengenal pasti, menilai dan memberi maklum balas, serta mengesan risiko terhadap inisiatif bagi mengelakkan inisiatif tersebut tersasar daripada hala tuju.



Prinsip-prinsip pengurusan risiko adalah berdasarkan prinsip utama yang berikut:

- i. Tanggungjawab utama terhadap pengurusan risiko terletak di bawah Lembaga Pemegang Amanah.
- ii. Pengurusan risiko perlu diterapkan dalam semua unit pengurusan.
- iii. Unit Pengurusan perlu menyediakan proses dan memperincikan tanggungjawab.
- iv. Pengurusan risiko ialah suatu usaha yang dilaksanakan secara sepasukan.

Risiko utama inisiatif dan pelan mitigasi dipantau oleh Pengurusan Tertinggi KPM melalui PSM.

#### • **Pengurusan Perubahan**

Pendekatan pengurusan perubahan yang ditunjangi oleh PADU adalah berasaskan Lapan Langkah Pengurusan Perubahan oleh yang diperkenalkan oleh John Kotter (2007). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Kotter, 70% transformasi berskala besar gagal mencapai objektif mereka disebabkan oleh kurangnya usaha oleh peneraju transformasi dalam pengurusan perubahan. Pihak berkepentingan dalam pendidikan, iaitu dalam kalangan guru hingga kepada pegawai PPD, merupakan teras kepada transformasi. Usaha yang gigih mesti dilaksanakan untuk membolehkan mereka memahami dan mengamalkan perubahan dalam melaksanakan inisiatif di bawah PPPM.

Lapan Langkah Pengurusan Perubahan tersebut telah diperincikan dan diterbitkan dalam Buku Panduan Pengurusan Perubahan PADU dan dirintis pada tahun 2017. Buku panduan ini memperincikan kaedah pelaksanaan pengurusan perubahan untuk memacu transformasi bagi inisiatif di bawah PPPM.



Tiga objektif utama pengurusan perubahan PADU berfokus kepada RUN, iaitu:

1. ***Reignite passions*** (Menyemarakkan semula semangat)
  - Menyemarakkan semula semangat pihak berkepentingan dalam pendidikan pada semua peringkat ke arah transformasi pendidikan melalui PPPM 2013-2025.
2. ***Upskill change agents*** (Meningkatkan kemahiran agen perubahan)
  - Membangunkan keupayaan setiap pegawai inisiatif untuk melakukan perubahan dan melibatkan pihak berkepentingan.
3. ***Normalise change delivery*** (Membiasakan penyampaian perubahan)
  - Memperkenalkan kaedah komunikasi dan libat urus, dan kualiti secara konsisten pada peringkat program dan inisiatif.





## MELANGKAH KE HADAPAN

Kementerian kini telah berada pada pertengahan tempoh 13 tahun pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Untuk memperkukuh pelaksanaan pelan ini bagi memastikan semua keberhasilan dapat dicapai pada akhir tahun 2025, perancangan dalam PPPM perlu disemak dan pencapaiannya sehingga kini perlu dianalisis.

Bagi tujuan tersebut, PADU akan melaksanakan Makmal Kajian Semula Separuh Penggal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Fasa 1 pada bulan awal tahun Februari 2018. Tugasan pra-makmal telah dilaksanakan bagi lima inisiatif di bawah PPPM, iaitu inisiatif Program Transformasi Daerah (DTP), inisiatif Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik (STEM), inisiatif Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21), inisiatif Pendidikan Bahasa Inggeris, dan inisiatif Infrastruktur Asas. PADU berharap hasil daripada makmal ini nanti dapat memantapkan pelaksanaan inisiatif, mencapai beberapa kejayaan segera (*Quick Wins*), dan menghasilkan pelan baharu yang berimpak tinggi strategi perubahan pantas untuk mengatasi jurang pelaksanaan dan memacu pencapaian PPPM menjelang tahun 2025.

PADU beriltizam untuk sentiasa memberikan sokongan mantap kepada Kementerian bagi memastikan kejayaan transformasi pendidikan dan sentiasa berusaha ke arah penambahbaikan pada masa hadapan. PADU juga bersedia untuk menyampaikan maklumat serta berkongsi pengetahuan di pentas antarabangsa pada tahun hadapan. Menjunjung nilai utama PADU, iaitu Proaktif, PADU akan sentiasa berusaha untuk menambah baik metodologi pengurusan projek dan kefahaman tentang landskap pendidikan untuk manfaat masyarakat di Malaysia.









# Ringkasan Pencapaian

“ Pada tahun 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia telah merancang, melaksanakan, dan memantau sebanyak 28 inisiatif di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, iaitu 20 inisiatif utama dan lapan inisiatif sokongan. Pelaksanaan kesemua inisiatif ini dalam Gelombang 2 diharapkan dapat memacu peningkatan sistem pendidikan sehingga akhir tahun 2020 ”





## AKSES KEPADA PENDIDIKAN


Kementerian berhasrat untuk mencapai enrolmen universal pada semua peringkat pendidikan pada akhir tahun 2025. Secara keseluruhan, peratus enrolmen di sekolah menunjukkan perkembangan yang baik. Lebih ramai murid mendapat akses kepada pendidikan di Malaysia.

Peratusan enrolmen prasekolah bagi kanak-kanak dalam kumpulan umur 4+ dan 5+ tahun masih kurang daripada sasaran yang dihasratkan. Lebih usaha diperlukan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan awal

kanak-kanak untuk meningkatkan kesediaan akan-anak daripada aspek jasmani, emosi, dan sosial dalam menghadapi alam persekolahan. Peratusan enrolmen murid pada peringkat menengah atas meningkat sebanyak 0.8% menunjukkan bahawa lebih ramai murid kekal bersekolah sehingga Tingkatan 5. Enrolmen dalam aliran vokasional terus meningkat kepada 7.2%, iaitu peningkatan sebanyak 1% seperti ditunjukkan dalam Ekshibit 7-1. Hal ini menunjukkan bahawa pada masa hadapan Kerajaan akan mempunyai lebih ramai sumber manusia dalam bidang kemahiran dan keusahawanan.



**Ekshibit 7-1: Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama bagi Inisiatif di bawah Akses kepada Pendidikan, 2016-2017**



Sumber: Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

Nota:

- Bermula pada tahun 2017, KPI untuk enrolmen prasekolah bagi kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ tahun diasingkan, berbeza dari tahun-tahun sebelumnya.

## KUALITI DALAM PENDIDIKAN

Kementerian berhasrat untuk memberikan pendidikan berkualiti setanding dengan sistem pendidikan antarabangsa kepada semua murid. Aspirasi sistem pendidikan

negara adalah untuk meletakkan Malaysia dalam kelompok negara sepertiga teratas dalam pentaksiran antarabangsa.



Pencapaian murid dalam literasi bahasa Melayu dan numerasi yang semakin baik menunjukkan anak-anak Malaysia akan lebih bersedia untuk meneruskan persekolahan pada tahap seterusnya (Ekshibit 7-2). Literasi dalam bahasa Inggeris menunjukkan sedikit penurunan. Oleh itu, ibu bapa perlu bekerjasama dengan guru untuk membantu anak-anak mereka meningkatkan penguasaan kemahiran berbahasa. Peratus murid yang lulus

kertas Bahasa Inggeris SPM 2017 menepati sasaran yang ditetapkan (79.0%). Keputusan ini menunjukkan bahawa sekolah telah dapat meningkatkan kemahiran berbahasa murid melalui pelbagai aktiviti dan program yang dijalankan pada tahun 2017. Peningkatan bilangan murid yang lulus dalam Kertas Bahasa Inggeris SPM 2017 memberikan kelebihan peluang pekerjaan dan pengajian pada peringkat tertiar.



**Ekshibit 7-2: Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama bagi Inisiatif di bawah Kualiti dalam Pendidikan, 2016-2017**

	Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran Gelombang 2 (2020)	PENCAPAIAN 2016	PENCAPAIAN 2017	SASARAN 2017
1	Peratus literasi Bahasa Melayu murid Tahun 3	100%	98.6%	<b>98.3%</b>	<b>100%</b>
2	Peratus numerasi murid Tahun 3	100%	94.7%	<b>98.8%</b>	<b>100%</b>
3	Peratus literasi Bahasa Inggeris murid Tahun 3	100%	99.0%	<b>95.7%</b>	<b>100%</b>
4	Peratus murid yang lulus kertas Bahasa Inggeris SPM	81.5%	76.3%	<b>79.0%</b>	<b>79.0%</b>
5	Peratus guru opsyen Bahasa Inggeris yang mencapai sekurang-kurangnya penguasaan minimum pada band C1 berdasarkan CEFR	50%	-	<b>34%</b>	<b>53%</b>
6	Peratus murid yang mencapai sekurang-kurangnya kepujian dalam kertas Bahasa Melayu SPM	76.7%	68.9%	<b>72.2%</b>	<b>73.7%</b>
7	Bilangan sekolah amanah / model baharu (kumulatif)	90	83	<b>83</b>	<b>85</b>

Sumber: Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

Nota:

1. KPI 5 tidak dijadikan KPI pada tahun 2016 dan merupakan KPI baharu pada tahun 2017.

## EKUITI DALAM PENDIDIKAN

Kementerian kekal meneruskan usaha untuk merapatkan jurang antara sekolah bandar dengan luar bandar bagi memastikan kesaksamaan dalam pendidikan dirasai oleh semua murid tanpa mengira latar belakang dan lokasi sekolah.

Usaha yang lebih diperlukan untuk merapatkan jurang antara sekolah bandar dan luar bandar daripada segi pencapaian akademik dalam peperiksaan UPSR dan SPM. Peratusan kehadiran murid di sekolah Orang Asli semakin meningkat menunjukkan pelbagai program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi telah berjaya mengekalkan murid di sekolah (Ekshibit 7-3). Namun begitu, kesedaran dalam kalangan ibu bapa perlu ditingkatkan supaya lebih ramai anak-anak Orang Asli dapat meneruskan persekolahan

pada peringkat menengah untuk meningkatkan tahap sosioekonomi dan menjamin masa depan yang lebih baik.

Pelbagai usaha dijalankan bagi meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa yang mempunyai anak-anak kelainan upaya untuk membenarkan anak mereka bersekolah bersama-sama anak-anak lain di sekolah aliran perdana. Pada tahun 2017, peratusan murid berkeperluan khas dalam program inklusif telah meningkat kepada 40.9%. Hal ini menunjukkan lebih ramai ibu bapa prihatin tentang perlunya anak-anak mereka untuk belajar dan bergaul dengan rakan sebaya daripada aliran perdana yang akan membantu meningkatkan kualiti hidup dan masa depan mereka dalam kehidupan sebenar.



**Ekshibit 7-3: Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama bagi Inisiatif di bawah Ekuiti dalam Pendidikan, 2016-2017**

	Petunjuk Prestasi Utama	Sasaran Gelombang 2 (2020)	PENCAPAIAN		SASARAN
			2016	2017	2017
1	Peratus peningkatan pencapaian akademik di bandar berdasarkan UPSR	Pengurangan jurang pencapaian sebanyak 50% antara bandar dengan luar bandar berbanding data tahun 2012	-28.5%	2.7%	1.5%
2	Peratus peningkatan pencapaian akademik di luar bandar berdasarkan UPSR		-31.6%	2.2%	2.0%
3	Peratus peningkatan pencapaian akademik di bandar berdasarkan SPM		-1.9%	1.0%	1.5%
4	Peratus peningkatan pencapaian akademik di luar bandar berdasarkan SPM		-0.7%	1.5%	2.0%
5	Peratus purata kehadiran di Sekolah Orang Asli	95%	86.2%	87.3%	88.0%
6	Peratus transisi murid Orang Asli dari Tahun 6 ke Tingkatan 1	80%	82.8%	73.1%	82.0%
7	Peratus Murid Berkeperluan Khas (MBK) dalam Program Pendidikan inklusif	55.00%	30.3%	40.9%	35.0%

Sumber: Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

Nota:

1. KPI 1 sehingga KPI 4 ialah peratus peningkatan sekolah bandar dalam luar bandar bagi UPSR dan SPM. Bagi mencapai sasaran jurang pada akhir Gelombang 2, KPI yang ditetapkan untuk peningkatan Gred Purata (GP) bandar dan luar bandar ditingkatkan setiap tahun bermula pada tahun 2017.
2. KPI peningkatan UPSR secara keseluruhan tidak dijadikan sasaran KPI pada tahun 2018.
3. Bermula pada tahun 2017, KPI 6 menggunakan data daripada Kementerian Pendidikan Malaysia berbanding tahun-tahun sebelumnya yang menggunakan data daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.




## PERPADUAN MELALUI PENDIDIKAN

Draf awal Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan telah diluluskan pada peringkat Kementerian dan sedang melalui proses pemurnian (Ekshibit 7-4). Penerapan elemen perpaduan perlu dimulakan di

sekolah. Pemimpin sekolah perlu menjadi tonggak utama dalam pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti pemupukan perpaduan di sekolah.

**Ekshibit 7-4: Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama bagi Inisiatif di bawah Perpaduan Melalui Pendidikan, 2016-2017**



Sumber: Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

Nota:

1. KPI 2 merupakan KPI baharu pada tahun 2017.




## KECEKAPAN DALAM PENDIDIKAN

Kementerian beriltizam untuk memastikan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi pendidikan digunakan secara optimum dengan hasil yang berkesan. Guru digalakkan untuk mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran dan menggunakan alat teknologi maklumat dan komunikasi untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran murid bagi menghadapi cabaran pembelajaran dalam abad ke-21.

Penstrukturan organisasi Kementerian Pendidikan Malaysia yang baharu telah dimulakan secara berperingkat-peringkat dan memerlukan perancangan yang teliti. Aktiviti pemantauan akan dijalankan selari dengan pelaksanaan struktur baharu bagi mengelakkan kekeliruan fungsi antara agensi dan memastikan proses transisi dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Pada tahun 2017, proses ini telah dapat dilaksanakan dan kemajuan yang dicapai ialah sebanyak 66.3% (Ekshibit 7-5).

**Ekshibit 7-5: Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama bagi Inisiatif di bawah Kecekapan dalam Pendidikan, 2016-2017**



Sumber: Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)

Nota:

1. KPI 2 tidak lagi dijadikan sebagai sasaran KPI pada tahun 2018.
2. KPI 3 dijadikan KPI bermula pada tahun 2017 bagi memastikan pelaksanaannya secara terancang dan sistematik.

## AGREED-UPON-PROCEDURES (AUP)

Anjakan 11 dalam PPPM menekankan mengenai usaha meningkatkan ketelusan untuk akauntabiliti awam secara langsung. Matlamat ini boleh dicapai melalui penerbitan suatu laporan tahunan yang menjelaskan kemajuan dan kekangan ke arah mencapai sasaran yang ditetapkan. Oleh itu, Kementerian telah menerbitkan Laporan Tahunan PPPM setiap tahun sejak tahun pertama pelaksanaannya pada tahun 2013. Laporan ini merangkumi pencapaian inisiatif dan kemajuan sebenar transformasi pendidikan pada setiap tahun.

Dalam memastikan ketelusan dan akauntabiliti, satu usaha yang menyeluruh dan terperinci telah dijalankan untuk memastikan ketepatan data, penjadualan statistik dan pencapaian yang dilaporkan. Untuk mencapai tujuan ini, PADU telah melantik pihak perunding bebas dari luar untuk menjalankan *Agreed-Upon-Procedures* (AUP). Pelaksanaan AUP merangkumi ujian dan prosedur khusus yang dijalankan untuk menyemak pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) PPPM yang dilaporkan. Proses pelaksanaan AUP dijalankan ke atas beberapa inisiatif terpilih di bawah PPPM dengan menyemak pencapaian KPI berdasarkan kaedah dan definisi KPI yang telah dipersetujui semasa peringkat perancangan inisiatif. Proses ini merupakan sebahagian daripada pengesahsahihan luar untuk menilai pencapaian KPI inisiatif yang dilaporkan untuk tahun sebelumnya.

Berdasarkan Laporan AUP, pihak perunding bebas dari luar telah mengesahkan bahawa pencapaian yang diperoleh daripada beberapa inisiatif terpilih yang dinyatakan dalam Laporan Tahunan 2017 adalah selari dengan AUP. Selain itu, peluang untuk penambahbaikan dan perkara-perkara yang perlu dimantapkan juga telah dikenal pasti daripada pelaksanaan AUP, khususnya berkaitan proses dan kualiti maklumat. Kementerian akan mempertimbangkan segala maklum balas yang diberikan dan melaksanakan cadangan yang dipersetujui untuk mengukuhkan penyampaian dan menangani isu-isu berbangkit.

Melangkah ke hadapan, proses AUP akan dilaksanakan secara tahunan untuk memberikan pandangan bebas kepada semua pihak berkepentingan dalam dan luar Kementerian mengenai pencapaian perjalanan transformasi pendidikan, dan menyediakan kefahaman mengenai sejauh mana PPPM telah dilaksanakan dan dipantau.











# Melangkah Ke Hadapan

“ *Pertama datangnya pemikiran; kemudian pemikiran tersebut disusun dalam bentuk idea dan pelan; seterusnya mengubah pelan tersebut kepada realiti. Permulaannya, jika anda perhatikan, adalah daripada imaginasi anda* ”

*Napoleon Hill*  
Penulis





## MELANGKAH KE HADAPAN

Kementerian semakin giat merencana dan melaksanakan pelbagai program ke arah merealisasikan Aspirasi Sistem dan Aspirasi Murid seperti yang dihasratkan dalam pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Kementerian juga telah meningkatkan usaha untuk sentiasa mengadaptasi perkembangan semasa dalam dunia pendidikan pada pertengahan Gelombang 2 PPPM. Kesedaran yang meningkat dalam kalangan semua pihak berkepentingan telah dilihat ke arah memacu peningkatan sistem pendidikan. Pada tahun 2018, sebanyak 19 inisiatif utama dan lapan inisiatif sokongan akan terus dilaksanakan untuk memastikan transformasi pendidikan negara diteruskan untuk mencapai kejayaan yang diingini.

## AKSES

Kementerian akan memperhebat usaha untuk mencapai enrolmen sejagat menjelang tahun 2020 dan memastikan sistem pendidikan yang membolehkan murid mendapat akses kepada peluang pendidikan yang sesuai mengikut keperluan murid dari prasekolah hingga berkerjaya terutamanya bagi murid aliran vokasional. Kementerian sentiasa mempertingkatkan usaha untuk mengatasi cabaran bagi mencapai enrolmen sejagat pada peringkat prasekolah dan menengah. Tumpuan yang lebih perlu diberikan untuk mengatasi isu-isu berbangkit pada peringkat prasekolah dan menengah atas pada tahun 2018 bagi memastikan penyertaan dalam pendidikan pada peringkat rendah dan menengah rendah kekal sejagat.

### MENINGKATKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN PRASEKOLAH HINGGA MENENGAH ATAS

#### Enrolmen Prasekolah

Penyediaan pendidikan asas yang kukuh sejak kecil kepada anak-anak Malaysia merupakan suatu langkah yang tepat dan penting bagi memastikan minda ingin tahu kanak-kanak sentiasa berkembang selari dengan pertumbuhan fizikal mereka. Perkembangan minda yang positif akan memastikan kanak-kanak berada pada landasan kehidupan yang betul sehingga alam dewasa. Pada tahun 2018, Kementerian menyasarkan enrolmen prasekolah awam dan swasta pada 94% bagi kanak-kanak berumur 5+ tahun dan 80% bagi kanak-kanak berumur 4+ tahun.

#### Enrolmen Rendah dan Menengah

Kementerian tekak dalam usaha memastikan peratus keciciran murid berada pada tahap paling rendah. Berasaskan maklum balas positif daripada pelaksanaan rintis, Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir (GPMBC) dan Modul Serlahkan Keunggulan Diri (SUDI) akan dilaksanakan di semua sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan di Malaysia mulai tahun 2018.



Untuk mengurangkan kadar keciciran murid pada peringkat menengah atas, Kementerian telah menjejak murid yang cicir daripada sistem pendidikan, terutama mereka yang berumur 15+ dan 16+. Murid cicir yang dikenal pasti akan diberikan bantuan yang bersesuaian untuk menamatkan pengajian dan memperoleh Sijil Pelajaran Malaysia atau sijil lain yang setaraf dengannya. Pada tahun 2018, Kementerian bercadang untuk mengurangkan kadar keciciran pada peringkat menengah dari 1.5% ke 1.3%.

### Tingkatan Enam

Kementerian akan terus menyediakan pendidikan Tingkatan Enam yang berkualiti. Dalam hal ini, Kementerian sedang menyemak penawaran mata pelajaran sedia ada dan mengkaji keperluan bagi menawarkan mata pelajaran baharu yang bersesuaian dengan keperluan pasaran pada masa hadapan. Bagi membudayakan kajian tindakan dalam kalangan guru dan mengukuhkan kompetensi pengetahuan dan kemahiran guru dalam penulisan kajian, Kementerian akan menganjurkan Kolokium Kebangsaan 2018 dan Bengkel Penulisan Kajian dan Pembentangan Kajian Guru Tingkatan Enam mengikut zon. Penganjuran kolokium ini memberi peluang kepada guru untuk berkongsi amalan terbaik dalam pengajaran dan pembelajaran, dan pengurusan sekolah. Peningkatan imej Pusat Tingkatan Enam sebagai institusi pengajian prauniversiti akan diteruskan untuk penyediaan murid ke pengajian tinggi di dalam dan luar negara.

### MENINGKATKAN AKSES KEPADA PENDIDIKAN INKLUSIF BERKUALITI

Kementerian terus berusaha untuk memastikan Murid Berkeperluan Khas (MBK) diberikan pendidikan berkualiti. Peningkatan peratus MBK yang menyertai Program Pendidikan Inklusif juga akan disasarkan kepada 45% pada tahun 2018 berbanding 35% pada tahun sebelumnya. Sebagai nilai tambah, Kementerian juga akan memberi tumpuan kepada aspek kebolehpasaran MBK agar berupaya menjadi modal insan yang mampu berdikari ke arah kehidupan bermakna untuk kesejahteraan diri, keluarga, komuniti dan negara.





Penyediaan pendidikan berkualiti akan mampu melahirkan warganegara Malaysia yang berpengetahuan dan berkemahiran selari dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0. Pemerolehan pengetahuan dan kemahiran terkini akan menyediakan murid untuk bersaing pada peringkat global.

## KUALITI

### MENERAPKAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PEMBELAJARAN ABAD KE-21

Pada tahun 2018, Kementerian bercadang untuk menjadikan sekolah di bawah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) sebagai 'sekolah model' dalam melaksanakan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21). Sekolah TS25 yang terpilih akan dijadikan contoh dalam perkara berikut:

- mengaplikasikan empat kemahiran dan nilai (4K1N) dalam PAK21 secara aktif dan menyeluruh.
- merungkaikan kurikulum dan melaksanakan pendekatan modular secara berkesan.
- memantapkan pengetahuan kandungan dan kemahiran pedagogi guru.
- melaksanakan penilaian sendiri dalam penilaian Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang ke-2 (SKPMg2), Penilaian Bilik Darjah (PBD) dan Pelaporan Profil Murid (PPM)

### MENGUKUHKAN PENDIDIKAN STEM

Kementerian akan mempergiat usaha untuk menarik minat murid, meningkatkan kualiti pengajaran dan pengajaran dan menggalakkan ibu bapa dan komuniti menyokong pembelajaran STEM melalui aktiviti berikut:

- Menganjurkan Kolokium Pendidikan STEM 2018 di Sabah, Sarawak, Kelantan dan Perak.
- Menganjurkan Persidangan Antarabangsa STEM 2018 pada bulan Oktober 2018 melalui jalinan kerjasama Kementerian dengan pihak Universiti Teknologi Malaysia (UTM)



- Menganjurkan Karnival STEM di setiap negeri dan Karnival STEM peringkat kebangsaan
- Menyediakan bahan sumber pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran STEM
- Menerbitkan Komik STEM dengan kerjasama Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Menubuhkan Pusat STEM Negara

## PROGRAM SARINGAN LITERASI DAN NUMERASI (LINUS)

Penguasaan literasi dan numerasi merupakan asas kepada pembelajaran. Program LINUS yang telah dilaksanakan sejak tahun 2010 menampakkan impak positif dalam usaha memperbaiki penguasaan bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan Matematik. Pada tahun 2018, Kementerian akan mengukuhkan pelaksanaan program ini melalui beberapa aktiviti seperti berikut:

- kajian keberkesanan pelaksanaan saringan dan penggunaan modul LINUS 2.0
- siri latihan untuk peningkatan keberkesanan program
  - latihan kompetensi LINUS 2.0 kepada 5,000 orang guru prasekolah
  - latihan pemulihan bahasa Inggeris kepada 3,500 orang guru bahasa Inggeris bukan opsyen
  - latihan kelestarian LINUS 2.0 kepada 1,200 orang guru pemulihan khas
  - latihan LINUS 2.0 kepada bakal guru dan pensyarah IPG.

## PEMARTABATAN PENDIDIKAN BAHASA MELAYU

Penggunaan bahasa Melayu (BM) sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar dalam pendidikan terus diperkukuh. Kementerian merencanakan pelbagai aktiviti pada tahun 2018 seperti berikut:

- penjajaran KSBM bagi tujuan penyeteraan penggunaan BM dalam kurikulum, pentaksiran dan penghasilan buku teks
- penyediaan Kerangka Holistik Pembangunan Profesionalisme Guru BM
- pengukuhan pendidikan BM melalui pelaksanaan kit sokongan BM, aktiviti kurikulum dan kokurikulum serta modul pedagogi secara dalam talian dan bersemuka untuk memantapkan lagi pengajaran BM bagi membantu guru meningkatkan penguasaan murid
- pelaksanaan kursus pembangunan profesionalisme pedagogi terbeza bagi guru BM.



## PENDIDIKAN BAHASA INGGERIS

Kementerian akan mempertingkatkan usaha untuk meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris (BI) dalam kalangan murid dan guru di Malaysia. Penguasaan BI dalam kalangan murid akan memberi nilai tambahan kepada diri dalam kehidupan seharian dan pasaran kerja. Pada tahun 2018, Kementerian akan menjajarkan modul Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di Sekolah (PPKBIS) dengan kerangka *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*.



## BAHASA ANTARABANGSA DI SEKOLAH

Kementerian telah mengorak langkah proaktif dengan membuat persediaan untuk memberi peluang kepada murid mempelajari bahasa tambahan selain bahasa Inggeris. Kini, hanya beberapa buah sekolah menengah kebangsaan harian, sekolah agama dan sekolah berasrama penuh (SBP) yang berupaya menawarkan pengajaran bahasa tambahan.

Pihak SBP akan melaksanakan beberapa aktiviti untuk meningkatkan kualiti pengajaran bahasa tambahan seperti berikut:

- menyediakan standard pencapaian bagi memantapkan penguasaan murid dan menggalakkan murid menduduki peperiksaan bahasa antarabangsa yang diiktiraf
- meningkatkan mutu penghasilan modul bahasa antarabangsa agar mencapai standard yang ditetapkan dalam peperiksaannya
- memantapkan pengajaran dan pembelajaran guru melalui penempatan lebih ramai penutur jati di SBP
- meningkatkan kompetensi dan pedagogi guru selaras dengan kaedah PAK21
- menggalakkan penggunaan kaedah kontekstual dalam pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan tahap komunikasi murid dalam bahasa antarabangsa.

## TRANSFORMASI INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG)

Penyediaan guru terlatih yang berkualiti amat penting bagi memastikan murid mendapat manfaat daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Untuk memacu pelaksanaan Program Transformasi IPG 2016-2026 dalam Fasa 2 (2018-2020), pihak Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah mengatur strategi berikut:

- memperkasakan fungsi dan peranan Rakan Kluster
- menjajarkan dan menstrukturkan semula kampus IPG
- meningkatkan hasil penyelidikan
- menambah baik infrastruktur
- mencapai pengiktirafan nasional.

## MEMPERKUKUHKAN KUALITI GURU

Bagi memartabatkan profesion keguruan menjadi suatu profesion pilihan, Standard Guru Malaysia (SGM)2.0 akan dihasilkan oleh Kementerian untuk mengangkat status profesion keguruan ke satu tahap baharu. Standard Guru Malaysia 2.0 merupakan sebuah dokumen panduan dan rujukan kepada guru, pendidik guru, agensi dan institusi latihan perguruan yang menggariskan standard bagi kompetensi teras berikut: pengetahuan, instruksional, pelibatan komuniti, dan kualiti peribadi. Kesemua kompetensi teras ini perlu dicapai oleh guru, manakala agensi dan institusi latihan perguruan perlu menyediakan kemudahan dan sumber yang bersesuaian bagi membantu guru mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan. Kementerian juga akan menghasilkan sebuah dokumen Etika Guru Malaysia yang akan menggariskan etika profesional yang patut dijiwai dan diamalkan oleh guru.

Kementerian juga akan memperkenalkan Mata Kredit Pembangunan Profesionalisme Berterusan (MyPPB) yang merupakan satu kaedah pemberian mata kredit kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) bagi mengiktiraf penyertaan setiap aktiviti pembangunan profesionalisme berterusan yang disertai.

## MEMPERKASAKAN KUALITI PEMIMPIN SEKOLAH

Kementerian kekal komited untuk memantapkan proses lantikan pemimpin sekolah dalam Gelombang 2 (2016-2020) PPPM bagi memacu perubahan di sekolah. Kementerian juga akan meluaskan sokongan bagi membina keupayaan pemimpin pertengahan serta meningkatkan autonomi membuat keputusan bagi pemimpin sekolah berdasarkan prestasi. Pewujudan kumpulan pengetua, guru besar dan pemimpin pelapis berprestasi tinggi di setiap sekolah akan memastikan peningkatan yang berterusan ke arah mencapai kecemerlangan sekolah dan keberhasilan murid.





## **MENINGKATKAN PELIBATAN IBU BAPA DAN KOMUNITI UNTUK MEWUJUDKAN EKOSISTEM PEMBELAJARAN**

Pelaksanaan inisiatif Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) akan berfokus kepada pengukuhan peranan pemimpin sekolah sebagai pemangkin kepada peningkatan pengurusan sekolah yang berkualiti. Mereka juga akan berperanan sebagai perantara yang cekap untuk meningkatkan jalinan kerjasama antara sekolah dengan komuniti setempat.

Ibu bapa dan komuniti digalakkan untuk terlibat secara meluas dalam pelbagai aspek di sekolah terutama daripada segi akademik, pembangunan sahsiah dan disiplin. Garis Panduan Sukarelawan dalam Kelas akan disediakan dan diedarkan kepada semua sekolah dan pihak awam.

## **MENGALAKKAN PELIBATAN SEKTOR SWASTA SEBAGAI RAKAN STRATEGIK DALAM PENDIDIKAN**

Pada tahun 2018, Kementerian akan memantapkan dan memperincikan model baharu perkongsian awam swasta (PPP) yang direka bentuk pada tahun 2017. Projek rintis model ini akan dilaksanakan pada akhir tahun. Taklimat dan penataran maklumat berkaitan garis panduan PPP akan dilaksanakan mengikut zon, selain daripada meningkatkan keupayaan pegawai perhubungan luar di semua PPD.

## **EKUITI**

8-9

Sistem pendidikan berkualiti menjanjikan pendidikan yang terbaik kepada rakyat dan tidak mengabaikan sesiapa tanpa mengira lokasi, jantina atau latar belakang sosioekonomi.

## **MEMANTAPKAN PELAKSANAAN PROGRAM TRANSFORMASI DAERAH**

Bagi memastikan prestasi sekolah di setiap daerah dapat dilonjakkan, pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), iaitu SISC+ dan SIPartner+ perlu terdiri dalam kalangan mereka yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi serta berwibawa. Pada tahun 2018, usaha akan ditumpukan kepada memantapkan kepimpinan instruksional, dan pengurusan dan pentadbiran oleh pemimpin sekolah, dan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru. Kompetensi pegawai SIPartner+ dan SISC+ akan diperkukuh bagi membolehkan bimbingan dan pemantauan dilaksanakan secara berkesan. Kompetensi pegawai pada peringkat Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) juga akan turut dipertingkatkan supaya dapat merancang secara strategik bantuan dan sokongan yang harus diberikan kepada daerah dan sekolah di negeri masing-masing.

Kementerian akan memastikan kumpulan pegawai sedia ada dan yang baharu dilantik mengikuti latihan peningkatan kompetensi daripada aspek pengurusan, penyampaian, dan kemahiran kejurulatihan generik dan kandungan. Antara aktiviti yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- mengupayakan JPN untuk memantau, menilai dan menjayakan DTP dari segi perancangan dan agihan peruntukan belanjawan, perancangan kurikulum, dan pembangunan pelan intervensi untuk semua sekolah
- mengenal pasti kumpulan berbakat pada peringkat JPN dan PPD untuk membolehkan perancangan pelan penggantian berjalan dengan lancar dan berkesan
- membangunkan modul pembangunan keupayaan untuk pegawai JPN, PPD dan SIPartners+ bertujuan melatih kohort pegawai yang kompeten
- memantapkan mekanisme pemantauan dan penilaian pelan strategik, dan mengkaji impak pelaksanaan program DTP di setiap PPD
- melaksanakan kajian impak bimbingan dan pementoran oleh pegawai SIPartners+ dan SISC+ bagi melihat keberkesanan bimbingan ke arah pembangunan intervensi yang tepat dan berkesan.

## TRANSFORMASI PENDIDIKAN ORANG ASLI DAN PRIBUMI

Kementerian akan memastikan hak murid Orang Asli dan Pribumi terjaga daripada segi akses dan kesaksamaan dalam pendidikan seiring dengan pendidikan arus perdana. Pada tahun 2018, Kementerian akan menjejak peratus kehadiran murid Pribumi bagi negeri Sabah, iaitu etnik Dusun Bonggi di negeri Sabah dan kaum Penan di negeri Sarawak.

Pelaksanaan program pemerksaan prestasi murid Orang Asli dan Pribumi akan dimantapkan dengan:

- meningkatkan kehadiran murid
- melaksanakan program kemenjadian murid di Sekolah Orang Asli



- mengurangkan keciciran murid dengan mengukuhkan peranan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan Tok Batin bersama-sama pihak sekolah
- memperluaskan program kesedaran kerjaya kepada murid untuk mendapat lebih peluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi
- mengukuhkan kemahiran guru sekolah menengah yang mengajar murid Orang Asli supaya murid terus kekal bersekolah sehingga tamat pendidikan menengah. Latihan akan diberikan kepada kaunselor dan pegawai SIPartner+ dan SISC+ di PPD, guru besar dan guru kaunselor di sekolah menengah
- mengukuhkan pelaksanaan program NBOS, khususnya bagi murid Pribumi di negeri Sabah dan Sarawak, untuk memastikan ekuiti dan akses kepada pendidikan dapat dicapai.

### PENDIDIKAN UNTUK MURID BERKEPERLUAN KHAS

Kementerian memberi perhatian serius kepada penyediaan pendidikan yang berkualiti untuk Murid Berkeperluan Khas (MBK) bagi membolehkan mereka dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang sesuai dengan tahap kebolehan untuk berjaya dalam hidup. Pada tahun 2018, Kementerian akan mendapatkan data asas mengenai bilangan MBK yang berjaya melanjutkan pelajaran dan menceburi bidang pekerjaan. Kementerian juga akan terus berusaha untuk meningkatkan peratus MBK yang menyertai Program Pendidikan Inklusif (PPI) kepada 45% supaya mereka mendapat pendidikan yang saksama kualitinya dengan pendidikan arus perdana serta menjadi rakyat yang produktif.

### PENDIDIKAN UNTUK MURID BERKEPERLUAN KHUSUS

Kementerian sentiasa proaktif dan komited dalam menyediakan laluan pendidikan bagi semua murid. Kementerian sedar akan wujudnya golongan murid yang mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi dan memerlukan laluan pendidikan khusus yang membolehkan mereka mencapai potensi diri secara maksimum. Pada tahun 2018, Kementerian akan menghasilkan sebuah Pelan Strategik Pelaksanaan Program Pintar Cerdas (PPPC) untuk menggariskan pendekatan dan pelan tindakan yang sesuai untuk membangunkan potensi murid kumpulan ini.





## PERPADUAN

Bagi memastikan masyarakat majmuk di Malaysia terus bersatu padu untuk kesejahteraan dan kemakmuran negara, sekolah memainkan peranan penting sebagai sebuah institusi yang dapat menggalakkan perpaduan antara kaum. Sebahagian besar masa murid dihabiskan di sekolah bersama-sama rakan sebaya dalam pelbagai aktiviti seperti aktiviti akademik, ko-akademik dan kokurikulum. Penerapan nilai perpaduan melalui penyertaan dalam pelbagai aktiviti di sekolah dan antara sekolah pelbagai jenis membolehkan murid mempelajari kemahiran berkomunikasi, bertoleransi, memahami, menerima dan menghargai perbezaan antara mereka daripada segi agama, kaum, budaya dan latar belakang sosioekonomi.

### MENGUKUHKAN PERPADUAN DI SEKOLAH

Pemimpin sekolah amat berpengaruh dalam menyatupadukan ahli dalam komuniti sekolah ke arah mencapai visi dan misi sekolah serta memastikan kejayaan pengurusan sekolah selain daripada meningkatkan prestasi sekolah dalam semua aspek. Pada tahun 2018, Kementerian akan menjalankan latihan mengenai kaedah pemupukan nilai perpaduan kepada pemimpin sekolah dalam usaha mengukuhkan perpaduan dalam kalangan murid.

Kementerian juga akan merangka pelan strategik pembangunan nilai dan sahsiah bagi memantapkan perancangan dan pelaksanaan inisiatif ini. Kerjasama dengan pelbagai agensi akan ditingkatkan melalui platform NBOS untuk memantapkan lagi pelaksanaan pelan strategik yang akan dibangunkan pada tahun 2018.



## KECEKAPAN

Kementerian berusaha memastikan keberhasilan murid adalah bersesuaian dengan setiap ringgit yang dibelanjakan. Perancangan pendidikan secara menyeluruh daripada peringkat pusat sehingga ke sekolah akan meningkatkan kecekapan penyampaian pendidikan agar transformasi pendidikan yang direncanakan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

### MENINGKATKAN KEMAHIRAN KEPIMPINAN DI KEMENTERIAN

Kementerian akan meneruskan pengumpulan data profil mengenai kompetensi yang dimiliki oleh barisan kepimpinan di Kementerian secara konsisten untuk mengenal pasti tahap kompetensi kepimpinan pegawai yang terlibat. Program intervensi yang bersesuaian akan diberikan bagi mengatasi jurang kompetensi yang dikenal pasti dalam kalangan pegawai. Pelan penggantian akan dibangunkan bagi memastikan Kementerian tidak ketandusan bakat kepimpinan untuk kelangsungan transformasi pendidikan serta penyediaan pendidikan yang berkualiti.



### MENGUKUHKAN PANGKALAN DATA PENDIDIKAN BAGI MENYOKONG PROSES MEMBUAT KEPUTUSAN

Kementerian menyasarkan Repositori Data Pendidikan bukan sahaja digunakan oleh pihak berkepentingan di dalam Kementerian tetapi juga dikongsi bersama-sama agensi kerajaan lain pada tahun 2018. Penggunaan Dashboard KPM akan dimantapkan bagi memastikan hasrat utama untuk membantu pihak pengurusan Kementerian melaksanakan analisis, perancangan secara efisien dan membuat keputusan dengan tepat dapat direalisasikan.

### MENINGKATKAN KECEKAPAN OPERASI SEKOLAH BERENROLMEN RENDAH

Pada tahun 2018, beberapa strategi akan dilaksanakan berkaitan pengukuhan operasi sekolah berenrolmen rendah, iaitu penggredan sekolah, penempatan semula guru pemulihan dan semakan semula norma kontrak keselamatan & kebersihan. Bermula tahun 2018, kelas bercantum akan dilaksanakan di semua sekolah yang berenrolmen 30 dan ke bawah. Bimbingan dan pembangunan kapasiti kepada guru serta guru besar akan terus diberikan bagi memastikan pelaksanaan kelas bercantum mencapai objektif sebagaimana dihasratkan. Pasukan petugas Jawatan Kuasa Pelan Hala Tuju SKM juga akan melaksanakan lawatan tinjauan ke SKM yang dikenal pasti untuk melihat kesesuaian dan kebolehlaksanaan penggabungan ke arah peningkatan kecekapan pengurusannya.

## RUMUSAN

Pada tahun 2018, Kementerian akan memastikan kesinambungan pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti yang telah menunjukkan impak positif kepada keberhasilan murid dan kecekapan penyampaian perkhidmatan pendidikan. Semua agensi di bawah kawal selia Kementerian perlu terus mengukuhkan iltizam, meningkatkan rentak kerja dan mengubah corak kerja ke arah yang lebih sistematik dan terancang untuk menyokong guru dan sekolah meningkatkan prestasi dan keberhasilan murid. Sokongan padu daripada ibu bapa, komuniti dan pihak swasta diperlukan untuk bersama-sama menyumbang kepada peningkatan pencapaian anak-anak di sekolah dengan jayanya. Kerjasama erat antara semua pihak berkepentingan dalam pendidikan diperlukan untuk memacu peningkatan sistem pendidikan negara ke arah kecemerlangan dalam Gelombang 2 (2016-2020) pelaksanaan PPPM.



1BestariNet	Projek melengkapkan sekolah awam di Malaysia dengan internet berkelajuan tinggi 4G dan VLE
4G	Teknologi tanpa wayar generasi keempat , yang boleh digunakan dengan telefon bimbit, komputer tanpa wayar dan peranti mudah alih yang lain
4K1N	Komunikasi, Kolaboratif, Pemikiran Kritis dan Kreativiti serta Nilai dan Etika
ADSL	<i>Asymmetric Digital Subscriber Line</i>
ALD	Peningkatan Pembangunan Kepimpinan
ASWARA	Akademi Seni Budaya Warisan dan Kebangsaan
BL	<i>Literasi Braille atau Braille Literacy</i>
BI	Bahasa Inggeris
BMatrikulasi	Bahagian Matrikulasi
BPI	Bahagian Pendidikan Islam
BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BPKhas	Bahagian Pendidikan Khas
PBKP	Pakar Bidang Khusus Pendidikan
BPPDP	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
BPTV	Bahagian Pendidikan Teknik Vokasional
BSukan	Bahagian Sukan
BKK	Bahagian KoKurikulum dan Seni
CE	<i>Cambridge English</i>
CEFR	<i>Common European Framework of References for Languages</i>
CPD	Pembangunan Profesional Berterusan
DLP	Program Dwi Bahasa atau Dual Language Programme
DTP	Program Transformasi Daerah
DVM	Diploma Vokasional Malaysia
ECCE	Pendidikan Awal dan Asuhan Kanak-kanak
FasiLINUS	Fasilitator Program Literasi dan Numerasi
FC	<i>Flipped Classroom</i>
FUFT	Tindak Susul dan Penyelesaian atau <i>Follow Up Follow Through</i>
GPMBC	Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir
HIEP	<i>Program Pendidikan Inklusif Holistik atau Holistic Inclusive Education Programme</i>
HIP	Program Imersif Tinggi atau <i>Highly Immersive Programme</i>


IAB	Institut Aminuddin Baki
IMPak	Instrumen Menentu Penempatan Murid Berkeperluan Khas
InPeKS	Kursus Intervensi Pelonjakan Kepimpinan Sekolah
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGK	Institut Pendidikan Guru Kampus
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPGKPT	Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Teknik
IPGTI	Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPNIN	Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional
JUK	Jurulatih Utama Kebangsaan
JUN	Jurulatih Utama Negeri
K9	Sekolah Model Khas Komprehensif K9
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBK	Kebersihan Bangunan dan Kawasan
KEDAP	Kelas Dewasa Orang Asli dan Peribumi
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KM	Kolej Matrikulasi
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPPBM	Kursus Pemantapan Penguasaan BM
KSBM	Kerangka Standard Bahasa Melayu
KSKV	Kurikulum Standard Kolej Vokasional
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KV	Kolej Vokasional
LCML	Kursus Kepimpinan Pemimpin Pertengahan atau <i>Leadership Course @ Middle Leaders</i>
LNPT	Laporan Nilai Prestasi Tahunan
LPS	Lembaga Pengelola Sekolah
MBK	Murid Berkeperluan Khas

MBMMBI	Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris
MELTA	Persidangan Antarabangsa Persatuan Pengajaran Bahasa Inggeris Malaysia
MIGHT	<i>Malaysia Industry Government Group for High Technology</i>
MGM	<i>Menjadi Guru Malaysia</i>
MPM	Majlis Peperiksaan Malaysia
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia atau <i>Malaysia Qualifications Agency</i>
MUET	<i>Malaysian University English Test</i>
MYPIB	<i>Middle Years Programme International Baccalaureate</i>
NBOS	Strategi Lautan Biru Kebangsaan
NILAM	Nadi Ilmu Amalan Membaca
NKEA	Bidang Ekonomi Utama Negara atau <i>National Key Economic Area</i>
NKRA	Bidang Keberhasilan Utama Negara <i>National Key Result Area</i>
NPQEL	Kelayakan Profesionalisme Pemimpin Pendidikan Kebangsaan
NOSS	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan atau <i>National Occupational Skills Standards</i>
PADU	Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan
PAK21	Pembelajaran Abad ke-21
PAV	Pendidikan Asas Vokasional
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PIKeBM	Program Interaktif Kemahiran Bahasa Melayu
PILL	Pelan Intervensi Lima Langkah
PISA	Programme for International Students Assessment
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
PKS	Pentaksiran Kemahiran Sainifik
PKLSMB	Pentaksiran Kompetensi Literasi Sains, Matematik dan Bacaan
PKPPD	Penarafan Kecemerlangan Pejabat Pendidikan Daerah
PLC	Komuniti Pembelajaran Profesional atau <i>Profesional Learning Community</i>
PLD	Pusat Latihan Daerah
PMR	Penilaian Menengah Rendah



PNGK	Purata Nilai Gred Keseluruhan
PP	Pentaksiran Pusat
PPBISM	Program Peningkatan Pengukuhan Bahasa Inggeris Sekolah Menengah
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPI	Program Pendidikan Inklusif
PIPPK	Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan
PPISMP	Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PPIK	Program Pendidikan Khas Integrasi
PPP	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPP	Perkongsian Awam-Swasta atau Public Private Partnership
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Prasekolah hingga Lepas Menengah)
PPsi	Pentaksiran Psikometrik
PRIme	Program Residensi dan Immesif
ProELT	Program Peningkatan Kemahiran Profesional Guru Bahasa Inggeris atau <i>Professional Upskilling of English Language Teachers</i>
PS	Pentaksiran Sekolah
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
PVMA	Program Vokasional Menengah Atas
RIMUP	Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAN	Sekolah Agama Negeri
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SBJK	Sekolah Bimbingan Jalinan Kasih
SBR	Sekolah Berprestasi Rendah
SDH	Sekolah Dalam Hospital
SES	Status Sosioekonomi atau <i>Socioeconomic Status</i>
SGMy	Sistem Guru Malaysia
SI	Sekolah Integriti
SIPartner+	Rakan Peningkatan Prestasi Sekolah atau <i>School Improvement Partners+</i>
SISC+	Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah atau <i>School Improvement Specialist Coach+</i>

SK	Sekolah Kebangsaan
SKM	Sijil Kemahiran Malaysia (Vokasional)
SKM	Sekolah Kurang Murid
SKPK	Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SMKA	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama
SMPKV	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPTS	Sukan Prestasi Tinggi Sekolah
SSM	Sekolah Sukan Malaysia
SSN	Sekolah Sukan Negeri
SSP	Pelan Sokongan Sekolah atau <i>School Support Plan</i>
STAM	Sijil Tinggi Agama Malaysia
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
SUDI	Modul Serlahkan Keunggulan Diri
SVM	Sijil Vokasional Malaysia
TIMSS	<i>Trends in International Mathematics and Science Study</i>
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
TMUA	Tahfiz Model Ulul Albab
UI	Instrumen Penilaian Bersepadu atau <i>Unified Instrument</i>
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah
VLE	Persekitaran Pembelajaran Maya
VSAT	<i>Very Small Aperture Terminal</i>



Kementerian Pendidikan Malaysia  
Blok E8, Kompleks E, Presint 1  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA, MALAYSIA

[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)